



# LAPORAN TAHUNAN

KEMENTERIAN KESIHATAN  
M A L A Y S I A  
2019







# LAPORAN TAHUNAN

## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# 2019

# KANDUNGAN

---

SIDANG PENGARANG	III
PENYUMBANG	IV
CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	VI
VISI & MISI	VII
BAB 1 STATUS KESIHATAN	2
BAB 2 PENGURUSAN	12
BAB 3 KEWANGAN	46
BAB 4 KESIHATAN AWAM	60
BAB 5 PERUBATAN	122
BAB 6 PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL	186
BAB 7 KESIHATAN PERGIGIAN	248
BAB 8 FARMASI	266
BAB 9 KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN	280
BAB 10 PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN	296
BAB 11 PEMBANGUNAN	302
BAB 12 AUDIT DALAM	310
BAB 13 PENASIHAT UNDANG-UNDANG	314
BAB 14 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT	316
BAB 15 PARLIMEN	328
BAB 16 DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA	334
BAB 17 UNIT INTEGRITI	346
BAB 18 PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA	350



# SIDANG PENGARANG

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH (PENGERUSI)  
Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia

DATO' MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

DR. UZAILEE BIN ABDUL LATIF  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

DATUK DR. HJ. ROHAIZAT BIN HJ. YON  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

DR. HISHAMSHAH BIN MOHD IBRAHIM  
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

DR. DOREYAT BIN JEMUN  
Pengarah Kanan, Kesihatan Pergigian

DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD. YUSOF  
Pengarah Kanan, Perkhidmatan Farmasi

EN. MOHD SALIM BIN DULATTI  
Pengarah Kanan, Keselamatan dan Kualiti Makanan

DR. NORDIN BIN HJ. SALEH  
Pengarah, Bahagian Perancangan

DR. MD. KHADZIR BIN SHEIKH AHMAD (SEKRETARIAT)  
Timbalan Pengarah,  
Pusat Informatik Kesihatan

# PENYUMBANG PENYELARAS & PENGARANG

## 01 STATUS KESIHATAN

Pn. Suhaya Binti Komari

## 02 PENGURUSAN

Pn. Nurul Huda Binti Hassan @ Asan  
Pn. Suraya Binti Semi  
Pn. Shazwan Binti Aziz  
Pn. Nurul Fatin Izyani Binti Amir Shah  
Pn. Connie Anak Remong  
Pn. Lijawati Binti Daud  
Cik Hazirah Binti Abdol Wahab  
En. Barshah Bin Abu Bakar  
En. Mohamad Haziq Bin Mohd Saiful  
En. Jesudian Arulraj A/L Chellilah  
Pn. Lily Anak Matut  
Pn. Bahariah Binti Temu  
Pn. Zainab Binti Mohamed Shah  
Pn. Nor Lizam Binti Ismail  
Pn. Nor Hafidzah Binti Md Yusoff  
Pn. Musnita Binti Suhaini  
En. Mohd Rafizam Bin Mohamed  
Pn. Zainol Aini Binti Mohamed  
Cik Norzaidah Binti Mohammad Nor  
Pn. Jalilah Binti Karim Khan

## 03 KEWANGAN

Pn. Janet Wan  
Pn. Marina Binti Maaris  
Pn. Julianita Binti Ramli  
Cik Salmiah Binti Selaman

## 04 KESIHATAN AWAM

Dr. Zuhaida Binti A. Jalil  
Dr. Shurendar A/L Selvakumar  
Dr. Aizuniza Binti Abdullah  
Dr. Amal Binti Shamsudin  
Dr. Noor Azura Binti Ismail  
Dr. Sabirah Binti Abu Bakar  
Dr. Norizah Binti Ibrahim  
Pn. Suraiya Binti Syed Mohamed  
En. Sri Tharan A/L Balakrishnan  
En. Munshi Bin Abdullah  
Dr. Vanitha A/P Subramaniam  
En. Zulkifli Bin Jantan  
Pn. Noreena Kimi  
Pn. Norfahimah Binti Mohd. Nordin

## 05 PERUBATAN

Dr. Noor Suhaila Binti A. Bakar  
Dr. Noor Amelia Binti Abd. Rasid  
Dr. Wan Mohd Harith Bin Wan Mustapa  
Pn. Syuhairah Binti Hamzah  
En. Abdul Jalil Bin Mohamed  
Pn. Nur Alia Binti Zarmani  
Pn. Arini Hanim Binti Datuk Alias  
En. Hairul Anuar Bin Mat Hussein  
En. Mohamed Asri Bin Abd Rahman  
En. Mustafah Bin Md Nor  
Pn. Pauzilah Binti Dollah  
Pn. L. Mageswary a/p Lapchmanan  
Pn. Hjh. Tumble Binti Ngadiran @ Tomblow  
Pn. Devi A/P Saravana Muthu  
Pn. Kartina Binti Mohamad Manan  
Pn. Sania Binti Laimba  
Pn. Yeoh Suang Meng  
Cik Teoh Sheh Ki  
Cik Ng Suk Kuan  
Dr. Badiuzzaman Bin Abd. Kadir

## 06 PENYELIDIKAN & SOKONGAN TEKNIKAL

Dr. Noriza Binti Abdullah  
En. Muhamad Fareed Bin Mohamad Saroni  
Pn. Norainun Binti Ismail  
Dr. Affaf Binti Azizan  
Dr. Asma' Binti Ahmad Khalid  
Cik Sabariah Binti Esa  
Pn. Fazlina Suriyanti Binti Fazil  
En. Idris Bin Omar  
Dr. Juanita Halili  
Pn. Khairulnisa Abdul Kadir  
Dr. Zalina Libasin  
Pn. Nursyahda Binti Zakaria  
Dr. Sunita A/P S. Shanmugam  
En. Nursharul Aman Bin Johari  
En. Md Nor Bin Mohamad  
Ir. Sabariah Binti Abdullah  
Pn. Bariah Binti Bakri  
Pn. Dahlia Farhana Binti Baharuddin  
Ir. Maya Binti Abdullah Maamuom  
En. Mohd Fikri Bin Rahim  
En. Muhammad Firdaus Bin Ahmad Mansor

## PENYELARAS & PENGARANG

### 07 KESIHATAN PERGIGIAN

Dr. Norashikin Binti Mustapa Yahya  
Dr. Lily Laura Binti Azmi

### 08 FARMASI

Pn. Lau Ling Wei  
Pn. Bibi Faridha Binti Mohd Salleh

### 09 KESELAMATAN & KUALITI MAKANAN

Pn. Ani Fadhlina Binti Mustaffa  
Pn. Siti Asah Binti Md Ali  
Cik Norshafawati Binti Rosli  
Pn. Noorul Elysa Binti Nazuan  
Pn. Siti Syahraini Binti Mahamed Rusdi  
Pn. Norhidayah Binti Sahray  
Pn. Nasuha Binti Mohd Yusoff  
Pn. Harlina Binti Salehudin  
Pn. Aimi Hakimah Binti Ali

### 10 PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN

Pn. Idamazura Binti Idris @ Harun  
En. Ahmad Farhan Bin Mohd Yunus  
En. Muhammad Izzudin Bin Abdul Jalil

### 11 PEMBANGUNAN

Pn. Alyunizah Binti Alim

## PENGULAS

Dr. Affendi Bin Isa  
Pn. Nur Baizura Binti Januri  
Pn. Habsah Binti Salleh  
Dr. Shahidah Adilah Binti Shith  
En. Mohd Rosli Bin Mahmood  
En. Mohd Sabarudin Bin Jaafar  
Dr. Mohd Hilmi Bin Omar  
Dr. Zulhairi Bin Mohamad  
Dr. Muhammad Hafizuddin Bin Hamdan  
Dr. Muhammad Naufal Bin Nordin  
Pn. Zaitun Binti Mohd Taha @ Abd Rahman  
Pn. Maimunah Binti A. Rahman  
En. Rushdi Bin Mohamad Khir  
Pn. Haina @ Norwizana Binti Isa  
Pn. Azlinda Binti Azrai

### 12 AUDIT DALAM

Pn. Nor Asma Binti Abdullah Sani

### 13 PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Pn. Hafizah Binti Abdul Hamid

### 14 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pn. Mona Ang

### 15 PARLIMEN

En. Suhaizam Shahrul Affendy Bin Suhaimi

### 16 DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA

Pn. Wan Nur Asyikin Binti Mohd Yusof  
Pn. Nurulizzah Binti Abu Bakar  
En. Ahmad Syukri Bin Alias

### 17 UNIT INTEGRITI

Pn. Siti Hamira Binti Mohd Noh


### 18 PENYELIDIKAN KLINIKAL MALAYSIA

En. Khyruz Tasyriq Bin Abu Samah

## PENYUNTING

Dr. Noriza Binti Abdullah  
Dr. Ahmad Aqram Bin Rusli

# CARTA ORGANISASI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



## VISI >>>>

Negara menggembleng tenaga ke arah kesihatan yang lebih baik.

## MISI

Misi Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk menerajui dan berusaha bersama-sama:

Untuk memudahkan dan membolehkan rakyat:

- mencapai sepenuhnya potensi mereka dalam kesihatan
- menghargai kesihatan sebagai aset paling berharga
- mengambil tanggungjawab dan tindakan positif demi kesihatan mereka

Untuk memastikan sistem kesihatan berkualiti tinggi, iaitu:

- mengutamakan pelanggan
- saksama
- tidak membebankan
- cekap
- wajar mengikut teknologi
- boleh disesuaikan mengikut persekitaran
- inovatif

dengan menekankan:

- sifat penyayang, profesionalisme dan kerja berpasukan
- sifat menghormati maruah insan
- penglibatan masyarakat



01

# STATUS KESIHATAN



## PENGENALAN

Rakyat Malaysia hari ini secara umumnya adalah lebih sihat dan lebih produktif. Tahap kesihatan menyeluruh yang tercapai merupakan salah satu petunjuk kejayaan negara. Kesihatan yang baik membolehkan rakyat Malaysia mengecapi kehidupan yang produktif dan lebih bermakna di samping turut menyumbang kepada kepada kemakmuran dan kestabilan sosial secara keseluruhan.

## STRUKTUR PENDUDUK

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2019 adalah 32.58 juta orang dengan kadar pertumbuhan tahunan 2018/2019 sebanyak 0.61 peratus. Jumlah penduduk pada tahun 2019 meningkat sebanyak 0.20 juta berbanding 32.38 juta pada 2018. Taburan penduduk menunjukkan Selangor mempunyai jumlah penduduk paling ramai iaitu sebanyak 6.53 juta, manakala Wilayah Persekutuan Labuan merekodkan jumlah penduduk paling rendah sebanyak 0.09 juta. Wilayah Persekutuan Putrajaya merekodkan kadar pertumbuhan populasi tahunan tertinggi sebanyak 6.55 peratus, sementara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merekodkan kadar pertumbuhan populasi tahunan yang menurun sebanyak 0.52 peratus (**Jadual 1.1**).

**Jadual 1.1**  
**Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan mengikut Negeri, Malaysia, 2018 dan 2019**

Bil.	Negeri	Penduduk ('000)		Kadar Pertumbuhan Populasi Tahunan 2018/2019 (%)
		2018	2019 <sup>e</sup>	
1.	Johor	3,749.4	3,764.3	0.40
2.	Kedah	2,163.0	2,180.6	0.81
3.	Kelantan	1,860.5	1,885.7	1.35
4.	Melaka	922.4	930.7	0.89
5.	Negeri Sembilan	1,122.9	1,130.3	0.65
6.	Pahang	1,664.7	1,674.6	0.59
7.	Pulau Pinang	1,762.8	1,774.6	0.67
8.	Perak	2,503.5	2,512.1	0.34
9.	Perlis	253.5	254.4	0.34
10.	Selangor	6,475.0	6,528.4	0.82
11.	Terengganu	1,228.3	1,245.7	1.41
12.	Sabah	3,898.4	3,903.4	0.13
13.	Sarawak	2,791.7	2,812.8	0.75
14.	W.P. Kuala Lumpur	1,790.0	1,780.7	-0.52
15.	W.P. Labuan	99.0	99.3	0.32
16.	W.P. Putrajaya	97.2	103.8	6.55
<b>MALAYSIA</b>		<b>32,382.3</b>	<b>32,581.4</b>	<b>0.61</b>

Nota: 1. Anggaran penduduk semasa 2018 dan 2019.

2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.

3. <sup>e</sup> - anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia ([www.dosm.gov.my/PopulationQuickInfo](http://www.dosm.gov.my/PopulationQuickInfo))



Secara keseluruhan, Malaysia sebahagian besarnya adalah bandar dengan 76.2 peratus penduduk tinggal di kawasan bandar, manakala 23.8 peratus penduduk tinggal di kawasan luar bandar (**Jadual 1.2**). Pada tahun 2019, penduduk ekonomi-aktif (penduduk dalam kumpulan umur bekerja) iaitu penduduk yang berumur 15 hingga 64 tahun adalah seramai 22.8 juta atau 70.0 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Manakala penduduk umur muda dan tua masing-masing adalah 7.6 juta (23.3 peratus) dan 2.2 juta (6.7 peratus).

**Jadual 1.2**  
**Statistik Berkaitan Penduduk, 2019<sup>e</sup>**

Bil.	Penduduk	Bilangan ('000)	% daripada jumlah penduduk
1.	Lelaki	16,830.6	51.7
2.	Perempuan	15,750.8	48.3
3.	Bandar	24,817.0	76.2
4.	Luar bandar	7,764.4	23.8
5.	Kumpulan umur bekerja (15-64 tahun)	22,795.6	70.0
6.	Kumpulan umur muda (bawah 15 tahun)	7,599.8	23.3
7.	Kumpulan umur tua (65 tahun & ke atas)	2186.1	6.7

Nota:

1. Anggaran penduduk semasa 2019.
2. Jumlah mungkin berbeza disebabkan pembundaran angka.
3. <sup>e</sup> - anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia ([www.dosm.gov.my/Population Quick Info](http://www.dosm.gov.my/Population%20Quick%20Info))

Nisbah tanggungan adalah bilangan penduduk dalam kumpulan umur muda dan umur tua yang perlu ditanggung bagi setiap 100 orang dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah tersebut terbahagi kepada nisbah tanggungan jumlah, nisbah tanggungan umur muda dan nisbah tanggungan umur tua. Nisbah tanggungan jumlah menurun daripada 43.4 pada tahun 2018 kepada 42.9 pada tahun 2019. Nisbah tanggungan umur muda didapati menurun daripada 34.1 pada tahun 2018 kepada 33.3 pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, nisbah tanggungan umur tua menunjukkan peningkatan daripada 9.3 pada tahun 2018 kepada 9.6 pada tahun 2019.


## STATUS KESIHATAN

Status kesihatan diukur melalui keadaan kesihatan individu dan penduduk secara keseluruhannya. Ianya boleh diukur melalui beberapa petunjuk kesihatan seperti status jangkaan hayat ketika lahir, kematian dan morbiditi.

### JANGKAAN HAYAT KETIKA LAHIR

Jangkaan hayat ketika lahir merupakan bilangan tahun bayi yang baru lahir akan hidup jika corak kematian pada masa kelahirannya tetap sama sepanjang hayat. Dengan kemajuan dalam status pemakanan dan sosio-ekonomi penduduk, rakyat Malaysia kini boleh menikmati jangkaan hayat yang lebih lama berbanding dahulu. Pada tahun 2019, jangkaan hayat ketika lahir penduduk Malaysia telah meningkat 0.4 tahun kepada 74.5 tahun berbanding 74.1 tahun pada tahun 2010. Jangkaan hayat bagi lelaki meningkat 0.3 tahun kepada 72.2 tahun pada tahun 2019 berbanding 71.9 tahun pada tahun 2010, manakala bagi perempuan meningkat 0.7 tahun kepada 77.3 tahun pada 2019 berbanding 76.6 tahun pada tahun 2010 (**Rajah 1.1**).

**Rajah 1.1**  
Jangkaan Hayat Ketika Lahir, Malaysia, 2010-2019



Nota:

p = Data permulaan

e = Data anggaran

Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia


## KEMATIAN

Data kematian merupakan sumber yang berguna dalam pengukuran tahap kesihatan. Data ini menunjukkan tahap kesihatan komuniti secara komprehensif kerana ia melibatkan setiap individu.

Trend kadar kematian kasar (CDR), kadar kematian neonatal (NMR), kadar kematian bayi (IMR) dan nisbah kematian ibu bersalin (MMR) di Malaysia bagi tempoh 1990 hingga 2018 adalah seperti di **Rajah 1.2**. Bagi tempoh 1990 hingga 2018, kadar kematian kasar di Malaysia telah meningkat daripada 4.6 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 1990 kepada 5.3 bagi setiap 1,000 penduduk pada tahun 2018. Peningkatan juga ditunjukkan dalam nisbah kematian ibu bersalin daripada 18.6 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 1990 kepada 23.5 bagi setiap 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, kadar kematian neonatal dan kadar kematian bayi menunjukkan penurunan masing-masing daripada 8.5 kepada 4.6 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dan 13.1 kepada 7.2 bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Trend bagi kadar kematian yang lain dari tahun 2011 hingga 2018 ditunjukkan dalam **Jadual 1.3**.

**Rajah 1.2**  
Kadar Kematian di Malaysia, 1990 hingga 2018



*Nota:*

*CDR: Crude Mortality Rate*

*NMR: Neonatal Mortality Rate*

*IMR: Infant Mortality Rate*

*MMR: Maternal Mortality Rate*

*Sumber: Jabatan Perangkaan, Malaysia*

**Jadual 1.3**  
**Kadar Kematian di Malaysia, 2011 hingga 2018**

Bil.	Petunjuk	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
1.	Kadar kematian kasar (setiap 1,000 penduduk)	4.7	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3
2.	Kadar kelahiran mati (setiap 1,000 kelahiran)	4.5	4.3	4.3	4.3	4.4	5.2	5.4	5.5
3.	Kadar mortaliti perinatal (setiap 1,000 kelahiran)	7.6	7.3	7.3	7.4	7.7	8.3	8.7	8.9
4.	Kadar mortaliti neonatal (setiap 1,000 kelahiran hidup)	4.2	4.0	4.0	4.2	4.3	4.2	4.4	4.6
5.	Kadar mortaliti bayi (setiap 1,000 kelahiran hidup)	6.5	6.2	6.3	6.7	6.9	6.7	6.9	7.2
6.	Kadar mortaliti kanak-kanak 1-4 tahun (setiap 1,000 penduduk berumur 1-4 tahun)	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4	0.4
7.	Kadar mortaliti kurang daripada 5 tahun (setiap 1,000 kelahiran hidup)	8.0	7.6	7.9	8.3	8.4	8.1	8.4	8.8
8.	Nisbah mortaliti ibu bersalin (setiap 100,000 kelahiran hidup)	26.2	23.2	21.4	22.3	23.8	29.1	25.0	23.5

*Sumber: Perangkaan Penting Malaysia, 2019, Jabatan Perangkaan, Malaysia*

## MORBIDITI

Status kesihatan sesebuah komuniti diukur berdasarkan kepada morbiditi yang memfokuskan kepada insiden atau penularan penyakit.

Kemasukan ke hospital menunjukkan tahap keseriusan penyakit yang memerlukan rawatan lanjut, penstabilan pesakit atau keperluan pengasingan pesakit untuk mencegah penularan penyakit. Jumlah kemasukan ke hospital KKM pada tahun 2019 meningkat 1.4 peratus kepada 2,686,457 berbanding 2,648,080 pada 2018. 10 punca

utama kemasukan ke hospital KKM untuk tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 1.4**. Senarai penyakit diklasifikasikan mengikut *International Statistical Classification of Disease 10<sup>th</sup> Revision (ICD10)*. Pada tahun 2019, punca utama kemasukan ke hospital KKM paling tinggi adalah bagi kehamilan dan kelahiran (20.94 peratus) diikuti oleh penyakit sistem pernafasan (13.26 peratus) dan *certain conditions originating in the perinatal period* (9.45 peratus).

**Jadual 1.4**  
**10 Punca Utama Kemasukan ke Hospital KKM, 2019<sup>P</sup>**

Bil.	Punca Utama	Kod ICD-10	Peratus daripada jumlah discaj (%)
1.	<i>Chapter XV: Pregnancy, childbirth and the puerperium</i>	O00-O99	20.94
2.	<i>Chapter X: Diseases of the respiratory system</i>	J00-J99	13.26
3.	<i>Chapter XVI: Certain conditions originating in the perinatal period</i>	P00-P96	9.45
4.	<i>Chapter I: Certain infectious and parasitic diseases</i>	A00-B99	8.71
5.	<i>Chapter IX: Diseases of the circulatory system</i>	I00-I99	8.11
6.	<i>Chapter XIX: Injury, poisoning and certain other consequences of external causes</i>	S00-T98	7.05
7.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	4.70
8.	<i>Chapter XI: Diseases of the digestive system</i>	K00-K93	4.57
9.	<i>Chapter XIV: Diseases of the genitourinary system</i>	N00-N99	4.13
10.	<i>Chapter XXI: Factors influencing health status and contact with health services</i>	Z00-Z99	3.04

*Nota:*

*Berdasarkan 3-digit code grouping, ICD10*

*P - permulaan*

*Sumber: MyHDW Fixed Format Report 2019 (seperti pada 31 Mei 2020).*

Jumlah kematian (bagi semua punca) yang direkodkan di hospital KKM meningkat 3.2 peratus daripada 62,422 kematian pada 2018 kepada 64,394 kematian pada 2019. Mulai tahun 2014, penentuan penyebab kematian di hospital KKM adalah berdasarkan kepada *underlying cause of death* seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Penyakit sistem peredaran darah merupakan punca kematian yang tertinggi di hospital KKM yang dicatatkan pada 2019 (21.80 peratus), diikuti oleh penyakit sistem pernafasan (20.65 peratus) dan penyakit berjangkit (12.15 peratus). 10 punca utama kematian di hospital KKM pada 2019 adalah seperti **Jadual 1.5**.

**Jadual 1.5**  
**10 Punca Utama Kematian\* di Hospital KKM, 2019<sup>P</sup>**

Bil.	Punca Utama	Kod ICD-10	Peratus daripada jumlah kematian (%)
1.	<i>Chapter IX: Diseases of the circulatory system</i>	I00-I99	21.80
2.	<i>Chapter X: Diseases of the respiratory system</i>	J00-J99	20.65
3.	<i>Chapter I: Certain infectious and parasitic diseases</i>	A00-B99	12.15
4.	<i>Chapter II: Neoplasms</i>	C00-D48	11.94
5.	<i>Chapter XVIII: Symptoms, signs and abnormal clinical and laboratory findings, not elsewhere classified</i>	R00-R99	7.10
6.	<i>Chapter XIV: Diseases of the genitourinary system</i>	N00-N99	5.79
7.	<i>Chapter IV: Endocrine, nutritional and metabolic diseases</i>	E00-E90	5.31
8.	<i>Chapter XI: Diseases of the digestive system</i>	K00-K93	4.65
9.	<i>Chapter XVI: Certain conditions originating in the perinatal period</i>	P00-P96	2.16
10.	<i>Chapter VI: Diseases of the nervous system</i>	G00-G99	2.01

Nota: \*berdasarkan underlying cause of death

\*berdasarkan 3-digit code grouping, ICD10

P - permulaan

Sumber: MyHDW Fixed Format Report, 2019 (seperti pada 31 Mei 2020).

## FASILITI KESIHATAN DAN PENGGUNAAN FASILITI

Bilangan hospital KKM pada tahun 2019 masih kekal sebanyak 144 buah hospital yang terdiri daripada 135 buah hospital dan 9 buah institusi perubatan khas dengan bilangan katil masing-masing sebanyak 38,131 dan 4,805 katil. Kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate, BOR*) untuk hospital dan institusi perubatan khas KKM pada 2019 adalah 70.01 peratus (**Jadual 1.6**).

Terdapat sebanyak 1,027 Klinik Kesihatan, 1,771 Klinik Desa dan 87 Klinik Kesihatan Ibu dan Anak pada tahun 2019. Mulai 1 Januari 2019, nama Klinik 1Malaysia (K1M) telah ditukar kepada Klinik Komuniti (KKom) dan sehingga 31 Disember 2019, terdapat sebanyak 286 buah KKom di seluruh negara telah beroperasi dan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk. Perkhidmatan yang disediakan oleh KKom adalah sama seperti K1M yang telah diperkenalkan pada tahun 2010 yang menyediakan perkhidmatan perubatan asas bagi masalah kesihatan dan kecederaan ringan yang sering dihadapi oleh komuniti seperti demam, batuk, selsema, darah tinggi, kencing manis dan luka.

**Jadual 1.6**  
**Fasiliti Kesihatan mengikut Jenis, Bilangan Katil dan BOR, Kementerian Kesihatan**  
**Malaysia, 2014 hingga 2019**

Fasiliti	2014	2015	2016	2017	2018	2019
<b>Bilangan Hospital</b>	<b>142</b>	<b>143</b>	<b>144</b>	<b>144</b>	<b>144</b>	<b>144</b>
- Hospital	133	134	135	135	135	135
- Intitusi Perubatan Khas	9	9	9	9	9	9
<b>Bilangan Katil Rasmi<sup>1</sup></b>	<b>40,260</b>	<b>41,389</b>	<b>41,995</b>	<b>42,302</b>	<b>42,434<sup>R</sup></b>	<b>42,936</b>
- Hospital	35,318	36,447	37,293	37,470	37,619	38,131
- Intitusi Perubatan Khas	4,942	4,942	4,702	4,832	4,815	4,805
Kadar Penggunaan Katil, BOR (%) <sup>1</sup>	71.79	71.06	70.13	60.75	68.75 <sup>R</sup>	70.01
Bilangan Klinik Kesihatan	956	958	969	994	1,000	1,027
Bilangan Klinik Desa	1,810	1,808	1,803	1,798	1,791	1,771
Bilangan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak	105	103	91	91	90	87
Bilangan Klinik 1Malaysia/Klinik Komuniti <sup>2</sup>	307	334	357	342	343	286

*Nota: <sup>1</sup> merujuk kepada bilangan katil dan BOR di hospital dan institusi perubatan khas KKM*

*<sup>2</sup> Mulai 1 Januari 2019, K1M dikenali sebagai Klinik Komuniti (KKom)*

*R - kemaskini*

*Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM*





02

PENGURUSAN



## PENGENALAN

Program Pengurusan terdiri daripada lapan (8) bahagian/unit yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha, iaitu lima (5) bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) dan tiga (3) bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan). Objektif utama program ini adalah untuk memudahkan dan menyokong pencapaian dasar dan objektif Kementerian Kesihatan Malaysia dengan menyokong program lain menerusi sistem perkhidmatan yang cekap dan berkesan, pengurusan sumber manusia, pengurusan teknologi maklumat, pembangunan latihan dan kemahiran serta pengurusan kewangan.

Bahagian-bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) adalah seperti berikut:

- i. Bahagian Sumber Manusia (BSM);
- ii. Bahagian Pengurusan Latihan (BPL);
- iii. Bahagian Pembangunan Kompetensi (BPK);
- iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP); dan
- v. Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM).

## BAHAGIAN SUMBER MANUSIA (BSM)

Pengurusan sumber manusia adalah elemen penting untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program pembangunan kesihatan. Bahagian Sumber Manusia (BSM) berperanan untuk merancang dan memastikan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai struktur perjawatan dan organisasi yang mantap. Dalam masa yang sama, ianya memastikan keperluan pengisian sumber manusia dalam memberikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat selaras dengan dasar semasa Kerajaan.

Bahagian ini juga melaksanakan pengurusan pengisian perjawatan bagi 97 skim perkhidmatan, pelaksanaan urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat selaras dengan keperluan perkhidmatan kesihatan serta merancang, memantau dan memastikan pelaksanaan aplikasi sistem *Human Resource Management Information System* (HRMIS) berjalan lancar. Di samping itu, Bahagian ini merancang dan melaksanakan kajian-kajian berhubung sumber manusia seperti pengurusan dan penambahbaikan skim perkhidmatan serta elaun dan kemudahan.

Pelaksanaan Dasar Pengejatan Saiz Perkhidmatan Awam dan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam telah memberi kesan besar kepada KKM dalam menyediakan personel mencukupi bagi menyampaikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Selaras dengan penguatkuasaan dasar-dasar tersebut, keperluan perjawatan di KKM hanya dilaksanakan melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) dan pindah butiran

(*redeployment*) jawatan sedia ada tanpa melibatkan pewujudan jawatan baharu. Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 2 Disember 2019 telah meluluskan pewujudan 10,675 perjawatan di KKM secara *trade-off* dan berfasa bagi memenuhi keperluan sumber manusia di fasiliti kesihatan KKM yang telah siap pada tahun 2019 dan akan beroperasi pada tahun 2020.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PERJAWATAN DAN PENGISIAN DI KKM

Sehingga 31 Disember 2019, pengisian di KKM adalah sebanyak 254,290 (95 peratus) berbanding perjawatan sebanyak 267,582. **Jadual 2.1** menerangkan perincian pengisian di KKM berdasarkan kepada kumpulan perkhidmatan.

**Jadual 2.1**  
**Kedudukan Pengisian Perjawatan di KKM Sehingga 31 Disember 2019**  
**Mengikut Kumpulan Perkhidmatan**

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Jawatan	Isi	Pengisian (peratus)	Kosong
1.	Pengurusan dan Profesional	59,121	54,067	91.5	5,206
2.	Paramedik & Auksiliari	139,297	135,215	97.1	5,420
3.	Pelaksana	69,164	65,008	94.0	5,355
<b>Jumlah</b>		<b>267,582</b>	<b>254,290</b>	<b>95.0</b>	<b>15,981</b>

*Nota: Pengurusan dan Profesional adalah termasuk Pengurusan Tinggi, Pakar dan JUSA serta Skim Bersepadu. Jumlah kekosongan tidak mengambil kira pengisian kader out seramai 2,689.*

*Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM*

Bagi tahun 2019, terdapat seramai 33,523 orang Pegawai Perubatan Tetap di KKM merangkumi 5,207 orang Pegawai Perubatan Pakar, 28,095 orang Pegawai Perubatan Bukan Pakar dan 221 orang Pegawai Perubatan Siswazah. Jumlah keseluruhan pengisian lima (5) skim perkhidmatan utama di KKM sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti di **Jadual 2.2**.

**Jadual 2.2**  
**Pengisian Bagi Skim Perkhidmatan Utama di KKM Sehingga 31 Disember 2019**

Skim Perkhidmatan	Jumlah
Pegawai Perubatan	33,523
Pegawai Pergigian	3,736
Pegawai Farmasi	8,030
Jururawat	65,819
Penolong Pegawai Perubatan	14,204

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

## **PELANTIKAN KONTRAK PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI**

KKM telah melaksanakan pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi bagi menjalani latihan siswazah dan/atau khidmat wajib di KKM mulai Disember 2016 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan tetap. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 25,586 orang Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi secara kontrak telah dilantik oleh KKM. Perincian pecahan pelantikan secara kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi tersebut bagi tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti **Jadual 2.3**.

**Jadual 2.3**  
**Status Pelantikan Kontrak Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian Dan Pegawai Farmasi di KKM Sehingga 31 Disember 2019**

Skim Perkhidmatan	2016	2017	2018	2019
Pegawai Perubatan Gred UD41	1,217	4,903	4,924	6,139
Pegawai Pergigian Gred UG41	-	1,329	1,125	1,173
Pegawai Farmasi Gred UF41	512	1,146	1,919	1,199
<b>Jumlah</b>	<b>1,729</b>	<b>7,378</b>	<b>7,968</b>	<b>8,511</b>

Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM

## URUSAN KENAIKAN PANGKAT

Urusan kenaikan pangkat merupakan aspek penting bagi pengurusan sumber manusia yang merupakan pemangkin kepada penghasilan pegawai yang berkaliber dan menjadi faktor motivasi kepada pegawai berkenaan. Urusan kenaikan pangkat ini merupakan medium pengiktirafan bagi menghargai sumbangan pegawai dan memberi perkembangan yang positif dalam urusan laluan kerjaya pegawai. Urusan kenaikan pangkat di KKM pada tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**

### **Bilangan Pegawai Yang Terlibat Dalam Urusan Kenaikan Pangkat Bagi Tahun 2019**

Urusan	JUSA/Khas	Pengurusan dan Profesional	Paramedik dan Auksiliari dan Pelaksana	Jumlah
Kenaikan Pangkat	210	10,018	9,327	19,555

*Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM*

## **HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)**

HRMIS merupakan instrumen yang penting dalam memastikan ketepatan dan integriti data pengurusan sumber manusia. Sistem ini mengandungi maklumat pengurusan data personel, profil perkhidmatan, maklumat peribadi dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). Pencapaian pelaksanaan HRMIS di KKM merupakan salah satu KPI bagi Ketua Setiausaha Kementerian. Bagi tahun 2019, sebanyak enam (6) kriteria telah ditetapkan sebagai pengukuran kepada pencapaian pelaksanaan HRMIS oleh Kementerian dengan pencapaian sebanyak 100 peratus. Perincian pencapaian HRMIS KKM bagi tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2.5**.

**Jadual 2.5**  
**Laporan Pencapaian HRMIS KKM bagi Tahun 2019**

Sasaran 2019	Pencapaian 2019
Data Perjawatan: Sepadan HRMIS Dan <i>MyPost</i> - 20 peratus	20/20 (Per Modul 100 peratus)
Data HRMIS Berintegriti - 20 peratus	20/20 (Per Modul 100 peratus)
Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Disahkan/ Tidak Disahkan - 15 peratus	15/15 (Per Modul 100 peratus)
Penilaian Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) 2019 Selesai - 20 peratus	20/20 (Per Modul 100 peratus)
Pelaksanaan Pengisytiharan Harta - 15 peratus	15/15 (Per Modul 100 peratus)
Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan Melalui HRMIS Bagi (10 peratus):	
i. Penamatan Perkhidmatan Pasca-Persaraan Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun	10/10 (Per Modul 100 peratus)
ii. Penamatan Perkhidmatan Sukarela Persaraan Pilihan	
iii. Kematian Dalam Perkhidmatan	
<b>PENCAPAIAN HRMIS KKM 2019</b>	<b>100 peratus</b>

*Sumber: Bahagian Sumber Manusia, KKM*

## **PELANTIKAN KONTRAK SKIM PARAMEDIK DAN AUKSILIARI**

Bagi menangani keperluan sumber manusia di fasiliti kesihatan, KKM telah melaksanakan pelantikan secara kontrak bagi anggota paramedik keluaran Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) mulai tahun 2019. Tempoh kontrak adalah selama empat (4) tahun. Bagi tahun 2019, seramai 1,664 orang pelatih ILKKM telah dilantik secara kontrak yang melibatkan empat (4) skim perkhidmatan iaitu Juruteknologi Pergigian, Pembantu Pembedahan Pergigian, Penolong Pegawai Perubatan dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran.

## **PENAMBAHBAIKAN PROSES KERJA MELALUI *OFFICE AUTOMATION***

Proses kerja telah ditambah baik melalui *office automation* melibatkan pelaksanaan berikut:

- i. Pelaksanaan urusan pelantikan tiga (3) skim perkhidmatan utama melalui aplikasi e-Housemen, e-Dentist dan e-Pharmacist;
- ii. Pelaksanaan urusan naik pangkat tiga (3) laluan kerjaya (Gred 44-54) melalui aplikasi e-Naik pangkat, sistem dalaman KKM yang mampu menampung 10,000 permohonan setahun yang boleh diperakukan terus oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada BSM telah meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan penjimatan masa.
- iii. Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Profesional 2.0 (MySYMPP) yang melibatkan pengoperasian Fasa 1 Modul Perjawatan merupakan inisiatif pemantapan pengurusan data sumber manusia di KKM bagi menyokong fungsi proses kerja untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.

## **PENAMBAHBAIKAN ELAUN DAN KEMUDAHAN ANGGOTA KKM**

Menambah baik elaun dan kemudahan kepada anggota KKM bagi mengekalkan mereka dalam perkhidmatan awam dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Elaun dan kemudahan yang ditambahbaik adalah seperti berikut:

### **1. Elaun Pembedahan Elektif**

Kerajaan telah bersetuju meluluskan permohonan pemanjangan Elaun Pembedahan Elektif kepada Pegawai Pergigian dan Pegawai Pergigian Pakar yang mengendalikan perkhidmatan Pembedahan Elektif pada hari Sabtu di hospital KKM dengan kadar RM200 sejam bagi Pegawai Pergigian Pakar dan RM80 sejam bagi Pegawai Pergigian. Tarikh kuat kuasa adalah mulai 1 Ogos 2019.

### **2. Kemudahan Pakaian Seragam Bagi Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C29 yang Ditukar Lantik dan Masih Menjalankan Tugas Pembantu Penyediaan Makanan**

Kerajaan pada 7 April 2016 telah bersetuju supaya Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19 yang mempunyai kelayakan yang diiktiraf ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan (PPPM) Gred C29. Namun, sebilangan daripada mereka masih ditempatkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) dan menjalankan tugas-tugas asal sebagai Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah bersetuju dengan rayuan KKM agar Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C29 (KUP) yang kekal di penempatan asal dan masih melaksanakan skop tugas Pembantu Penyediaan Makanan dibekalkan dengan kemudahan pakaian seragam termasuk kasut mengikut Kelayakan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N19. Kuat kuasa pelaksanaan ini adalah mulai 1 Januari 2020.

### **3. Bayaran Insentif *Post Basic* (BIPB)**

Mesyuarat Lembaga Pendidikan KKM telah bersetuju meluluskan pembayaran BIPB kepada bidang Sediaan Farmaseutikal Steril. Tarikh kuat kuasa pembayaran sebanyak RM100 sebulan adalah mulai 1 Julai 2019.

## **HALA TUJU**

KKM sentiasa mempertingkatkan usaha bagi memperkukuhkan dan menambah baik tadbir urus perkhidmatan kesihatan dan pengurusan sumber manusia kesihatan. Ini adalah untuk meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan kesihatan secara khusus dan perkhidmatan awam secara amnya. Selaras dengan matlamat tersebut, perancangan strategi dan aktiviti sumber manusia kesihatan dijangka selari dengan tonggak Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Ini adalah signifikan dengan usaha KKM untuk menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh pengurusan sumber manusia kesihatan.

## **BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN (BPL)**

Sumber manusia yang kompeten adalah aset penting bagi sesebuah organisasi. Justeru itu, Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) mempunyai peranan untuk memastikan proses pembelajaran yang berkualiti dan peluang latihan dengan tujuan untuk meningkatkan kompetensi modal insan di KKM. Ekspektasi rakyat pada masa kini semakin tinggi dalam mendapatkan perkhidmatan kesihatan kelas pertama maka pelbagai aktiviti dilaksanakan melalui program-program latihan bertujuan untuk melahirkan tenaga kerja yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin, mempunyai etika kerja yang kukuh, nilai dan komitmen untuk mencapai kecemerlangan.

## **AKTIVITI DAN PENCAPAIAN**

### **PERANCANGAN TENAGA MANUSIA**

Melalui unjuran permintaan dan bekalan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi, didapati bahawa peningkatan dalam bekalan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi dalam tahun semasa adalah masih tidak mencukupi bagi memenuhi keperluan negara. Walau bagaimanapun, jurang antara permintaan dan bekalan profesion ini semakin mengecil dengan kapasiti latihan yang diperluas oleh Universiti Awam, Institusi Pengajian Tinggi Swasta serta graduan




daripada luar negara. **Rajah 2.1**, **Rajah 2.2** dan **Rajah 2.3** menggambarkan keperluan semasa dan unjuran negara bagi bekalan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, dan Pegawai Farmasi. Maklumat ini adalah berdasarkan kepada *Health Facts* yang dikemaskini setiap tahun oleh Pusat Informatik Kesihatan, KKM selaras dengan dasar dan peraturan semasa daripada agensi pusat yang menggunakan kaedah *population based*.

**Rajah 2.1**  
Keperluan dan Bekalan Pegawai Perubatan Semasa dan Unjuran,  
Dengan Nisbah 1:400 Terhadap Populasi Penduduk, 2017 hingga 2025




Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

**Rajah 2.2**  
Keperluan dan Bekalan Pegawai Pergigian Semasa dan Unjuran,  
Dengan Nisbah 1:3,000 Terhadap Populasi Penduduk, 2017 hingga 2025



Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

**Rajah 2.3**  
**Keperluan dan Bekalan Pegawai Farmasi Semasa dan Unjuran,**  
**Dengan Nisbah 1:2,000 Terhadap Populasi Penduduk, 2017 hingga 2025**




Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## PROGRAM LATIHAN

Dalam memastikan sumber manusia kesihatan KKM memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan, BPL telah menawarkan pelbagai program latihan sepanjang tahun 2019 yang meliputi Latihan Pra Perkhidmatan, Program Pengkhususan (*Post-Basic*) dan Diploma Lanjutan, Latihan Peringkat Sarjana untuk Pegawai-pegawai Perubatan/ Pergigian/ Farmasi, *Parallel Pathway* dan Latihan Sub-Kepakaran bagi Pegawai Perubatan, Program Doktor Falsafah dan Kursus Jangka Pendek sebagai sebahagian daripada latihan dalam perkhidmatan. Pengambilan mengikut kategori pengajian adalah seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.4**.

**Rajah 2.4**  
**Perbandingan Pengambilan Mengikut Peringkat Pengajian, 2018 dan 2019**




Nota: Maklumat Sub Kepakaran 2019 merujuk kepada latihan dengan HLP dan tanpa HLP

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

Pada tahun 2019, sejumlah 3,624 tempat telah ditawarkan bagi 13 program Latihan Pra-Perkhidmatan di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKMM). Daripada jumlah penawaran tersebut, pelatih yang melapor diri adalah seramai 3,268 orang. Bilangan penawaran atau pengambilan pelatih bagi tahun 2019 adalah lebih rendah 14.2 peratus berbanding tahun 2018 selaras dengan unjuran keperluan pengisian kekosongan jawatan paramedik. Penawaran tempat latihan dan bilangan pelatih yang melapor diri mengikut disiplin di ILKMM pada tahun 2018 dan 2019 adalah seperti di **Rajah 2.5** berikut.

**Rajah 2.5**  
Perbandingan Pengambilan Pelatih Mengikuti Latihan Separa Perubatan, 2018 dan 2019




Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## PROGRAM DIPLOMA LANJUTAN DAN KURSUS PENGKHUSUSAN (POST-BASIC)


Pada tahun 2019, jumlah penyertaan Kursus Lanjutan dan Pengkhususan (*Post-Basic*) adalah seramai 3,595 orang Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) daripada KKM dan lain-lain agensi kerajaan, 143 orang daripada Badan Berkanun manakala seramai 692 orang merupakan anggota kesihatan daripada Institusi Kesihatan Swasta. Kursus Lanjutan dan Pengkhususan (*Post-Basic*) ini melibatkan 41 bidang di seluruh ILKMM seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.6** dan **Rajah 2.7** dengan jumlah peserta seramai 4,430 orang bagi tahun 2019. Jumlah ini menunjukkan penurunan sebanyak 8.6 peratus berbanding 4,845 penyertaan pada tahun sebelumnya. Program yang mempunyai permintaan paling tinggi adalah Diploma Lanjutan Kebidanan dengan 999 penyertaan (pada kadar 22.5 peratus) diikuti Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan dengan 354 penyertaan (pada kadar 7.9 peratus).

**Rajah 2.6**  
**Pengambilan Pelatih Kursus Lanjutan (Diploma Lanjutan), 2018 dan 2019**



Nota: Perbandingan adalah bagi Program Diploma Lanjutan sahaja.  
Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

**Rajah 2.7**  
**Pengambilan Pelatih Kursus Lanjutan (Sijil Post-Basic/Pengkhususan), 2018 dan 2019**



Nota: Perbandingan adalah bagi Program Sijil Pengkhususan (Post-Basic) sahaja.  
Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## PROGRAM IJAZAH SARJANA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN

Sejumlah 1,126 orang pegawai perubatan telah ditawarkan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) bagi mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Perubatan dengan pengkhususan dalam pelbagai bidang pada tahun 2019, seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.6**. Bilangan pegawai perubatan yang ditawarkan biasiswa meningkat sebanyak 12.6 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

**Jadual 2.6**  
**Pengambilan Pegawai Perubatan Untuk Program Sarjana, 2018 dan 2019**

Bil.	Disiplin	2018	2019
1.	Anestesiologi	121	116
2.	Kesihatan Awam / Masyarakat	69	94
3.	Klinikal Onkologi	12	14
4.	Neurosurgeri	12	14
5.	Obstetrik & Ginekologi	60	72
6.	Oftalmologi	51	54
7.	Ortopedik	72	74
8.	Otorinolaringologi	45	48
9.	Patologi	66	71
10.	Pediatrik	46	72
11.	Perubatan Dalaman	79	92
12.	Perubatan Kecemasan	71	69
13.	Perubatan Keluarga	74	89
14.	Perubatan Nuklear	6	6
15.	Perubatan Pemulihan	9	8
16.	Perubatan Sukan	4	7
17.	Perubatan Transfusi	8	8
18.	Plastik Surgeri	5	5
19.	Psikiatri	55	56
20.	Radiologi	66	74
21.	Surgeri Am	55	68
22.	Surgeri pediatrik	8	8
23.	Forensik	6	7
<b>JUMLAH</b>		<b>1,000</b>	<b>1,126</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## SUB-KEPAKARAN

Pada tahun 2019, seramai 256 orang pakar perubatan telah menerima HLP untuk menjalani latihan sub-kepakaran dalam pelbagai bidang, seperti diterangkan dalam **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Pengambilan Pakar Perubatan Bagi Program Sub-Kepakaran, 2018 dan 2019**

<b>Bil.</b>	<b>Disiplin</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
1.	<i>Medical</i>	68	94
2.	<i>Surgery</i>	14	17
3.	<i>Paediatric</i>	22	27
4.	<i>Obstetrics &amp; Gynaecology</i>	5	9
5.	<i>Psychiatry</i>	5	10
6.	<i>Anaesthesiology</i>	8	14
7.	<i>Orthopaedic</i>	7	30
8.	<i>Otorhinolaryngology</i>	1	4
9.	<i>Ophthalmology</i>	1	1
10.	<i>Radiology</i>	9	20
11.	<i>Forensic</i>	0	0
12.	<i>Pathology</i>	2	10
13.	<i>Emergency Medicine</i>	11	11
14.	<i>Rehabilitation Medicine</i>	0	1
15.	<i>Nuclear Medicine</i>	0	2
16.	Perubatan Keluarga	0	5
17.	Kesihatan Awam	3	1
<b>JUMLAH</b>		<b>156</b>	<b>256</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

## **PROGRAM SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH**

Pada tahun 2019, sejumlah 126 orang pegawai KKM daripada pelbagai skim perkhidmatan kesihatan telah ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana manakala 24 pegawai di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang yang berkaitan dengan sektor kesihatan. Bilangan biasiswa bagi pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah yang ditawarkan pada tahun 2019 mencatatkan peningkatan sebanyak 22.9 peratus berbanding tahun 2018. Biasiswa di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah tersebut ditawarkan kepada 50 orang pegawai pergigian dan 36 orang pegawai farmasi, manakala selebihnya ditawarkan kepada lain-lain profesion kesihatan di KKM.

## **KURSUS JANGKA PENDEK DALAM PERKHIDMATAN**

Pada tahun 2019, sejumlah 88 orang anggota KKM telah menghadiri kursus jangka pendek dalam perkhidmatan di luar negara berbanding 39 orang pada tahun 2018. Peningkatan ini dapat dilaksanakan ekoran daripada penyusunan semula keutamaan latihan dalam Pelan Operasi Latihan KKM dan peningkatan peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan Tahun 2019 berjumlah RM50 juta.

## **PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN PROGRAM LATIHAN**

Pada tahun 2019, Bahagian Pengurusan Latihan telah berjaya membangunkan dua (2) program lanjutan baru iaitu Sijil *Post-Basic* Penjagaan Luka dan Sijil *Post-Basic* Penjagaan Reumatologi. Kedua-dua program ini ditawarkan di Institut Latihan KKM Sungai Buloh mulai bulan September 2019. Di samping itu, dua (2) program lanjutan telah dinaik taraf daripada Sijil *Post-Basic* kepada Diploma Lanjutan iaitu Diploma Lanjutan Mikrobiologi Perubatan dan Diploma Lanjutan Epidemiologi Gunaan. BPL juga telah melaksanakan penambahbaikan ke atas kesemua 11 kurikulum pra perkhidmatan peringkat diploma dengan menggunakan pendekatan *Outcome Based Education* (OBE) dan akan digunakan di ILKKM mulai 1 Januari 2020.

## **PEMBANGUNAN PENGAJAR**

Pada tahun 2019, perjawatan pengajar (pelbagai bidang) secara keseluruhan adalah 1,247 dengan pengisian pengajar adalah seramai 1,019 orang bagi 24 Institut Latihan KKM dan Bahagian Pengurusan Latihan manakala bilangan instruktur klinikal di bawah ILKKM seramai 398 orang. Kemaskini perjawatan pengajar dan instruktur klinikal ini adalah sehingga Disember 2019.

Di sepanjang tahun 2019, Unit Pembangunan Pengajar, Bahagian Pengurusan Latihan telah berjaya menganjurkan sebanyak lapan (8) kursus fungsional dan empat (4) kursus generic termasuk program profesional kepada instruktur klinikal di ILKKM.

Kursus/bengkel yang dianjurkan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada teknik pengajaran dan pembelajaran ke arah anjakan paradigma kepimpinan dalam memacu ILKMM sebagai pusat kecemerlangan latihan. Selain itu, kursus kepada instruktur klinikal ILKMM telah dilaksanakan bagi tujuan memantapkan pengetahuan dan kefahaman pengajaran serta pembelajaran di lapangan klinikal.

Pada 3 dan 4 September 2019, buat julung kalinya ILKMM *Regional Conference on Medical and Allied Health Education 2019* telah dilaksanakan bertempat di Hotel Berjaya Times Square Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min (KSU, KKM). Persidangan tersebut telah dihadiri oleh peserta daripada ILKMM dan agensi luar.

## **PEPERIKSAAN DAN PENSIJILAN**

Sepanjang tahun 2019, proses penilaian serta pentauliahan berdasarkan keputusan peperiksaan akhir semester Program Latihan Pra Perkhidmatan dan Program Lanjutan/ Pengkhususan (*Post-Basic*) telah dilaksanakan. Pada keseluruhannya, pencapaian kelulusan peperiksaan akhir semester adalah cemerlang bagi kedua-dua program dengan kadar kelulusan 99.64 peratus dan 97.56 peratus. Untuk mempertingkatkan kualiti penilaian, pelbagai siri kursus telah diadakan kepada pengajar dan pakar perubatan untuk memantapkan lagi kemahiran dalam kompetensi pembinaan item.

## **BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI (BPK)**

Fungsi utama BPK bukan sahaja untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme semata-mata, tetapi juga untuk memberi fokus dalam membentuk kerja berpasukan serta menerapkan sikap penyayang dan elemen budaya korporat dalam kalangan warga KKM. Dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) kini, BPK sentiasa mereformasi strategi dan kaedah bagi memastikan keupayaan sumber manusia di KKM mempunyai kompetensi yang sesuai dengan jawatan-jawatan yang disandang supaya dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diharapkan.



## PEMBANGUNAN KERANGKA KOMPETENSI FUNGSIONAL KKM

Pembangunan Model Kerangka Kompetensi adalah sebagai salah satu penambahbaikan dalam pengurusan profil potensi dan *talent* warga KKM. Model ini merupakan sebuah model untuk membentuk kejayaan sesebuah organisasi, peringkat, tugas atau peranan.

Ia mempamerkan kesemua tingkah laku, kemahiran dan pengetahuan kritikal yang mempengaruhi kejayaan dalam sesuatu peranan yang diberikan. Model Kerangka Kompetensi KKM terbahagi kepada kerangka kompetensi generik dan fungsional.


Model Kerangka Kompetensi Generik yang dibangunkan adalah untuk mengenal pasti kompetensi dan potensi umum warga KKM yang terdiri daripada enam (6) domain iaitu Kepimpinan, Pengurusan Kendiri, Analitikal, Keterlibatan, Pengetahuan Interdisiplin dan Internalisasi.

Domain tersebut dipaksikan kepada norma dan nilai budaya korporat KKM iaitu Penyayang, Kerja Berpasukan dan Profesional serta disesuaikan dengan IR4.0. Model Kerangka Kompetensi Fungsional pula merupakan kompetensi pengkhususan untuk setiap skim dan profesion di KKM. Pada tahun ini, Model Kerangka Kompetensi Generik dan Kerangka Kompetensi Fungsional KKM bagi 13 skim/profesion di KKM telah berjaya dibangunkan. Kamus Kerangka Kompetensi Generik dan Fungsional KKM bagi semua skim/profesion di KKM serta Rubrik Penilaian pula akan dibangunkan secara berfasa pada tahun akan datang.

## PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT (PPB) PROGRAM PENGURUSAN


Objektif utama PPB adalah untuk membangunkan kompetensi generik terpilih individu (berdasarkan tiga dominan kompetensi iaitu *Leadership, Communication & People Skills* dan *Problem Solving Skills*) bagi mempertingkatkan kecekapan dalam membantu penyampaian perkhidmatan kesihatan. Ringkasan aktiviti PPB adalah seperti **Rajah 2.9**.

**Rajah 2.8**  
Kerangka Kompetensi Generik KKM



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

## Rajah 2.9 Ringkasan Aktiviti PPB Tahun 2019



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

## AKTIVITI BPK TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, aktiviti yang telah diadakan adalah seperti **Rajah 2.10** dan **Rajah 2.11** di bawah.

## Rajah 2.10 Ringkasan Aktiviti Sepanjang Tahun 2019



Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM

**Rajah 2.11**  
**Mesyuarat Pengurusan TKSU (P) dan TKSU (K) Bil.1 & Bil.2 Tahun 2019**



*Sumber: Bahagian Pembangunan Kompetensi, KKM*

## BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (BKP)

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) adalah menyediakan perkhidmatan sokongan dan khidmat nasihat yang efisien dalam sistem pengurusan bagi memastikan semua aktiviti di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) dapat dilaksanakan secara profesional dan sekali gus meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan. BKP terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Pengurusan Am, Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset dan Cawangan Sumber Maklumat.

### CAWANGAN PENGURUSAN AM

Cawangan Pengurusan Am merupakan cawangan yang mengendalikan urusan melibatkan pentadbiran am, pengurusan sumber manusia, pelaksanaan inisiatif strategik inovasi serta pengurusan protokol, pengurusan rekod serta penyelarasan aspek psikologi dan kaunseling di IPKKM. Cawangan ini terdiri daripada lima (5) unit:

#### UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Unit Pengurusan Sumber Manusia (UPSM) bertanggungjawab dalam semua urusan berkenaan perkhidmatan bagi pegawai dan kakitangan di IPKKM. Antara aktiviti UPSM adalah seperti di **Jadual 2.8**.

**Jadual 2.8**  
**Aktiviti Unit Pengurusan Sumber Manusia, Tahun 2019**

BIL.	AKTIVITI	PRESTASI
1.	Penyediaan dan perekodan Kew.8	12,273 urusan
2.	Perekodan urusan-urusan perkhidmatan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan	21, 518 rekod
3.	Urusan - Pengesahan pelantikan - Pengesahan dalam perkhidmatan - Pemberian taraf berpencen	243 permohonan
4.	Urusan Pesaraan (wajib/pilihan/terbitan)	71 pesara
5.	Urusan permohonan pembiayaan pinjaman (komputer/rumah/kereta)	- 56 pembiayaan komputer - 33 pembiayaan perumahan - 15 pembiayaan kenderaan

BIL.	AKTIVITI	PRESTASI
6.	Permohonan bayaran elaun pakaian panas dan tuntutan bayaran pakaian istiadat	<ul style="list-style-type: none"> <li>- 93 bayaran elaun pakaian panas</li> <li>- 73 tuntutan pakaian istiadat</li> </ul>
7.	Urusan kenaikan pangkat	858 kenaikan pangkat
8.	Pengurusan tatatertib (kumpulan pelaksana)	9 kes tatatertib

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## UNIT INOVASI DAN PROTOKOL

Unit Inovasi dan Protokol bertindak sebagai unit yang melaksanakan inisiatif strategik inovasi serta kreativiti yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti, produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam di KKM. Projek inovasi yang berimpak tinggi sering diberikan pengiktirafan sewajarnya oleh KKM. Malah buat julung kalinya pada tahun 2019, KKM telah memberikan Anugerah Inovasi Perdana KKM kepada Jabatan Rehabilitasi Perubatan Sungai Buloh, Selangor bagi projek *Single Channel Cystometry* (SCC). Unit Inovasi juga terlibat untuk menyelaras penilaian terhadap penarafan kualiti perkhidmatan sektor awam di KKM melibatkan 12 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bagi pelaksanaan EKSA *Do-It-Yourself* (DIY) dan tujuh (7) JKN bagi pelaksanaan *Mystery Shopping* DIY.

Unit Protokol pula berperanan membantu BKP menganjurkan majlis rasmi utama di IPKKM, menyediakan perkhidmatan runding cara dan khidmat nasihat berkaitan hal ehwal pengurusan protokol kepada Bahagian/Program/Jabatan Kesihatan Negeri/Institusi di bawah KKM, sekretariat induk bagi Majlis Tilawah Al-Quran (MTQ) Peringkat Kebangsaan KKM dan bertanggungjawab menyelaras proses pemilihan Rombongan Petugas Haji (RPH) Perubatan dari KKM. Sebanyak lima (5) majlis rasmi utama telah dilaksanakan oleh Unit Protokol di IPKKM pada tahun 2019 melibatkan tiga (3) Majlis Ramah Mesra YB Menteri Kesihatan Malaysia Bersama Warga KKM dan Majlis Malam Mesra KKM. Selain itu, Unit Protokol juga telah memberikan perkhidmatan runding cara dan khidmat nasihat protokol di dalam 78 buah program/majlis di KKM.

## UNIT PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

Unit Psikologi Kaunseling berperanan untuk merancang, melaksana, membangun serta menyelaras aktiviti-aktiviti psikologi dan kaunseling di IPKKM. Ringkasan aktiviti-aktiviti Unit Psikologi dan Kaunseling sepanjang tahun 2019 seperti pada **Jadual 2.9**.



**Jadual 2.9**  
**Program/Aktiviti Psikologi Kaunseling Bagi Tahun 2019**

BIL.	PROGRAM / AKTIVITI	BILANGAN PERLAKSANAAN	BILANGAN PENYERTAAN
1.	Pementoran Perkhidmatan Awam	4	124
2.	<i>Psycho-switch</i> KKM (Program intervensi untuk pegawai berprestasi sederhana)	1	18
3.	Pendidikan Kewangan 2019	10	118
4.	Rakan Pembimbing Perkhidmatan AWAM (AKRAB)	6	341
5.	<i>“Advance Regroup Training”</i> (MOHART) Kewangan bagi Pegawai Psikologi KKM bersama Bank Negara Malaysia (BNM)	2	60
6.	Program <i>Corporate Social Responsibility</i> (CSR) Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)	1	70
7.	Pelaksanaan Saringan Kewangan kepada Penjawat Awam IPKKM Bagi Tahun 2019	1	60
8.	Pensijilan <i>“Art Drawing: House Tree Person”</i> (ADHTP) kepada Pegawai Psikologi dan AKRAB KKM Tahun 2019	1	35
9.	Program <i>“Engagement Mental Health”</i> bagi Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM	1	260
10.	Pengurusan Emosi Warga Kerja Ibu Pejabat KKM	3	301
11.	Keibubapaan Warga Kerja IPKKM	1	65
12.	Derma Darah bersama Pusat Darah Negara	1	122
13.	Taklimat Gangguan Seksual di Tempat Kerja kepada Pegawai Psikologi KKM	1	130
14.	Mesyuarat Pelan Tindakan Sasaran Kerja Tahunan Pegawai Psikologi KKM 2019	2	57
15.	Mesyuarat Panel PIPs Program Dasar Pemisah	2	15

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## UNIT PENTADBIRAN

Unit Pentadbiran bertanggungjawab dalam menguruskan kerja-kerja hal-hal pentadbiran di IPKKM. Aktiviti-aktiviti dan pencapaian unit ini bagi sepanjang tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2.10**.

**Jadual 2.10**  
**Keseluruhan Aktiviti dan Pencapaian Unit Pentadbiran**

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Majlis Bersama Jabatan (MBJ)	4 mesyuarat telah diadakan. Penyelesaian isu melebihi 50 peratus.
2.	Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital & Psikatri	2,184 ALPH bagi sesi 2019 hingga 2020. 288 ALPH (P) bagi sesi 2018 hingga 2020.
3.	Pengurusan tempat letak kereta IPKKM & berbayar	Pengurusan TLK IPKKM & Berbayar dilaksanakan sepanjang tahun. 1 mesyuarat penyelarasan bersama penyelarasa Bahagian telah diadakan.
4.	Pengurusan aduan	4 aduan dan 14 bukan aduan (pertanyaan) telah diambil tindakan .
5.	Jawatankuasa Audit EKSA BKP	2 audit dalaman telah diadakan.
6.	Menyelaras Laporan Kad Perakam Waktu di IPKKM	12 Laporan dikumpul setiap tahun.
7.	Penyewaan kereta SPANCO	63 Kereta rasmi jawatan bagi JUSA/gred khas; dan penggantian 202 kereta Jabatan yang telah tamat tempoh.
8.	Majlis Perjumpaan Bulanan KKM	7 majlis telah diadakan.
9.	Pengurusan TASKA	2 mesyuarat penyelarasan telah diadakan. 100 permohonan kemasukan TASKA telah diproses.

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
10.	Pengurusan Kafeteria Blok E7	2 mesyuarat kafeteria telah diadakan. 12 pemantauan kebersihan telah dijalankan.
11.	Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)	Menerima penarafan lima (5) bintang untuk tahun 2019 hingga 2021.
12.	Pengauditan dan <i>Star Rating</i> Tandas 2019	Mendapat penarafan tandas: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 5 bintang – 14 tandas</li> <li>• 4 bintang – 56 tandas</li> </ul>

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## UNIT PENGURUSAN REKOD

Unit Pengurusan Rekod bertanggungjawab memastikan pengurusan rekod di KKM adalah teratur dan sistematik. Unit ini juga turut memberikan perkhidmatan khidmat nasihat, melaksanakan program pengurusan rekod, menguruskan surat menyurat dan pendaftaran, memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (*Digital Document Management System*) dan menguruskan fail peribadi kakitangan. Pencapaian unit adalah seperti **Jadual 2.11**.

**Jadual 2.11**  
**Ringkasan Aktiviti Dan Pencapaian Unit Pengurusan Rekod**

NO.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	<b>Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS)</b> Memberikan khidmat nasihat dan kepakaran dalam klasifikasi rekod dan koding fail bagi pelaksanaan DDMS	Pemantauan penggunaan dan pelaksanaan sistem bagi 31 Bahagian di Ibu Pejabat KKM (IPKKM) dan jumlah pengguna adalah sebanyak 4,922 orang
2.	<b>Menguruskan Fail Peribadi KKM</b> - Menguruskan pinjaman fail peribadi bagi Bahagian Sumber Manusia di IPKKM - Menguruskan pendaftaran fail peribadi dengan menggunakan Sistem Pengurusan Fail Peribadi (SPFP).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 42,853 fail; dan</li> <li>• 11,485 fail</li> </ul>



NO.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
3.	<p><b>Melaksanakan Program Pengurusan Rekod</b> Melaksanakan aktiviti yang meyokong kepada pengurusan rekod bersepadu seperti latihan, perkhidmatan khidmat nasihat dan inspektorat bagi memastikan pengurusan rekod diamalkan dengan baik di setiap peringkat sama ada pewujudan, penggunaan, penyelenggaraan dan pelupusan rekod di IPKKM</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Telah melaksanakan 16 kursus bagi pengurusan rekod;</li> <li>• Khidmat nasihat bagi pengurusan fail dan surat menyurat kepada 31 Bahagian di Ibu pejabat KKM (IPKKM); dan</li> <li>• Merancang, memantau dan melaksanakan program pelupusan rekod di Kementerian seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- 7,222 fail telah dilupuskan</li> <li>- 44 fail telah dihantar ke Arkib Negara Malaysia</li> <li>- 640 tesis telah dihantar ke Arkib Negara Malaysia</li> <li>- 1,245 keping gambar telah dihantar ke Arkib Negara Malaysia</li> </ul> </li> </ul>
4.	<p><b>Menguruskan Surat Menyurat dan Registri IPKKM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menerima, membahagi dan mengedarkan surat;</li> <li>- Menghantar surat/bungkusan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 139,778 surat; dan</li> <li>• 107,430 surat;</li> </ul>

*Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM*

## CAWANGAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN ASET

Cawangan Kewangan dan Pengurusan Aset menguruskan semua perkara berkaitan kewangan untuk pekerja di IPKKM dan menguruskan asset serta penyelenggaraan bangunan IPKKM. Cawangan ini terdiri daripada tiga (3) unit:

## UNIT KEWANGAN

Unit Kewangan menguruskan hal-hal berkaitan kewangan di Ibu Pejabat termasuk belanjawan; pembayaran gaji, elaun, ganjaran dan bonus; pembayaran bil dan tuntutan; kutipan hasil; permohonan ke luar negara dan sewaan ruang pejabat. Bagi tahun 2019, Unit ini bertanggungjawab mengawal selia peruntukan mengurus bagi Program Pengurusan IPKKM berjumlah RM1.54 billion. Prestasi perbelanjaan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah 99.12 peratus. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut aktiviti adalah seperti di **Jadual 2.12**.

**Jadual 2.12**  
**Jumlah Peruntukan dan Perbelanjaan Mengikut Aktiviti di bawah Program Pengurusan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019**

AKTIVITI	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
Pengurusan Ibu Pejabat	562,911,672.00	567,394,949.87
Sumber Manusia	12,638,650.00	13,434,648.65
Kewangan	504,035,623.00	498,802,398.19
Latihan	420,576,218.49	411,676,424.51
Teknologi Maklumat	39,309,025.76	34,279,053.62
Pembangunan Kompetensi	3,722,000.00	3,970,964.71
<b>Jumlah</b>	<b>1,543,193,189.25</b>	<b>1,529,558,439.55</b>

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

Sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang dikategorikan *Tier 1* (PTJ1), BKP bertanggungjawab menerima dan mengagihkan waran peruntukan kepada semua PTJ di bawah seliaannya. Sepanjang tahun 2019, sejumlah 185 waran telah diterima dan 561 waran kecil telah diagihkan. BKP adalah urus setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) IPKKM. Jawatankuasa ini bermesyuarat empat (4) kali setahun untuk memantau prestasi kewangan 19 buah PTJ2 dan 34 buah PTJ3 yang berada di bawah seliaannya. Selain itu, tanggungjawab BKP juga termasuk menerima dan memperakaunkan terimaan dan hasil di Ibu Pejabat. Pada tahun 2019, sejumlah RM22.5 juta terimaan hasil dan bukan hasil telah diterima dan diperakaunkan. Selain itu, sejumlah 86 permohonan penyewaan ruang pejabat turut telah diproses.

## UNIT PENGURUSAN ASET

Unit Pengurusan Aset bertanggungjawab menguruskan perihal kerja berkaitan aset, penyewaan premis, penyelenggaraan dan perolehan. Pencapaian bagi setiap aktiviti untuk tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2.13**.

**Jadual 2.13**  
**Ringkasan Aktiviti Unit Pengurusan Aset dan Pencapaian**

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	<ul style="list-style-type: none"><li>- Penyelenggaraan bangunan IPKKM di Kompleks E Putrajaya</li><li>- Pembersihan dan <i>Pest Control</i> bangunan pejabat di Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) di Presint Diplomatik, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKMM) dan Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) di Presint 2 serta Bangunan Cenderasari (TCM, BPK dan MMC)</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• 3 mesyuarat Penyelenggaraan diadakan</li><li>• 3,672 aduan dan kerosakan dibaiki</li><li>• Syarikat penyelenggaraan dan pembersihan dilantik</li><li>• Menepati standard pembersihan dan <i>Pest Control</i> berdasarkan sebut harga yang diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut harga</li></ul>
2.	Pendaftaran Aset	Harta modal: 13 unit; Aset bernilai rendah : 77 unit
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) Peringkat IPKKM	4 kali mesyuarat setiap tahun

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## UNIT KESELAMATAN

Unit Keselamatan bertanggungjawab merancang, mereka bentuk, mengurus, menyelaraskan dan melaksanakan Sistem Keselamatan Perlindungan di KKM. Unit Keselamatan memberikan nasihat, memantau dan menguatkuasakan undang-undang, peraturan dan arahan berkaitan keselamatan perlindungan kepada agensi dan jabatan di bawah bidang kuasa KKM. Unit ini juga berfungsi sebagai pusat rujukan mengenai dokumen rahsia dan nasihat teknikal di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Pencapaian untuk beberapa aktiviti utama bagi 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2.14**.

**Jadual 2.14**  
**Ringkasan Aktiviti Dan Pencapaian Unit Keselamatan**

NO.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Pengurusan dan Profesional KKM	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 17 hingga 19 Mac 2019 di <i>The Grand Beach Resort</i> , Port Dickson, Negeri Sembilan
2.	Bengkel Pemantapan Pengurusan Dokumen Rahsia Rasmi Pegawai Kumpulan Pelaksana KKM	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 17 hingga 19 April 2019 di Hotel Mahkota, Melaka
3.	Taklimat Pengurusan Kunci Keselamatan IPKKM	Seramai 85 orang pegawai dan kakitangan telah menghadiri taklimat pada 11 Mei 2019 di Dewan Serbaguna, Aras 8, Blok E7, Kompleks E, KKM
4.	Kursus Asas Polis Bantuan	Kursus Asas Polis Bantuan Bil. 2/2019 pada 18 Ogos 2019 di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur
5.	Bengkel Pemantapan Pengurusan Keselamatan Perlindungan Kader Skim Keselamatan dan Pertahanan di bawah KKM	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 12 hingga 14 September 2019 di <i>Hotel Heritage Cameron Highlands</i> , Pahang
6.	Kursus Keselamatan Kebakaran Dan Kecemasan	Kursus Keselamatan Kebakaran Dan Kecemasan Tahun 2019 pada 25 hingga 26 Jun 2019 di Balai Bomba dan Penyelamat Putrajaya
7.	Latihan Pengungsian Bangunan	Latihan <i>Fire Drill</i> di IPKKM: Blok E1: 8 Ogos 2019, Blok E6: 8 Ogos 2019, Blok E10: 15 Ogos 2019, Blok E3: 20 Ogos 2019 dan Blok E4: 24 September 2019
8.	Bengkel Defensif dan Pengurusan Keselamatan Kementerian Kesihatan	Bengkel Defensif dan Pengurusan Keselamatan Kementerian Kesihatan pada 28 hingga 30 Jun 2019 di Pulau Pangkor, Perak

NO.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
9.	Majlis Perhimpunan Polis Bantuan Kementerian Kesihatan Malaysia Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Hari Polis Ke 212	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 23 April 2019 di Hospital Permai, Johor
10.	Kursus Profesionalisme Pegawai Keselamatan Jabatan dan Pegawai Pengelas di bawah Seksyen 2 B, Akta Rahsia Rasmi	Dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) pada 23 Oktober 2019 di <i>Hotel Everly</i> , Putrajaya

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## CAWANGAN SUMBER MAKLUMAT

Cawangan Sumber Maklumat berperanan untuk menyediakan perkhidmatan perpustakaan seperti pinjaman buku dan bahan rujukan kepada semua kakitangan IPKKM, selain mengadakan kemudahan akses ke pangkalan data dan jurnal dalam talian kepada semua warga KKM di seluruh negara melalui Portal *Virtual Library* yang telah dibangunkan. Ringkasan pencapaian Cawangan Sumber Maklumat dalam tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 2.15**.

**Jadual 2.15**  
**Ringkasan Pencapaian Dan Aktiviti Cawangan Sumber Maklumat**

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
1.	Perkhidmatan Perpustakaan dan Maklumat	Program Galakan Membaca: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jom Baca Bersama 10 Minit: 23 April 2019</li> <li>• Kuiz Kemerdekaan 'Sayangi Malaysiaku'</li> <li>• Eksplorasi Digital: 21 November 2019</li> <li>• Program Cuti Sekolah: Riang ria di Perpustakaan &amp; Jelajah Ilmu ke Pusat Sains Negara - 26 &amp; 27 November 2019</li> <li>• Wacana Pemartabatan Bahasa Kebangsaan: 3 Disember 2019</li> <li>• Penghargaan Peminjam Aktif (Bulanan)</li> <li>• Pinjaman Kelompok dari Perpustakaan Negara Malaysia: empat (4) kali</li> <li>• Pameran Mengikut Tema: enam (6) kali</li> <li>• Perkhidmatan Books2U: 12 kali</li> </ul>

BIL.	AKTIVITI	PENCAPAIAN
2.	Perkhidmatan Pengurusan Maklumat dan Pendigitalan	<p>Portal <i>Virtual Library</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Langganan lima (5) pangkalan data: <i>Access Medicine, ClinicalKey for Nursing</i> (termasuk eBuku <i>BiblioTech &amp; Wiley</i>), <i>Emerald Insight, LawNet</i> dan <i>OVID</i></li> <li>• Perkhidmatan Kesedaran Semasa – 10 <i>Content Highlights</i> melalui emel <i>Postmaster KKM</i></li> <li>• 13 aktiviti promosi (dilaksanakan ke seluruh negara)</li> <li>• Pengguna Perpustakaan – 70,602 orang</li> </ul>
3.	Perkhidmatan Pembangunan dan Khidmat Nasihat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyelaras 94 perpustakaan di bawah KKM: <ul style="list-style-type: none"> <li>▶ 8 perpustakaan institusi/makmal</li> <li>▶ 58 perpustakaan hospital</li> <li>▶ 28 perpustakaan institut latihan perubatan</li> </ul> </li> <li>• Mengadakan satu (1) bengkel kepada 206 kakitangan daripada 94 perpustakaan di bawah KKM.</li> <li>• 220 koleksi buku dan tesis telah didokumentasikan.</li> </ul>

Sumber: Bahagian Khidmat Pengurusan, KKM

## BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT (BPM)

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology-ICT*) digunakan secara meluas bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan. Selaras dengan visi ICT KKM sebagai pemacu bisnes dalam perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan bersepadu dan Misi ICT KKM untuk menuju ke arah mengoptimumkan perkhidmatan ICT, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menggariskan strategi untuk memperkukuh kesediaan dan integrasi ICT melalui inisiatif-inisiatif ICT berikut:

### MENINGKATKAN DAN MEMPERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ICT

#### Penyediaan Perkhidmatan *MyGov\*Net*

*MyGov\*Net* merupakan Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Kerajaan bagi menyokong sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan secara atas talian. Sehingga tahun 2019 sebanyak 2,906 fasiliti dirangkaikan dengan talian *MyGov\*Net*.

## **MENINGKATKAN SISTEM, APLIKASI DAN PANGKALAN DATA**

### **Pemantapan HIS@KKM**

Projek ini merangkumi pembangunan Modul *Clinical Documentation (CD)*, *Operating Theater Management System (OTMS)*, *Laboratory Information System (LIS)*, *Central Sterile Supply Services Information System (CenSSIS)*, *Radiology Information System (RIS)* dan *Picture Archiving and Communication System (PACS)*. Modul CD versi *basic* telah dilaksanakan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dalam tempoh *Provisional Acceptance Test (PAT)*. Sementara itu versi lain Modul CD, Modul LIS, CenSSIS dan OTMS masih dalam fasa *User Acceptance Test (UAT)*. Manakala Modul RIS dan PACS telah siap sepenuhnya dan telah digunakan di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) dalam tempoh jaminan sehingga 1 November 2020.

### ***Teleprimary Care and Oral Health Clinical Information System (TPC-OHCIS)***

Sistem TPC-OHCIS telah digunakan di enam (6) klinik kesihatan (KK) dan sepuluh (10) klinik pergigian (KP) di sekitar daerah Seremban, Negeri Sembilan. Pada tahun 2019, dengan kerjasama MAMPU, beberapa siri pengujian prestasi sistem dengan menggunakan aplikasi *Dynatrace* telah dilaksanakan bagi membolehkan sistem ini diperluaskan ke seluruh KK dan KP.

### ***Pharmacy Information System (PhIS) and Clinic Pharmacy System (CPS)***

Sistem PhIS & CPS telah dilaksanakan di 1,247 fasiliti kesihatan. Pelaksanaan PhIS & CPS adalah di bawah Perjanjian Konsesi Penswastaaan Makmal Ubat dan Stor, Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB). Perjanjian konsesi ini telah tamat pada 30 November 2019 dan disambung secara interim selama 25 bulan bermula daripada 1 Disember 2019 sehingga 31 Disember 2021.

### **Pembangunan Aplikasi Dalaman Bagi KKM**

Dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan penyampaian perkhidmatan kesihatan kerajaan kepada rakyat, beberapa pembangunan aplikasi baru dan penaiktarafan aplikasi sedia ada telah dilaksanakan sepenuhnya menggunakan kepakaran dalaman.

Sebanyak tiga (3) aplikasi baru yang dibangunkan secara *in-house* pada tahun 2019:

- i. **Sistem EHRI** bertujuan untuk menyokong pelaksanaan Program Perlindungan Kesihatan Alam Sekitar (PEKA) dengan menyediakan sistem pangkalan data yang cekap dan mudah serta berupaya menjalankan analisa risiko kesihatan alam sekitar untuk kegunaan pembuat keputusan (*decision maker*) di peringkat KKM khususnya bagi membuat keputusan kawalan yang berkesan.
- ii. **Sistem VeDa** dibangunkan selaras dengan “Panduan dan Prosedur Verifikasi Data Penyebab Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan di Malaysia” bagi memastikan proses kerja lebih efisien, pemantauan lebih berkesan dan menjamin keselamatan serta kerahsiaan maklumat *Verbal Autopsy* (VA) di peringkat kebangsaan. Pengguna sistem ini terdiri daripada Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Perangkaan Malaysia serta Kementerian Kesihatan Malaysia di peringkat Bahagian Kawalan Penyakit, Jabatan Kesihatan Negeri dan Klinik Kesihatan di seluruh negeri.
- iii. **Sistem MyMaHTAS** merupakan satu aplikasi capaian mudah dan pantas ke atas produk-produk keluaran Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan iaitu *Clinical Practice Guidelines* (CPG), *Health Technology Assessment* (HTA), *Technology Review* (TR) dan *Horizon Scanning* (HS) yang bertunjangkan kepada *evidence-based medicine* dan *value-based medicine* bagi meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan di Malaysia. Pembangunan MyMaHTAS merangkumi tiga (3) komponen iaitu Portal, Sistem *back-end* dan Aplikasi Mudah Alih.

Bagi memastikan kesinambungan dan ketersediaan perkhidmatan, beberapa aplikasi sedia ada telah melalui proses menaik taraf versi sistem dan penambahbaikan fungsi dan komponennya iaitu *Healthier Choice Logo*, Sistem Tabung Bantuan Perubatan, Penjagaan Kesihatan Premier, Sistem AP58(a), Sistem Maklumat Penguatkuasaan Kesihatan Awam, *Medical Practice Control System*. Sistem Informasi Entomologi dan *Pest* Atas Talian dan Sistem Maklumat Pengurusan Personel 2.0.

## **PELAKSANAAN PENGURUSAN PERUBAHAN DAN ICT CULTIVATION DI KALANGAN KAKITANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN**

### **Jawatankuasa Pemandu ICT KKM**

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KKM yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Kesihatan telah diadakan sebanyak empat (4) kali (**Jadual 2.16**) iaitu:



**Jadual 2.16**  
**Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT KKM 2019**

Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
JPICT KKM Bil. 1/2019	22 Mac 2019
JPICT KKM Bil. 2/2019	31 Mei 2019
JPICT KKM Bil. 3/2019	2 Ogos 2019
JPICT KKM Bil. 4/2019	27 November 2019

*Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM*

Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek ICT (JTI) pula telah diadakan sebanyak lapan (8) kali (**Jadual 2.17**). Sebanyak 79 projek ICT telah diberi pertimbangan untuk kelulusan teknikal sepanjang tahun 2019.

**Jadual 2.17**  
**Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT KKM 2019**

Mesyuarat	Tarikh Mesyuarat
JTICT KKM Bil. 1/2019	21 Februari 2019
JTICT KKM Bil. 2/2019	4 Mac 2019
JTICT KKM Bil. 3/2019	30 April 2019
JTICT KKM Bil. 4/2019	13 Mei 2019
JTICT KKM Bil. 5/2019	17 Mei 2019
JTICT KKM Bil. 6/2019	8 Julai 2019
JTICT KKM Bil. 7/2019	27 Ogos 2019
JTICT KKM Bil. 8/2019	12 November 2019

*Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM*

### **Naziran Pematuhan Dasar Keselamatan ICT**

Naziran Pengurusan Keselamatan Maklumat KKM adalah bertujuan untuk menyemak dan memantau pematuhan fasiliti KKM ke atas pekeliling, dasar, akta serta surat arahan yang berkaitan dengan keselamatan ICT. Selain daripada itu, naziran ini juga bertujuan untuk melihat ketersediaan terhadap pelaksanaan *Standard Information Security Management System (ISMS) ISO/IEC 27001:2013*. Pada tahun 2019, sebanyak lima (5) fasiliti telah dipilih untuk melaksanakan naziran iaitu Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor; Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, Johor; Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan; Hospital Miri, Miri, Sarawak; dan Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang.

## Sesi Profesionalisme Ketua Pegawai Maklumat (CIO) Dengan Pegawai dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PTM & PPTM)

Sesi Profesionalisme Ketua Pegawai Maklumat (CIO) dengan PTM & PPTM KKM untuk tahun 2019 telah diadakan pada 7 November 2019 di Dewan Serbaguna KKM, Putrajaya. Program ini telah dihadiri oleh 158 peserta terdiri daripada PTM & PPTM dari ibu pejabat KKM, Jabatan Kesihatan Negeri, hospital, institusi dan kolej. Program ini merupakan *platform* untuk perkongsian maklumat dan pengetahuan terutamanya mengenai pelaksanaan program ICT KKM dan mengukuhkan lagi jaringan antara kakitangan ICT di KKM. Program sehari ini telah diisi dengan pelbagai acara iaitu Sesi Ucaptama dan Dialog Bersama CIO KKM, Sesi *Technology Update* dan Perkongsian Pintar.

### HALA TUJU

BPM akan terus memainkan peranan penting dalam merealisasikan pencapaian visi, misi dan pelan strategik ICT KKM yang telah ditetapkan.

### RUMUSAN

Kesimpulannya, objektif utama Program Pengurusan adalah untuk membolehkan pencapaian visi dan misi KKM dengan menyediakan perkhidmatan sokongan seperti pembangunan sumber manusia, pentadbiran am, pengurusan kewangan, pengurusan sistem maklumat dan pembangunan infrastruktur ICT. Pada masa akan datang, penambahbaikan secara berterusan dan inovasi akan dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan di KKM.

03

KEWANGAN



## BAHAGIAN KEWANGAN

### PENGURUSAN PERUNTUKAN

KKM telah diperuntukan sejumlah RM28.678 bilion pada tahun 2019, di mana RM26.498 bilion adalah untuk Bajet Mengurus (B42) dan RM2.180 bilion untuk Bajet Pembangunan (P42).

#### PRESTASI PERBELANJAAN BAJET MENGURUS

Pada tahun 2019, KKM telah membelanjakan sebanyak RM27.678 bilion (104.45 peratus) daripada jumlah yang telah diperuntukkan. Bajet Mengurus bagi program Perubatan merupakan peruntukan yang paling tinggi iaitu sebanyak RM13.583 bilion (51.26 peratus) dan diikuti oleh peruntukan bagi Program Kesihatan Awam iaitu sebanyak RM5.648 bilion (21.32 peratus). **Jadual 3.1** menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan Bajet Mengurus mengikut program pada tahun 2019.

**Jadual 3.1**  
**Peruntukan dan Perbelanjaan Bajet Mengurus 2019 Mengikut Program**

PROGRAM	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)
Pengurusan	1,695,073,349	1,844,170,208	108.80
Perubatan	13,583,326,891	14,410,416,487	106.09
Kesihatan Awam	5,648,260,630	5,836,244,069	103.33
Kesihatan Pergigian	925,555,476	948,024,784	102.43
Perkhidmatan Farmasi	197,658,377	202,337,557	102.37
Penyelidikan & Sokongan Teknikal	297,306,457	297,060,390	99.92
Keselamatan & Kualiti Makanan	90,762,310	92,636,759	102.07
Program Khusus	4,060,373,810	4,047,845,664	99.69
<b>JUMLAH</b>	<b>26,498,317,300</b>	<b>27,678,735,918</b>	<b>104.45</b>

*Nota: Perbelanjaan sebenar melebihi 100 peratus kerana peruntukan tambahan untuk pembayaran emolumen. Penyelarasan ke atas perbelanjaan dibuat pada tahun berikutnya.*

*Sumber: Bahagian Kewangan, KKM*

## PENGURUSAN HASIL

### KUTIPAN HASIL KKM DAN AKAUN BELUM TERIMA (ABT)


Pada tahun 2019, KKM mencatatkan jumlah kutipan hasil berjumlah RM728,828,953.54 yang merangkumi kutipan hasil fi perubatan sebanyak RM414,377,195.62 (56.86 peratus) daripada jumlah kutipan hasil keseluruhan. KKM juga menggalakkan *shared governance* untuk penjagaan pesakit yang efisien berasaskan prinsip *partnership*, ekuiti dan akauntabiliti. Melalui prinsip ini, pesakit yang ingin berkongsi kos penjagaan kesihatan dengan Kerajaan boleh menyumbang kepada mana-mana hospital/klinik KKM. Sumbangan ini akan direkodkan melalui kod yang spesifik iaitu 77401 (sumbangan syarikat), 77402 (sumbangan pertubuhan sukarela) dan 77403 (sumbangan peribadi). Pada tahun 2019, sebanyak RM3,871,675.84 telah disumbangkan di bawah ketiga-tiga kod tersebut. Manakala, ABT keseluruhan KKM pada tahun 2019 adalah sebanyak RM306,180,645.45 dan RM52,568,818.58 daripada jumlah tersebut merupakan tunggakan hasil fi perubatan. Pecahan kutipan sebenar tahun 2019 mengikut klasifikasi kod hasil adalah seperti di **Jadual 3.2**, manakala, **Rajah 3.1** pula menunjukkan pecahan rekod kutipan dan tunggakan hasil fi perubatan mengikut status kewarganegaraan.

**Jadual 3.2**  
**Kutipan Hasil Mengikut Kod Klasifikasi 2019**

KOD	KLASIFIKASI KOD	HASIL (RM)
71000	Lesen Bayaran Pendaftaran Dan Permit	22,242,583.98
72000	(i) Kutipan Caj Fi	414,377,195.62
	(ii) Lain-lain	53,215,700.43
73000	Perolehan Dari Jualan Barang	3,114,558.45
74000	Sewaan	34,543,159.55
75000	Faedah & Perolehan Dari Pelaburan	356,832.58
76000	Denda Dan Hukuman	43,585,949.10
77000	Sumbangan Dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri Dan Sumbangan Tempatan	3,871,675.84
80000	Terimaan Bukan Hasil	153,500,459.54
90000	Hasil Wilayah-wilayah Persekutuan	20,838.45
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>728,828,953.54</b>

Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

**Rajah 3.1**  
**Pecahan Kutipan dan Tunggakan Hasil di bawah Perintah Fi (Perubatan) ABT**  
**Mengikut Kewarganegaraan 2019**



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

KKM sangat komited dalam memastikan penurunan tunggakan hasil hospital dengan menambah baik dan mengemasi kini proses kerja, mengeluarkan garis panduan / surat pekeliling seperti Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bilangan 2 Tahun 2019 – Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan Garis Panduan Penyelarasan Kutipan Caj Perkhidmatan di Fasiliti Kesihatan Primer bagi warganegara Malaysia. Fasiliti kesihatan KKM juga melaksanakan terimaan melalui kaedah e-pembayaran seperti kad kredit/debit, perbankan internet dan *e-wallet*. Selain itu, KKM juga hanya membenarkan pesakit daripada syarikat swasta yang berdaftar dengan Kementerian sahaja untuk menggunakan surat jaminan syarikat bagi menerima rawatan tanpa deposit. Bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi pegawai di Unit Hasil dalam melaksanakan pengenaan caj sebagaimana digariskan dalam Perintah Fi (Perubatan), kursus-kursus yang melibatkan pegawai pengurusan hasil di semua fasiliti KKM diseluruh negeri juga dianjurkan pada setiap tahun.

### **PELAKSANAAN *E-WALLET (BOOST)* DI KLINIK KESIHATAN KKM**

Majlis pelancaran pelaksanaan *e-wallet (Boost)* di Klinik Kesihatan KKM telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad pada 26 November 2019 bertempat di Klinik Kesihatan Cheras selaras dengan hala tuju Kerajaan bagi membentuk *cashless society* di Malaysia. Pelaksanaan *e-wallet (Boost)* ini juga merupakan inisiatif KKM dengan kerjasama Syarikat Axiata Digital eCode Sdn. Bhd. dan RHB Islamic Bank Berhad untuk mempelbagaikan kaedah e-pembayaran bagi memudahkan pembayaran bil hospital oleh pesakit di samping mengurangkan masa menunggu di kaunter fasiliti kesihatan Kerajaan.

### Gambar 3.1

Pelancaran Pelaksanaan *e-Wallet (Boost)* yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia



Sumber: Bahagian Kewangan, KKM

## BANTUAN KEWANGAN DAN SUBSIDI

### TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)

KKM menyediakan bantuan kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan melalui TBP untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, pembelian peralatan rehabilitasi atau ubat-ubatan. Pada tahun 2019, KKM telah membiayai sebanyak 3,911 orang pesakit yang melibatkan kos sebanyak RM40.37 juta. Berlaku penurunan bilangan pesakit yang menerima bantuan dan amaun kelulusan TBP pada tahun 2019 berbanding 2018 berikutan pengenalan program bantuan kewangan baharu yang disediakan oleh kerajaan iaitu Skim Peduli Kesihatan (PeKa B40).

### SUBSIDI KOS RAWATAN HEMODIALISIS

KKM juga menyediakan subsidi kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan yang menjalani rawatan hemodialisis di 125 pusat hemodialisis Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang layak menerima bantuan subsidi KKM sebanyak RM100 bagi setiap rawatan dan suntikan Erythropoeitin (EPO) sebanyak RM18.50 setiap pesakit. Pada tahun 2019, sebanyak RM34.35 juta telah dibelanjakan dan sebanyak 2,842 orang pesakit mendapat manfaat dari subsidi ini.

### BANTUAN KEWANGAN KEPADA PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

KKM memperuntukkan bantuan kewangan kepada NGO seperti Majlis Hospis Malaysia, Persatuan Bagi Mencegah Penyakit Tibi Malaysia dan Institut Diabetes Negara bagi melaksanakan program dan aktiviti berkaitan kesihatan dengan pesakit serta komuniti. Mengambil kira kepentingan dan peranan NGO dalam menyediakan

program-program kesihatan yang memanfaatkan pesakit, KKM telah meningkatkan jumlah kelulusan bantuan kewangan dan bilangan NGO yang diberi bantuan pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. **Jadual 3.3** menunjukkan jumlah perbelanjaan dan bilangan pesakit/organisasi yang mendapat manfaat mengikut jenis subsidi/program bagi tempoh lima (5) tahun. Perbelanjaan subsidi hemodialisis dan suntikan erythropoietin pada tahun 2019 adalah rendah walaupun jumlah pesakit meningkat kerana terdapat tuntutan-tuntutan yang belum dikemukakan oleh NGO.

**Jadual 3.3**  
**Perbelanjaan & Bilangan Pesakit/Organisasi Yang Mendapat Manfaat Mengikut Subsidi/Program, 2015 hingga 2019**

BIL	JENIS SUBSIDI/ PROGRAM	PERBELANJAAN DAN BILANGAN PESAKIT/ ORGANISASI DIMANFAATKAN				
		2015	2016	2017	2018	2019
1	Tabung Bantuan Perubatan	RM41.43 juta (5,338 pesakit)	RM43.92 juta (5,518 pesakit)	RM47.25 juta (5,656 pesakit)	RM 50.27 juta (5,683 pesakit)	RM40.37 juta (3,911 pesakit)
2	Subsidi Hemodialisis & Suntikan Erythropoietin	RM22.79 juta (2,944 pesakit)	RM22.74 juta (2,942 pesakit)	RM23.96 juta (2,415 pesakit)	RM 35.31 juta (2,749 pesakit)	RM34.35 juta (3,315 pesakit)
3	Bantuan Kewangan Kepada NGO (Aktiviti Kesihatan)	RM3.66 juta (40 NGO)	RM2.50 juta (45 NGO)	RM3.25 juta (65 NGO)	RM 2.41 juta (60 NGO)	RM4.76 juta (66 NGO)

Sumber : Bahagian Kewangan, KKM

## PERBELANJAAN KEPADA INSTITUT JANTUNG NEGARA (IJN)

KKM memperuntukkan perbelanjaan bagi pesakit tanggungan Kerajaan untuk mendapatkan rawatan di IJN dalam bentuk kemudahan perubatan untuk Pegawai Awam Persekutuan dan Pesara Awam Persekutuan serta bayaran subsidi kepada orang awam. Perbelanjaan rawatan pesakit tanggungan Kerajaan di IJN adalah bergantung kepada jenis rawatan serta tempoh rawatan tersebut. Pada tahun 2019, seramai 53,900 orang pesakit yang mendapatkan rawatan di IJN mendapat manfaat daripada kemudahan ini dimana daripada RM485.80 juta yang dibelanjakan, 49.81 peratus adalah untuk pesakit kategori pesara awam, 33.92 peratus pesakit kategori pegawai awam dan 16.27 peratus kepada pesakit kategori orang awam.

## BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENSWASTAAN

Bahagian Perolehan dan Penswastan bertanggungjawab menguruskan perolehan, program penswastan dan pengurusan aset serta stor kementerian. Bahagian ini perlu memastikan kesemua perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dibuat adalah yang terbaik, telus, adil, menjimatkan dan menguntungkan kerajaan. Selain itu, bahagian ini turut bertanggungjawab dalam menguruskan semua program penswastan yang melibatkan makmal ubat dan stor, perolehan dan penyelenggaraan peralatan perubatan di klinik-klinik KKM, Perkhidmatan Sokongan Hospital dan juga



Perkhidmatan Penyeliaan dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing. Pelaksanaan program tersebut perlulah selaras dengan Dasar Penswastaaan Negara dan dipantau rapi serta sentiasa ditambah baik dari segi piawai, keberkesanan dan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Bahagian ini juga mengawal selia pengurusan stor, inventori dan aset KKM supaya kesemua peraturan yang berkuat kuasa adalah dipatuhi pada setiap masa.

## PRESTASI PEROLEHAN KEMENTERIAN

Perolehan melalui tender yang dilaksanakan di peringkat KKM adalah meliputi perolehan farmaseutikal, peralatan perubatan, perkhidmatan, ICT, kenderaan dan *Approved Products Purchase List* (APPL). Selaras dengan dasar pengoptimuman sumber yang diamalkan oleh Kerajaan, KKM telah melaksanakan penjimatan dalam urusan perbelanjaan perolehan Kerajaan bagi memastikan peruntukan yang diluluskan mencukupi untuk memenuhi keperluan perkhidmatan teras dan rawatan pesakit supaya penjagaan kesihatan tidak terjejas. Penjimatan yang diperolehi adalah berdasarkan kepada perbandingan di antara anggaran harga jabatan dengan harga kontrak yang ditawarkan serta mekanisma rundingan harga yang diadakan dengan syarikat yang dilantik susulan daripada kelulusan khas oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). **Jadual 3.4** menunjukkan pencapaian perolehan KKM tahun 2019 mengikut kategori item perolehan yang telah diuruskan oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan.

**Jadual 3.4**  
**Pencapaian Perolehan KKM 2019**

BIL	KATEGORI PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)	PENJIMATAN (RM)	PENJIMATAN (%)
1.	Farmaseutikal	2,054,390,016.12	402,447,717.40	20
2.	Peralatan Perubatan	266,199,651.48	40,970,203.61	15
3.	Perkhidmatan	669,500,113.33	53,916,612.57	8
4.	ICT	437,124,184.82	14,446,185.17	3
5.	Percetakan	2,183,058.50	1,150,266.05	53
6.	Toner/MTO	19,995,992.97	3,385,770.13	17
7.	Ayam	62,147,389.95	0.00	0
<b>JUMLAH</b>		<b>3,511,540,407.17</b>	<b>516,316,754.93</b>	<b>15</b>

Sumber: Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, KKM

## PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Jumlah keseluruhan aset alih KKM sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 2,634,04 unit aset dengan nilai perolehan berjumlah RM11,391,613,939.42. Setiap PTJ harus melaksanakan pemeriksaan ke atas semua Aset Alih Kerajaan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun. Ini adalah bagi memastikan aset alih yang digunakan adalah selamat dan masih berfungsi pada tahap optima.

## PELAKSANAAN SISTEM e-PEROLEHAN (eP)

Sistem ePerolehan (eP) dibangunkan dari tahun 2000 bagi membolehkan agensi kerajaan melakukan perolehan bekalan dan perkhidmatan secara atas talian dengan pembekal-pembekal Kerajaan. Sistem eP adalah salah satu pasaran maya *Government-to-Business* (G2B) terbesar di ASEAN dengan dua (2) juta katalog di atas talian. Mulai Januari 2018, MOF telah memperkenalkan pelaksanaan Sistem eP Baharu. Di kalangan kementerian lain, KKM merupakan pengguna sistem eP yang terbesar dan telah menggunakan sistem eP secara meluas. **Jadual 3.5** menunjukkan pencapaian kementerian dalam penggunaan Sistem eP bagi tahun 2019.

**Jadual 3.5**  
**Pencapaian KKM dalam Penggunaan Sistem eP 2019**

BIL	TAHUN	JUMLAH TRANSAKSI	NILAI TRANSAKSI (RM)	PERUNTUKAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
1	2019	761,437	6,374,843,045.96	7,086,045,636.00	89.96

Sumber: Sistem ePerolehan, KKM

## PROGRAM/PEMBAHARUAN PEROLEHAN

Bahagian Perolehan dan Penswastan telah melaksanakan beberapa program yang melibatkan nilai tambah dalam perolehan dan beberapa pembaharuan dalam kaedah perolehan di Kementerian. **Jadual 3.6** merumuskan program dan pembaharuan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019.

**Jadual 3.6**  
**Program/Pembaharuan Kaedah Perolehan Yang Dilaksanakan**

Program Perjanjian <i>Off-Take</i> (PPO)	Perolehan Bersama Ubat-Ubatan
<p>Program ini bertujuan untuk menggalakkan pengeluar ubat dan peranti perubatan tempatan berstatus <i>Entry Point Project</i> (EPP) bagi menghasilkan produk buatan tempatan untuk dieksport ke luar negara. PPO bertindak sebagai platform untuk membantu pengeluar tempatan bersaing di peringkat antarabangsa selain dapat mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini dan juga pemindahan teknologi baharu dalam bidang yang berkaitan. Sehingga kini, terdapat tiga (3) syarikat yang terlibat dalam program ini iaitu Kotra Pharma Sdn. Bhd., Biocon Sdn. Bhd. dan Vigilenz Medical Devices Sdn. Bhd.</p> <p>Melalui kontrak bersama tiga (3) syarikat ini, nilai pelaburan yang telah dijana adalah sebanyak RM1.215 billion dengan pewujudan sebanyak 700 peluang pekerjaan bagi warga tempatan.</p>	<p>Pihak MOF melalui surat bertarikh 27 Februari 2019 telah memberikan kelulusan untuk perolehan ubat-ubatan secara bersama KKM, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).</p> <p>Kelulusan yang diberikan oleh MOF adalah bagi mengoptimumkan perbelanjaan supaya dapat memberi penjimatan kepada wang kerajaan dan “<i>do more with less</i>”. Ini kerana ketiga-tiga kementerian tersebut terlibat dalam perolehan ubat-ubatan bagi fasiliti kesihatan serta mempunyai aspirasi yang sama untuk mencapai matlamat penjagaan kesihatan berkualiti.</p> <p>Maka, MOF telah meluluskan 85 jenis ubat-ubatan (<i>innovator drugs</i>) sebagai langkah permulaan bagi perolehan secara bersama. MOF juga telah menetapkan lima (5) buah Hospital Pengajar Universiti (HPU) untuk terlibat dalam perolehan ubat-ubatan secara bersama ini seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM);</li> <li>b. Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (PPUKM);</li> <li>c. Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (PPUIA);</li> <li>d. Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM); dan</li> <li>e. Pusat Perubatan Universiti Teknologi MARA (PPUiTM).</li> </ol>

Sumber: Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, KKM

Terdapat empat (4) Perjanjian Konsesi yang berkuat kuasa dan diurus tadbir oleh Bahagian Perolehan dan Penswastaaan seperti berikut:

- i. Perjanjian Konsesi Perolehan Dan Penyelenggaraan Peralatan Perubatan Di klinik-klinik Kementerian Kesihatan Malaysia (Medical Equipment Enhancement Tenure – MEET);
- ii. Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Penyeliaan Dan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing (FOMEMA);
- iii. Perjanjian Konsesi Penswastaaan Makmal Ubat Dan Stor Dengan Pharmaniaga; dan
- iv. Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital.

## HALA TUJU

Bahagian Perolehan dan Penswastaaan sentiasa membantu bahagian dan program lain dalam melaksanakan urusan perolehan yang cekap dan berintegriti ke arah mencapai objektif perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di KKM.

## BAHAGIAN AKAUN

Bahagian Akaun (BA), KKM sebagai Pejabat Perakaunan bertanggungjawab dalam menyediakan dan memantapkan perkhidmatan perakaunan dan kewangan Kerajaan yang komprehensif bagi mempertingkatkan akauntabiliti sektor awam. BA bertanggungjawab memastikan semua urusan bagi KKM diperakaunkan dengan tepat dan sempurna mengikut tempoh yang ditetapkan. Tugas utama BA termasuklah mengurus dan mengakaunkan terimaan dan bayaran termasuk gaji, pengurusan akaun amanah, pelaksanaan sistem perakaunan Kerajaan, pemantauan melalui naziran dan audit serta merancang dan melaksanakan program latihan bagi meningkatkan kompetensi pegawai.

## PENGURUSAN KEWANGAN

### PEMBAYARAN

Secara keseluruhannya, BA KKM telah meluluskan pembayaran bil sebanyak RM2,680,035,613 atau 309,472 bil bagi tahun kewangan 2019 berbanding RM3,856,096,845 atau 306,952 bil pada tahun sebelumnya. Terdapat pengurangan amaun bayaran sebanyak 30.50 peratus walaupun bilangan bil yang diproses meningkat sebanyak 0.82 peratus bagi 44 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) (2018: 49 PTJ) di bawah Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM).

## PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN

Jumlah keseluruhan emolumen yang diproses bagi IPKKM pada tahun 2019 adalah sebanyak RM2.081 bilion melibatkan 30,749 pegawai. Jumlah bayaran emolumen bertambah sebanyak 5.58 peratus daripada RM1.97 bilion tahun 2018 ke RM2.08 bilion tahun 2019. Jumlah keseluruhan emolumen KKM (seluruh Malaysia) pada tahun 2019 adalah sebanyak RM 15,883,255,066.07.

## PENGURUSAN AKAUN AMANAH

KKM mempunyai 23 Akaun Amanah iaitu satu (1) Akaun Amanah di bawah Seksyen 10 dan 22 Akaun Amanah di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957.

- i. **Akaun Amanah di bawah Seksyen 10, Akta Acara Kewangan 1957**  
Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan (KWATBP) ditubuhkan bertujuan untuk membantu membiayai kos rawatan perubatan kepada golongan yang tidak berkemampuan. Baki KWATBP pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM71,498,079.69.
- ii. **Akaun Amanah di bawah Seksyen 9, Akta Acara Kewangan 1957**  
Terdapat 22 Akaun Amanah di bawah Seksyen 9 yang diselenggara oleh BA, KKM. Baki Akaun Amanah sehingga 31 Disember 2019 dengan jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM27,863,322.34.


## PENGURUSAN AKAUN DEPOSIT

KKM mempunyai 14 Akaun Deposit. Baki Akaun Deposit sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM128,701,875.00. Daripada 14 Akaun Deposit tersebut, lima (5) Akaun Deposit melibatkan deposit bayaran cagaran bagi kemasukan ke hospital dan deposit peralatan pesakit dengan jumlah RM69,061,804.39. Manakala sembilan (9) Akaun Deposit berjumlah RM59,640,070.61 melibatkan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), Deposit Kuarters, Deposit Am dan lain-lain deposit berkaitan pengurusan.

## PERAKAUNAN KITARAN HAYAT ASET

Selaras dengan polisi perakaunan akruan, semua aset di bawah kategori Aset Bukan Kewangan yang mempunyai Kitaran Hayat Aset perlu dilaporkan dengan tepat di dalam Penyata Kewangan Kementerian berdasarkan titik pengiktirafan (tarikh) dan pengukuran nilai aset (RM) yang benar dan saksama. Sehingga 31 Disember 2019, kedudukan baki terkumpul Aset Bukan Kewangan adalah sebanyak RM39,851,823,688 seperti di **Rajah 3.2**.

**Rajah 3.2**  
**Kedudukan Baki Terkumpul Aset Bukan Kewangan Sehingga 31 Disember 2019**



*Nota: Data Inventori yang dinyatakan adalah hanya baki akhir 50 dari 84 PTJ Inventori KKM bagi Stor Utama Farmasi sahaja. Data bagi Stor Utama Patologi belum dimuat-naik.  
 Sumber: Sistem iGFMAS*

## PENGURUSAN PRESTASI

KKM terdiri daripada 466 bilangan PTJ di seluruh Malaysia telah memproses sejumlah 1,611,531 baucar pembayaran bil berjumlah RM8,498,748,216.12. Pada tahun 2019, prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari bagi KKM untuk adalah sebanyak 99.80 peratus. Sebanyak 37 peratus (173 PTJ daripada 466 PTJ) telah berjaya melaksanakan pembayaran dalam tempoh 14 hari bagi kesemua bil yang diterima. Prestasi pembayaran bil sempurna dalam tempoh 14 hari mencatatkan peningkatan sebanyak 0.68 peratus kepada 99.80 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 sebanyak 99.12 peratus.


## PENGURUSAN RISIKO

Fungsi Unit Naziran dan Auditan Akaun Terimaan Kira-kira Wang Tunai adalah selaras dengan peranan Akauntan Negara Malaysia di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 138 bertujuan untuk pengawasan yang terkawal dan teratur bagi mengelakkan kehilangan kerana penipuan atau kecuiaan dalam pengurusan kewangan kerajaan.

Naziran bayaran yang dijalankan pada tahun 2019 bertujuan untuk mengkaji, memeriksa dan menilai kawalan pengurusan emolumen selaras dengan kewajipan Akauntan Negara di bawah AP 138 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia

Bil. 1 Tahun 2019 mengenai pengawasan yang sesuai diadakan untuk mengelakkan kehilangan kerana penipuan dan kecuiaan di Jabatan. Ianya bagi memastikan tadbir urus di peringkat PTJ adalah teratur serta mengurangkan risiko-risiko yang boleh menyebabkan kerugian di pihak kerajaan.

**Rajah 3.3**  
**Isu-isu Utama Pengurusan Emolumen KKM**



Sumber: Bahagian Akaun, KKM

Lawatan Naziran Terimaan adalah untuk membantu mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan terimaan dan perakaunan hasil KKM bagi mengelakkan ketirisan dan kehilangan wang awam. Berdasarkan kepada penemuan naziran yang telah dijalankan ke-19 Pemungut Utama dan 68 Pemungut Kecil, beberapa cadangan penambahbaikan telah dimaklumkan iaitu pengasingan tugas antara penyedia dan penyelia, ciri-ciri keselamatan di kaunter dan latihan berkaitan prosedur perakaunan.

Pada tahun 2019, Unit Audit Terimaan (UAT) melaksanakan penyeliaan dan semakan dokumen Akaun Terimaan ke atas 430 buah Pejabat Pemungut Utama KKM di seluruh Malaysia bagi memastikan tatacara terimaan dilaksanakan mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Semakan merangkumi penghantaran dokumen Akaun Terimaan mengikut tempoh ditetapkan, surat kebenaran khusus penetapan kuasa yang dikemas kini, kawalan terhadap dokumen terkawal seperti resit serta pungutan dimasukkan ke dalam bank dengan segera dan tepat. Antara penemuan yang dikenal pasti adalah resit dikeluarkan tetapi kutipan tidak atau lewat dimasukkan ke bank, kuantiti resit batal yang tinggi serta tanpa penggantian dan Pejabat Pemungut lewat mengemukakan dokumen Akaun Terimaan ke Bahagian Akaun untuk semakan.

## PERUNDINGAN DAN LATIHAN

Dalam memantapkan kecekapan dan kemahiran pegawai kewangan di PTJ, beberapa siri latihan, kursus dan program melibatkan perakaunan akruan, pengurusan perakaunan dan sistem iGFMAS telah diadakan sepanjang tahun 2019. Senarai program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i. Sesi Libat Urus – 1 Siri
- ii. Kursus Ms. Office – 2 Siri
- iii. Kursus Kewangan (Terimaan, Panjar, Pengurusan Aset, Gaji) – 6 Siri
- iv. Kursus iGFMAS (Pengurusan Emolumen, Pengurusan Aset) – 6 Siri
- v. Kursus MyCost (Perakaunan Pengurusan) – 7 Siri



04

KESIHATAN AWAM



## PENGENALAN

Program Kesihatan Awam (KA) bertanggungjawab membantu individu dan komuniti untuk mencapai tahap kesihatan yang optimum dengan cara menyediakan penjagaan kesihatan asasi. Bagi mencapai misi ini, Program KA menyediakan perkhidmatan yang terdiri daripada kawalan dan pencegahan penyakit, penyembuhan dan penjagaan rehabilitasi melalui integrasi di semua peringkat perkhidmatan rehabilitasi melalui integrasi di semua peringkat perkhidmatan kesihatan dan mempromosi tingkah laku kesihatan supaya ianya menjadi suatu amalan dalam kalangan masyarakat.

## BAHAGIAN PERKEMBANGAN KESIHATAN AWAM

### CAWANGAN DASAR DAN PERKHIDMATAN KESIHATAN AWAM

Salah satu daripada aktiviti teras Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam adalah memberi panduan keperluan dasar berkenaan pembentukan polisi di Perkhidmatan Kesihatan Awam. Platform semasa yang digunakan bagi pembangunan, pemantauan dan evaluasi dasar/polisi Kesihatan Awam adalah melalui Mesyuarat Jawatankuasa EXCO dan Dasar Program Kesihatan Awam yang dipengerusikan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Selain itu, pembentukan polisi Kesihatan Awam ada kalanya diputuskan secara “*top down*” oleh pemegang taruh daripada kalangan pengurusan atasan jabatan mahupun daripada “*political masters*” atas kepentingan nasional khususnya yang memberikan impak langsung kepada masyarakat.

Pada tahun 2019 sesi *Townhall* bersama Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah diadakan pada 12 November 2019 yang telah dihadiri oleh semua Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan Pegawai Kesihatan Daerah. Mesyuarat Teknikal Program Kesihatan Awam dan Seminar Pegawai Kesihatan juga dijalankan sehari sebelum dan selepas sesi *Townhall* tersebut. Objektif mesyuarat ini adalah bagi mengenal pasti pelaksanaan dasar dan perkhidmatan Kesihatan Awam dijalankan dengan berkesan dan membincangkan isu-isu yang timbul dalam pelaksanaan dasar Kesihatan Awam. Ini bertujuan untuk memberitahu hala tuju program dan perkongsian bersama *best practise* antara negeri dan daerah dalam memberikan perkhidmatan kesihatan. Pelbagai isu dan masalah di peringkat negeri dan daerah dibangkitkan untuk dibincangkan melalui sesi dialog yang merupakan agenda tetap bersama Ketua Program Kesihatan Awam bagi mendapatkan keputusan dan jalan penyelesaian.

Sektor Program Khas berfungsi untuk memantau pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat Orang Asli di samping menggubal polisi dan mengenal pasti langkah penambahbaikan bagi memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan masyarakat Orang Asli agar lebih komprehensif, efektif dan holistik.

Kemudahan perkhidmatan kesihatan bagi masyarakat Orang Asli di kawasan bandar, pinggir dan pedalaman terus dilaksanakan bagi tahun 2019 selaras dengan Teras Strategik Tonggak II di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 : Meningkatkan

Kesejahteraan Rakyat dengan Petunjuk Prestasi Utama (PPU) yang mengukur kekerapan lawatan Perkhidmatan Kesihatan ke perkampungan Orang Asli pedalaman. PPU yang ditetapkan adalah lawatan dilaksanakan setiap empat (4) minggu berbanding dengan sasaran ditetapkan sebanyak 80 peratus. Pencapaian keseluruhan PPU bagi tahun 2019 adalah sebanyak 66.2 peratus. Antara punca kegagalan pencapaian PPU adalah isu logistik seperti keadaan jalan yang rosak, cuaca yang tidak mengizinkan dan kerosakan kenderaan Pasukan Bergerak Orang Asli (PBOA). Beberapa projek khas bagi meningkatkan kualiti penyampaian kesihatan kepada masyarakat Orang Asli juga akan diberi keutamaan dalam perancangan *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Ke-12.

Bagi tahun 2019, penyampaian perkhidmatan kesihatan melalui Pasukan Doktor Udara (PDU) yang berpangkalan di Pejabat Kesihatan Daerah Kinta telah dilaksanakan bagi memberi perkhidmatan kesihatan kepada 15 (88 peratus) daripada 17 tapak pendaratan di kawasan pedalaman yang sukar dicapai sama ada melalui jalan darat atau jalan air. Pencapaian lawatan PDU bagi tahun 2019 adalah sebanyak 41.6 peratus daripada 173 penerbangan yang dirancang. Keadaan cuaca yang tidak mengizinkan dan masalah teknikal oleh syarikat helikopter terlibat adalah antara punca utama ketidakcapaian sasaran 80 peratus kekerapan lawatan PDU setiap empat minggu ke tapak pendaratan terbabit.

Pada tahun 2019, sejumlah 641,880 kunjungan melibatkan masyarakat Orang Asli dilaporkan bagi mendapatkan pelbagai perkhidmatan kesihatan KKM yang ditawarkan di bawah Penjagaan Primer kesihatan (**Jadual 4.1**).

Mesyuarat Teknikal Perkhidmatan Kesihatan Orang Asli bersama Pegawai Kesihatan Daerah dari seluruh Malaysia telah diadakan pada 11 November 2019. Seramai 48 orang pegawai dari Pejabat Kesihatan Daerah, Jabatan Kesihatan Negeri, Pegawai Pemakanan Daerah dan Negeri dan Pegawai Teknikal dari Program Kesihatan Awam telah hadir bagi membincangkan dan mencari jalan penyelesaian isu-isu dalam meningkatkan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli.

**Jadual 4.1**  
**Jumlah Lawatan Kesihatan Menggunakan Perkhidmatan Kesihatan Primer KKM Melibatkan Orang Asli, 2019**

Perkhidmatan Kesihatan	Jumlah Lawatan
Pesakit Luar	198,136
Antenatal	102,960
Postnatal	6,332
Perancang Keluarga	94,512
Kesihatan Kanak-Kanak	129,314
Lawatan Rumah	110,626
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>641,880</b>

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

## CAWANGAN PEMBANGUNAN PROFESYEN KESIHATAN AWAM

Cawangan Pembangunan Profesyen Kesihatan Awam berperanan dalam pembangunan dan perkembangan profesyen untuk Program Kesihatan Awam. Cawangan ini perlu memastikan setiap penjawat awam di Program Kesihatan Awam mencapai kompetensi standard yang telah ditetapkan di dalam penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Cawangan ini melaksanakan aktiviti seperti berikut:

- a) Pembangunan Perkhidmatan Kepakaran Perubatan Kesihatan Awam
- b) Perkembangan Profesyen Dalam Program Kesihatan Awam
- d) Modal Insan dan *Continuous Professional Development* (CPD)
- e) Pemantauan Penggunaan Fasiliti Latihan Kesihatan Awam

Bagi pemantapan latihan sumber manusia, sebanyak 6,940 kursus telah dijalankan pada tahun 2019 di seluruh negara dengan perbelanjaan RM11,678,818.28 berbanding 4,101 kursus dengan perbelanjaan RM5,016,700.00 pada tahun 2018. Pada tahun 2019 juga terdapat tiga (3) orang anggota telah dihantar untuk mengikuti latihan jangka pendek luar negara, mengikut jumlah kuota slot yang ditetapkan. Prestasi keseluruhan Program Latihan Dalam Perkhidmatan adalah seperti di **Jadual 4.2**.

Cawangan ini turut bertanggungjawab bagi memantau permohonan dan penggunaan fasiliti kesihatan di Program Kesihatan Awam yang melibatkan penggunaan fasiliti Pejabat Kesihatan Daerah, Klinik Kesihatan dan Makmal Kesihatan Awam bagi tujuan latihan lapangan. Pada tahun 2019, sebanyak 29 permohonan penggunaan fasiliti telah diluluskan iaitu permohonan pembaharuan MoA atau permohonan penambahan yang melibatkan tujuh (7) Program Perubatan, 14 Program Sains Kesihatan Bersekutu dan lapan (8) Program Kejururawatan.

**Jadual 4.2**  
**Prestasi Program Latihan Dalam Perkhidmatan (Dalam dan Luar Negara),  
Program Kesihatan Awam bagi tahun 2018 dan 2019.**

	PRESTASI			
	2018		2019	
	Bil. Kursus Yang Dihadiri	Perbelanjaan (RM)	Bil. Kursus Yang Dihadiri	Perbelanjaan (RM)
<b>LUAR NEGARA</b>	2	39,376.10 (93.75 peratus)	3	66,000.00 (100 peratus)
<b>DALAM NEGARA</b>	4,101	5,016,700.00 (99.37 peratus)	6,940	11,678,818.28 (98.80 peratus)

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen, Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

## CAWANGAN GLOBAL HEALTH

Cawangan *Global Health* memainkan peranan yang amat penting dalam bidang '*global health diplomacy*' di persada antarabangsa. Berikut adalah senarai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Cawangan ini sepanjang tahun 2019.

### PEMANTAUAN WHO PROGRAM BUDGET 2018-2019

Susulan daripada Mesyuarat *70th World Health Assembly* (Mei 2017), Malaysia sebagai negara ahli telah berkolaborasi bersama pihak WHO bagi *WHO Programme Budget 2018-2019*. Pelbagai bahagian daripada Ibu Pejabat KKM telahpun menyertai program ini dan sejumlah 31 projek telah berjaya dilengkapkan semasa tempoh dua (2) tahun (2018-2019).

### WORLD HEALTH DAY 2019 (WHD2019)

Cawangan Global Health bersama pihak WHO telah menganjurkan *World Health Day* pada 8 Mac 2019 di IPKKM. Acara ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad. Tema bagi WHD2019 adalah kesihatan sejagat iaitu *Universal Health Coverage: Everyone, Everywhere*. Komponen '*primary health care in the 21st century as a step towards universal health coverage*' telah dibincangkan.

### 72ND WORLD HEALTH ASSEMBLY (72WHA) – GENEVA

Mesyuarat *72nd World Health Assembly* telah berlangsung pada 20 hingga 28 Mei 2019 di Palais de Nations, Geneva, Switzerland. Delegasi dari Malaysia telah diketuai oleh YBMK, Datuk KPK, bersama 2 pegawai kanan KKM. Mesyuarat ini merupakan mesyuarat WHA pertama di bawah kepimpinan Dr Tedros Adhanom Genreyesus dan Ulangtahun ke-70 WHO telah disambut dengan tema "*Health for All; Commit to Universal Health Coverage*". Semasa mesyuarat ini, Cawangan Global Health telah memainkan peranan yang penting sebagai penyelarar teknikal bagi delegasi dan telah mengetuai beberapa perbincangan di persada antarabangsa. Sebanyak 31 agenda termasuk isu teknikal dan isu pengurusan telah dibincangkan semasa mesyuarat ini manakala sebanyak 18 intervensi telah dibentangkan oleh delegasi Malaysia.

### LATIHAN SANGKUTAN RASMI PEGAWAI KKM DI IBU PEJABAT WHO – GENEVA

Cawangan Global Health telah menghantar tujuh (7) pegawai kanan KKM di bawah program latihan sangkutan rasmi di antara KKM dengan Ibu Pejabat WHO menerusi Bahagian Pengurusan Latihan, KKM. Pegawai-pegawai tersebut adalah dari Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, Perkembangan Perubatan dan Farmasi. Di antara unit-unit teknikal di WHO yang telah dilawat oleh delegasi ini selama tiga (3) hari adalah: *WHO; Global TB Programme, Neglected Tropical Diseases, Medicines Vaccines & Pharmaceuticals, Global Malaria Programme, Health Work Force, Gender Equity & Human Rights, HIV/Global Hepatitis Programme*.

## **MESYUARAT KESIHATAN AWAM ANTARABANGSA 22<sup>ND</sup> BRUNEI DARUSSALAM-INDONESIA-MALAYSIA-SINGAPORE-THAILAND (BIMST)**

Mesyuarat ini telah berlangsung dari 30 hingga 31 Julai 2019 di Brunei Darussalam. Delegasi dari Malaysia diwakili oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Awam Sarawak dan seorang pegawai kanan dari seksyen Global Health, Bahagian Perkembangan Kesihatan. Pembentangan dari Malaysia yang telah disampaikan bertajuk "*Rabies Outbreak in Sarawak*" di mana inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Malaysia untuk mengatasi wabak tersebut di 2017 telah dibentangkan.

## **70<sup>TH</sup> REGIONAL COMMITTEE MEETING WESTERN PACIFIC REGIONAL OFFICE WHO**

Mesyuarat ini telah berlangsung dari 7 hingga 11 Oktober 2019 di Manila, Philippines. Mesyuarat ini dihadiri oleh 34 negara ahli dan delegasi Malaysia telah diketuai oleh YBMK dan Datuk KPK bersama dua (2) orang pegawai kanan dari BPKA (Dr. Juliana Paul) dan BPKK (Dr. Rokiah Ahmad). Fokus utama Malaysia adalah pada agenda: (i) *Ageing & Health*; (ii) *Tobacco control*; (iii) *Anti Microbial Resistance*; and (iv) *Protecting Children from Harmful Impact of Food*. *The progress reports on technical programmes covered the following: (i) Health security; (ii) NCD & Mental Health; (iii) Climate change, environment and health; (iv) Action Plan on Healthy Newborn infants; (v) Measles and Rubella Elimination; (vi) Implementation of Ending TB Strategy and HIV, Viral Hepatitis and Sexually Transmitted Infections.*

## **14<sup>TH</sup> ASEAN SENIOR OFFICIALS MEETING ON HEALTH DEVELOPMENT (SOMHD) MEETING, SIAM REAP, CAMBODIA (2 HINGGA 5 APRIL 2019)**

Delegasi Malaysia diketuai oleh TKPK (KA), Dato' Dr Chong Chee Keong. Mesyuarat ini membincangkan program kerja bagi Kluster 1, 2, 3 dan 4. Pembentangan dari Malaysia yang disampaikan di mesyuarat ini bertajuk "*updates on the enhancement of the ASEAN Risk Assessment Centre on Food and ASEAN Food Safety Regulatory Framework*".

## **4<sup>TH</sup> ASEAN HEALTH CLUSTER 3: STRENGTHENING HEALTH SYSTEMS & ACCESS TO CARE**

Mesyuarat ini telah berlangsung dari 10 hingga 11 Julai 2019 di Singapura. Delegasi Malaysia diketuai oleh Dr. Juliana Sharmini Paul (BPKA) dan juga dihadiri oleh pegawai kanan Farmasi, Dr Azuana Ramli. Pembentangan yang disampaikan adalah bertajuk "*Updates on the development on the ASEAN Recommendations in Quality in Primary Care*".

## **HEALTH POLICY & SYSTEMS RESEARCH (HPSR) WORKSHOP**

Cawangan Global Health telah menganjurkan bengkel ini bersama Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK) di Setia Alam. Seramai 50 peserta telah menghadiri bengkel ini dan mereka terdiri daripada warga KKM, kumpulan penyelidik dan akademik dari agensi swasta dan kerajaan. Bengkel ini telah memberikan kesedaran tentang bidang '*Health Policy & Systems Research*' dan telah memperkasakan kefahaman peserta serta hubungan di antara pembangunan polisi dan implementasi proses bagi mencapai objektif kesihatan.



## 7<sup>TH</sup> ISLAMIC CONFERENCE OF HEALTH MINISTERS (7TH ICHM)

Mesyuarat ini telah berlangsung dari 15 hingga 17 Disember 2019 di Abu Dhabi, United Arab Emirates bertemakan 'Quality of Life'. Delegasi dari Malaysia telah diketuai oleh YBMK dan disertai oleh Pengarah BPKA, Dr. Nik Jasmin dan pegawai kanan BPKK. Malaysia telah menyempurnakan tugas sebagai *Lead Country Coordinator* bagi *Thematic Area 4: Medicines, Vaccines & Medical Technologies* bagi tahun 2018-2019. Melalui inisiatif ini, Malaysia telah memainkan peranan yang penting melalui rundingan teknikal dan panduan sejak tahun 2013 bagi tujuan perkongsian ilmu dan pembangunan kapasiti dalam bidang "*promoting access to quality, safe, efficacious and affordable medicines*".

## SEKTOR INSPEKTORAT DAN PERUNDANGAN

Sektor Inspektorat dan Perundangan adalah bertanggungjawab terhadap aktiviti penguatkuasaan perundangan kesihatan awam. Penguatkuasaan dalam bidang Kesihatan Awam terdiri daripada beberapa undang-undang berasingan yang memberi kuasa kepada pegawai yang terlibat untuk melindungi orang ramai daripada ancaman masalah kesihatan. Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan dari semasa ke semasa bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat agar patuh kepada undang-undang negara disamping berkongsi tanggungjawab dalam kawalan penyakit. Secara tidak langsung, aktiviti penguatkuasaan ini akan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam masyarakat. Undang-undang yang berkaitan dengan Kesihatan Awam seperti Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (*Akta 154*), Akta Pencegahan dan Pengawalan Berjangkit 1988 (*Akta 342*), Akta Hidrogen Sianid 1953 (*Akta 260*), Akta Makanan 1983 (*Akta 281*) dan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 adalah di antara beberapa undang-undang yang dikuatkuasakan pada masa ini.

## PENGELUARAN KAD KUASA (AUTORITI)

Semua pegawai penguatkuasa dibekalkan dengan kad kuasa semasa menjalankan tugas penguatkuasaan. Akta Makanan memperuntukkan pegawai penguatkuasa dilantik oleh Menteri Kesihatan sedangkan di dalam lain-lain undang-undang, jawatan pegawai penguatkuasa diperuntukkan dalam undang-undang dengan takrif inspektor dan inspektor kesihatan serta pegawai yang diwakilkan kuasa. Berikut adalah prestasi pemrosesan kad kuasa bagi pegawai diberikuasa seperti di **Jadual 4.3**.

Permohonan pelantikan pegawai penguatkuasa dan kad pengenalan penguatkuasa dipengaruhi oleh jumlah lantikan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) dari institusi latihan ke skim perkhidmatan awam termasuk di Pihak Berkuasa Tempatan.

Keperluan untuk pemeriksaan dan penutupan premis makanan semakin bertambah kebelakangan ini dan kuasa ini bukan hanya diberi kepada anggota penguatkuasaan di dalam Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan sahaja malah Pegawai Kesihatan Daerah serta PPKP dari Program Kesihatan Awam juga terlibat secara aktif.

**Jadual 4.3**  
**Pengeluaran Kad Kuasa dari Tahun 2016 hingga 2019**

Jenis Kad Kuasa	2016	2017	2018	2019
Pelantikan Pegawai Penguatkuasa Akta Makanan	434	385	348	547
Penurunan Kuasa mengkompaun Akta Makanan	608	398	269	391
Kad Pengenalan Penguatkuasa	366	355	268	324
Kuasa Penutupan Premis Makanan	231	110	111	114
Kuasa Mengkompaun Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit	36	67	47	46
Pelantikan Pegawai Penguatkuasa Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit	1,911	528	293	327
<b>Jumlah</b>	<b>3,586</b>	<b>1,843</b>	<b>1,336</b>	<b>1,749</b>

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

## **PENGELUARAN LESEN PEWASAPAN**

Pengeluaran lesen pewasapan adalah selaras dengan keperluan Akta Hidrogen Sianid (Pewasapan) 1953 yang mana operator pewasapan memerlukan lesen sebelum menjalankan kerja-kerja pewasapan. Dalam menguatkuasakan Akta Hidrogen Sianid, operator pewasapan wajib menduduki peperiksaan pewasapan dan lesen hanya dikeluarkan apabila operator lulus peperiksaan yang diselaraskan oleh KKM. Aktiviti-aktiviti berkaitan pewasapan adalah seperti berikut:

### **i. Peperiksaan Pewasapan Tahun 2019**

Satu peperiksaan pewasapan telah diadakan di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bangi, Selangor.

### **ii. Kursus Kompetensi Pewasapan Bagi Pegawai Kesihatan Persekitaran/ Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP/PPKP)**

Kursus Kompetensi Pewasapan Bagi PKP/PPKP telah diadakan pada 2 hingga 4 Julai 2019 bertempat di Hotel Titiwangsa, Cameron Highlands, Pahang. Kursus ini adalah bertujuan untuk menilai kecekapan mereka untuk menjalankan pemantauan atau audit di lapangan kelak. Sektor Inspektorat dan Perundangan (SIP) telah menetapkan calon yang menghadiri kursus ini adalah dalam kalangan PKP/PPKP yang bertugas di kawasan pelabuhan atau pintu masuk kerana kebanyakan kerja-kerja pewasapan dilakukan di kawasan tersebut. Bilangan calon yang hadir kursus terbabit adalah seramai 19 orang.



**iii. Permohonan Lesen Pewasapan (Baru)**

Terdapat sebanyak 22 permohonan baru lesen pewasapan pada tahun 2019 iaitu permohonan bagi mereka yang lulus di dalam peperiksaan pewasapan tahun 2018.

**iv. Permohonan Pembaharuan Lesen Pewasapan**

Sepanjang tahun 2019, seramai 230 orang Operator Berlesen telah memohon untuk membaharui lesen pewasapan masing-masing bagi Tahun 2019.

**PENGUATKUASAAN AKTA PEMUSNAHAN SERANGGA PEMBAWA PENYAKIT 1975 (APSPP 1975)**

Operasi penguatkuasaan secara bersepadu dirancang di Program Kesihatan Awam melibatkan operasi bersiri Ops Gempur Aedes. Aktiviti yang dijalankan meliputi perancangan operasi, menyediakan garis panduan operasi, pemantauan penguatkuasaan di lapangan, promosi aktiviti melalui kenyataan media dan penilaian aktiviti penguatkuasaan.

Sebanyak 17 siri operasi telah dijalankan sepanjang tahun 2019 termasuk dua (2) Operasi Gempur Aedes Khas yang telah diadakan dimana setiap satu operasi gempur aedes khas tersebut melibatkan lima (5) siri pada bulan Februari hingga Mac dan bulan Julai hingga Ogos 2019. Tindakan pendakwaan bagi kesalahan di bawah APSPP 1975 didapati meningkat pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 sebelumnya seperti di dalam **Jadual 4.4** di bawah:

**Jadual 4.4**  
**Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975**

Tahun	Bil. Premis Yang Diperiksa	Bil. Premis Yang Positif Pemiakan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Bil. Premis Ditutup	Bil. Kes Daftar Di Mahkamah	Denda Mahkamah
2015	6,167,767	98,565	18,298	416	1,585	RM902,700
2016	5,502,748	116,862	18,017	314	1,885	RM1,293,140
2017	4,623,927	122,927	24,450	196	1,867	RM1,800,560
2018	4,688,302	119,418	21,370	120	2,599	RM3,130,300
2019	4,877,369	161,506	24,869	117	2,665	RM1,037,231

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Bilangan premis yang diperiksa menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 dengan bilangan premis yang positif pembiakan juga menunjukkan peningkatan.

Peningkatan pendaftaran kes di mahkamah adalah selaras dengan ketentuan polisi Kesihatan Awam agar kesalahan berulang di tapak binaan khususnya tidak lagi ditawarkan kompaun dan sebaliknya didakwa di mahkamah. Jumlah kes didaftar di mahkamah paling tinggi pada tahun 2019 adalah sebanyak 2,665 kes. Jumlah denda bagi kes yang telah selesai di mahkamah pada tahun 2019 berjumlah RM 1,037,231.

Disamping merancang aktiviti penguatkuasaan APSPP 1975, beberapa siri audit di lapangan dijalankan agar anggota menjalankan aktiviti berpandukan Prosedur Operasi Piawai (SOP) dan beberapa siri kursus berkaitan aktiviti penguatkuasaan dengan penyelia dan penguatkuasa turut diadakan.

### **PENGUATKUASAAN AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 (APPPB 1988)**

Penguatkuasaan undang-undang di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Berjangkit 1988 (*Akta 342*) menunjukkan penurunan dalam aktiviti pemeriksaan dan penutupan premis yang dijalankan pada tahun 2019. Bilangan premis yang dikeluarkan perintah penutupan ialah sebanyak 731 buah premis pada tahun 2019 berbanding 1,201 premis pada tahun 2018. Notis penutupan yang dikeluarkan kepada pemilik premis adalah bertujuan untuk mendapatkan komitmen mereka dalam aktiviti-aktiviti pencegahan dan kawalan. Di peringkat ini, langkah-langkah menghentikan atau memutuskan rantaian penyebaran penyakit berjangkit adalah sangat penting. Bilangan pemeriksaan premis menunjukkan penurunan iaitu 2,619 pada tahun 2019 berbanding sebanyak 5,573 premis diperiksa pada tahun 2018 seperti dalam **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5**  
**Penguatkuasaan Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988**

Tahun	Bil. premis diperiksa di bawah Seksyen 18(1)	Bil. premis ditutup di bawah Seksyen 18(1)	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah amaun kompaun yang dibayar
2015	8,695	263	4	RM1,400
2016	7,672	555	23	RM7,450
2017	1,919	461	26	RM9,600
2018	5,573	1,201	35	RM19,950
2019	2,619	731	34	RM15,100

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

## PENGUATKUASAAN PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HASIL TEMBAKAU 2004 (PPKHT 2004)

Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 merupakan undang-undang subsidiari di bawah Akta Makanan 1983 (*Akta 281*). Di bawah peraturan-peraturan ini, kesalahan yang sentiasa dipantau melibatkan kegiatan merokok di tempat yang dilarang, penjualan rokok kepada remaja di bawah umur, penjualan rokok dalam paket terbuka, penjualan rokok tanpa amaran kesihatan bergambar serta merokok dalam kalangan remaja bawah umur dan penjualan hasil tembakau di dalam talian (online).

Bilangan kesalahan di bawah peraturan ini telah menunjukkan penurunan daripada 57,268 notis yang dikeluarkan pada tahun 2018 kepada 50,946 notis pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 4.6**. Pada tahun 2019, sebanyak 29,819 kompaun dikeluarkan dengan nilai terkumpul kompaun dibayar berjumlah RM 3.65 juta.

**Jadual 4.6**  
**Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004**

Tahun	Bil Notis seksyen 32B dikeluarkan	Bil. Kompaun Dikeluarkan	Jumlah amaun kompaun yang dibayar
2015	35,350	22,542	RM2,067,501
2016	40,965	19,393	RM2,139,661
2017	45,799	23,571	RM2,511,621
2018	57,268	25,834	RM3,215,366
2019	50,946	29,819	RM3,653,774

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM

Tindakan penguatkuasaan di bawah PPKHT adalah bertujuan agar orang yang merokok mematuhi undang-undang dan mengelakkan daripada pencemaran udara yang dikongsi bersama orang yang tidak merokok. Jumlah penguatkuasa menjadi kekangan dalam menjalankan aktiviti secara sepenuh masa. Pendekatan yang diambil oleh Program Kesihatan Awam adalah dengan menetapkan prioriti kesalahan. Bagi meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di kawasan larangan merokok, seramai 70 orang Polis Bantuan Sunway Group telah dilatih dan diberi penurunan kuasa di bawah Akta Makanan 1983 untuk menjalankan penguatkuasaan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 di dalam premis di Bandar Sunway.

## PENYIASATAN

Penyiasatan kes yang melanggar undang-undang kesihatan awam dijalankan oleh PPKP di daerah masing-masing. Jumlah kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2019 adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 102,122 kes berbanding tahun-tahun sebelumnya seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Penyiasatan Kes di Bawah Undang-Undang Kesihatan Awam**

Tahun	Kertas Siasatan Dibuka	Bil. Izin Dakwa	Bil. NFA
2015	55,054	14,189	165
2016	65,178	14,348	296
2017	83,847	15,506	424
2018	92,376	18,538	575
2019	102,122	20,385	680

Sumber: Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam, KKM


Bagi memantapkan kualiti penyiasatan kes, beberapa siri latihan dalam perkhidmatan seperti Kursus Penyiasatan kepada Pegawai Penyiasat telah dijalankan oleh Sektor Inspektorat dan Perundangan.

## SEKTOR FARMASI KESIHATAN AWAM

Penyampaian perkhidmatan farmasi di kesihatan awam telah diperkukuhkan pada tahun 2019 melalui pemantauan *Key Performance Indicator* (KPI) Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam. Melalui KPI tersebut, didapati bilangan klinik kesihatan yang mencapai prestasi keseluruhan gred A (80 hingga 100 peratus) dalam lawatan penyeliaan farmasi di 453 buah klinik kesihatan dengan Pegawai Farmasi di seluruh negara adalah 87.9 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan (50 peratus). Pemantauan yang dijalankan telah membantu untuk memastikan penyampaian perkhidmatan farmasi di klinik kesihatan yang seragam dan konsisten.

Terdapat peningkatan sebanyak 1.9 peratus bagi jumlah bilangan preskripsi yang diterima di kaunter farmasi klinik kesihatan pada tahun 2019 berbanding jumlah yang diterima pada tahun sebelumnya (**Rajah 4.1**). Peningkatan ini adalah sedikit berbanding dengan peningkatan tahun sebelumnya (10.45 peratus) berikutan pembekalan ubat mencukupi.

**Rajah 4.1**  
**Bilangan Preskripsi yang diterima di Kaunter Farmasi, 2017-2019**



Sumber: Bahagian Farmasi, KKM

## BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT

### CAWANGAN SURVELANS

#### WORLD HEALTH ORGANIZATION JOINT EXTERNAL EVALUATION

Pada 21 Oktober sehingga 25 Oktober 2019, Malaysia telah menjemput seramai 11 pakar yang dipilih oleh pihak WHO untuk menilai pelaksanaan IHR 2005 di Malaysia meliputi 19 bidang teknikal, yang merangkumi keseluruhan 49 indikator. Pihak penilai juga telah membuat lawatan ke beberapa fasiliti yang terpilih daripada pelbagai Kementerian dan agensi.

Pencapaian Malaysia dalam penilaian tersebut adalah seperti berikut:

- i. Malaysia mempunyai sistem keselamatan kesihatan bermatlamat jangka panjang, melalui pembangunan dan pelaksanaan pelan *Malaysia Strategy for Emerging Diseases and Public Health Emergencies Workplan (MySED II)* dan rangka kerja berkaitan.
- ii. Malaysia mempunyai mekanisma yang baik dalam penyelarasan arahan serta kawalan kesiapsiagaan kecemasan kesihatan awam yang melibatkan pelbagai kementerian dan agensi berpandukan Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara yang diselia oleh Agensi Pengurusan Bencana Kebangsaan (NADMA). *Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* KKM pula bertindak sebagai pusat bagi merancang aktiviti kesiapsiagaan, pengumpulan maklumat serta menyelaraskan respon sektor kesihatan.

- iii. Kerjasama melibatkan pelbagai kementerian dan agensi terhadap ancaman keselamatan kesihatan adalah di tahap yang baik, di mana semua kementerian dan agensi terlibat dalam melaksanakan pelan strategik MySED II (2017 hingga 2021).

Antara cadangan yang diusulkan oleh pihak WHO:

- i. Memperkukuhkan sistem keselamatan kesihatan awam berlandaskan pelan strategik MySED II, dan menilai kesiapsiagaan melalui latihan simulasi di pelbagai peringkat serta membuat penambahbaikan ke atas kelemahan-kelemahan yang telah dikenal pasti.
- ii. Meningkatkan koordinasi dan akauntabiliti sektor berkaitan dalam pelaksanaan IHR (2005); termasuk sektor kesihatan manusia dan kesihatan haiwan.
- iii. Meningkatkan penglibatan sektor swasta dalam sistem keselamatan kesihatan, termasuk dalam aspek surveilan, komunikasi risiko dan kesiapsiagaan serta respon.
- iv. Merangka strategi dalam mengoptimalkan tenaga kerja di semua sektor yang berkaitan dalam pelaksanaan IHR.
- v. Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua bahagian, agensi dan Kementerian yang terlibat semasa persediaan sehingga penilaian *Joint External Evaluation (JEE)*.

## SEKTOR PENGURUSAN WABAK DAN BENCANA

### SURVELANS WABAK DAN BENCANA

Pada tahun 2019, sebanyak 3,026 wabak dan 276 bencana dilaporkan ke Sektor Pengurusan Wabak & Bencana. Wabak utama yang dilaporkan adalah HFMD, Keracunan Makanan, Mumps, Campak, Chicken Pox dan ILI/URTI). Bencana utama yang dilaporkan pula adalah banjir, kebakaran, ribut tumpahan merkuri dan kebocoran gas/kimia.

### PENGAKTIFAN PUSAT KESIAPSIAGAAN DAN TINDAKBALAS KRISIS (CPRC) KEBANGSAAN

Pada tahun 2019, *National Crisis Preparedness and Response Centre (CPRC)* telah diaktifkan sebanyak (5) lima kali, iaitu disebabkan oleh kes pencemaran bahan kimia di Sg Kim-kim Johor sebanyak (2) dua kali, kejadian wabak measles dalam kalangan orang asli di Gua Musang Kelantan, pencemaran jerebu di seluruh negara dan kejadian wabak Polio di Sabah.

### **BILIK OPERASI DENGGI NASIONAL**

Bilik operasi Denggi Nasional di CPRC Nasional dalam status surveilan aktif sehingga kini. Bilik operasi ini memantau wabak denggi dan mengkoordinasikan tindakan di seluruh negara. Bilik operasi ini mengadakan mesyuarat harian dan mengeluarkan laporan harian yang akan diedarkan ke pihak yang berkenaan.

### **BILIK OPERASI PENCEMARAN SUNGAI KIM-KIM PASIR GUDANG, JOHOR**

Bilik operasi Pencemaraan Sungai Kim-kim telah diaktifkan bermula 14 Mac 2019 setelah sejumlah 1568 kes telah dilaporkan oleh JKN Johor mengalami masalah kesihatan terutamanya melibatkan penduduk dan murid-murid sekolah yang berada di sekitar kawasan. Bilik operasi ini mengadakan mesyuarat harian dan mengeluarkan laporan harian yang akan diedarkan ke pihak yang berkenaan.

### **BILIK OPERASI WABAK MEASLES KUALA KOH, KELANTAN**

Bilik operasi Measles ini telah dibuka bermula pada 16 Jun 2019 setelah sukarelawan orang asli membuat laporan kepada Pejabat Kesihatan Gua Musang bahawa terdapat sekumpulan orang asli yang mengalami masalah Jangkitan Saluran Pernafasan.

### **BILIK OPERASI GEJALA SESAK NAFAS TAMAN MAWAR PASIR GUDANG JOHOR BAHRU**

Bilik operasi Kejadian Gejala Sesak nafas dalam kalangan Pelajar Di Taman Mawar Pasir Gudang Johor Bahru bermula 5 Julai 2019. Bermula 20 Jun 2019 sehingga 5 Julai 2019 sebanyak 1,138 kejadian gejala sesak nafas dalam kalangan pelajar yang tinggal berhampiran dengan kawasan Taman Mawar Pasir Gudang telah dilaporkan.

### **BILIK OPERASI JEREBU**

Bilik operasi Jerebu telah diaktifkan bermula pada 18 September 2019 setelah pihak Jabatan Meteorologi memaklumkan bahawa terdapat 5 negeri yang menunjukkan paras indeks pencemaran udara (IPU) sangat tidak sihat iaitu Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Sarawak .

### **BILIK OPERASI POLIO SABAH**

Bilik operasi Polio telah diaktifkan bermula pada 7 Disember 2019 setelah pihak Kementerian kesihatan Malaysia mengisytiharkan kejadian satu (1) kes yang telah disahkan poliomyelitis di Tuaran, Sabah. Kes ini telah disahkan dijangkiti dengan vaccine-derived poliovirus type 1 (VDPV1) pada 6 Disember 2019. Ujian makmal oleh Makmal Rujukan *Polio World Health Organization* (WHO) menunjukkan virus tersebut mempunyai perkaitan genetik dengan VDPV1 yang ditemui di Filipina.

## SEKTOR PENYAKIT KARDIOVASKULAR/DIABETES/KANSER

### KUALITI PERKHIDMATAN DIABETES DI KLINIK KESIHATAN

*The National Diabetes Registry* (NDR) berfungsi untuk memantau status klinikal pesakit diabetes yang mendapatkan rawatan di klinik kesihatan KKM. Pada tahun 2019, 1.6 juta pesakit diabetes telah didaftarkan dan terdapat 890,855 pesakit diabetes dalam rawatan aktif. Lima negeri mencapai sasaran 30 peratus HbA<sub>1c</sub> ≤6.5 peratus; Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, WP Labuan and WP Kuala Lumpur.

### KUALITI PERKHIDMATAN HYPERTENSION DI KLINIK KESIHATAN

Pada tahun 2019, satu audit kebangsaan telah dijalankan untuk memantau status klinikal pesakit yang mendapatkan rawatan *hypertension* di klinik kesihatan KKM. Hanya seramai 59.4 peratus daripada pesakit yang diaudit mencapai sasaran BP <140/90 mmHg. Langkah-langkah penambahbaikan seperti latihan untuk pegawai perubatan akan dijalankan. Audit Kebangsaan ini akan diteruskan setiap tahun untuk mengukuhkan perkhidmatan klinikal pesakit *hypertension* berdasarkan rekomendasi klinikal.

### SALT REDUCTION STRATEGY TO PREVENT AND CONTROL NCD FOR MALAYSIA, 2015 HINGGA 2020

Berdasarkan kajian pengambilan garam dalam kalangan populasi (MyCoSS 2017/2018) pengambilan garam semasa adalah 7.9 gram/hari. Penilaian pertengahan penggal oleh pihak WHO pada tahun 2019 (laporan boleh dimuat-turun dari sesawang KKM) menunjukkan bahawa dalam tiga tahun pertama, strategi ini memberi tumpuan besar dalam menghasilkan sumber pendidikan pengurangan garam yang tertumpu spesifik kepada budaya dan pemantauan secara tepat pengambilan garam oleh penduduk serta kandungan garam dalam makanan. Keberkesanan adalah sederhana dalam mewujudkan mekanisme untuk menyampaikan *output* tersebut kepada penduduk Malaysia dan melibatkan pengilang makanan untuk membuat reformulasi makanan atau melabelkan kandungan garam dalam makanan yang diproses. Walau bagaimanapun, status kemajuan dalam memastikan mesej pengurangan garam, bahan pendidikan dan makanan rendah garam terproses dapat dicapai dan diterima pakai oleh penduduk Malaysia adalah masih rendah.

### PROGRAM SARINGAN KANSER KOLOREKTAL KEBANGSAAN

Program Saringan Kanser Kolorektal menggunakan *immunological Fecal Occult Blood Test* (iFOBT) diikuti dengan kolonoskopi telah dimulakan oleh KKM pada tahun 2014. Kumpulan sasar ialah individu berumur 50 hingga 75 tahun tanpa mempunyai tanda dan gejala. Disebabkan oleh kekangan sumber khususnya aspek perkhidmatan kolonoskopi, KKM hanya dapat menyaring kurang dari satu peratus penduduk Malaysia yang layak setiap tahun. Pada tahun 2019 seramai 31,452 klien telah disaring dan 8.5 peratus didapati positif iFOBT serta dirujuk untuk kolonoskopi. Walau bagaimanapun, daripada kesemua yang dirujuk, hanya 53.5 peratus menjalani ujian kolonoskopi dan daripada jumlah ini, 2.7 peratus disahkan menghidap kanser manakala 24.6 peratus dikesan mempunyai polip usus.



## VERIFIKASI DATA KEMATIAN YANG TIDAK DISAHKAN SECARA PERUBATAN SEBAGAI SATU SISTEM DI MALAYSIA (*VERBAL AUTOPSY*)

Verbal Autopsy (VA) atau Verifikasi Data Kematian Yang Tidak Disahkan Secara Perubatan (NMCD) merupakan usaha KKM untuk menaikkan peratus Kematian Yang Disahkan Secara Perubatan (MCD) dari 48.5 peratus pada tahun 2014 kepada 80 peratus pada tahun 2024 dan untuk menambah baik penyebab kematian kes MCD menurut *International Classification of Diseases 10th Revision (ICD-10)*. Bagi melaksanakan VA, KKM mendapatkan kerjasama dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Hasil dari pelaksanaan VA kepada data NMCD 2018, peratusan NMCD telah dapat ditingkatkan dari 57.9 peratus pada tahun 2017 kepada 68.2 peratus pada tahun 2018.

## SEKTOR KAWALAN TEMBAKAU DAN URUSETIA FCTC

Selaras dengan Artikel 8, *WHO Framework Convention on Tobacco Control (FCTC)*, KKM telah mewartakan tempat makan terbuka sebagai kawasan larangan merokok bermula 1 Januari 2019. Ini adalah merupakan perluasan kawasan larangan merokok sedia ada di mana tempat makan berhawa dingin telah pun diwartakan semenjak tahun 2004. Penguatkuasaan pendidikan telah dilaksanakan terlebih dahulu bagi memberikan kesedaran kepada orang ramai berhubung peraturan terbaru ini sebelum penguatkuasaan sepenuhnya dilaksanakan. Objektif pewartaan kawasan larangan merokok adalah untuk melindungi orang ramai daripada bahaya asap rokok dan membantu perokok untuk berhenti merokok.

Sebagai salah satu cara untuk membantu perokok berhenti merokok, KKM telah melancarkan program mQuit dan memperkenalkan laman web [jomquit.moh.gov.my](http://jomquit.moh.gov.my). Laman web ini juga telah dipromosi dan dipaparkan melalui papan tanda larangan merokok. Sehingga kini, terdapat peningkatan yang ketara terhadap bilangan perokok yang mendaftar untuk berhenti merokok iaitu seramai 1,678 orang telah berdaftar pada tahun 2019 berbanding 485 orang (2018). Sementara itu, bilangan pendaftaran ke perkhidmatan berhenti merokok juga semakin meningkat dari tahun ke tahun di mana pada tahun 2019 sebanyak 22,601 perokok telah berdaftar berbanding 20,032 (2018). Kadar berjaya berhenti merokok adalah sebanyak 51 peratus dalam kalangan mereka yang mempunyai *quit date*.

## SEKTOR INTERVENSI PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT

KOSPEN, singkatan untuk Komuniti Sihat Pembina Negara merupakan satu program intervensi yang melibatkan komuniti untuk mengatasi masalah faktor risiko Penyakit Tidak Berjangkit. Program KOSPEN sudah menjangkau usia lapan tahun dan telah dilaksanakan di 950 buah lokaliti di seluruh negara. Pasa asalnya program ini merangkumi lima skop kesihatan iaitu pemakanan sihat, hidup yang aktif, pengurusan

berat badan, tidak merokok dan saringan faktor risiko. Kini, dua lagi skop kesihatan iaitu kesihatan mental dan pengurangan kemudaratan alkohol telah ditambah dan akan dilaksanakan pada tahun 2020. Sehingga kini, sebanyak 900,000 orang dewasa telah disaring untuk faktor risiko berbanding 821,675 pada tahun 2018. 83 peratus lokaliti melakukan trek 10,000 langkah, 74 peratus lokaliti KOSPEN telah mencapai keperluan Polisi Menu Sihat dan 62.4 peratus telah mencapai sasaran untuk Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR).

## **SEKTOR KESIHATAN MENTAL, PENYALAHGUNAAN SUBSTANS & PENCEGAHAN KECEDERAAN DAN KEGANASAN (MESVIPP)**

### **PROGRAM KESIHATAN MENTAL**

#### **1. Kempen Promosi Kesihatan Mental Let's TALK Minda Sihat**

KKM telah melancarkan kempen kesedaran Kesihatan Mental (2020-2022) iaitu 'Let's TALK Minda Sihat' pada 17 Oktober 2019 dengan tujuan untuk menggalakkan masyarakat secara solidariti bercakap tentang kesihatan mental, mengurangkan stigma di samping meningkatkan kesedaran serta tingkah laku dan juga mencari bantuan bagi mereka yang mengalami masalah kesihatan mental. Strategi pelaksanaan kempen adalah dengan mengadakan kerjasama perkongsian pintar antara agensi awam, swasta, industri, NGO dan badan profesional.

#### **2. Perkhidmatan Kesihatan Mental di Kesihatan Primer**

Sehingga Disember 2019, sebanyak 1,001 klinik kesihatan telah melaksanakan perkhidmatan ini. Penambahbaikan telah dibuat dalam saringan kesihatan mental untuk menggantikan saringan DASS-21 (sedia ada) kepada saringan Patient Health Questionnaire-9 (PHQ-9) dan Generalised Anxiety Disorder-7 (GAD-7) yang lebih spesifik bagi mengesan kemurungan dan keresahan dalam kalangan masyarakat. Lima negeri iaitu Kelantan, Perlis, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan telah dikenal pasti untuk melaksanakan projek rintis dalam penggunaan saringan baru ini.

#### **3. Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial Semasa Bencana (MHPSS)**

Perkhidmatan ini diwujudkan semenjak 2014 untuk memberi perkhidmatan psikososial kepada individu dan petugas yang terlibat dalam bencana atau krisis selari dengan Arahan 20 dalam Majlis Keselamatan Negara. Pada bulan Mac 2019, berlaku tragedi Sungai Kim-Kim berpunca daripada pembuangan bahan kimia terlarang ke Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor. Susulan kejadian ini, pasukan MHPSS negeri Johor telah dimobilisasikan bagi melaksanakan perkhidmatan MPHSS kepada individu yang terlibat dan anggota kesihatan yang menjalankan tugas.

## PROGRAM PENCEGAHAN ALKOHOL DAN PENYALAHGUNAAN SUBSTANS

### 1. Program Pencegahan dan Mengurangkan Kemudaratan Alkohol

Pada 2019, tujuh negeri melaporkan kejadian keracunan metanol disebabkan oleh meminum minuman beralkohol yang dipalsukan. Sebanyak 143 notifikasi kes keracunan metanol yang melibatkan seramai 78 kematian telah dilaporkan. Sehingga Disember 2019, sebanyak 299 klinik kesihatan dan 101 lokaliti komuniti yang telah menjalankan program saringan dan intervensi alkohol di seluruh negara.

### 2. Penyalahgunaan Substans

Program One Stop Centre for Addiction (OSCA) telah dilaksanakan di enam buah klinik kesihatan (KK) mengikut Zon iaitu Zon Utara: KK Butterworth, Zon Tengah: KK Batu 9 Cheras, Zon Selatan: KK Masjid Tanah, Zon Timur: KK Kuala Besut, Zon Sabah: KK Menggatal dan Zon Sarawak: KK Tudan.

## PROGRAM PENCEGAHAN KECEDEeraan DAN KEGANASAN

### 1. One Stop Crisis Centre (OSCC)

Reten surveilan OSCC tahun 2019 mendapati 83.6% kes mangsa deraan seksual adalah dari golongan kanak-kanak dan remaja. Carta alir bagi pengendalian rujukan kes-kes disyaki didera dan berkaitan dengan penderaan seksual bagi kanak-kanak dan remaja daripada fasiliti kesihatan awam ke OSCC telah ditambah baik bagi memastikan kelancaran proses rujukan kes-kes ini ke OSCC di hospital.

### 2. Dekriminalisasi Cubaan Bunuh Diri

Usaha untuk mendekriminalisasikan cubaan bunuh diri telah dibuat dengan mengadakan sesi *engagement* bersama Pejabat Peguam Negara ke arah meminda peruntukan di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan. Ini bertujuan untuk menggalakkan individu yang cuba untuk membunuh diri tampil mendapatkan rawatan dan tidak menjenayahkan cubaan bunuh diri. Usaha ini masih dalam proses perbincangan.

## SEKTOR KESIHATAN PEKERJAAN DAN KESIHATAN ALAM SEKITAR

### PROGRAM KESIHATAN PEKERJAAN

#### Sharps Injury Surveillance (SIS) dalam kalangan Anggota KKM

Sebanyak 1,486 kes kecederaan alatan tajam telah dinotifikasikan kepada Unit Kesihatan Pekerjaan, KKM dari 1 Januari 2019 sehingga 14 Januari 2020. Jumlah kes yang dilaporkan tahun ini menurun sebanyak 11.2 peratus berbanding tahun 2018 dengan 1,652 kes.

#### Surveillance Notification of Accidents, Dangerous Occurrence, Occupational Poisoning and Occupational Diseases (NADOPOD) dalam kalangan Anggota KKM

Jumlah kes kemalangan dan kecederaan (tidak termasuk kecederaan alatan tajam klinikal) yang dilaporkan dalam kalangan anggota KKM pada tahun 2019 adalah

1,564 kes berbanding 1,385 kes (2018), peningkatan sebanyak 11.4 peratus. Pada tahun 2019, terdapat peningkatan sebanyak 1.8 peratus kes keracunan iaitu 109 kes keracunan yang dinotifikasi berbanding 107 (2018). Sejumlah 146 kes *occupational lung diseases* telah dinotifikasi pada tahun 2019 berbanding 167 (2018). Manakala, tahun 2019 merekodkan 117 kes *occupational skin diseases* dinotifikasi berbanding 107 kes (2018). Pada tahun 2019, sejumlah 24 kes *Occupational Noise Induced Hearing Loss (NIHL)* dilaporkan berbanding 48 kes (2018).

### **Program KOSPEN Plus**

Pada tahun 2019, terdapat sejumlah 223 agensi awam dan swasta yang telah mula mengimplementasikan program KOSPEN Plus di seluruh negara. Pada tahun yang sama, melalui KOSPEN Plus, sebanyak 10,773 (88.04 peratus) pekerja yang layak, telah disaring untuk faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit. Pada tahun 2019 juga, KKM telah menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) bersama Bintulu Port Holding dan AIMST University. Inisiatif Kompleks E-Sihat Sejahtera telah dilancarkan pada 19 April 2020 melibatkan empat kementerian iaitu KKM, Kementerian Pendidikan, Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Inisiatif Kompleks E-Sihat Sejahtera melibatkan dua pasukan bertindak iaitu pasukan bertindak KOSPEN Plus dan pasukan bertindak Inisiatif Hijau.

## **PROGRAM KESIHATAN ALAM SEKITAR**

### **Pemeriksaan Kesihatan Persekitaran Institusi dan Penilaian Risiko Kesihatan Laporan EIA**

Sebanyak 1,005 pemeriksaan kesihatan persekitaran institusi telah dilakukan pada tahun 2019, merangkumi pelbagai setting seperti Depo Tahanan, Penjara, Kem *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) dan pusat jagaan harian bagi warga emas, anak yatim, OKU, dan pusat rehabilitasi. Sebanyak 78 laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) telah disemak pada tahun 2019.

### **Bencana: Jerebu, Gelombang Haba dan Banjir**

Unit ini juga memantau *trend* penyakit berkaitan alam sekitar akibat bencana alam, pencemaran udara dan gelombang panas. Sebanyak 34 penyakit yang berkaitan dengan cuaca panas dilaporkan pada tahun 2019. Terdapat dua (2) episod banjir yang berlaku dengan bilangan mangsa 37,678 orang dan satu (1) kematian. Pemantauan kumulatif kes penyakit berkaitan jerebu iaitu penyakit Asthma, Conjunctivitis, dan URTI yang dipantau dari Minggu Epid 27 hingga 39 tahun 2019 di 33 klinik sentinel terjejas jerebu adalah 16,148, 3745 dan 106,189 kes masing-masing.

## **SEKTOR HUMAN IMMUNODEFICIENCY VIRUS (HIV)/SEXUAL TRANSMITTED INFECTION (STI)/HEPATITIS C**

Pada peringkat awal wabak HIV, faktor risiko utama jangkitan adalah melalui perkongsian jarum suntikan dalam kalangan pengguna dadah suntikan. Walau bagaimanapun, terdapat perubahan taburan faktor risiko antara tahun 2000 dan 2019, di mana nisbah penggunaan dadah suntikan/transmisi seksual telah menurun dari 4.00 ke 0.05. Penurunan tersebut adalah hasil daripada program pengurangan kemudaratan yang berjaya dilaksanakan oleh KKM semenjak tahun 2006. Kini,


transmisi seksual telah menjadi faktor risiko bagi 94% kes baru HIV. Malaysia masih jauh dalam mencapai sasaran 'Ending AIDS' pada tahun 2030 disebabkan liputan rawatan masih lagi rendah, iaitu 55 peratus berbanding dengan sasaran 90 peratus.

Antara strategi inovatif bagi mengurangkan jangkitan HIV baru adalah:

1. Memperluaskan perkhidmatan saringan HIV (yang selama ini dijalankan di fasiliti kesihatan statik) ke komuniti, contohnya saringan komuniti oleh sukarelawan NGO, dan *HIV self test kit* (ujian sendiri).
2. Memulakan rawatan *antiretroviral therapy* (ART) secepat mungkin untuk semua golongan "*People Living With HIV/AIDS* (PLHIV)", kerana ART merupakan cara pencegahan penularan HIV yang amat berkesan.
3. Membendung penularan HIV melalui transmisi seksual di populasi risiko tinggi, melalui promosi penggunaan kondom secara konsisten serta mengurangkan penyalahgunaan dadah dan alkohol.

**Rajah 4.2**

**Taburan Notifikasi Kes HIV Berdasarkan Faktor Risiko, Malaysia 2000 hingga 2019**



Nota: PWID – People who inject drugs  
 Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit 2019, KKM

## SEKTOR ZONOSIS

### LEPTOSPIROSIS

Pada tahun 2019, sebanyak 5,217 kes leptospirosis didaftarkan melalui sistem CDCIS e-Notifikasi dengan 32 kematian (kadar kematian kes 0.6 peratus). Kadar insiden leptospirosis adalah 15.61 per 100,000 penduduk (**Rajah 4.3**). Sebanyak 67 peratus kes leptospirosis melibatkan lelaki dan 45 peratus daripada mereka adalah dalam kumpulan umur 25 hingga 55 tahun. Terdapat 24 wabak leptospirosis dilaporkan pada tahun 2019 dan 50 peratus daripadanya melibatkan rumah persendirian.

## RABIES

Bagi tahun 2019 terdapat enam (6) kes rabies dalam kalangan manusia dilaporkan di Sarawak dan kesemuanya telah meninggal dunia. Jumlah keseluruhan kes rabies di Malaysia sejak Julai 2017 adalah 22 kes termasuk 21 kematian. Kesemua kes dilaporkan berlaku di Sarawak, iaitu masing-masing enam (6) kes pada 2017, 10 kes pada 2018 dan enam (6) kes pada 2019. Hanya seorang kanak-kanak yang selamat tetapi mengalami komplikasi neurologi yang teruk.

## EBOLA, NIPAH, DAN PLAGUE

Tiada kes ebola, Nipah dan plague dilaporkan pada tahun 2019.


## BRUCELLOSIS

Pada tahun 2019, sebanyak 10 kes positif brucellosis telah dilaporkan. Kadar insidennya kurang dari 0.5 untuk tempoh 10 tahun kebelakangan ini (**Rajah 4.3**).

## Q FEVER

Pada tahun 2019, tiada kes dilaporkan. Tren kadar insiden Q fever di bawah 0.05 untuk tempoh 10 tahun kebelakangan ini (**Rajah 4.3**).

**Rajah 4.3**  
Tren Kadar Insiden Brucellosis, Q Fever Dan Leptospirosis, Per 100,000 Penduduk, Di Malaysia, 2010 Hingga 2019



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit 2019, KKM


## MELIODOSIS

Pada tahun 2019, terdapat 453 kes melioidosis telah dilaporkan dengan 105 kematian. Sebanyak 34 peratus kes mempunyai masalah kesihatan (co-morbid) yang menyebabkan komplikasi jangkitan. Hanya satu (1) wabak dilaporkan berlaku pada tahun 2019 iaitu di Kedah.

## PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT

Bilangan kes HFMD yang dilaporkan pada tahun 2019 adalah 52,716 dengan kadar insiden 158.11 per 100,000 penduduk. Jumlah ini kurang sebanyak 31 peratus berbanding dengan bilangan kes pada tahun 2018 (76,446). Tiada kematian HFMD dilaporkan pada tahun 2019. Terdapat 1,609 wabak HFMD berlaku pada tahun 2019. *Trend* kes HFMD mengikut notifikasi mingguan adalah seperti pada **Rajah 4.4**. Peratusan *strain* virus HFMD yang utama di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah adalah Coxsackie A16 dengan nisbah masing-masing 96 peratus, 81 peratus dan 67 peratus.

**Rajah 4.4**  
**Tren Notifikasi Mingguan Kes HFMD di Malaysia, 2018 dan 2019**



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit 2019, KKM

## SEKTOR TUBERKULOSIS (TB)/KUSTA

### SURVELANS TB

Jumlah notifikasi kes Tibi bagi tahun 2019 adalah 26,420 kes (kadar notifikasi 81.1 setiap 100,000 penduduk), peningkatan 583 kes (2.3 peratus) berbanding 25,837 kes (kadar notifikasi 78.6 setiap 100,000 penduduk) pada tahun 2018. Jumlah kematian Tibi pada tahun 2019 adalah 1,138 kematian dengan kadar kematian 3.5 setiap 100,000 penduduk. Sabah merupakan negeri dengan jumlah kes Tibi tertinggi iaitu 5,248 kes diikuti oleh Selangor 5,218 kes dan Sarawak 3,066 kes.



## PROGRAM SARINGAN PENYAKIT TB

Pada tahun 2019, sejumlah 177,121 kontak kepada Indeks Kes Tibi telah diperiksa semasa lawatan pertama dan sejumlah 532 Kes Baru Tibi telah didiagnosis dan dirawat.

## ANALISA HASIL RAWATAN TB

Kadar Sukses Rawatan Tibi merupakan indikator penting dalam KPI Program Kawalan Tibi Kebangsaan. Pada tahun 2019, Kadar Sukses Rawatan Tibi bagi warganegara adalah 87 peratus (sasaran 90 peratus) dan bukan warganegara adalah 77 peratus (sasaran 75 peratus).

## SEKTOR PENYAKIT PENCEGAHAN VAKSIN DAN PENYAKIT BAWAAN MAKANAN DAN AIR

### POLIOMYELITIS

Pada tahun 2019, Malaysia dikejutkan dengan kejadian wabak *vaccine-derived poliovirus type 1* (VDPV1) selepas tiga kes disahkan berlaku di Sabah oleh *WHO Polio Regional Reference Laboratory* di Australia. Lima (5) sampel surveilan persekitaran untuk poliovirus turut dikesan *vaccine-derived poliovirus type 1* dan *type2* (VDPV2). Kesemua isolat virus yang dikesan di Sabah ini mempunyai perkaitan genetik dengan virus polio yang dikesan di Filipina, yang turut mengalami wabak polio sejak September 2019. Susulan wabak polio diisytiharkan berlaku di Sabah, surveilan Acute Flaccid Paralysis (AFP) di Malaysia telah diperkukuhkan dengan sasaran kadar non-polio AFP ditingkatkan kepada 2 kes per 100,000 penduduk berumur bawah 15 tahun bagi seluruh Malaysia dan semua negeri, kecuali bagi Sabah, di mana sasaran ditingkatkan kepada tiga (3) kes per 100,000 penduduk berumur bawah 15 tahun. Surveilan persekitaran untuk pengesanan virus polio juga diperluaskan ke semua daerah di Sabah dan semua negeri di Malaysia. Sebagai salah satu langkah kawalan dan pencegahan wabak polio di Sabah, aktiviti imunisasi tambahan dilaksanakan bermula 27 Disember 2019 melalui Kempen Imunisasi Polio Sabah (KIPS), dengan menyasarkan pemberian dua dos vaksin oral polio bivalent (bOPV) dan monovalent *type 2* (mOPV2) kepada semua kanak-kanak berusia bawah 13 tahun di seluruh Sabah, tidak mengira status kewarganegaraan.

### MEASLES

Pada tahun 2019, telah berlaku wabak *Measles* dalam kalangan Orang Asli suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan, yang melibatkan 110 kes disahkan *Measles* dengan 11 kes kematian di Kelantan. Wabak tersebut turut melibatkan 44 kes disahkan *measles* dengan satu kematian di Terengganu, manakala di Pahang pula, sebanyak 4 kes disahkan *measles* telah dikesan dalam kalangan Orang Asli. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, sebanyak 1,060 kes *measles* dilaporkan dengan kadar insiden 32.3 per 1 juta penduduk, penurunan berbanding 1,958 kes (kadar insiden 59.5 per 1 juta penduduk) pada tahun 2018. Sebanyak 13 kematian *measles* dilaporkan pada tahun 2019 berbanding 6 kematian pada tahun 2018.



## PENYAKIT CEGAHAN VAKSIN LAIN

**Jadual 4.8**  
**Bilangan Kes & Kematian Bagi Penyakit Cegahan Vaksin Lain-lain Tahun 2018**  
**hingga 2019**


Penyakit	2019		2018	
	Bil. Kes	Bil. Kematian	Bil. Kes	Bil. Kematian
Difteria	15	5	18	6
Pertussis	914	19	892	22
Hepatitis B	5,607	107	4,773	69
Neonatal tetanus	13	1	26	6

Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit 2019, KKM

## TIFOID, KOLERA, HEPATITIS A DAN DISENTERI

*Trend* insiden penyakit tifoid, kolera, hepatitis A dan disenteri menunjukkan penurunan antara tahun 2000 hingga 2006 (**Rajah 4.5**). Walau bagaimanapun, tiada perubahan yang ketara ditunjukkan semenjak tahun 2017 sehingga tahun 2019. Semenjak tahun 2016, kadar insiden tahunan untuk penyakit-penyakit tifoid, kolera, hepatitis A dan disenteri adalah di bawah satu (1) bagi 100,000 orang penduduk.

**Rajah 4.5**  
**Trend Insiden Tifoid, Kolera, Hepatitis A dan Disenteri di Malaysia,**  
**2000 hingga 2019**



Sumber: Bahagian Kawalan Penyakit 2019, KKM

## SEKTOR PENYAKIT BAWAAN VEKTOR

### DENGGI

Pada tahun 2019, sebanyak 130,101 kes Demam Denggi dilaporkan berbanding 80,615 kes bagi tempoh yang sama tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 61.4 peratus (49,486 kes). Kadar insiden kes Demam Denggi bagi tahun 2019 adalah 390 bagi setiap 100,000 penduduk berbanding tahun 2018 iaitu 245 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Bagi kematian, sebanyak 182 kematian telah dilaporkan pada tahun 2019 berbanding 147 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 23.8 peratus (35 kematian). Kadar kematian kes pula adalah sebanyak 0.14 peratus pada tahun 2019 berbanding 0.18 peratus pada tahun 2018.

Analisis kejadian kes Denggi pada tahun 2019 juga mendapati sebanyak 68 peratus kes Demam Denggi dan 36 peratus kematian Demam Denggi berlaku di Lembah Klang yang melibatkan negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur-Putrajaya. Analisa juga mendapati 88 peratus daripada kes yang dilaporkan berlaku di kawasan bandar dan 86 peratus lokaliti wabak mempunyai indeks pembiakan *Aedes* yang melebihi tahap yang ditetapkan oleh WHO iaitu 1 peratus.

### CHIKUNGUNYA

Pada tahun 2019, sebanyak 990 kes Chikungunya dilaporkan berbanding 87 kes pada tahun 2018. Tiga negeri yang menunjukkan bilangan kes tertinggi adalah di Negeri Perak (635 kes), Selangor (198 kes) dan Kelantan (74 kes). Tiada kematian Chikungunya dilaporkan pada tahun 2019.

### PROGRAM ELIMINASI MALARIA

Malaysia telah menetapkan sasaran bagi mencapai status eliminasi malaria menjelang tahun 2020 seperti yang ditetapkan oleh Badan Kesihatan Sedunia (WHO). Pada tahun 2018 Malaysia berjaya mencapai sasaran 'Sifar' malaria manusia *indigenous* (jangkitan tempatan) buat pertama kalinya dan berjaya mengekalkan status ini pada tahun 2019. Pada tahun 2019, dua belas (12) daripada 15 buah negeri di Malaysia telah mencapai 'Sifar' malaria manusia *indigenous* (jangkitan tempatan) untuk sekurang-kurangnya tiga (3) tahun berturut-turut. Pencapaian ini mengekalkan kedudukan Malaysia untuk terus berada di landasan yang betul bagi mencapai sasaran eliminasi malaria menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019 Malaysia telah melaporkan 96 kes malaria manusia *introduced* (jangkitan tempatan generasi pertama yang berpunca dari kes manusia import) dan 620 kes malaria manusia import. Bilangan kes malaria *zoonotic* telah menunjukkan penurunan sebanyak 22 peratus daripada 4131 kes pada tahun 2018 kepada 3222 kes pada tahun 2019. Terdapat enam (6) kematian malaria yang kesemuanya melibatkan jangkitan malaria zoonotik. Program Eliminasi Malaria di Malaysia menekankan pelaksanaan strategi pencegahan kemasukan semula jangkitan malaria manusia (*malaria re-introduction*) yang merupakan salah satu keperluan utama dalam pensijilan eliminasi malaria. Di samping itu, kesemua negeri di Malaysia juga telah memulakan penyediaan *dossier* eliminasi malaria serta mengemaskini dokumentasi eliminasi malaria di semua peringkat bagi menghadapi Audit Pensijilan Eliminasi Malaria yang dijadualkan pada tahun 2021.

## PROGRAM ELIMINASI FILARIASIS LIMFATIK KEBANGSAAN

Malaysia sedang melaksanakan Program Eliminasi Filariasis Limfatik Kebangsaan seperti yang ditetapkan oleh WHO. Terdapat 127 mukim endemik (IU) dengan kadar mikrofilaria melebihi satu (1) peratus di lapan (8) negeri iaitu Kedah, Perak, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Sehingga tahun 2019, 106 daripada 127 IU telah mencapai prevalen mikrofilaria kurang daripada satu (1) peratus manakala baki 20 IU telah tamat pusingan pemberian ubat secara beramai-ramai (MDA) dan di dalam fasa *post-MDA surveillance*.

Susulan kegagalan *Transmission Assessment Survey (TAS-2)* di IU Debak pada tahun 2018, pusingan tambahan MDA menggunakan *triple drug regiment* Ivermectin + Diethylcarbamazine + Albendazole (IDA) telah dilaksanakan pada tahun 2019 seperti yang disyorkan oleh WHO dan pusingan kedua akan dijalankan pada tahun 2020.

## JAPANESE ENCEPHALITIS

Pada tahun 2019, terdapat 36 kes JE yang dilaporkan di Malaysia, meningkat lapan (8) kes (28.6 peratus) berbanding 28 kes pada 2018. Sarawak menyumbangkan jumlah tertinggi dengan 11 kes (30.6 peratus); diikuti oleh Sabah 10 kes (27.8 peratus), Perak empat (4) kes (11.1 peratus), Kedah empat (4) kes (11.1 peratus), Negeri Sembilan tiga (3) kes (8.3 peratus), Terengganu dua (2) kes (5.6 peratus) dan masing-masing satu (1) kes (2.8 peratus) di Kelantan dan Pahang. Terdapat empat (4) kematian yang direkodkan tahun lalu iaitu dua (2) kes di Sarawak dan masing-masing satu (1) kes di Perak dan Negeri Sembilan. Kadar insiden (IR) meningkat dari IR 0.08 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun sebelumnya kepada IR 0.11 pada tahun 2019.

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA

### KESIHATAN IBU

Liputan perkhidmatan kesihatan ibu hamil di Malaysia melebihi 95 peratus sejak tahun 2010. Penjagaan ini meliputi lawatan antenatal (sekurang-kurangnya satu lawatan), kelahiran selamat dan lawatan rumah lepas bersalin. Pencapaian bagi tahun 2019 bagi liputan penjagaan tersebut adalah 97.9 peratus, 99.8 peratus dan 110.9 peratus. Purata lawatan ibu hamil ke klinik untuk sesi antenatal ialah 11.5 kali.

Penurunan nisbah kematian ibu (MMR) di Malaysia sejak 50 tahun yang lalu amat membanggakan. Walau bagaimanapun, selepas tahun 2000, situasi lebih mencabar untuk menurunkan lagi nisbah kematian (MMR). MMR menunjukkan tren peningkatan mendadak pada tahun 2016 iaitu MMR 29.1 dan kembali turun kepada 23.5 per 100,000 kelahiran hidup pada 2018. Lima penyebab utama kematian ibu ialah *Associated Medical Conditions, Postpartum Haemorrhage, Pulmonary Embolism, Hypertensive Disorders in pregnancy* dan *Amniotic Fluid Embolism*.

Fasiliti KKM menyediakan pelbagai pilihan kaedah perancang keluarga bagi memenuhi keperluan setiap klien wanita mengikut kesesuaian. Jumlah bilangan penerima baru berdaftar perancang keluarga di Klinik Kesihatan KKM telah meningkat dari 120,698 (2018) kepada 126,086 (2019) orang. Bilangan penerima lanjutan telah meningkat daripada 343,811 pada 2018 kepada 354,987 pada 2019. Kaedah perancang keluarga yang paling banyak digunakan pada tahun 2019 adalah pil perancang (45.4 peratus), suntikan progestogen-only (47.1 peratus) kondom lelaki (7.5 peratus) dan alat dalam rahim (4.4 peratus).

Bagi tahun 2019, salah satu aktiviti utama ialah pelaksanaan pendekatan baru penjagaan pra-kehamilan di peringkat penjagaan kesihatan primer. Ia bermula pada Julai 2019 secara rasmi selepas beberapa sesi taklimat diadakan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Pendekatan ini memberi penekanan kepada intervensi masalah perubatan yang berpotensi menyebabkan komplikasi kepada kehamilan dan sebaliknya. Selain itu, ia juga memberi penekanan penjagaan pra-kehamilan dalam pengendalian masalah perubatan dan kaunseling perancang keluarga. Penjagaan pra-kehamilan bertujuan untuk memastikan status kesihatan wanita yang mempunyai masalah kesihatan berada pada tahap optima sebelum hamil.

## PERKHIDMATAN KESIHATAN KANAK-KANAK


Pada tahun 2019, sebanyak 75.7 peratus populasi kanak-kanak bawah 1 tahun, 47.4 peratus populasi kanak-kanak 1 hingga 4 tahun dan 24.8 peratus kanak-kanak prasekolah (5 hingga 6 tahun) telah menerima Perkhidmatan Kesihatan Kanak-kanak di klinik kesihatan.

## KADAR KEMATIAN NEONATAL, BAYI DAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN

Tren kadar kematian neonatal, bayi dan kanak-kanak bawah 5 tahun (U5MR) di Malaysia telah mendatar daripada tahun 2000 hingga 2018 (**Rajah 4.6**). Kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun pada 2018 menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun 2017. Antara faktor penyebab adalah peningkatan bilangan kematian daripada 4,295 kepada 4,427 serta penurunan kadar kelahiran hidup pada tahun 2018 (Jabatan Perangkaan Malaysia). Negeri Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan U5MR terendah iaitu 7.3, manakala Sabah mencatatkan kadar tertinggi iaitu 12.7 per 1000 kelahiran hidup.

Kematian neonatal (0 hingga 28 hari) merangkumi 2,231 kes (52.4 peratus) daripada keseluruhan kematian kanak-kanak bawah lima (5) tahun. Kematian bayi berumur 28 hari hingga satu (1) tahun adalah 1,301 kes (29.4 peratus) dan kematian kanak-kanak satu (1) hingga empat (4) tahun adalah sebanyak 805 kes (18 peratus). Majoriti kematian dalam kalangan neonatal adalah kes yang tidak dapat dicegah dan antara penyebab utama adalah kecacatan kongenital serta kondisi sewaktu perinatal. Kematian yang boleh dicegah seperti kecederaan dan jangkitan, kebanyakannya adalah dalam kalangan kanak-kanak 28 hari hingga empat (4) tahun. Halatuju program bagi mencapai sasaran SDG 2030 memfokus kepada mengurangkan kematian disebabkan kecederaan dan jangkitan.

**Rajah 4.6**  
**Kadar Kematian Neonatal (NMR), Kadar Kematian Bayi (IMR) dan**  
**Kadar Kematian Kanak-kanak Bawah 5 Tahun (U5MR) Malaysia, 2000 hingga 2018**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## PROGRAM IMUNISASI KEBANGSAAN

Jadual imunisasi MMR telah berubah bermula 1 April 2016 ekoran peningkatan kes campak dalam kalangan kanak-kanak bawah satu (1) tahun pada tahun 2014 dan 2015. Kini imunisasi MMR diberikan kepada kanak-kanak sebanyak dua (2) dos pada umur sembilan (9) bulan dan 12 bulan. Kemunculan wabak polio di negeri Sabah pada Disember 2019 telah memberi kesan negatif kepada status bebas polio Malaysia semenjak tahun 2000.

Liputan vaksin BCG melebihi 95 peratus semenjak tahun 2010. Liputan vaksin DTaP-IPV/Hib juga melebihi 95 peratus, namun kemunculan wabak polio di Sabah menunjukkan terdapat segelintir masyarakat yang tiada imunisasi.

**Jadual 4.9**  
**Liputan Imunisasi Kebangsaan, Malaysia, 2010 hingga 2019**

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019 (p)
BCG	99	98.7	98.7	98.5	98.6	98.5	98.3	98.5	98.4	98.5
DPT-IPV//HiB Dos 3	94.3	99.5	99.7	96.9	96.7	99.0	97.9	98.9	100.2	96.85
Hep B Dos 3	82.6	97.1	98.1	96.3	96.3	99.2	97.9	98.2	100.2	95.88
MMR Dos 1	96.1	95.2	95.4	95.2	92.0	93.1	94.3	93.5	96.6	95.55

*Nota:*

*Denominator – \*Anggaran Kelahiran Hidup*

*\*\*Anggaran Kanak-kanak berumur 1-<2 tahun*

*Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM*

## PERKHIDMATAN KESIHATAN SEKOLAH

Program Kesihatan Sekolah telah ditubuhkan pada tahun 1967 dengan matlamat memastikan kesihatan murid berada pada tahap optima. Perkhidmatan Kesihatan Sekolah diberikan secara berkala kepada murid sekolah bermula daripada prasekolah sehingga murid Tingkatan Empat (4). Perkhidmatan yang ditawarkan merangkumi pendidikan kesihatan, saringan dan pemeriksaan kesihatan, pemberian imunisasi serta rawatan dan rujukan awal. Liputan perkhidmatan bagi murid Tahun Satu, Tahun Enam dan Tingkatan Tiga adalah melebihi 98 peratus sejak lima (5) tahun lepas. Perkhidmatan imunisasi kesihatan sekolah iaitu MR dan DT bagi murid Tahun Satu (1), HPV bagi murid perempuan Tingkatan Satu dan ATT bagi murid Tingkatan Tiga adalah melebihi 95 peratus pada tahun 2019.

Pada tahun 2019, seramai 317,848 (83.6 peratus) murid Tingkatan Empat telah ditawarkan untuk menjalani ujian saringan Thalassaemia. Daripada jumlah tersebut, 288,597 (90.8 peratus) murid telah mendapat kebenaran ibu bapa untuk menjalani ujian. Seramai 277,496 (96.2 peratus) orang murid yang mempunyai kebenaran bertulis telah menjalani ujian saringan. Keputusan ujian saringan dengan *Full Blood Count* mendapati murid yang disyaki Pembawa Thalassaemia adalah sebanyak 69,028 orang (24.9 peratus). Manakala murid yang disyaki anemia akibat kekurangan zat besi adalah sebanyak 33,474 orang (12.1 peratus).

## PERKHIDMATAN KESIHATAN REMAJA

Populasi remaja (10-19 tahun) di Malaysia adalah seramai 5,385,700 (17.0 peratus). Seramai 350,567\* remaja (6.5 peratus) telah disaring (melebihi sasaran 5 peratus). Lima masalah utama yang dikenalpasti adalah masalah nutrisi (38,176 orang atau 10.89 peratus), tingkahlaku berisiko (13,019 orang atau 3.71 peratus), masalah fizikal (7,938 orang atau 2.26 peratus), masalah kesihatan seksual dan reproduktif (3,099 orang atau 0.88 peratus) dan masalah kesihatan mental (2,329 orang atau 0.66 peratus).

Kadar Kesuburan Mengikut Umur (ASFR) dalam kalangan remaja 15-19 tahun juga menurun daripada 28/1000 per populasi (1992) kepada 9/1000 (2018) (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Bilangan kes antenatal baru dalam kalangan remaja yang berdaftar di fasiliti kesihatan primer KKM dalam tempoh lima (5) tahun menunjukkan penurunan daripada 13,831 (2015) kepada 10,349 (2019). Daripada jumlah 10,349 tersebut, didapati 40.2 peratus (4,163) tidak berkahwin dan 80.2 peratus (8,298) tidak bersekolah. Negeri dengan statistik remaja hamil berdaftar di fasiliti kesihatan kerajaan tertinggi pada 2019 adalah Sarawak (1,967 kes), diikuti oleh Sabah (1,824 kes) dan Pahang (907 kes) (Data JKN 2019).

Program Generasiku Sayang (GKS) yang dilancarkan pada tahun 2015 adalah salah satu usaha meningkatkan kesedaran dan menurunkan stigma remaja hamil dalam kalangan masyarakat dengan menyediakan intervensi holistik meliputi aspek pencegahan, perlindungan serta bimbingan bersepadu. Ini bagi memastikan kesihatan, keselamatan dan kebajikan ibu serta bayi yang dikandung. Sehingga kini, program ini telah dilaksanakan di semua negeri dengan pendekatan berbeza-beza melalui kerjasama pintar pelbagai agensi kerajaan mahupun swasta.

## PERKHIDMATAN KESIHATAN DEWASA

### PROGRAM SARINGAN KANSER SERVIKS KEBANGSAAN

WHO pada bulan Mei 2018 telah menyeru agar tindakan diambil untuk mencapai eliminasi kanser serviks secara global dengan insidens kurang daripada 4/100,000 penduduk. Pelaksanaan ujian HPV telah diluluskan dalam Mesyuarat Khas KPK Bil. 3/2019 pada 24 Jun 2019 dan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar dan Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia (JDPKK) pada 30 September 2019.

Saringan kanser serviks ditawarkan kepada semua wanita aktif secara seksual di antara umur 30 hingga 65 tahun dan sasaran liputan yang ditetapkan adalah 40 peratus. Ujian HPV ditawarkan kepada wanita aktif secara seksual berusia antara 30 hingga 49 tahun dan sebagai permulaan di empat (4) negeri.



Fasa pertama pelaksanaan ujian HPV bermula pada Ogos 2019 di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kuala Lumpur, Kedah dan Kelantan. Dari Ogos sehingga Disember 2019, seramai 22,073 wanita telah menjalani pemeriksaan HPV dimana 98.9 peratus menggunakan kaedah pensampelan sendiri dan bakinya oleh anggota kesihatan. Daripada jumlah ini, 96 peratus adalah HPV negatif, 1.3 peratus (192) didapati positif HPV 16/18 manakala 3.0 peratus (448) adalah positif HPV risiko tinggi yang bukan 16/18. Kesemua kes positif HPV telah dirujuk kepada pakar gine-onkologi untuk rawatan lanjut.

Liputan Pap smear menunjukkan tren meningkat daripada 23.5 peratus (2014) kepada 26.3 peratus (2017) kemudian menurun kepada 23 peratus (2018) dan kembali meningkat kepada 24.5 peratus (2019). Kadar pengesanan kes positif kanser serviks menunjukkan peningkatan daripada 1.14 peratus (2018) kepada 1.20 peratus.

## **PERKHIDMATAN KESIHATAN LELAKI**

Pada 30 Oktober 2019 Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki Kebangsaan 2018-2023 telah dirasmikan oleh YB Dr. Lee Boon Chye selaku Timbalan Menteri Kesihatan dan dihadiri oleh 600 peserta meliputi pegawai dan anggota pelaksana dari Kementerian Kesihatan dan agensi luar iaitu Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki Kebangsaan menyediakan kerangka kerja dalam mempromosikan kesetaraan *gender* serta meningkatkan kualiti hidup dan kesihatan lelaki.

## **PERKHIDMATAN KESIHATAN ORANG KURANG UPAYA**

### **PERLAKSANAAN SKOP PENJAGAAN PERUBATAN PALIATIF DI KESIHATAN PRIMER**

Perkhidmatan Perawatan Domisiliari (PPD) di 160 klinik kesihatan mula dilaksanakan pada tahun 2014 merangkumi perkhidmatan perawatan dan rehabilitasi kepada pesakit terlantar di rumah. Bermula tahun 2016, skop PPD telah diperluaskan kepada skop penjagaan perubatan paliatif dan dirintiskan di klinik kesihatan PPD terpilih di negeri Selangor. Sehingga kini, sebanyak 39 buah klinik kesihatan di negeri Selangor, Kedah, Perak dan Pulau Pinang, telah memulakan skop penjagaan perubatan paliatif. Berbeza daripada skop perawatan dan rehabilitasi, skop penjagaan perubatan paliatif menekankan peningkatan kualiti hidup pesakit kanser dan pesakit kronik. Pada tahun 2019, KKM telah melancarkan Dasar dan Pelan Strategik Penjagaan Paliatif Kebangsaan (*National Palliative Care Policy and Strategic Plan*) di mana elemen penjagaan paliatif menjadi salah satu elemen penting dalam komuniti.



## KAJI SELIDIK MASALAH KETIDAKUPAYAAN MELALUI NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY

WHO *Global Disability Action Plan 2014-2021* menekankan tentang pengukuhan pengumpulan data yang relevan berkenaan ketidakupayaan. Pada 2015, *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) menunjukkan prevalen individu dewasa di Malaysia dengan ketidakupayaan adalah 11.8 peratus (95 peratus CI: 11.15, 12.53). Prevalen individu dengan ketidakupayaan mendapat penyakit tidak berjangkit adalah dua kali ganda berbanding populasi umum Malaysia. NHMS 2019 bagi *Model Disability* mengguna pakai soalan kaji selidik daripada WHO: *Washington Group on Disability* (WG). Data awal menunjukkan prevalen ketidakupayaan bagi populasi di Malaysia adalah sebanyak 11.2 peratus (mengambil kira semua peringkat umur).

### PERKHIDMATAN KESIHATAN WARGA EMAS

Malaysia dijangka mencapai status 'negara tua' (*aged nation*) menjelang tahun 2030 di mana populasi berumur 60 tahun ke atas melebihi 15 peratus daripada jumlah populasi negara. Fenomena ini akan memberi cabaran dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan warga emas akibat peningkatan beban penyakit tidak berjangkit dan peningkatan ketidakupayaan dan peningkatan perbelanjaan kesihatan negara.

### PENUAAN SIHAT: PERLUASAN SKOP PERANAN JURURAWAT MASYARAKAT DI KLINIK DESA

Sejajar dengan saranan *Policy Framework for Healthy Ageing (World Report on Ageing and Health, World Health Organization, 2015)* dan *Global Strategy & Action Plan on Ageing and Health 2016-2020*, BPKK telah memperkenalkan inisiatif baru dengan perluasan skop peranan Jururawat Masyarakat di klinik desa. Tumpuan diberi kepada pengekal keupayaan fungsi warga emas dengan mencegah penyakit kronik melalui saringan dan pengesanan awal yang dilakukan oleh Jururawat Masyarakat di klinik desa.

Penurunan kadar kelahiran dan penghijrahan penduduk dari kawasan luar bandar ke kawasan bandar menyebabkan kedatangan klien semakin berkurangan di klinik desa. Manakala bilangan warga emas di kawasan luar bandar pula meningkat akibat peningkatan jangka hayat. Bagi mengoptimumkan fungsi, klinik desa dengan kedatangan klien kurang daripada 15 orang sehari dan dikendalikan oleh dua atau lebih Jururawat Masyarakat, dipilih untuk melaksanakan skop tambahan dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas. Pada tahun 2019, inisiatif ini telah dimulakan di 54 buah klinik desa di Pahang dan di 72 buah klinik desa di Perak dan akan diikuti dengan perluasan ke negeri lain pada tahun 2020 secara berfasa.

## MAKLUMAT PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

### TELEPRIMARY CARE (TPC)

*Teleprimary Care* (TPC) adalah Sistem Maklumat Klinik dan Rekod Perubatan Elektronik yang dibangunkan pada tahun 2005 dan kini melibatkan sembilan (9) peratus daripada fasiliti penjagaan kesihatan primer. Sehingga 2019 sebanyak 89 fasiliti penjagaan kesihatan primer dan klinik pakar pesakit luar di 6 buah hospital. Pemantauan penggunaan sistem TPC menunjukkan peningkatan dalam kedatangan dan bilangan rekod perubatan. (Jadual 4.10)

**Jadual 4.10**  
**Bilangan Pesakit Yang Baru Didaftarkan, Bilangan Lawatan Pelanggan ke Klinik dan Bilangan Rekod Perubatan (Care Plan) di dalam Sistem TPC dari tahun 2010 hingga 2019**

Tahun	Jenis Dats		
	Bilangan pesakit baru yang didaftarkan	Bilangan lawatan	Bilangan rekod perubatan (Careplan)
2019	612,397	8,551,562	6,812,835
2018	648,203	6,959,285	4,815,177
2017	665,065	8,538,313	4,495,770
2016	633,410	6,638,760	5,689,326
2015	540,947	6,925,753	3,290,237
2014	708,487	7,224,046	2,474,012
2013	685,399	660,6017	2,332,243
2012	749,116	635,6628	2,043,262
2011	860,415	611,5264	1,390,212
2010	808,785	470,2686	881,162
<b>JUMLAH DATA KUMULATIF</b>	<b>6,912,224</b>	<b>68,618,314</b>	<b>32,834,024</b>

Sumber: Pangkalan Data TPC

Sistem TPC di 89 buah klinik kesihatan akan dimigrasi kepada sistem baharu *Teleprimary Care-Oral Health Clinical Information System* (TPC-OHCIS) secara berfasa, bermula awal tahun 2020.. Perluasan projek akan melibatkan klinik kesihatan di tujuh (7) buah negeri iaitu Perlis, Selangor, WPKL dan Putrajaya, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak. Antara aktiviti yang dilaksanakan pada tahun 2019 sebagai persediaan bagi migrasi adalah:

1. Perancangan dan penyediaan dokumen tender bagi migrasi sistem TPC kepada TPC-OHCIS
2. Pemantauan Sistem TPC & TPC-OHCIS termasuk penyelenggaraan sistem
3. Persediaan *change management* dan TOT untuk migrasi sistem TPC kepada TPC-OHCIS


Sistem baharu TPC-OHCIS ini pada mulanya dirintis di enam (6) buah Klinik Kesihatan di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Klinik kesihatan yang terlibat adalah KK Ampangan, KK Mantin, KK Seremban, KK Seremban 2, KK Senawang dan KK Sikamat. Pada tahun 2019, jumlah pesakit baharu yang telah didaftarkan di dalam sistem TPC-OHCIS bagi enam (6) klinik tersebut adalah seramai 61,303 pesakit, manakala jumlah lawatan adalah sebanyak 837,715 lawatan.

### INISIATIF PENGUKUHAN PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER (*EnPHC*)

*Enhanced Primary Healthcare* (EnPHC) merupakan suatu inisiatif untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat Malaysia melalui pendekatan sistematik dalam pengendalian penyakit tidak berjangkit (NCD) di peringkat penjagaan kesihatan primer. Ia memfokuskan kepada tiga komponen utama iaitu komuniti, klinik kesihatan dan kesinambungan penjagaan kesihatan di jaringan perkhidmatan yang berbeza. Intervensi ini menekankan pendekatan penjagaan berfokuskan pelanggan dengan mewujudkan kesedaran kesihatan dan pemerksaan komuniti, perkhidmatan kesihatan yang komprehensif di klinik kesihatan dan integrasi antara penjagaan primer dan sekunder. Melalui EnPHC, risiko penyakit NCD dapat dikesan awal dan intervensi yang wajar dan rawatan awal dapat diberikan. Hasil kajian projek perintis yang dijalankan dari 2017 hingga 2018 oleh Institut Kesihatan Umum mendapati EnPHC intervensi telah meningkatkan bilangan saringan NCD dan pengesanan awal Diabetes Mellitus, Hypertensi dan *Hypercholesterolemia*. Dengan ini, prevalens kes Diabetes yang tidak didiagnos menurun daripada 41 peratus kepada 25 peratus dan *Hypercholesterolemia* daripada 45 peratus kepada 36 peratus. Pada tahun 2019, inisiatif ini telah dilaksanakan di 40 buah klinik kesihatan di negeri Johor, Selangor dan Negeri Sembilan dan akan diperluaskan secara berfasa. Lapan indikator utama yang dipantau adalah seperti berikut:

	<b>Sasaran (Peratus)</b>
i <i>Peratus enrolmen populasi</i>	95.0
ii <i>Peratus populasi disaring</i>	50.0
iii <i>Peratus Hipertensi yang baharu di diagnosis</i>	9.2
iv <i>Peratus Diabetes Mellitus yang baharu di diagnosis</i>	17.2
v <i>Peratus Hyperlipidaemia yang baharu di diagnosis</i>	38.6
vi <i>Peratus yang patuh kepada temujanji klinik</i>	90.0
vii <i>Peratus yang patuh kepada temujanji hospital</i>	100.0
viii <i>Peratus pematuhan kepada temujanji pengambilan ubat susulan</i>	90.0

**Rajah 4.7**  
**Rangka Kerja EnPHC**



Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

## PROJEK MEDICAL EQUIPMENT ENHANCEMENT TENURE (MEET)

Penjanjian konsesi bagi Projek Medical Equipment Enhancement Tenure (MEET) di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd (QMS) telah ditandatangani pada 17 hb April 2014. Di bawah perjanjian ini, sebanyak 52,211 buah peralatan di 1,807 buah fasiliti kesihatan akan diselenggara oleh syarikat QMS bagi tempoh 13 tahun iaitu sehingga Disember 2027. Di samping itu, keperluan peralatan perubatan juga dikenal pasti dan diambil kira dengan cadangan pembekalan 33,710 buah peralatan tambahan *gap*. Peralatan *gap* ini dibekalkan sepanjang tempoh 3 tahun di dalam 12 *batch* (tempoh bagi 1 *batch* ialah 3 bulan). Bagi melancarkan keberkesanaan perjanjian dan meningkatkan pemahaman pihak negeri, satu siri *roadshow* telah diadakan di setiap negeri bermula pada 4 Jun 2014 di negeri Pulau Pinang dan tamat pada 18 Julai di negeri Sarawak. *Roadshow* ini telah dihadiri bersama oleh wakil negeri dan pejabat kesihatan daerah yang terlibat.

## PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN

Perkhidmatan penyelenggaraan peralatan telah dimulakan pada 15 Januari 2015 dan dipantau bersama dengan syarikat konsesi melalui *Computerized Asset Maintenance Management System (CAMMS)*. Di samping itu, sistem CAMMS juga mengandungi maklumat semua fasiliti, kiraan penalti bagi *Key Performance Index (KPI)* yang tidak dicapai dan jadual penyelenggaraan berjadual tahunan.

## PEMBEKALAN PERALATAN GAP

Kerajaan telah memutuskan perolehan peralatan *gap* dibuat melalui proses e-tender dan e-bidding bagi mendapatkan tawaran terbaik. Proses e-tender bagi 114 buah kategori peralatan telah dimulakan pada 5 Januari 2016 melalui iklan di dalam beberapa akhbar tempatan. Bagi memudahkan proses e-tender, peralatan ini telah dibahagikan kepada 10 pakej berdasarkan kepada jenis peralatan dan kegunaannya. Antara pakej tersebut adalah pakej peralatan makmal, farmasi, fisioterapi, radiologi dan pengimejan serta peralatan yang memerlukan kerja-kerja tapak seperti analiser kimia, radiologi dan *biosafety cabinet*. Pembekalan peralatan *gap* telah dimulakan dengan Batch 1 pada 2 September 2016 dan dipantau melalui *Delivery Management System (DMS)*. Di dalam Batch 1, sebanyak 1662 buah peralatan yang terdiri daripada 26 kategori telah dibekalkan ke 424 buah fasiliti Kesihatan. Kesemua peralatan yang dibekalkan telah melalui proses *testing dan commissioning (T&C)* oleh pihak vendor bersama end-user. Batch terakhir (Batch 12) telah tamat pada 31 Ogos 2019 dan sehingga kini, sebanyak 30,889 buah peralatan *gap* telah dibekalkan.

Sebarang perubahan kepada perjanjian konsesi dibuat melalui perjanjian tambahan. Sehingga kini, sebanyak tujuh (7) perjanjian tambahan telah ditandatangani. Antara perjanjian tambahan ialah perjanjian tambahan ke-6 yang mengubah spesifikasi bagi peralatan x-ray konvensional ke computerized radiography. Perjanjian tambahan ke-5 pula melibatkan perubahan kuantiti peralatan yang akan diselenggara di bawah MEET. Melalui perjanjian tambahan ke-7 yang ditandatangani pada 8 September 2017, skop projek MEET telah diperkembangkan bagi meliputi fasiliti baru, tambahan peralatan untuk penyelenggaraan dan perolehan peralatan *gap* tambahan. Di bawah perjanjian tambahan ini sebanyak 235 buah klinik kesihatan baharu telah dikenalpasti menjadikan jumlah fasiliti yang diselenggara kepada 2,067 dengan jumlah peralatan sebanyak 46,190. Sebanyak 3865 buah peralatan *gap* tambahan juga telah dipohon untuk keperluan negeri. Di samping itu, dua kategori baharu iaitu *transcutaneous bilirubinometer* dan *mechanical chest percussion* juga telah diwujudkan bagi menampung keperluan perkhidmatan semasa di bawah perjanjian ini.

Dalam pada itu, sebarang perubahan kuantiti atau pengguguran kategori peralatan dilakukan dengan kelulusan pengurusan tertinggi KKM. Beberapa kategori peralatan *gap* telah digugurkan atas sebab-sebab tertentu. Antaranya ialah *camera identification* yang digugurkan apabila *processor x-ray* ditukar dari jenis konvensional ke *computerized radiography*. Alat *fluid dispenser* pula digugurkan kerana tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan sementara pembekal *glucometer* dan *spirometer low* telah menarik diri dari kontrak pembekalan.

## PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Perkhidmatan Sokongan Klinik, merupakan inisiatif dalam pemberian kontrak kepada pihak ketiga dalam penyelenggaraan klinik kesihatan, dan telah mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015. Pada permulaan, sebanyak 165 buah klinik kesihatan (termasuk klinik pergigian besar) telah dipilih dan telah bertambah kepada 173 buah klinik pada masa ini. Perkhidmatan yang dibekalkan melalui PSK adalah penyelenggaraan kejuruteraan fasiliti, perkhidmatan pembersihan dan pengurusan sisa klinikal. Kontrak polisi adalah satu (1) syarikat bagi setiap negeri.

**Jadual 4.11**  
**Bilangan Klinik Kesihatan Yang Terlibat Dengan PSK Mengikut Negeri 2019**

Bil.	Negeri	Bilangan Klinik Kesihatan	Kontraktor
1	Perlis	2	Warisan Business Solution Sdn Bhd
2	Kedah	12	Paradigm Energy Sdn Bhd
3	Pulau Pinang	9	Edgenta Healthronics Sdn Bhd
4	Perak	14	Teeraz Niaga Sdn Bhd
5	Selangor	21	Produktif Kualiti Medical Supply Sdn Bhd
6	W.P. Kuala Lumpur dan Putrajaya	7	Global View Engineering Sdn Bhd
7	Negeri Sembilan	13	RND Resources Sdn Bhd
8	Melaka	8	NMH Engineering Sdn Bhd
9	Johor	16	Jana Tanmia Resources Sdn Bhd
10	Pahang	13	Mazateknik Sdn Bhd
11	Terengganu	10	Abad Kenanga Sdn Bhd
12	Kelantan	7	Total IFM Sdn Bhd
13	Sabah	20	Jawat Johan Sdn Bhd
14	Sarawak	21	ADL Medical System Sdn Bhd
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>173</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM


## PERKHIDMATAN KESIHATAN KLINIK BERGERAK

Perkhidmatan Klinik Bergerak disediakan untuk meningkatkan akses kepada kesihatan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman. Pada 2019, terdapat 246 pasukan klinik bergerak yang menyediakan perkhidmatan melalui darat (4WD & bas), air (bot) dan udara (helikopter). Perkhidmatan ini telah ditambah baik dengan perolehan 4WD bagi negeri Perak (dua unit), Selangor (dua unit), Negeri Sembilan (dua unit) dan Pahang (dua unit) dibawah peruntukan RP4 RMK-11 sebanyak RM1.6 Juta. Pencapaian bagi tahun 2019 adalah seramai 485,183 orang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan ini. Sebanyak 323 kes baharu diabetes dan 863 kes baharu hipertensi telah didaftar.

## KEDATANGAN PESAKIT DI FASILITI KESIHATAN PRIMER

Rajah 4.8

Jumlah Kedatangan Klinik Kesihatan, Klinik Ibu dan Anak, Klinik Desa dan Klinik Komuniti bagi tahun 2016 sehingga 2019



Sumber: Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM

Rajah di atas menunjukkan beban kedatangan pesakit di empat (4) jenis fasiliti kesihatan primer iaitu Klinik Kesihatan (KK), Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA), Klinik Desa (KD) serta Klinik Komuniti (Kkom) bagi tempoh empat (4) tahun daripada 2016 sehingga 2019. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan jumlah kedatangan pesakit di fasiliti kesihatan primer daripada 69,533,384 kedatangan pada tahun 2016 kepada 75,992,248 pada tahun 2019 iaitu peningkatan sebanyak 8.5 peratus.



## BAHAGIAN PEMAKANAN

Bahagian Pemakanan berfungsi untuk merancang, membangun, melaksana, memantau dan menilai program-program pemakanan. Bagi melaksanakan fungsi-fungsi ini, terdapat tiga cawangan dibawah Bahagian Pemakanan iaitu Cawangan Perancangan dan Dasar Pemakanan, Cawangan Pemakanan Keluarga dan Cawangan Komuniti & Inter Agensi.

### CAWANGAN PERANCANGAN DAN DASAR PEMAKANAN

#### SEMAKAN DASAR PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA (DPKM)



Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia telah dibentuk dan diluluskan oleh kabinet pada tahun 2003. Selepas 15 tahun, dasar ini perlu disemak semula dan dikemas kini selari dengan perkembangan isu-isu semasa berkaitan pemakanan, perubahan corak pemakanan dan peningkatan beban penyakit terutamanya penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan dalam kalangan rakyat Malaysia. Semakan dasar ini turut mengambil kira hala tuju negara dan komitmen di peringkat global dan kebangsaan seperti *Sustainable Development Goals* (SDGs) 2015-2030, *Global Nutrition Targets* (GNTs) 2025

dan Rancangan Malaysia ke-12. Semakan dasar ini telah dimulakan pada tahun 2018 oleh Kumpulan Kerja Teknikal Dasar Pemakanan yang terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi, persatuan dan universiti. Dasar ini dijangka akan dilancarkan pada September 2020. Seterusnya, pelaksanaan Dasar ini diterjemahkan melalui Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, 2016-2025. Diharapkan dasar ini akan menjadi platform kepada kerjasama dan sinergi antara semua sektor kerajaan, swasta, pertubuhan serta agensi ke arah mempertingkatkan taraf kesihatan masyarakat melalui amalan pemakanan sihat.

#### SEMAKAN MALAYSIAN DIETARY GUIDELINES 2010 (MDG)

Garis Panduan Pemakanan Malaysia merupakan rujukan utama pemakanan yang diguna pakai oleh profesional kesihatan untuk mendidik masyarakat Malaysia mengenai amalan pemakanan sihat. Selari dengan sasaran yang telah ditetapkan dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, dokumen ini perlu disemak setiap 10 tahun bagi memastikan ianya terus relevan dengan situasi pemakanan semasa penduduk serta mengambil kira penemuan saintifik pemakanan terkini. Pada 26 hingga 28 Ogos 2019 yang lalu, Mesyuarat Semakan Semula Garis Panduan Pemakanan Malaysia 2010 Siri 1 telah diadakan bagi menghasilkan draf pertama semakan tersebut yang melibatkan pakar-pakar pemakanan di seluruh negara.



## **SEMAKAN SEPARA PELAN TINDAKAN PEMAKANAN KEBANGSAAN MALAYSIA (NPANM) III, 2016-2025**

Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (*National Plan of Action for Nutrition of Malaysia, NPANM*) III, 2016-2025 akan memasuki tempoh separa penggal kedua. Setelah empat tahun pelaksanaan NPANM III, status pelaksanaan aktiviti yang dirangka, jurang serta cabaran yang telah dikenal pasti akan dinilai dan ditambah baik untuk pelaksanaan tempoh separa penggal kedua (2021-2025). Pada 22 hingga 24 Oktober 2019 yang lalu, Mesyuarat Semakan Peringkat Dalam Separat Penggal NPANM III, 2016-2025 telah diadakan sebagai persediaan dalam menetapkan prioriti serta merancang hala tuju strategik program dan inisiatif pemakanan bagi tempoh separa penggal kedua. Proses semakan pelan ini dijangka akan tamat pada November 2020.

## **SEMAKAN PARAS GARIS KEMISKINAN (PGK)**

Pada tahun 2019, pihak Bahagian Pemakanan di bawah Kumpulan Kerja Sekuriti Makanan dan Pemakanan telah dilantik oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mempengerusikan Jawatankuasa Teknikal Semakan PGK bagi komponen 'makanan'. Semakan PGK ini turut melibatkan Jabatan Perangkaan Malaysia bagi komponen 'bukan makanan'. Semakan ini dijalankan selari dengan usaha kerajaan memperbaiki Paras Garis Kemiskinan semasa bagi memastikan golongan miskin menerima bantuan-bantuan sosial yang sepatutnya.

## **SURVELAN PEMAKANAN KEBANGSAAN**

Sistem Survelan Pemakanan Kebangsaan telah dilaksanakan sejak tahun 1989. Sistem ini memainkan peranan yang penting di mana indikator-indikator pemakanan yang dipantau daripada sistem tersebut bukan sahaja dapat digunakan untuk membuat keputusan yang strategik dalam perancangan tetapi juga dalam penilaian dan penambahbaikan program pemakanan. Pengumpulan data pemakanan melibatkan pelbagai sumber termasuklah data pentadbiran di peringkat klinik, survei berkaitan pemakanan di peringkat populasi serta data dari jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada tahun 2019, sistem *e-Reporting* HMIS Perkhidmatan Kesihatan Keluarga telah dinaik taraf kepada versi 2.0 di bawah Projek *Malaysia Health Data Warehouse* (MyHDW). Pelaksanaan menyeluruh sistem ini di semua klinik kesihatan kerajaan adalah mulai tahun 2020. Sistem ini membolehkan parameter atau indikator taraf pemakanan melibatkan semua peringkat umur diperolehi secara *real time monitoring*. Ini secara tidak langsung dapat memperkukuhkan liputan survelan pemakanan dalam kalangan populasi rakyat Malaysia.


Maklumat diperolehi daripada survelan Pemakanan tersebut digunakan bagi memantau pencapaian indikator-indikator impak di peringkat kebangsaan seperti Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM 2016-2025) dan di peringkat antarabangsa seperti *Global Nutrition Target 2025*, *Sustainable Development Goal* dan *Universal Health Coverage* serta *Maternal Infant and Young Child Health* (MIYCN).

## CAWANGAN PEMAKANAN KELUARGA

### STATUS PEMAKANAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN DI MALAYSIA

Pada tahun 2019, peratus kanak-kanak kurang berat badan teruk, dan kurang berat badan sederhana masih kekal sama dengan tahun 2018, tanpa ada penurunan atau peningkatan. Walau bagaimanapun, dilaporkan bahawa terdapat penurunan 0.1 peratus bagi status pemakanan kanak-kanak dengan lebih berat badan dari tahun 2015 hingga tahun 2019 (**Rajah 4.9**). Manakala peratusan kanak-kanak bawah lima (5) tahun dengan berat badan normal juga masih kekal sama pada tahun 2018 dan 2019 iaitu 97.6 peratus.

**Rajah 4.9**  
**Status Pemakanan Kanak-kanak Bawah 5 tahun di Malaysia Bagi Kurang Berat Badan Teruk, Sederhana dan Berlebihan Berat Badan , 2015 hingga 2019**




Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

### PEMAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK KECIL


Pada tahun 2019, peratus bayi disusukan dengan susu ibu sahaja atau secara eksklusif dari lahir hingga berusia enam (6) bulan meningkat dari 66.0 peratus pada tahun 2018 kepada 68.0 peratus (**Rajah 4.10**). Manakala peratus Amalan Pemberian Makanan Pelengkap tepat pada usia bayi enam (6) bulan juga meningkat 97.6 peratus pada tahun 2018 kepada 98.2 peratus pada tahun 2019.

**Rajah 4.10**  
**Peratus Bayi Yang Menyusu Susu Ibu Secara Eksklusif Sehingga Berumur Enam (6) Bulan Dari Tahun 2009 Hingga 2019 Di Malaysia**



Sumber: Laporan Penyusuan Susu Ibu & Amalan Pelengkap, Jabatan Kesihatan Negeri, 2019

**Rajah 4.11**  
**Trend Pemberian Amalan Makanan Pelengkap 2009 hingga 2019**



Sumber: Laporan Penyusuan Susu Ibu & Amalan Pelengkap, Jabatan Kesihatan Negeri, 2019

### INISIATIF HOSPITAL RAKAN BAYI

Inisiatif Hospital Rakan Bayi adalah inisiatif global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF yang bertujuan memberi setiap bayi pemulaan yang terbaik dalam kehidupan dengan mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan yang menyokong penyusuan susu ibu. Sehingga Disember 2019, sebanyak 161 buah hospital yang menyediakan perkhidmatan ibu dan anak di Malaysia telah mendapat pengiktirafan sebagai Hospital Rakan Bayi, yang terdiri daripada 133 buah hospital

di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, 3 buah daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 3 buah daripada Kementerian Pertahanan Malaysia dan 22 buah Hospital Swasta. Pada masa yang sama, pada tahun 2019, sebanyak 33 (97 peratus) buah daripada 34 buah hospital telah menjalani penilaian semula pengiktirafan dengan menggunakan standard *WHO/UNICEF 2009 Global Criteria* telah berjaya mengekalkan status sebagai Hospital Rakan Bayi.


### INISIATIF KLINIK RAKAN BAYI (KRB)

Inisiatif Klinik Bayi Bayi merupakan inisiatif yang menyokong pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi di hospital. Objektif pelaksanaan inisiatif ini adalah menyediakan perkhidmatan dan persekitaran klinik kesihatan yang menyokong amalan penyusuan. Salah satu sebab utama pelaksanaan ini adalah kerana lebih daripada 90 peratus perkhidmatan antenatal dan postnatal dijalankan di klinik kesihatan ibu dan anak. Pada tahun 2019, sebanyak 839 (85.5 peratus) daripada 981 klinik kesihatan dan klinik kesihatan ibu dan anak telah mendapat pengiktirafan Klinik Rakan Bayi.

### PROGRAM PEMULIHAN KANAK-KANAK KEKURANGAN ZAT MAKANAN

Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) adalah usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf pemakanan kanak-kanak kekurangan zat makanan yang berusia 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kurang berat badan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah dan diperluaskan kepada keluarga miskin. Seramai 9,326 kanak-kanak kekurangan zat makanan daripada keluarga dengan pendapatan isi rumah di bawah RM2,000 setiap bulan menerima bantuan bakul makanan pada tahun 2019. Pada tahun 2019, 64.7 peratus telah berjaya meningkatkan berat badan dalam tempoh penilaian yang dijalankan.

**Rajah 4.12**  
**Peratus Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan yang Meningkatkan Berat Badan**




Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM

## PROGRAM COMMUNITY FEEDING (PCF)


Program ini diwujudkan bagi memperkukuhkan pelaksanaan Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1989 bagi meningkatkan status pemakanan kanak-kanak yang berumur enam (6) bulan sehingga enam (6) tahun dalam kalangan Orang Asli. Sehingga Disember 2019, sebanyak 41 buah pusat *community feeding* telah diwujudkan. Pada tahun 2019, seramai 1,206 orang kanak-kanak Orang Asli telah menerima manfaat daripada program ini dengan peratus liputan yang berjaya dicapai adalah 96.1 peratus melebihi sasaran iaitu  $\geq 95$  peratus. Selain itu, daripada 140 orang kanak-kanak Orang Asli yang telah menerima bantuan bakul makanan melalui program PPKZM, 31.0 peratus telah pulih, melebihi sasaran  $\geq 25$  peratus yang telah ditetapkan.

**Rajah 4.13**  
Peratus Pulih Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/ Pribumi Selepas 6 Bulan dalam Program *Community Feeding* Bagi Tahun 2015 hingga 2019



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2019

**Rajah 4.14**  
Peratus Liputan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/Pribumi dalam Program *Community Feeding* Bagi Tahun 2015 hingga 2019




Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2019

## PROGRAM PENCEGAHAN DAN KAWALAN ANEMIA DALAM KALANGAN IBU HAMIL

Anemia akibat kekurangan zat besi mudah terjadi dalam kalangan ibu hamil. Ia berlaku kerana peningkatan keperluan zat besi dan lain-lain nutrien untuk perkembangan janin dan perubahan fisiologi ibu sepanjang fasa kehamilan. Pada tahun 2019, peratus ibu hamil anemia (paras hemoglobin kurang dari 11gm peratus) yang hadir ke klinik kesihatan telah menurun daripada 20.8 peratus pada tahun 2010 kepada 6.4 peratus pada tahun (2019). Ini menunjukkan penurunan yang berterusan dari tahun ke tahun.

**Rajah 4.15**  
**Peratusan Ibu Hamil Anemia (Hb < 11gm %) Pada 36 Minggu Kehamilan Hadir Ke Klinik Kesihatan Kerajaan, 2010 hingga September 2019**



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2019)

## AKTIVITI PEMAKANAN YANG MELIBATKAN IBU BAPA DI TABIKA DAN PRASEKOLAH

Tujuan aktiviti ini adalah untuk memperkasa ibu bapa dengan pemakanan sihat. Pelaporan aktiviti ini bermula pada 2018 dan diteruskan pada 2019 di prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan tabika Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). Sehingga Jun 2019, sebanyak 62.9 peratus (9,939 institusi prasekolah kerajaan) telah menjalankan pelbagai aktiviti pemakanan bersama ibu bapa seperti Projek Pintar Botani/ kebun dapur, demonstrasi masakan, menyediakan bekal makanan sihat dan mewujudkan sudut informasi pemakanan.


## PROGRAM HIDANGAN BERKHASIAH DI SEKOLAH (HiTS)

Program HiTS merupakan hidangan pakej makanan berkhasiat yang terdiri daripada kumpulan makanan berdasarkan Piramid Makanan Malaysia. Ianya disertai secara sukarela oleh murid sekolah rendah. Pada tahun 2019, sebanyak 61 buah sekolah di Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Terengganu dan Sarawak telah menjalankan program ini. Promosi HiTS telah dihebahkan melalui media sosial manakala advokasi HiTS kepada Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia telah dijalankan pada Julai 2019.

## PENJUALAN MAKANAN DAN MINUMAN DI KANTIN SEKOLAH

Sejak 2017, aktiviti pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah telah menggunakan kriteria pemantauan baharu iaitu pemantauan terhadap senarai makanan dan minuman yang boleh dijual dan dilarang untuk dijual. Pegawai Pemakanan, Pegawai Kesihatan Persekitaran dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran memberi bimbingan secara berterusan kepada pengusaha kantin semasa aktiviti pemantauan dijalankan. Pada tahun 2019, liputan aktiviti pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah adalah sebanyak 4,957 buah (59.8 peratus) sekolah daripada jumlah keseluruhan 8,288 buah sekolah. Sekolah-sekolah ini telah dilawati pada tahun 2017 dan 2018 dan lawatan pada tahun 2019 merupakan lawatan susulan dengan tujuan bimbingan secara berterusan. Pada tahun lalu, Labuan mencapai liputan pemantauan tertinggi iaitu 100 peratus (26 buah sekolah) manakala liputan terendah adalah Perlis iaitu 15.0 peratus (16 buah sekolah).

**Rajah 4.16**  
**Liputan Sekolah Yang Dipantau Terhadap Penjualan Makanan Dan Minuman Di Kantin Sekolah Bagi Tahun 2019**



Sumber: Reten KSS5 pind.1, 2017 Jabatan Kesihatan Negeri, 2019

## LATIHAN KATERING SIHAT

Latihan Katering Sihat disasarkan kepada pengusaha dan pengendali makanan dan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka mengenai makan secara sihat dan amalan penyediaan makanan yang bersih, sihat dan selamat. Pada tahun 2019, kesemua 118 daerah/ kawasan/ bahagian telah menjalankan sekurang-kurangnya dua Latihan Katering Sihat di peringkat masing-masing. Di peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), dua latihan juga telah diadakan yang melibatkan pengusaha dan pengendali makanan di premis kementerian di sekitar Putrajaya.

## PENGIKTIRAFAN KAFETERIA SIHAT

Kafeteria Sihat merupakan antara inisiatif KKM dalam menyediakan persekitaran yang menyokong amalan pemakanan sihat, berkhasiat, bersih dan selamat. Inisiatif ini wajib dilaksanakan di semua kafeteria di bawah fasiliti KKM dan turut diperluaskan ke kementerian-kementerian lain dan juga swasta. Sehingga kini, sebanyak 246 premis makanan telah diberikan pengiktirafan sebagai Kafeteria Sihat. Pada tahun 2019, sebanyak 80 kafeteria telah diberi pengiktirafan sebagai Kafeteria Sihat. Antaranya ialah tiga buah kafeteria di Universiti Malaysia Pahang (kampus utama), Universiti Malaysia Pahang (Kampus Gambang) dan AIMST University, Bedong, Kedah dan dua kafeteria di kementerian lain iaitu di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia.

## CAWANGAN KOMUNITI & INTER AGENSI

### INISIATIF LOGO PILIHAN LEBIH SIHAT MALAYSIA

Inisiatif Logo Pilihan Lebih Sihat (*Healthier Choice Logo*, HCL) Malaysia telah dimulakan pada 20 April 2017. Inisiatif ini adalah selari dengan strategi-strategi di bawah Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (*National Plan of Action for Nutrition of Malaysia*, NPANM) III 2016 – 2025 yang menggalakkan pemakanan sihat dan gaya hidup aktif. Produk makanan dan minuman yang diberi pengesahan penggunaan Logo HCL merupakan produk yang lebih sihat berbanding dengan produk lain dalam kategori yang sama dan memenuhi kriteria nutrien yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Objektif HCL Malaysia ialah untuk membantu pengguna membuat pilihan yang bijak dengan hanya merujuk kepada label hadapan bungkusan produk seterusnya mengenal pasti produk yang lebih sihat dalam kategori yang sama. Selain itu, HCL turut menggalakkan pihak industri makanan dan minuman menjalankan reformulasi dan menyediakan produk yang lebih sihat di pasaran.

Jawatankuasa Pakar HCL telah ditubuhkan dan dipertanggungjawab untuk menyemak semula kriteria nutrien HCL semenjak tahun 2018. Bermula 1 April 2019, permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL adalah berpandukan kriteria nutrien HCL yang baru. Sebanyak dua ratus sebelas (211) produk makanan dan minuman telah diberi pengesahan penggunaan Logo HCL sehingga 31 Disember 2019. Pelaksanaan dan pemantapan inisiatif HCL Malaysia memerlukan sokongan dan usaha berterusan daripada semua pihak. Promosi dan advokasi HCL turut dijalankan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman pengguna terhadap HCL Malaysia.

### POLISI LARANGAN MENGIKLAN MAKANAN DAN MINUMAN YANG TINGGI KANDUNGAN LEMAK, GARAM DAN GULA

Polisi Larangan Mengiklan Makanan dan Minuman yang Tinggi Kandungan Lemak, Garam dan Gula yang Boleh Menarik Perhatian Kanak-Kanak merupakan salah satu polisi di bawah Jawatankuasa Kabinet Bagi Persekitaran Hidup Yang Sihat (JPKHS). Polisi ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Februari 2017 dan 1 November 2018. *Malaysia Nutrient Profile List For Food Marketing* telah dibentuk oleh



Jawatankuasa Penetapan Kriteria Nutrien bagi Polisi Larangan Mengiklan Makanan dan Minuman yang Tinggi Kandungan Lemak, Garam dan Gula. Terdapat 15 kategori makanan dan 40 sub-kategori makanan dalam *Malaysia Nutrient Profile List* tersebut. *WHO Nutrient Profile Model For The Western Pacific Region* telah digunakan sebagai rujukan utama dalam pembentukan *Nutrient Profile List* tersebut. Jawatankuasa ini juga telah meneliti maklumbalas dan cadangan pihak-pihak yang berkaitan berhubung penetapan kriteria nutrien Larangan Mengiklan Makanan dan Minuman yang Tinggi Kandungan Lemak, Garam dan Gula melalui beberapa siri mesyuarat yang sepanjang Mac hingga Mei 2019.


Pada 4 hingga 6 September 2019, satu Mesyuarat Pembentukan Garis Panduan/Resolusi Larangan Mengiklan Makanan dan Minuman yang Tinggi Kandungan Lemak, Garam dan Gula telah diadakan di Port Dickson. Mesyuarat ini melibatkan pelbagai agensi dan kementerian. Hasil daripada mesyuarat tersebut, satu Resolusi Larangan Mengiklan Makanan dan Minuman yang Tinggi Kandungan Lemak, Garam dan Gula telah dibentuk dan diserahkan secara rasmi kepada Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia pada 11 November 2019 untuk tujuan pelaksanaan.

#### **PROGRAM PENGURUSAN BERAT BADAN *TRIM & FIT***

Program Pengurusan Berat Badan *Trim & Fit* anjuran Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan satu (1) program intervensi yang telah diadakan sejak tahun 2012 kepada penjawat awam berlebihan berat badan serta obes. Tahun 2019 merupakan siri ketujuh program ini diadakan dan seramai enam puluh lapan (68) orang penjawat awam dari pelbagai agensi kerajaan di Putrajaya seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Bekalan Air dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menyertai program ini. Program ini telah berlangsung selama enam (6) bulan dari bulan Mac hingga September 2019 melibatkan pelbagai aktiviti seperti Seminar *Trim & Fit*, sesi runding cara pemakanan, senaman mingguan, Kembara Pemakanan Sihat di Pasaraya, pendakian Bukit Batu Putih, aquarobik, demonstrasi masakan, *Walk & Hunt Trim & Fit* dan *Trim & Fit Fun Walk*.

Rajah 10 menunjukkan, sepanjang enam (6) bulan intervensi dijalankan, 62 peserta (91.2 peratus) telah berjaya menurunkan berat badan dengan penurunan berat badan tertinggi sebanyak 20.2 peratus iaitu 13.7kg daripada berat badan asal dan mencapai Indeks Jisim Tubuh (IJT) yang normal. Pada pra-program, 29 orang (42.6 peratus) obes 39 orang (57.4 peratus) adalah berlebihan berat badan. Selepas enam (6) bulan intervensi (pasca program), bilangan peserta obes telah menurun kepada 21 orang (30.9 peratus) manakala berlebihan berat badan adalah 41 orang (60.3 peratus). Terdapat enam (6) orang peserta (8.8 peratus) berjaya mencapai berat badan normal.

**Rajah 4.17**  
**Peratus Kategori Indeks Jisim Tubuh (IJT) Peserta Pra Dan Pasca Program**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

### **INISIATIF PEMERKASAAN PERSATUAN IBU BAPA – GURU (PIBG) BAGI MENANGANI MASALAH OBESITI DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH: CARA HIDUP ANDA TERBAIK (C-HAT)**

Inisiatif C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) dilaksanakan bermula pada tahun 2016 hingga 2018. Inisiatif ini merupakan kolaborasi pintar bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah obesiti dalam kalangan pelajar sekolah. Inisiatif ini menggunakan PIBG yang dilatih sebagai duta atau agen perubahan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah amalan pemakanan dan gaya hidup sihat. Strategi yang digunakan dalam pelaksanaan inisiatif ini termasuklah meningkatkan pengetahuan dan kesedaran ibu bapa serta guru mengenai kepentingan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal seterusnya menterjemahkan pengetahuan yang diperolehi dengan mengamal dan membudayakan amalan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal secara berterusan di sekolah dan di luar sekolah.

Secara kumulatif, sebanyak lapan ribu empat ratus dua puluh enam (8,426) buah sekolah (82.6 peratus) dan tujuh belas ribu enam puluh dua orang (17,062) ahli PIBG telah dilatih dari tahun 2016 hingga 2018 di seluruh Malaysia. Tiga (3) siri Mesyuarat Pengukuhan Inisiatif C-HAT telah dijalankan pada tahun 2018 iaitu di Ipoh, Perak bagi Zon Utara & Tengah, di Johor Bahru, Johor bagi Zon Selatan dan di Kuantan, Pahang bagi Zon Timur. Lima (5) siri Mesyuarat Pengukuhan Inisiatif C-HAT telah dijalankan pada tahun 2019 di Sabah, Sarawak serta Labuan. Hasilnya, dua ratus lapan (208) orang Jurulatih Utama Negeri (JUN) telah dilatih di seluruh Malaysia dan akan menggerakkan Pelan Tindakan C-HAT negeri masing-masing. Selain itu, pelbagai aktiviti C-HAT telah dijalankan di banyak sekolah seperti Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS), Program Pengurusan Berat Badan, aktiviti pemakanan, aktiviti fizikal, saringan berat badan, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya.

## KEMPEN MEDIA SOSIAL DAN APLIKASI TELEFON PINTAR 'MYNUTRIDARI 2' (MND 2)

Seiring dengan perkembangan teknologi semasa, Advokasi dan promosi pemakanan turut dipergiat menggunakan platform media sosial. Antara media sosial yang digunakan adalah *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *Youtube Channel*. Sehingga Disember 2019, laman rasmi Facebook Bahagian Pemakanan telah mencapai sebanyak 92,000 orang pengikut, *Instagram* (7000), *Twitter* (2000) dan *Youtube Channel* (355 *subscribers*). Selain itu, aplikasi telefon pintar turut diperkenalkan dan dikenali sebagai 'MyNutriDiari 2' (MND2).



Aplikasi MND2 diharap dapat membantu pengguna memantau jumlah kalori bagi makanan dan minuman yang diambil. Sehingga Disember 2019, lebih dari 127,000 pengguna telah memuat turun aplikasi ini.

## BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN


Bahagian Pendidikan Kesihatan (BPK) telah melaksanakan pelbagai inisiatif and aktiviti promosi kesihatan menerusi kempen kesedaran dan intervensi cara hidup sihat semenjak tahun 1991 sehingga kini. Sebagai peneraju utama dalam pelaksanaan aktiviti promosi kesihatan kebangsaan, BPK memberi fokus kepada kempen dan promosi kesihatan yang berasaskan kepada pemupukan budaya cara hidup sihat menerusi peningkatan literasi kesihatan dan perubahan tingkah laku yang berkekalan. Pelaksanaan program promosi kesihatan tersebut berlandaskan kepada enam (6) inisiatif utama iaitu:

- i. Inisiatif Celik Kesihatan
- ii. Inisiatif Hidup Aktif
- iii. Inisiatif Komunikasi Risiko
- iv. Inisiatif Bebas Asap Rokok dan Modifikasi Tingkah Laku
- v. Inisiatif Promosi Kesihatan di Institusi Pendidikan dan Komuniti
- vi. Inisiatif Persekitaran yang Menyokong Hidup Sihat

### INISIATIF CELIK KESIHATAN

BPK telah menyediakan akses ke portal [www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my) dan [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) serta mengoptimumkan penggunaan media sosial dan media konvensional sebagai saluran popular menyampaikan mesej-mesej kesihatan kepada masyarakat. Landasan *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Telegram*, *Youube*, radio dan televisyen telah digunakan bagi mencetuskan advokasi sosial dalam konteks kesihatan (**Rajah 4.18**). Pada tahun 2019, BPK telah menerbitkan E-Majalah Kesihatan (Edisi *MyHEALTH*) sebanyak enam (6) keluaran (**Rajah 4.19**).

**Rajah 4.18**  
Penggunaan Media Sosial dan Media Konvensional, 2019



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

**Rajah 4.19**  
E-Majalah Kesihatan (Edisi MyHEALTH), 2019



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## INISIATIF HIDUP AKTIF

### 1. Kempen Hidup Aktif: *Big WALK (When Active Living Kicks)*

Kempen *Big WALK* Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 7 April 2019 di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Kempen kolaborasi ini diadakan bersempena dengan *Kuala Lumpur Car Free Morning* bersama DBKL dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menggalakkan rakyat menjalani hidup aktif (**Rajah 4.20** dan **Imej 4.1**).

## Rajah 4.20 Pencapaian Kempen Hidup Aktif: Big WALK (*When Active Living Kicks*)



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## Imej 4.1 Kempen Hidup Aktif: Big WALK (*When Active Living Kicks*)



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## 2. X-BREAK

Merupakan senaman ringan dan regangan yang dilakukan dalam tempoh masa tertentu untuk mengurangkan cara hidup sedentari. Diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan diluluskan oleh kabinet pada tahun 2019, menggesa setiap kementerian melaksanakan X-BREAK dalam waktu bekerja, semasa perbincangan, mesyuarat, bengkel dan kursus.

## Imej 4.2 Kempen X-BREAK



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM



### 3. Program *I Fit And Eat Right (IFitEr)*

Merupakan intervensi kesihatan bagi membantu individu yang menghadapi masalah berat badan berlebihan dan obes untuk menguruskan berat badan mereka menerusi modifikasi tingkah laku aktiviti fizikal dan pemakanan sihat. Aktiviti IFitEr telah dilaksanakan di 23 Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK) yang melibatkan 163 orang Instruktur IFitEr dan 78 orang Pegawai Pendidikan Kesihatan yang berperanan mengendalikan analisa tingkah laku klien. Seramai 320 orang penggerak aktiviti fizikal juga telah menjalani Kursus Akreditasi Penggerak Aktiviti Fizikal (Asas Senamrobik) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS). Para penggerak aktiviti fizikal ini terdiri daripada staf di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM), staf di Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (PPKK), staf kesihatan di negeri dan daerah serta *movers* yang terlatih.

**Rajah 4.21**  
**Pencapaian Program *I Fit And Eat Right (IFitEr)***



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

**Imej 4.3**  
**Aktiviti Program *I Fit And Eat Right (IFitEr)***



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

#### 4. Program Jom Nak Sihat: Parlimen Kuala Selangor

Merupakan sebuah program rintis pengurusan berat badan di komuniti menggunakan modul IFitEr dan telah dijalankan daripada 1 Julai hingga 30 September 2019. Daripada 103 orang peserta yang kekal hingga akhir program, 98 orang peserta berjaya menurunkan sekurang-kurangnya 1 kilogram berat badan dan 20 orang peserta telah berjaya menurunkan berat badan asal sebanyak 10 peratus. Pemenang kategori lelaki bagi program ini telah berjaya menurunkan berat badan sebanyak 24 kilogram daripada 117 kilogram berat badan asal manakala pemenang bagi kategori wanita pula telah berjaya menurunkan sebanyak 13.4 kilogram daripada 66.2 kilogram berat badan asal. Sepanjang program tersebut aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti *boxing session*, *bootcamp challenge*, *aquarobic session* dan *home workout*.

##### Imej 4.4

#### Aktiviti Program Jom Nak Sihat: Parlimen Kuala Selangor



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

#### 5. KOSPEN@Activ

KOSPEN@Activ merupakan inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama *BookDoc* bagi mengalakkan budaya hidup aktif dalam kalangan warga KKM. Aplikasi ini menggunakan konsep permainan menerusi telefon pintar dan *fitness trackers* bagi mengesan bilangan langkah yang dilakukan oleh individu dan diberi ganjaran apabila individu tersebut mencapai tahap tertentu. Setakat 30 November 2019, sebanyak 121,894 (51.95%) orang anggota kesihatan telah memuat turun aplikasi *BookDoc* dan sesi *engagement* yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 615 sesi yang melibatkan jabatan kesihatan di negeri, daerah, hospital dan institusi kesihatan.

##### Rajah 4.5

#### Aktiviti-Aktiviti KOSPEN@ACTIV



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## INISIATIF KOMUNIKASI RISIKO

### 1. *Communication for Behavioural Impact (COMBI)*

Sehingga kini, terdapat sebanyak 2,855 pasukan COMBI dengan 30,958 orang sukarelawan COMBI di seluruh negara. Penubuhan COMBI baharu pula ialah sebanyak 268 dan bilangan pemimpin dan ahli COMBI yang telah dilatih adalah sebanyak 2,812 orang. Bagi aktiviti pencegahan pula, sebanyak 1,972 aktiviti gotong-royong dan 2,978 aktiviti Cari dan Musnah telah dilaksanakan. Aktiviti promosi kesihatan menerusi media cetak dan elektronik pula adalah sebanyak 108,248 dan aktiviti promosi kesihatan secara komunikasi bersemuka pula sebanyak 161,398 sesi.

#### Imej 4.6 Aktiviti Promosi Kesihatan COMBI



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

### 2. Gotong-Royong Mega Perangi Aedes Siri 1 dan 2

Program ini melibatkan komuniti setempat bersama-sama melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran supaya tiada sampah sarap dan bahan takungan air yang menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Gotong-royong Mega diadakan pada setiap tahun secara serentak di seluruh negara. Pada tahun 2019, terdapat dua (2) Gotong-royong Mega yang telah dilaksanakan. Gotong-royong Mega Perangi Aedes Siri 1 telah diadakan di PPR Seri Alam Fasa 2, Cheras, Kuala Lumpur pada 9 Mac 2019 manakala Gotong-royong Mega Perangi Aedes Siri 2 telah diadakan di Taman Bagan Baru, Butterworth, Pulau Pinang pada 15 Mac 2019. Majlis perasmian program tersebut telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia.

#### Imej 4.7 Majlis Perasmian Gotong-royong Mega Perangi Aedes Siri 1 dan Siri 2



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM



### 3. Penglibatan Komuniti Dalam Projek Wolbachia

Nyamuk Aedes BerWolbachia adalah nyamuk yang mengandungi bakteria Wolbachia yang akan merencatkan perkembangan virus denggi di dalam badan nyamuk Aedes bagi mencegah dan mengawal denggi. Terdapat tiga (3) aktiviti utama yang telah dilaksanakan iaitu:

- i. Kajian rintis yang melibatkan dua (2) lokaliti di Selangor telah dimulakan pada Mac 2017.
- ii. Perluasan projek Wolbachia ke lapan (8) lokaliti di Selangor dan tiga (3) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada tahun 2019.
- iii. Pelancaran *Kick-Off* di Apartment Sri Rakyat, Bukit Jalil pada 7 Julai 2019.

Pelbagai aktiviti promosi kesihatan projek Wolbachia telah dilaksanakan di sekitar Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Antaranya, menerusi promosi di media cetak dan elektronik sebanyak 6,497 dan aktiviti promosi kesihatan secara komunikasi bersemuka sebanyak 10,358 sesi.

#### Imej 4.8

#### Aktiviti Projek Wolbachia di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur




Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

### INISIATIF BEBAS ASAP ROKOK DAN MODIFIKASI TINGKAH LAKU

#### 1. Intervensi Modifikasi Tingkah Laku Berhenti Merokok

Perkhidmatan ini diberikan oleh Pegawai Pendidikan Kesihatan di hospital yang menjalankan intervensi modifikasi tingkah laku dalam kalangan perokok yang dirujuk dan klien yang datang secara sukarela. Bilangan klien yang mendaftar di Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok (PKBM) pada tahun 2019 adalah seramai 3,873 orang. Daripada jumlah ini, sebanyak 989 orang klien menetapkan tarikh berhenti merokok dan seramai 517 orang klien berjaya berhenti merokok. Terdapat sedikit penurunan sebanyak 185 klien yang berjaya berhenti merokok berbanding tahun 2018 (**Rajah 4.21**).

**Rajah 4.21**  
**Pencapaian Perkhidmatan Klinik Berhenti Merokok (PKBM) 2015 Hingga 2019**



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## 2. Kempen *Speak Out*

Kempen ini memperkasa golongan bukan perokok di Malaysia menyuarakan hak mereka untuk menyedut udara bersih bebas daripada asap rokok secara berhemah bagi mendapatkan persekitaran bebas asap rokok dan sekaligus memastikan kesihatan paru-paru yang lebih baik. Bersempena dengan kempen *Speak Out*, satu tinjauan telah dijalankan daripada 18 April hingga 31 Mei 2019 dan mendapati 99.6 peratus daripada 3,454 jumlah responden menyokong Kempen *Speak Out* dan 94.5 peratus responden bersetuju perokok yang merokok di sekeliling mereka patut ditegur. Pelbagai aktiviti mempromosikan *Speak Out* telah dilaksanakan seperti promosi melalui media digital dan iklan di media luar, projek intervensi Kampungku Bebas Asap Rokok, aktiviti bersama institut pengajian dan komuniti, Sambutan Hari Tanpa Tembakau Peringkat Kebangsaan setiap tahun dengan tema khusus kempen *Speak Out* dan kolaborasi bersama agensi swasta atau *NGO* bagi memperluas kempen.

**Rajah 4.22**  
**Kempen *Speak Out***



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## INISIATIF PROMOSI KESIHATAN DI INSTITUSI PENDIDIKAN DAN KOMUNITI

### 1. *Symposium Health Promotion in Learning Institutions (HePiLI)*

Symposium *Health Promotion in Learning Institutions (HePiLI)* Peringkat Kebangsaan 2019 telah diadakan pada 7 hingga 9 Oktober 2019 bertempat di Eastin Hotel, Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Puan Teo Nie Ching, Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia bersama dengan Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia. Seramai lebih kurang 500 orang peserta dari seluruh negeri telah hadir, terdiri daripada guru penyelaras dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang simposium berlangsung seperti sesi perkongsian pengantarabangsaan Program HePiLI, sesi perkongsian PROSIS, Sesi *Best Practices* Projek Khas Sekolah Rendah dan Sesi *Best Practices* Inovasi Bahan Bantu Mengajar. Selain itu, aktiviti lain adalah *pocket talk*, sesi perjurian tiga kategori iaitu Inovasi Bahan Bantu Mengajar IMFree, Inovasi Bahan Bantu Mengajar Kelab Doktor Muda Sekolah Rendah dan Inovasi Bahan Bantu Mengajar Sekolah Menengah.

#### Imej 4.9

#### Simposium *Health Promotion in Learning Institutions (HePiLI)* di Eastin Hotel, Kuala Lumpur



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

### 2. Pertandingan Bebas Denggi Institusi Pengajian Tinggi

Pertandingan IPTA Denggi bermula pada tahun 2017 melibatkan tiga Kementerian iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan (Pengajian Tinggi) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan namun pertandingan ini dibuka kepada Universiti Swasta pada 2019 bagi memperluas penyebaran maklumat bahaya demam denggi dan cara memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes dalam kalangan para penuntut universiti. Bagi tahun 2019, Johan adalah Universiti Malaysia Terengganu, Naib Johan dari Universiti Utara Malaysia dan Ketiga UiTM Puncak Perdana.

### Imej 4.10 Pertandingan Institusi Pendidikan Tinggi Bebas Denggi



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

### 3. Hari Denggi ASEAN dan Konvensyen COMBI

Kedua-dua program telah dijalankan secara serentak pada 26 Julai 2019 hingga 28 Julai 2019 di Hotel Seri Iskandar, Perak dan dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad. Kehadiran bagi Konvensyen COMBI adalah terdiri daripada 250 orang ahli COMBI dan 55 orang anggota kesihatan manakala jemputan bagi Hari Denggi ASEAN adalah terdiri daripada Ahli *Postcab*, Pengarah Kesihatan Negeri, Pegawai Vektor Negeri, Pegawai Kaji Serangga Negeri dan Pegawai Pendidikan Kesihatan serta kakitangan Kementerian Kesihatan Negeri.

### Imej 4.11 Hari Denggi ASEAN dan Konvensyen COMBI



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

### INISIATIF PERSEKITARAN YANG MENYOKONG HIDUP SIHAT

#### 1. Kompleks E-Sihat

Bertujuan untuk mewujudkan tempat kerja yang sihat bagi penjawat awam daripada pelbagai kementerian dan agensi di Kompleks E menerusi penglibatan dalam aktiviti cara hidup sihat, aktiviti fizikal dan kesukanan di samping mengeratkan hubungan antara penjawat awam. Perasmian Kompleks E-Sihat telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan pada 19 April 2019 bertempat di ruang legar Galeri, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Blok E10, Kompleks E. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti Challenge Zone, Ladies Aerodance, X-Break, Aero E-Sihat Workout,



Dance Challenge (PS4), Bola Jaring antara Agensi Parcel E (KESKIP), Ujian Kecergasan (MS New Symphony), Preskripsi Senaman Pesakit (MySIHAT), Konsultasi Kesihatan Mental dan Urutan Stress (AKRAB, Unit Kesihatan Mental, JARIEMAS), Saringan Ujian Paru-paru, Pinggan Makanan Sihat, Challenge KOSPEN @Activ (BookDoc 3,000 langkah), Gerai jualan (PUSPANITA) dan Indoor Games (MESCA KPM).

### Imej 4.13 Perasmian Kompleks E-Sihat



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## 2. Pusat Promosi Kesihatan Komuniti (*Wellness Hub*)

*Wellness Hub* ialah pusat yang menyediakan dan melaksanakan intervensi promosi kesihatan yang komprehensif, intensif dan terancang dengan penglibatan aktif komuniti bagi mencapai kesejahteraan hidup komuniti setempat. Terdapat empat (4) kategori aktiviti atau perkhidmatan yang ditawarkan di *Wellness Hub* antaranya seperti:

- i. Saringan atau penilaian tahap kesihatan
- ii. Khidmat runding kesihatan
- iii. Intervensi dan terapi kesihatan
- iv. *Outreach* Cara Hidup Sihat bersama komuniti, sekolah dan tempat kerja

Bagi tahun 2019 bilangan kehadiran klien baru dan klien ulangan ke 24 buah *Wellness Hub* di seluruh negara adalah sebanyak 95,424 orang dan daripada jumlah itu seramai 31,572 orang klien telah berjaya disaring.

### Imej 4.13 Aktiviti di *Wellness Hub*



Sumber: Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM

## HALA TUJU BAHAGIAN PENDIDIKAN KESIHATAN

Sepanjang tahun 2019, BPK telah melaksanakan pelbagai program promosi kesihatan yang melibatkan penyertaan pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin komuniti tempatan serta orang perseorangan. Program promosi kesihatan yang dilaksanakan turut menyediakan persekitaran yang menyokong ke arah penglibatan dan penyertaan rakyat untuk mencapai taraf kesihatan yang baik. BPK juga akan terus melaksanakan program promosi kesihatan sejajar dengan prinsip Piagam Ottawa 1986 bagi membolehkan rakyat mempunyai daya usaha dan kuasa ke arah meningkatkan kesihatan diri untuk mencapai tahap fizikal, mental dan kesejahteraan yang menyeluruh.

# 05 PERUBATAN



## PENGENALAN

Program Perubatan bertanggungjawab ke atas dasar perancangan, pembangunan perkembangan, pemantauan, pengawal seliaan dan pengurusan amalan bagi perkhidmatan perubatan dan fasiliti kesihatan serta profesion perubatan dan profesion yang berkaitan di sektor awam dan swasta. Program ini terdiri dari lima (5) Bahagian iaitu: Bahagian Perkembangan Perubatan, Bahagian Amalan Perubatan, Bahagian Kejuruwatan, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu dan Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari.

## BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN

Bahagian Perkembangan Perubatan bertanggungjawab untuk membuat polisi merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pembangunan perkhidmatan kesihatan. Fokus utama adalah untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan di peringkat hospital bagi membantu kesihatan awam. Semua fungsi ini berada di dalam seliaan cawangan dan unit berikut:

- i. Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan
- ii. Cawangan Pembangunan Profesion Perubatan
- iii. Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
- iv. Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan
- v. Unit Teknikal Bantuan Perubatan

## CAWANGAN PERKEMBANGAN PERKHIDMATAN PERUBATAN

Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan bertanggungjawab untuk menyelaraskan dasar-dasar serta pelaksanaannya bagi semua perkhidmatan perubatan termasuklah perkhidmatan Perubatan, Pembedahan, Kecemasan, Obstetrik & Ginekologi, Pediatrik dan juga Sokongan Klinikal. Cawangan ini juga bertanggungjawab dalam merancang dan memantau pengurusan perkhidmatan perubatan. Selain itu, Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan turut terlibat dalam perancangan, perolehan dan pemantauan peralatan perubatan, *consumables* dan reagen untuk semua perkhidmatan perubatan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.

## UNIT PERKHIDMATAN PENGURUSAN HOSPITAL

Di dalam usaha untuk mempertingkatkan kecekapan pengurusan hospital, KKM telah melaksanakan inisiatif hospital kluster dan membangunkan Sistem *Casemix*. Hospital kluster dilaksanakan melalui penstrukturan semula hospital-hospital KKM daripada satu hospital sebagai satu entiti kepada hospital kluster sebagai satu entiti. Setiap hospital kluster dibentuk melalui gabungan beberapa hospital di lokasi geografi yang sama dan berdekatan dengan melibatkan sekurang-kurangnya satu hospital berpakar. Melalui pembentukan hospital kluster, semua sumber termasuk sumber manusia, kepakaran, peralatan, fasiliti dan lain-lain dapat dioptimumkan dan dikongsi bersama oleh hospital-hospital ini.



Dengan itu perkhidmatan kesihatan yang lebih saksama, efisien, cekap, dan berkualiti dapat di sampaikan kepada masyarakat. Sehingga tahun 2019 KKM telah berjaya membentuk 25 buah hospital kluster melibatkan 88 buah hospital KKM di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 53 hospital merupakan hospital tanpa pakar, manakala selebihnya merupakan hospital berpakar.

Pembentukan hospital kluster dapat meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran terutama di hospital tanpa pakar. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan jumlah pesakit dirawat di klinik pakar telah meningkat daripada 50,000 kepada 70,000 pada 2013 dan 2016 di Hospital Kluster Rintis (Hospital Kluster Pahang Tengah, Hospital Kluster Melaka dan Hospital Kluster Tawau). Dalam tempoh yang sama peningkatan kadar penggunaan katil juga telah meningkat sebanyak 13 peratus. Di samping itu, melalui perkongsian perolehan item-item terpilih penjimatan telah dapat dilaksanakan. Sejumlah penjimatan sebanyak RM1.2 juta telah dapat dilaksanakan. Melalui penjimatan ini hospital dapat terus beroperasi menggunakan peruntukan sedia ada. Pelaksanaan hospital kluster akan terus diperluaskan dan diperkukuhkan bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang lebih mampan dapat disediakan.

Sistem *Casemix* pula dibangunkan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan pesakit serta pengurusan kewangan. Subunit Casemix ditubuhkan di bawah Bahagian Pembangunan Perubatan (BPP) berdasarkan empat (4) prinsip utama iaitu tanggungjawab bersama, kecekapan, ekuiti dan ketelusan. Melalui prinsip ini, pelbagai pihak berkepentingan dalam Kementerian Kesihatan (KKM) bekerjasama untuk mencapai matlamat yang diinginkan seperti menghasilkan maklumat untuk pengurusan yang lebih baik bagi sektor kesihatan, meningkatkan kecekapan peruntukan sumber di seluruh hospital dan meningkatkan ekuiti pembiayaan kesihatan merentasi pelbagai jenis hospital, kawasan geografi, atau kumpulan penduduk.

Aktiviti utama yang telah dijalankan oleh pasukan *Casemix* KKM pada tahun 2019 meliputi aktiviti pengukuhan dan perluasan penggunaan sistem Casemix sebagai sistem yang membantu hospital untuk mempertingkatkan kecekapan pengoperasian dan penggunaan sumber-sumber dalam perawatan pesakit. Sebanyak 12 hospital tambahan telah mengguna pakai *MalaysianDRG* dan menjelang akhir tahun 2019, sebanyak 72 hospital KKM (49 peratus) telah berjaya melaksanakan Sistem *Casemix* di seluruh negara.

Subunit *Casemix* berhasrat untuk terus memperkukuh keupayaannya untuk menyokong kelestarian sistem kewangan kesihatan Malaysia dengan memaksimumkan kecekapan dan kesaksamaan penjagaan kesihatan, sejajar dengan misi dan visi KKM.

## **UNIT PERKHIDMATAN PERUBATAN**

Pada tahun 2019, Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Penjagaan Paliatif 2019 hingga 2030 telah dilancarkan. Pelan strategik ini memuatkan perancangan penyampaian perkhidmatan perubatan paliatif secara am dan khusus untuk tahun 2019 sehingga 2030 dan ini merupakan penerbitan pertama daripada perkhidmatan perubatan paliatif.

Pada tahun 2019, perkhidmatan rawatan Hepatitis C telah diperluas daripada 26 buah hospital pada Februari 2018 kepada sejumlah 88 buah hospital seluruh Malaysia melibatkan 67 buah hospital di Semenanjung Malaysia, 11 buah hospital di Sarawak, 9 buah hospital di Sabah dan Hospital Labuan. Perkhidmatan ini turut disalurkan ke klinik-klinik kesihatan berhampiran hospital-hospital tersebut. Sebanyak 146 klinik kesihatan seluruh Malaysia kini menyediakan perkhidmatan ini berbanding hanya 25 buah klinik pada tahun 2018.

Perkhidmatan Hemodialisis di klinik-klinik kesihatan telah semakin berkembang untuk tahun 2019 di mana perkhidmatan ini telah dimulakan di Klinik Kesihatan Cheng, Melaka pada 25 Februari 2019. Ini menjadikan jumlah klinik kesihatan yang menjalankan perkhidmatan hemodialisis kepada 14 buah klinik seluruh Malaysia dengan kapasiti 112 mesin hemodialisis dan seramai 413 orang pesakit serta kekuatan anggota seramai 76 orang.

Pada tahun 2019 juga Unit Perkhidmatan Perubatan telah menjadi sekretariat bagi Konferens Denggi dan Penyakit Bawaan Vektor Kebangsaan yang diadakan di Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3. Konferens ini telah diadakan pada 7 & 8 Julai 2019 dengan membincangkan pelan strategik, makluman-makluman terkini serta pengurusan pesakit denggi dan penyakit bawaan vektor di Malaysia.

Perkhidmatan Psikiatri dalam komuniti melalui pusat kesihatan mental komuniti MENTARI juga turut berkembang mengikut tahun operasinya. Pada tahun 2019 ini juga sebanyak 2 (dua) buah MENTARI dikenal pasti oleh pihak KKM dalam memastikan capaian akses serta pelan strategik ke arah mendekati pesakit yang menghidap masalah mental kepada masyarakat. Pusat MENTARI yang diperkenalkan pada tahun 2019 adalah MENTARI HTAR (Hospital Tengku Ampuan Rahimah) dan MENTARI Kangar. Ini menjadikan jumlah Pusat MENTARI ini kepada keseluruhannya 27 buah dan dijangka akan terus berkembang saban tahun sepanjang perancangan Rancangan Malaysia Ke-12 kelak.

## UNIT PERKHIDMATAN PEMBEDAHAN DAN KECEMASAN

### 1. Perkhidmatan Pembedahan Am: *Global Surgery Framework*

*Global Surgery Framework* telah dilaksanakan di Malaysia sejak Jun 2018 apabila Ketua Pengarah Kesihatan diberi peluang untuk memberi pembentangan kepada Presiden dan Lembaga Pengarah *International Society of Surgery (ISS)*. Lima (5) teras utama bagi rangka kerja ini adalah *Simple, Quality of Care, Portability, Cost Effective, Replicable* dan *Daycare*; yang akan menjadi piawai bagi rangka kerja ini untuk akses pesakit pada rawatan pembedahan dan anesthesia (*perioperative, intraoperative* dan *postoperative*). Senarai utama prosedur yang dijalankan adalah *Hernia Repair, Incision and Drainage, Appendectomy, Male Circumcision* dan *Excision of Lumps*. Hospital Sabak Bernam telah dipilih untuk menjalankan projek 'pilot' untuk memastikan keberkesanannya dan akan dikembangkan ke Sabah dan Sarawak pada tahun 2020.

## **2. Perkhidmatan Kardiotorasik: Program *Miracle Baby and Children's HeartLink USA***

Perkhidmatan Jantung Kanak-kanak telah diwujudkan secara berasingan daripada Perkhidmatan Jantung Dewasa. Penyelaras-penyelaras perkhidmatan tersebut telah dikenal pasti untuk mencari penyelesaian menambah slot pembedahan bagi pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit jantung kongenital. Antara usaha jangka masa terdekat adalah kerjasama dengan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dalam Program *Miracle Baby* dan *Children's HeartLink USA* bagi menjemput pakar-pakar bedah kardiotorasik kanak-kanak dari India serta Amerika Syarikat untuk melakukan pembedahan di hospital-hospital KKM.

## **3. Perkhidmatan Rawatan Harian: Rawatan Harian melalui Platfom Kluster**

Perkhidmatan Rawatan Harian (PRH) terdapat di 127 buah hospital kerajaan dan KKM telah membina 8 buah '*Ambulatory Care Centre (ACC)*' dalam pemberian perkhidmatan ini. Fokus utama PRH adalah dalam pelaksanaan '*True Day Care Surgery*' dan juga prosedur-prosedur bukan pembedahan di kesemua fasiliti ACC di hospital-hospital KKM. Mulai 2018, perkhidmatan rawatan harian mula berkembang melalui inisiatif kluster. Langkah ini dilakukan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang lebih cekap.

## **4. Perkhidmatan Kecemasan**

Perkhidmatan Kecemasan terdiri daripada enam subkepakaran atau subbidang iaitu Perawatan Kritikal Kecemasan, Tokikologi Klinikal, Perawatan Pra-Hospital, Pengurusan Bencana, Perubatan Kecemasan Paediatrik dan Perawatan Kecemasan Trauma.

Pada tahun 2019, terdapat aktiviti baru yang mula diperkenalkan di antaranya adalah Program CPR untuk komuniti. Program ini adalah merupakan kolaborasi di antara Bahagian Perkembangan Perubatan dan juga Bahagian Kawalan Penyakit sebagai urusetia utama di peringkat Kementerian. Program ini pertama kali dijalankan di negeri Kedah dan seterusnya di negeri Sabah. Program ini akan terus dilanjutkan dengan penglibatan pelbagai negeri pada tahun 2020.

Bagi Perkhidmatan Pra Hospital dan Ambulans, perkhidmatan ini telah terlibat dalam Projek 5G Nasional bagi sektor Kesihatan di mana projek rintis *4G/5G-connected ambulance* telah dijalankan di beberapa hospital di Lembah Klang dan juga Langkawi.

Purata jumlah pesakit yang dijangka menerima rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma akan meningkat kepada tiga (3) peratus setahun dari tahun 2015 hingga 2018. Data daripada system MERS999 menunjukkan bahawa KKM adalah agensi yang menerima panggilan kecemasan paling tinggi, lebih daripada 50 peratus berbanding agensi-agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Pada tahun 2019, jumlah panggilan kecemasan yang diterima KKM meningkat pada 425,239 panggilan (January hingga Disember 2019) berbanding tahun sebelumnya (0.25 peratus kenaikan). Peningkatan ini menyebabkan penambahan beban kerja dan menjadi cabaran utama tetapi Perkhidmatan Kecemasan sentiasa menjalankan tugas yang berkualiti.

## 5. Perkhidmatan Transplantasi Organ dan Tisu Kebangsaan

Sebanyak 292 kes berpotensi bagi pendermaan organ dan tisu selepas kematian telah dirujuk kepada Pusat Sumber Transplan Nasional pada 2019. Daripada jumlah ini, 28 orang penderma organ/tisu kadaverik telah diperolehi.

KKM telah menjalankan pengukuhan tadbir urus perkhidmatan perolehan organ dan tisu dengan penubuhan unit khusus bagi menjalankan pengesanan dan pengurusan kes berpotensi di 16 buah hospital fokus.

### UNIT SUMBER PERUBATAN

#### 1. Peruntukan dan Bajet

Pada tahun 2019, Bahagian Pembangunan telah meluluskan sebanyak RM53,000,000.00 kepada Program Perubatan bagi perolehan peralatan perubatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM39,405,000.00 telah diperuntukkan kepada Unit Sumber Perubatan, manakala RM13,595,000.00 telah diagihkan terus kepada hospital-hospital KKM bagi naik taraf dan perolehan *endoscope (OGDS, colonoscope, ERCP dan cystoscope)*, *Photo Cabin*, *Sleep Study*, katil dan alatan kritikal yang lain.

Sebanyak RM29,966,067.00 telah dibelanjakan oleh Unit Sumber Perubatan, manakala baki penjimatan berjumlah RM9,438,933.00 telah diagihkan kepada hospital-hospital KKM.

#### 2. Perolehan

##### (i) Peralatan Perubatan Baru

Sejumlah RM29,966,067.00 telah dibelanjakan pada tahun 2019 untuk pembelian secara tender berpusat bagi peralatan *Biplane Angiography System*, *Extracorporeal Shockwave Lithotripsy (ESWL)*, *Full Field Digital Mammography (FFDM)*, *Electric Plaster Cutting Machine*, *Image Intensifier*, *Midrange Ultrasonography*, *Mobile X-ray*, *High end Ventilator* dan *Anaesthetic Machine*.

##### (ii) Naik taraf Peralatan Perubatan Sedia ada

Unit ini juga telah menguruskan perolehan untuk projek naik taraf peralatan perubatan sedia ada di hospital-hospital KKM seperti **Jadual 5.1** di bawah.

**Jadual 5.1**  
**Tender Berpusat Bagi Projek Naiktaraf Peralatan Perubatan Hospital KKM**  
**Tahun 2019**

Bil	KEGUNAAN	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
1	Projek menaik taraf perkhidmatan Kardiologi dan Kardiotorasik di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	1,600,000.00
2	Perolehan tender peralatan perubatan JKN Johor & JKN Pulau Pinang	4,713,500.00
3	Menaiktaraf kemudahan hemodialisis di hospital KKM	1,889,560.00
4	Perolehan <i>Midrange Ultrasonography A, B &amp; C</i> bagi Hospital Rembau	409,000.00
5	Projek pembelian peralatan perubatan untuk Hospital Rembau & Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	4,966,155.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>13,578,215.00</b>

Sumber: Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, KKM

**(iii) Consumables, Reagen dan Penempatan Peralatan**

Pada tahun 2019, sebanyak empat (4) tender bagi item *consumables* dan tiga (3) tender reagen dan penempatan peralatan telah diselaraskan oleh Unit Sumber Perubatan seperti **Jadual 5.2**.

**Jadual 5.2**  
**Tender Berpusat Bagi Consumables, Reagen dan Penempatan Peralatan Bagi**  
**Tahun 2019**

Bil	TENDER	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK
1	<i>Bicarbonate Replacement Solution for Continuous Renal Replacement Therapies (CRRT)</i>	4,036,860.00	2019 hingga 2021
2	<i>Sterile Hemodialysis Bloodline Set</i>	21,242,857.40	2019 hingga 2021
3	<i>Sterile Hemodialysis AV Fistula Needle Set</i>	4,673,810.00	2019 hingga 2021
4	<i>Blood Culture Bottle with Automated Blood Culture System Placement</i>	33,856,534.24	2019 hingga 2022

Bil	TENDER	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK
5	Ujian <i>CD4/CD8 Enumeration with Instrument Placement</i>	5,964,436.90	2019 hingga 2023
6	Ujian Identifikasi Mikroorganisma <i>MALDI-TOF with Instrument Placement</i>	20,228,964.50	2020 hingga 2024
7	Ujian Diagnostik <i>Viral Molecular Assay with Instrument Placement</i>	28,844,046.00	2020 hingga 2024

Sumber: Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, KKM

Unit ini juga bekerjasama dengan Bahagian Perolehan dan Penswastaaan untuk memantau 336 produk '*consumables*' di bawah Program *Approved Product Purchased List* (APPL) melalui konsesi ubat dan '*consumables*' Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. bagi tahun 2017 hingga 2019.

#### (iv) Program Perolehan Secara Sewa Beli (*Leasing*)

Pada tahun 2019, Unit Sumber Perubatan telah melaksanakan proses tender Program Perolehan Secara Sewa Beli (*Leasing*) melibatkan enam (6) jenis peralatan perubatan. Sejumlah RM1,563,830.00 telah diturunkan kepada hospital untuk pembayaran sewa mulai Oktober 2019 bagi lima (5) peralatan perubatan iaitu *Computed Tomography (CT) Scanner, Intensive Care Bed, Orthopaedic Operating Table, General Surgery Operating Table* dan *General X-ray*. Kerja tapak bagi alat *Computed Tomography (CT) Scanner* juga telah berjaya diselesaikan dengan jumlah kos sebanyak RM3,655,400.00.

### UNIT PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIKAL

Antara pencapaian UPSK pada tahun 2019 adalah kejayaan dalam menghasilkan dan menerbitkan buku '*National Radiology Services Operational Policy*' yang merupakan edisi pertama sejak wujudnya perkhidmatan Radiologi di Kementerian Kesihatan Malaysia. Buku polisi ini merangkumi komponen-komponen penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan Radiologi yang efisien, berkualiti dan selamat kepada pesakit.

Sejajar dengan hala tuju kerajaan terhadap *Electronic Medical Record (EMR)* dan gerakan globalisasi terhadap keperluan Industrial Revolution (IR) 4.0, UPSK juga tidak ketinggalan dan turut serta ke arah kemajuan informasi teknologi. *Blood Bank Information System v2 (BBISv2)* bagi Perkhidmatan Perubatan Transfusi telah berjaya dihasilkan, dilengkapi dan diguna pakai ke 22 buah pusat kutipan darah di seluruh negara manakala *Radiological Information System* dan *Picture Archiving Communication System (RISPACS)* telah dibangunkan dan digunakan di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, sebagai fasiliti perintis sistem ini. Kedua-dua sistem ini akan diperluaskan ke hospital-hospital lain di Kementerian Kesihatan Malaysia secara berfasa.

Perkhidmatan Patologi Kebangsaan telah berjaya menganjurkan *National Pathology Conference 2019* yang bertemakan *'Dedicated to Discovery, Committed to Care'* bertempat di KSL Hotel and Resort, Johor Bahru pada 26 hingga 27 Ogos 2019. Persidangan ini diadakan setiap tahun, berteraskan objektif yang berfokuskan kepada perkongsian pengetahuan, kemahiran teknikal serta pengalaman di kalangan pakar patologi, pegawai perubatan patologi, pegawai sains dan juruteknologi makmal perubatan.

Tahun 2019 menyaksikan pencapaian bagi Perkhidmatan Perubatan Forensik apabila *National Conference Forensic Medicine and Science 2019* telah berjaya menarik perhatian peserta luar negara. Konferens yang berlangsung selama tiga (3) hari ini bertemakan *'Building A Future For Justice and Humanity'* merupakan platform untuk bertukar idea, berkongsi pengalaman dan membincangkan pelbagai topik bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Operasi Kuala Koh menjadi cabaran kepada Perkhidmatan Perubatan Forensik di mana kepakaran mereka diperlukan dalam menentukan sebab kematian orang asli suku Batek. Selain itu, kolaborasi bersama *International Committee of the Red Cross (ICRC)* dalam mengendalikan *'Management of The Dead'* menunjukkan pengiktirafan kepakaran ini di peringkat antarabangsa.

## HALA TUJU

Sebagai langkah bagi masa hadapan, Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan akan terus komited dalam memastikan perkhidmatan perubatan yang terbaik diberikan kepada pesakit dengan menggunakan sumber optimum yang tersedia.

## CAWANGAN PEMBANGUNAN PROFESION PERUBATAN

### UNIT KEPAKARAN DAN SUB KEPAKARAN PERUBATAN

#### (i) Program Sarjana Perubatan Tempatan

Program Sarjana Perubatan adalah program latihan kepakaran asas yang telah diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia dan dikendalikan oleh lapan (8) universiti awam pada masa ini dengan kerjasama KKM. Pada tahun 2019 terdapat 23 bidang kepakaran yang ditawarkan dan jumlah hospital KKM yang diakreditasi sebagai pusat latihan bagi Program Sarjana Perubatan kekal 33 hospital. Pertambahan slot HLP yang ditawarkan sejak 2008 secara langsung menghasilkan pertambahan bilangan pegawai perubatan lulusan kepakaran di KKM. Pada tahun 2019, seramai 657 orang graduan lulusan kepakaran telah melapor diri ke KKM berbanding 550 orang pada tahun 2018, 481 orang pada tahun 2016 dan 371 orang pada tahun 2014.



### (ii) Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM

Pegawai perubatan juga berpeluang untuk mengikuti latihan kepakaran menerusi Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM yang dijalankan secara sepenuhnya atau sebahagian besarnya di dalam negara. Pada ketika ini terdapat 15 Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* dalam 14 bidang kepakaran termasuk 2 program untuk Perubatan Keluarga. Sehingga 31 Disember 2019, terdapat 2739 pegawai perubatan telah berdaftar sebagai pelatih program (**Jadual 5.3**).

**Jadual 5.3**  
**Jumlah Pegawai Perubatan Lulusan Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* di KKM (2011 hingga 2019)**

Bidang	Ijazah	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Perubatan Dalam	MRCP	67	76	47	77	85	112	78	172	170
Pediatrik	MRCPCH	25	27	27	37	35	15	39	40	65
O&G	MRCOG	5	5	4	2	9	1	6	26	19
Oftalmologi	FRCOphth	0	0	0	0	1	0	0	0	0
Onkologi Klinikal	FRCR ONCOLOGY	1	1	3	0	2	4	0	0	0
Anestesiologi	FCAI	0	0	0	0	0	1	1	0	1
Radiologi	FRCR	0	0	0	0	0	0	1	6	11
Psikiatri	MRCPsych	0	0	0	0	0	0	3	3	3
Forensik	DMJPath	0	0	0	0	0	0	0	0	1
<b>JUMLAH</b>		<b>98</b>	<b>109</b>	<b>81</b>	<b>116</b>	<b>132</b>	<b>133</b>	<b>128</b>	<b>247</b>	<b>270</b>

Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

### (iii) Program Sub Kepakaran

Program Latihan Sub Kepakaran KKM telah dilaksanakan secara berstruktur di fasiliti KKM, universiti awam dan luar negara. Pada tahun 2019, 250 slot Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) telah diperuntukkan untuk latihan sub kepakaran dan mulai tahun 2018, KKM turut menawarkan 100 slot Program Sub Kepakaran tanpa biasiswa kepada pegawai perubatan pakar. Kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan diutamakan kepada pakar-pakar yang menjalani latihan di luar negara manakala latihan di dalam negara adalah tanpa Hadiah Latihan Persekutuan.



## UNIT PROFESION PAKAR PERUBATAN

### (i) Pewartaan Pakar Bidang Klinikal

Setiap lulusan kepakaran perlu diwartakan oleh Jawatankuasa Khas Perubatan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan 3 ahli panel sebelum ditauliahkan sebagai pakar dan dibenarkan menjalankan tugas-tugas pakar sejajar dengan Seksyen 27 Bab F, Perintah Am Kerajaan. Pada tahun 2019, seramai 603 orang pakar dalam bidang klinikal telah diwartakan berbanding 777 orang pakar pada tahun 2018. (Jadual 5.4).

**Jadual 5.4**  
**Bilangan Pakar Yang Diwartakan Mengikut Tahun 2015 Hingga 2019**

Bilangan Pakar yang Diwartakan				
2015	2016	2017	2018	2019
503	586	707	777	603

*Nota: Termasuk Pakar Perubatan Kontrak*

*Sumber: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM*

### (ii) Pakar Dalam Bidang Klinikal di Hospital KKM

Bilangan pakar dalam bidang klinikal yang berkhidmat di hospital KKM menunjukkan peningkatan setiap tahun. Pada tahun 2018, jumlah pakar dalam bidang klinikal adalah seramai 5507 orang, jumlah tersebut meningkat kepada 5649 orang pada tahun 2019. Walaupun bilangan Pakar Perubatan semakin bertambah setiap tahun namun jumlah tersebut masih belum dapat memenuhi keperluan negara ke arah mencapai status negara maju.

## UNIT PROGRAM PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH

Graduan perubatan berpeluang untuk dilantik ke perkhidmatan awam sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) bagi menjalani latihan siswazah di 49 buah Hospital Latihan Siswazah, termasuk tiga (3) buah Hospital Universiti. Program PPS merupakan program latihan selama dua (2) tahun untuk melatih PPS sebelum mereka layak diberikan Sijil Pendaftaran Penuh dan boleh ditauliahkan sebagai pengamal perubatan yang kompeten.

Beberapa penambahbaikan dalam Program PPS telah dilakukan pada tahun 2019 iaitu:

- Pemurnian Sistem Waktu Kerja Fleksi
- Akreditasi Hospital Langkawi dan Hospital Keningau sebagai Hospital Latihan Siswazah
- Garis panduan Program Sangkutan Klinikal bagi graduan perubatan diperkenalkan.

## UNIT PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (*CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)*)

Program Pembangunan Profesional Berterusan/*Continuing Professional Development (CPD)* merupakan satu bentuk pembelajaran dan pembangunan professional sepanjang hayat yang sistematik bagi membolehkan profesional kesihatan mengekalkan dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran.

Sistem *myCPD* versi 2.0 yang dilancarkan pada tahun 2017 telah digunakan oleh lebih 230,000 orang pengguna berdaftar dari 52 skim perkhidmatan kesihatan di KKM dan juga sektor swasta.

Penggunaan mata kredit CPD akan disesuaikan dengan keperluan atau tujuan yang berbeza seperti untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pembaharuan Sijil Amalan Tahunan untuk pengamal perubatan serta pendaftaran pakar perubatan di dalam *National Specialist Register (NSR)* dan juga untuk memenuhi keperluan latihan.


## CAWANGAN KUALITI PENJAGAAN PERUBATAN

Kualiti kesihatan adalah salah satu daripada asas utama perkhidmatan kesihatan. Bagi menuju ke arah perlindungan kesihatan sejagat, akses kesihatan perlu disertai dengan kualiti perkhidmatan kesihatan yang baik. Oleh yang demikian, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan bertanggungjawab mengendalikan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan penjagaan kesihatan yang selamat.

## UNIT AUDIT KLINIKAL

Fungsi utama Unit Audit Klinikal adalah menjalankan inisiatif kualiti dengan berpandukan audit klinikal termasuk Program Bebas Kesakitan (iaitu *Pain as the 5<sup>th</sup> Vital Sign (P5VS)* dan Hospital Bebas Kesakitan), *Perioperative Mortality Review (POMR)* dan Program MENANG. Sehingga kini, 29 buah hospital telah mendapat status *Pain Free Hospital* di Malaysia. POMR adalah audit klinikal berdasarkan *peer-review* yang melibatkan 71 buah hospital berpakar KKM. Ianya adalah merupakan komponen utama di dalam *Global Surgery 2030*, di mana menjelang tahun 2030, sasaran kadar pelaporan bagi POMR hendaklah mencapai kadar 100 peratus (**Rajah 5.1**).

**Rajah 5.1**  
**Kadar Pelaporan POMR Kebangsaan Bagi 2016 Hingga September 2019**



Sumber: Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Program MENANG memberi fokus kepada pesakit yang mengalami sakit kronik dan akan dikembangkan secara meluas di seluruh Malaysia pada tahun 2020. Pada ketika ini, ianya hanya dijalankan di beberapa buah hospital di Malaysia.

### UNIT KAWALAN INFEKSI

Pada tahun 2019, Unit Kawalan Infeksi telah menerbitkan 3 buah buku iaitu *3<sup>rd</sup> Edition of Policies and Procedures on Infection Prevention Control* dan *Wound Care Quick Reference* iaitu satu buku panduan poket bagi kegunaan kakitangan kesihatan dalam penjagaan luka. Penerbitan ketiga adalah Laporan *ESBL E.coli Tricycle Project*, iaitu satu projek rintis di Malaysia bagi mewujudkan satu sistem pengawasan *Antimicrobial Resistance (AMR)* yang bersepadu dan multisektoral melalui pendekatan “One Health” yang dibiayai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pada bulan Oktober 2019, Seminar dan Bengkel *ASEAN Antimicrobial Stewardship* telah dianjurkan sebagai satu strategi di dalam pelan tindakan *ASEAN Health Cluster 2*. Seminar ini bertindak sebagai platform negara-negara ASEAN dalam berkongsi amalan terbaik dalam penggunaan agen antimikrob secara rasional. Konferens kebangsaan lain yang dijalankan adalah *National Infection Prevention and Control Conference*, Persidangan Penjagaan Luka Kebangsaan serta Seminar Minggu Kesedaran Antibiotik Sedunia peringkat kebangsaan.

Program *Antimicrobial Resistance* dan Kawalan Infeksi juga adalah salah satu komponen yang telah diaudit melalui *Joint External Evaluation (JEE)* oleh kumpulan pakar antarabangsa dan WHO. Hasil audit bagi komponen Kawalan Infeksi adalah cemerlang manakala komponen ‘One Health’ *Antimicrobial Resistance* adalah memuaskan. Salah satu cadangan dari hasil audit *JEE* adalah pengukuhan penglibatan sektor swasta dalam menangani *AMR*. Oleh yang demikian, satu kerjasama dengan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) telah dijalankan bagi mewujudkan polisi *Antimicrobial Stewardship* di hospital swasta.

Unit ini juga terlibat secara langsung dalam pembangunan *ASEAN Strategic Plan to combat Antimicrobial Resistance (AMR)* serta mesyuarat konsultasi peringkat serantau (*Western Pacific Region*) yang berkaitan dengan pengawalan AMR.

## **UNIT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN**

Pembudayaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di perkhidmatan awam merupakan antara fokus utama pada tahun 2019 serta dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ketua Setiusaha Kementerian Kesihatan Malaysia. Indikator dibawah KPI tersebut termasuk mempamerkan Dasar Keselamatan & Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia di hospital dan institusi perubatan, penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) serta pelaksanaan *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control (HIRARC)*.

Selain itu, unit ini turut terlibat dalam program saringan kesihatan untuk faktor *Non-Communicable Disease (NCD)* dalam kalangan pekerja KKM yang juga merupakan KPI Pengarah Perkembangan Perubatan dan Pengarah Kesihatan Negeri. Hasil pemantauan mendapati sepanjang tahun 2019, seramai 127,107 orang pekerja di hospital dan insititusi perubatan telah dikenal pasti layak untuk menjalani saringan kesihatan dan 94,631 orang daripadanya telah disaring dan mencapai sasaran sebanyak 74 peratus (sasaran  $\geq$  60peratus).

Pada tahun 2019, Seminar Keselamatan Jalan Raya (CARS) telah diadakan bersempena Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dengan kerjasama *Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS)*. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan jalan raya di kalangan pekerja KKM.

## **UNIT AKREDITASI DAN PIAWAIAN**

Sehingga 2019, terdapat sejumlah 64 daripada 145 buah hospital atau institusi yang telah menerima pensijilan akreditasi yang terdiri daripada 8 hospital tertier, 7 hospital sekunder, 44 hospital primer dan 5 institusi. Selain daripada itu, satu siri *training of trainer* yang melibatkan empat (4) zon telah dijalankan bagi melatih anggota kesihatan mengenai standard akreditasi dan pelaksanaannya di peringkat hospital dan negeri.

Program Perubatan juga merupakan program pertama di KKM yang berjaya memperolehi pensijilan MS ISO 9001: 2015 melalui audit yang dijalankan oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM).

## UNIT KESELAMATAN PESAKIT

Seminar dan Pelancaran Hari Keselamatan Pesakit Sedunia julung kali telah diadakan pada 17 September 2019. Ini adalah berikutan daripada resolusi Persidangan Kesihatan Sedunia (WHA) 72.6 yang mengiktiraf keselamatan penyakit sebagai salah satu keutamaan kesihatan global. Pada Februari 2019, satu memorandum telah ditandatangani antara KKM dan *International Medical University (IMU)* untuk membangunkan *Online Patient Safety Course for Junior Doctors* bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian modul keselamatan pesakit. Sehingga kini, jumlah pegawai perubatan siswazah yang telah menjalani kursus *Mandatory Patient Safety Awareness Course* adalah seramai 13,943 orang.

Selain daripada itu, satu garis panduan Pelan Tindakan Insiden Kecemasan dan Bencana Dalaman telah dibangunkan untuk memastikan kesiapsiagaan institusi kesihatan sewaktu kecemasan atau bencana. Pada tahun 2019 juga, satu projek keselamatan pesakit menggunakan kaedah '*lean*' telah dijalankan di 8 buah hospital KKM bertujuan untuk meningkatkan keselamatan di dalam proses penyampaian penjagaan kesihatan.

Di peringkat global, Unit Keselamatan Pesakit telah terlibat sebagai panel pakar bagi membangunkan panduan dalam menilai program keselamatan pesakit yang diadakan di Salzburg, Austria.


## UNIT PENGAWASAN PENCAPAIAN KLINIKAL

Pada tahun 2019, pengemaskinian KPI Perkhidmatan Klinikal Program Perubatan telah dilaksanakan mengikut keperluan terkini. Unit ini juga turut diberi mandat untuk memantau lapan indikator bagi *Universal Health Coverage* melibatkan Program Perubatan iaitu "*bed occupancy rate, proportion of newborns receiving essential newborn care, 30-day mortality after admission to hospital for acute myocardial infarction, hospital average length of stay (in days) , cataract surgical rate and coverage, post-operative sepsis rate, hospital readmission rate and proportion of the population utilizing the rehabilitation services they require.*"

## UNIT NILAI DAN ETIKA PERUBATAN

Unit Nilai dan Etika Perubatan bertanggungjawab dalam menganalisa dan memberi maklum balas aduan yang diterima serta memantau penambahbaikan yang telah dijalankan oleh pihak hospital KKM. Unit ini juga bertanggungjawab sebagai urusetia Kajian Kepuasan Pelanggan (SERVQUAL) pada tahun 2019 dan urusetia Piagam Pelanggan Teras KKM dalam penyediaan laporan perubatan dalam masa ditetapkan bagi Bahagian Perkembangan Perubatan. Unit ini akan terus menguruskan aduan secara efektif bagi menambah baik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan.

**Rajah 5.2**  
**Jumlah Aduan yang Diterima oleh Hospital KKM (Januari 2017 Hingga Oktober 2019)**



Sumber: Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

## HALA TUJU

Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan akan terus komited dalam meningkatkan inisiatif penambahbaikan kualiti dan membangunkan dasar mengikut keperluan terkini bagi memastikan penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan selamat.

## CAWANGAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN


Cawangan Penilaian Teknologi Kesihatan Malaysia, Bahagian Perkembangan Perubatan atau lebih dikenali sebagai *MaHTAS* menghasilkan laporan penilaian teknologi kesihatan, panduan amalan klinikal, sintesis penyelidikan lain yang telus, relevan dan mudah diakses sebagai input dalam membuat keputusan atau dasar berkaitan teknologi kesihatan seperti perolehan, penggunaan, pelupusan, pembayaran balik dan penetapan harga.

### LAPORAN PENILAIAN TEKNOLOGI KESIHATAN DAN PANDUAN AMALAN KLINIKAL

Sepanjang tahun 2019, dua (2) laporan Penilaian Teknologi Kesihatan (*HTA*), 12 laporan Kajian Teknologi Kesihatan (*TR*), 22 *Information Brief* (*IB*), lima (5) laporan *TechBrief*, 16 laporan *TechScan* dan sembilan (9) Panduan Amalan Klinikal (*CPG*) telah dihasilkan oleh *MaHTAS* (**Rajah 5.3**). Daripada 12 *TR* yang dihasilkan, sembilan (9) teknologi telah disyorkan untuk digunakan, satu (1) teknologi disyorkan untuk tujuan penyelidikan dan satu (1) teknologi tidak disyorkan untuk digunakan.

Secara keseluruhan daripada tahun 1997 sehingga 2019, *MaHTAS* telah menghasilkan 73 laporan *HTA*, 365 laporan *TR*, 126 *CPG*, 155 *IB*, 22 *Techbrief* dan 44 *Techscan*. Tajuk laporan dan *CPG* yang dihasilkan sepanjang tahun 2019 adalah seperti tersenarai dalam **Jadual 5.5** dan **Jadual 5.6**. Semua laporan dan *CPG* boleh dimuat turun dari Portal Rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia di [www.moh.gov.my](http://www.moh.gov.my).

**Rajah 5.3**  
**Bilangan Produk Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan Yang Dihasilkan Dari Tahun 1997 Hingga 2019**



Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

**Jadual 5.5**  
**Senarai Laporan HTA, Techbrief Dan CPG Dihasilkan Pada Tahun 2019**

Laporan Penilaian Teknologi Kesehatan (HTA)	Panduan Amalan Klinikal (CPG)
<ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Integrated Vector Management for Aedes Control</i></li> <li>2) <i>National Early Warning Score (NEWS)</i></li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Management of ST Elevation Myocardial Infarction (Fourth Edition)</i></li> <li>2) <i>Management of Heart Failure (Fourth Edition)</i></li> <li>3) <i>Management of Rheumatoid Arthritis</i></li> <li>4) <i>Management of Major Depressive Disorder (Second Edition)</i></li> <li>5) <i>Management of Mandibular Condyle Fracture</i></li> <li>6) <i>Management of Breast Cancer (Third Edition)</i></li> <li>7) <i>Management of Chronic Hepatitis C in Adults</i></li> <li>8) <i>Management of Thyroid Disorders</i></li> <li>9) <i>Management of Avulsed Permanent Anterior Teeth (Third Edition)</i></li> </ol>
Laporan TechBrief	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. <i>Intranasal EsketaminH</i></li> <li>2. <i>EZ Weigh</i></li> <li>3. <i>Low Dose Radiotherapy for Breast Cancer</i></li> <li>4. <i>NeuVax™ Vaccine (Nelipepimut-S) - prevention of recurrence breast cancer</i></li> <li>5. <i>Signatera by Natera- early detection of breast cancer relapse</i></li> </ol>	

Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM



**Jadual 5.6**

**Senarai Laporan TR Yang Dihasilkan Pada Tahun 2019 Berdasarkan Rekomendasi**

Disyorkan	Untuk Tujuan Penyelidikan
<ol style="list-style-type: none"> <li>1) <i>Palliative care services</i></li> <li>2) <i>Indwelling Pleural Catheter</i></li> <li>3) <i>Non-invasive Liver Fibrosis test</i></li> <li>4) <i>Intradermal (ID) Injection of Rabies vaccine: Post-exposure (PrEP) Prophylaxis and economic evaluation</i></li> <li>5) <i>Sodium–Glucose Cotransporter 2 (SGLT2) Inhibitors versus Gliclazide in the treatment of Type 2 Diabetes Mellitus</i></li> <li>6) <i>Primary care virtual consultation between doctor and patient using mobile phone applications/web platforms</i></li> <li>7) <i>Laser assisted hatching</i></li> <li>8) <i>Nanavalent HPV Vaccine (GARDASIL 9) (hanya boleh dipertimbangkan apabila terdapat bukti mengenai kos efektif bersama impak terhadap bajet)</i></li> <li>9) <i>Wet Cupping</i></li> </ol>	<i>Dry needling versus acupuncture for the management of musculoskeletal pain</i>
	<b>Tidak Disyorkan</b>
	<i>Detection of Asymptomatic Dengue Infection</i>

Sumber: Cawangan Penilaian Teknologi Kesehatan, Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM

Melangkah ke hadapan MaHTAS akan terus fokus pada pembangunan momentum sebagai pemacu utama dalam membantu membuat keputusan berdasarkan fakta bukan sahaja untuk sektor kerajaan tetapi juga untuk sektor swasta bagi memastikan teknologi yang selamat, berkesan dan kos efektif digunakan di Malaysia.

## UNIT TEKNIKAL BANTUAN PERUBATAN

Unit Teknikal Bantuan Perubatan mengendalikan dua (2) tugas utama di bawah dua (2) unit yang berbeza, iaitu Unit Tabung Bantuan Perubatan dan Unit Sara Ubat. Unit Tabung Bantuan Perubatan menilai keperluan dan kewajaran rawatan untuk membantu membiayai kos rawatan perubatan kepada golongan yang tidak berkemampuan melalui surat ikatan amanah bagi kumpulan wang amanah di bawah seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang ditandatangani pada 15 September 2005. Manakala Unit Sara Ubat mempertimbangkan permohonan rawatan untuk perbelanjaan kemudahan perubatan di bawah Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan juga Pekeliling Perkhidmatan Bil 21 Tahun 2009.



Pada tahun 2019, sebanyak 5,235 permohonan telah dikendalikan oleh Unit Tabung Bantuan Perubatan manakala Unit Sara Ubat 22,242 permohonan. Unit ini telah berjaya menjalankan aktiviti Continuous Professional Development (CPD) secara bulanan dan juga menganjurkan aktiviti team building julung kalinya.

Jumlah permohonan yang tinggi, amat membebankan sumber manusia yang sedia ada. Walau bagaimanapun objektif kualiti masih tercapai secara keseluruhan.

## BAHAGIAN AMALAN PERUBATAN


Bahagian Amalan Perubatan meliputi fungsi-fungsi yang diwakili oleh Cawangan yang tersebut:

- i. Cawangan Mediko Legal
- ii. Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta
- iii. Cawangan Penggubalan Akta
- iv. Majlis Optik Malaysia
- v. Lembaga Pembantu Perubatan Malaysia

### CAWANGAN MEDICO LEGAL

Cawangan Medico Legal bertanggungjawab dalam pengurusan kes medico legal yang melibatkan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini termasuk pengurusan aduan berpotensi medico legal, membantu Jabatan Peguam Negara (JPN) dalam kes saman kecuai perubatan, mengurus pembayaran ex gratia, menganjurkan program berkaitan isu-isu medico legal dan menjalankan aktiviti pemantauan.

**Rajah 5.4**  
**Statistik Medico Legal dari Tahun 2015 Hingga 2019**



Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

## PENGURUSAN ADUAN *MEDICO LEGAL*

Pada tahun 2019, sebanyak 255 aduan *medico legal* direkodkan. Aduan ini akan disiasat oleh kemudahan jagaan kesihatan terlibat dan laporan siasatan akan diserahkan kepada Cawangan Medico Legal untuk tindakan selanjutnya. Jawatankuasa Penyiasatan Bebas akan ditubuhkan sekiranya aduan tidak dapat diselesaikan di peringkat kemudahan jagaan kesihatan atau terdapat tuntutan pampasan. Jawatankuasa ini terdiri daripada Pakar Perunding dan Pakar dari disiplin yang berkaitan, wakil dari Jabatan Kesihatan Negeri, wakil dari Bahagian Amalan Perubatan serta wakil komuniti. Sekiranya terdapat tuntutan pampasan, kes akan dibincangkan di Mesyuarat Ex Gratia di peringkat KKM. Keputusan untuk pertimbangan pampasan adalah berdasarkan penemuan Jawatankuasa Penyiasatan Bebas. Pada tahun 2019, sebanyak 166 kes dibentangkan dengan 109 kes (66 peratus) telah dipertimbangkan pembayaran ex gratia.

## SAMAN *MEDICO LEGAL*

Cawangan *Medico Legal* berperanan memberi input teknikal dan khidmat nasihat kepada Jabatan Peguam Negara dalam pengurusan kes saman *medico legal* dengan menyelaraskan penyediaan dokumen, mengenal pasti saksi kes serta pelantikan saksi pakar. Pada tahun 2019, terdapat 72 kes saman *medico legal* difailkan terhadap KKM.

## PEMBAYARAN GANTI RUGI

Jadual 5.7 menunjukkan jumlah pembayaran ganti rugi bagi ex gratia dan kes litigasi antara tahun 2015 hingga 2019. Pada tahun 2019, jumlah pembayaran adalah sebanyak RM22,921,164.20.

**Jadual 5.7**  
**Jumlah Pembayaran Ganti Rugi Kes Medico Legal Dari Tahun 2014 Hingga 2019**

Tahun	Ex Gratia		Saman		Jumlah (RM)	
	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes	Ganti Rugi (RM)	Bil. Kes
2015	4,430,400.00	63	20,099,197.37	30	24,529,597.37	93
2016	7,663,684.63	65	5,986,092.39	13	13,649,777.02	78
2017	2,540,876.90	59	13,404,713.88	26	15,945,590.78	85
2018	5,050,145.58	83	13,322,967.61	11	18,373,113.19	94
2019	4,471,603.29	70	18,449,560.91	36	22,921,164.20	106

Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

## SURVELANS

Cawangan *Medico Legal* memantau pelaksanaan penambahbaikan yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan Bebas melalui pelaporan daripada kemudahan jagaan kesihatan dan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) serta mesyuarat pemantauan secara berkala. Pada tahun 2019, sebanyak empat (4) Mesyuarat Pemantauan Kes Medico Legal telah diadakan bersama Ketua Perkhidmatan Perubatan Kecemasan, JKN Pulau Pinang, JKN Perak dan JKN Melaka.

## PENGUKUHAN KOMPETENSI MEDICO LEGAL

**Jadual 5.8**  
**Latihan Dan Kursus Anjuran Cawangan Medico Legal Pada Tahun 2019**

Latihan/Kursus	Tarikh	Bil. Peserta
Bengkel Penambahbaikan Pengurusan Aduan Medico Legal dan Pengiraan Ex Gratia	14 hingga 15 Mac 2019	15
Mesyuarat Teknikal dan Seminar Pengukuhan Pengendalian Kes Medico Legal Bil 1/2019	8 hingga 9 April 2019	58
Kursus <i>Expert Witness Training</i> 1/2019	22 hingga 4 April 2019	52
Bengkel T.O.T. Penyediaan Laporan Siasatan Dalaman dan JKPB	25 hingga 26 Jun 2019	35
Kursus <i>Expert Witness Training</i> 2/2019	15 hingga b17 Julai 2019	50
Kursus <i>Independent Inquiry Committee Training</i>	4 hingga 6 September 2019	35
Bengkel Penambahbaikan Pengurus Kes Ex Gratia	14 hingga 15 November 2019	30

Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

## PENERBITAN

### Imej 5.1 Penerbitan Cawangan Medico Legal Pada Tahun 2019



Sumber: Cawangan Medico Legal, KKM

## HALA TUJU

Matlamat Cawangan *Medico Legal* adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan KKM melalui pengurusan aduan yang efisien, aktiviti pemantauan berterusan serta latihan dan kursus. Berikut merupakan inisiatif dan aktiviti yang dirancang untuk tahun 2020.

1. Mesyuarat bersama pihak berkepentingan (JPN, JKN) untuk membincangkan isu-isu berkaitan pengurusan kes *medico legal*.
2. Mesyuarat Pemantauan Kes *Medico Legal*
  - a. Perkhidmatan Disiplin Pembedahan KKM
  - b. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya
  - c. Hospital Kuala Lumpur
  - d. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
3. Pengukuhan kompetensi *medico legal*
  - a. *Expert Witness Training*
  - b. Kursus Pengukuhan Kes *Medico Legal*
4. Cadangan penerbitan
  - a. *Guidelines on the Management of Medical Malpractice Litigation in Ministry of Health*
  - b. *Medico Legal Bulletin*
  - c. Pembentangan poster/oral analisis kes *medico legal*

## MAJLIS OPTIK MALAYSIA


Majlis Optik Malaysia atau *Malaysian Optic Council (MOC)* telah ditubuhkan pada 1 Februari 1992. MOC bertanggungjawab mendaftarkan optometris dan juruoptik, memantau perkhidmatan dan amalan optometri dan juga membuat penilaian serta pengiktirafan terhadap Program Optometri dan Opticianri yang dikendalikan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PENDAFTARAN PENUH DAN PERAKUAN PENGAMALAN TAHUNAN (APC) JURUOPTIK DAN OPTOMETRIS


Jawatankuasa Penilaian MOC bertanggungjawab dalam pendaftaran dan persijilan. **Rajah 5.5** menunjukkan peningkatan bilangan optometris dan juruoptik yang berdaftar dengan MOC setiap tahun. Mesyuarat Jawatankuasa telah diadakan sebanyak lima (5) kali pada tahun 2019. **Rajah 5.6** menunjukkan bilangan sijil APC yang dikeluarkan pada tahun 2019. APC akan dikeluarkan kepada pengamal berdaftar yang ingin berkhidmat di Malaysia mengikut peruntukan di bawah Seksyen 32 Akta Optik 1991.

**Rajah 5.5**  
**Jumlah Optometris Dan Juruoptik Berdaftar Mengikut Tahun (2015 hingga 2019)**



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2019, Mesyuarat MOC ke-76

**Rajah 5.6**  
**Jumlah Pengeluaran APC Mengikut Tahun (2015 hingga 2019)**



Sumber: Laporan Aktiviti MOC 2019, Unit Pendaftaran dan APC MOC

### KEBENARAN MEMPRESKRIPSI DAN MENDISPENS KANTA LEKAP

Kebenaran Mempreskripsi dan Mendispens Kanta Lekap (Permit Kanta Lekap) adalah sijil yang dikeluarkan kepada juruoptik berdaftar yang telah lulus Peperiksaan Kanta Lekap yang dianjurkan oleh MOC. Pada tahun 2019, seramai tiga orang juruoptik berdaftar telah lulus kedua-dua peperiksaan teori dan amali. Jumlah juruoptik berdaftar yang dibenarkan menjalankan amalan kanta lekap sehingga tahun 2019 adalah seramai 580 orang.

### PENILAIAN DAN PEMANTAUAN AKREDITASI PROGRAM OPTOMETRI DAN OPTICIANRI DI MALAYSIA

Jawatankuasa Teknikal Pengiktirafan (JTC) MOC yang bertanggungjawab menilai dan memantau program optometri dan opticianri yang dijalankan oleh pemberi pendidikan tinggi di Malaysia bagi memastikan program yang dijalankan menepati standard yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Qualification Agency (MQA)*-MOC. JTC telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2019.

Tiga sesi penilaian pemantauan dan satu penilaian akreditasi penuh program telah diadakan sepanjang tahun 2019. Latihan kepada panel penilai telah diadakan pada 15 hingga 17 April 2019 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson bagi memastikan semua panel penilai mempunyai kredibiliti yang tinggi menjalankan penilaian akreditasi terhadap pemberi pendidikan tinggi (PPT). Senarai institusi pendidikan tinggi yang menawarkan program optometri/opticianri di Malaysia yang diiktiraf boleh dirujuk di laman web MOC, <http://www.moc.moh.gov.my>.

## ETIKA DAN ADUAN

Jawatankuasa Aduan Terhadap Pengamal Optometri telah menyelesaikan lapan aduan yang diterima terhadap pengamal berdaftar pada tahun 2019. Daripada 72 aduan yang diterima pada tahun 2019, 40 aduan adalah berkaitan pengamal tidak berdaftar, lapan aduan berkaitan penjualan kanta lekap di premis bukan optikal dan enam aduan berkenaan penjualan ubat mata yang boleh merawat penyakit mata. Pemantauan berkala dijalankan bagi memastikan perkhidmatan optometri yang selamat dan berkualiti diberikan kepada masyarakat.

## CONTINUING PROFESSIONAL DEVELOPMENT (CPD)

MOC telah menerima sebanyak 155 permohonan mata CPD daripada penganjur program iaitu 86 permohonan manual dan 69 permohonan melalui sistem myCPD. Sehingga kini, seramai 1436 orang pengamal telah berdaftar dalam sistem myCPD. Satu sesi bersama pengamal di negeri Sabah telah diadakan pada 15 November 2019 untuk memberi penerangan berkenaan sistem myCPD.

## OBJEKTIF KUALITI

Dua (2) objektif kualiti yang telah ditetapkan telah tercapai bagi tahun 2019 iaitu:

1. 98 peratus APC dikeluarkan dalam tempoh 14 hari bekerja daripada tarikh penerimaan permohonan yang lengkap – 99.52 peratus tercapai.
2. 90 peratus surat menyurat berkaitan akreditasi program yang tidak melibatkan pihak ketiga dikeluarkan kepada MQA dalam masa dua minggu selepas Mesyuarat JTC – 100 peratus tercapai.

## HALA TUJU

MOC sentiasa berusaha untuk mengawal selia profesion optometri dan melindungi kesihatan penglihatan rakyat Malaysia dengan memastikan penjagaan mata yang berkualiti diberi oleh pengamal optometri di Malaysia.

## CAWANGAN PENGGUBALAN AKTA

Cawangan Penggubalan Akta terdiri daripada Unit Gubalan, Unit Globalisasi, Unit Amalan Perubatan Estetik dan Unit Fi Fasiliti Kesihatan Swasta. Unit Gubalan bertanggungjawab untuk menggubal dan meminda undang-undang dan peraturan-peraturannya di bawah Program Perubatan. Unit Globalisasi berfungsi sebagai sekretariat teknikal bagi liberalisasi sektor perkhidmatan penjagaan kesihatan. Unit Amalan Perubatan Estetik pula mengendalikan pengeluaran sijil *credentialing* dan *privileging* untuk pengamal perubatan yang menjalankan amalan estetik manakala Unit Fi Fasiliti Kesihatan Swasta pula menguruskan aduan berkaitan fi profesional di pusat jagaan kesihatan swasta.



## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Pada 11 Jun 2019, satu Sesi *Townhall* YB Menteri Kesihatan bersama Pengamal-Pengamal Perubatan Am Swasta telah di adakan bertempat di Dewan De' Seri Endon, Pusanitapuri, Putrajaya. Seramai lebih daripada 800 orang pengamal perubatan am dan swasta seluruh negara telah hadir. Sesi ini adalah merupakan platform bagi pengamal-pengamal perubatan am mengutarakan isu-isu yang dihadapi oleh pemilik klinik-klinik perubatan swasta serta membincangkan jalan penyelesaian bersama pengurusan tertinggi KKM.

Pada 8 Oktober 2019 bersempena dengan Minggu Kesedaran Amalan Baik Peraturan (GRP) 2019 peringkat kebangsaan, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah memberikan pengiktirafan kepada jabatan yang telah melengkapkan proses Kajian Impak Analisis Peraturan (RIA) dengan jumlah yang tinggi kepada Bahagian Amalan Perubatan. Kajian Impak Analisis Peraturan (RIA) adalah merupakan keperluan yang perlu dilaksanakan sebelum sesuatu undang-undang digubal atau dipinda selaras dengan Pekeliling Am Bilangan 1 berhubung Dasar Negara bagi Pembangunan dan Perlaksanaan Peraturan. RIA penting bagi mengenal pasti impak sesuatu undang-undang yang baru ke atas ekonomi dan sosial.

## HALA TUJU

Cawangan Penggubalan Akta, Bahagian Amalan Perubatan akan meneruskan usaha demi memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam skop tugas yang berkaitan dengan cawangan ini.

## LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN

Lembaga Pembantu Perubatan (LPP) merupakan satu organisasi yang mengawal dan memantau profesion Penolong Pegawai Perubatan (PPP) di Malaysia dengan menggunakan akta 180 (pendaftaran) Pembantu Perubatan 1977. Lembaga Pembantu Perubatan juga bertanggungjawab menjaga profesion Pembantu Hospital Estet (PHE) dibawah Lembaga Pembantu Hospital Estet dengan menggunakan Akta Pendaftaran Hospital Estet 1965. Mulai dari tahun 2015, Profesion Pembantu Perawatan Kesihatan (PPK) di Kementerian Kesihatan Malaysia telah diletak dibawah tanggungjawab Lembaga Pembantu Perubatan.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PENDAFTARAN DAN PERAKUAN PEMBAHARUAN TAHUNAN

**Jadual 5.9**  
**Jumlah Pendaftaran Pembantu Perubatan**

Tahun	Pendaftaran Pembantu Perubatan
1977 hingga 2018	24,162
2019	2,023
<b>Jumlah</b>	<b>26,185</b>

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

**Jadual 5.10**  
**Pembaharuan Amalan Tahunan Penolong Pegawai Perubatan (PPP)**  
**Tahun 2015 hingga 2019**

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019
Jumlah Permohonan	12,929	14,129	15,527	18,079	19,094

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

### AKADEMIK DAN AKREDITASI

**Jadual 5.11**  
**Jumlah Pelatih Penolong Pegawai Perubatan, Pengajar, Klinikal Instruktur, Lokal Preseptor Dalam Institusi Awam dan Swasta**

Bil	Institusi	Jumlah Pelatih	Jumlah Pengajar	Jumlah Klinikal Instruktur	Jumlah Lokal Preseptor
1	Institusi Awam	2,427	132	28	982
2	Institusi Swasta	1,300	62	77	2
	<b>Jumlah</b>	<b>3,727</b>	<b>194</b>	<b>105</b>	<b>984</b>

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

### PROGRAM PENEMPATAN WAJIB (PPW)

Program penempatan wajib selama enam (6) bulan PPW di Jabatan Kecemasan adalah program khas yang direka dan dilaksanakan kepada semua penolong pegawai perubatan yang baru dilantik di Kementerian Kesihatan Malaysia, program ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran klinikal, meningkatkan keupayaan untuk membuat keputusan dan meningkatkan keberkesanan komunikasi.

**Jadual 5.12**  
**Bilangan Calon Program Penempatan Wajib**

Program Penempatan Wajib	Bil.1/2019	Bil.2/2019	Jumlah
Bilangan Calon	489	758	1,247

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

## DASAR DAN PERANCANGAN STRATEGIK

**Jadual 5.13**  
**Sumber Manusia Dan Kelayakan Akademik Penolong Pegawai Perubatan**

Bil.	Butiran	Bilangan
1	Jumlah Keseluruhan Penolong Pegawai Perubatan berdaftar	25,185
2	Penolong Pegawai Perubatan KKM	14,607
3	Penolong Pegawai Perubatan Awam (Agensi Luar/Graduan ILKKM/PPW Kontrak)	8,239
4	Penolong Pegawai Perubatan Swasta	2,339
5	Penolong Pegawai Perubatan dengan Pendidikan Pos Basik	4,880
7	Penolong Pegawai Perubatan dengan Ijazah Sarjana Muda	688
8	Penolong Pegawai Perubatan dengan Ijazah Sarjana	15
9	Penolong Pegawai Perubatan dengan PhD	8

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

**Jadual 5.14**  
**Permohonan Credentialing Yang Diperaku Lulus (Program Perubatan)**

Bil.	Tahun	Jumlah Penolong Pegawai Perubatan
1	2007 hingga 2018	1,926
2	2019	853
<b>Jumlah</b>		<b>2,779</b>

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

## LEMBAGA PEMBANTU HOSPITAL ESTAT (LPHE)

**Jadual 5.15**  
**Jumlah Anggota Pembantu Hospital Estet (PHE) 2019**

Jumlah Ladang	Jumlah Klinik	Bil. Pembantu Hospital Estet
4130	684	681

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

**Jadual 5.16**  
**Pembantu Hospital Ladang Berdaftar Dengan Sistem BLESS**

Tahun	Percubaan	Gred	Jumlah
2019	34	68	102

Sumber: Lembaga Pembantu Perubatan, KKM

## CAWANGAN KAWALAN AMALAN PERUBATAN SWASTA (CKAPS)

Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS), Bahagian Amalan Perubatan berperanan untuk menguatkuasakan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] yang telah memasuki tahun ke-tiga belas pelaksanaannya pada tahun 2019. Aktiviti kawalan dan kawal selia bagi kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta di bawah Akta 586 adalah termasuk pendaftaran, kelulusan, pelesenan, pengendalian aduan, penilaian kualiti, aktiviti penguatkuasaan dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta (KPJKS). Selain itu, CKAPS turut mengimplementasi Akta Kesihatan Mental 2001 dan Peraturannya, berkaitan kemudahan jagaan kesihatan swasta psikiatri. Terdapat tiga (3) sektor di CKAPS iaitu ; Sektor Polisi, Sumber dan Piawaian, Sektor Teknikal dan Operasi, serta Sektor Penilaian Perkhidmatan.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### SEKTOR POLISI, SUMBER & PIAWAIAN (PSP)

#### Fungsi Sektor PSP


Terdapat dua (2) unit bawah sektor ini iaitu Unit Polisi dan Sumber serta Unit Piawaian. Tugas sektor ini antara lain adalah seperti berikut:

- Menyediakan maklumat dan input yang betul dan tepat berkaitan Akta 586 bagi pihak atasan, Bahagian atau Cawangan lain, intra atau inter-agensi apabila diperlukan;
- Menyenggara hasil kutipan bawah Akta 586 yang terdiri daripada fi pemprosesan, fi pengeluaran, fi pentadbiran dan kompaun;

- (c) Menyenggara proses pengeluaran Perakuan Pendaftaran, Perakuan Kelulusan Menubuhkan, Perakuan Kelulusan Peluasan dan Lesen supaya dapat dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan;
- (d) Membantu Timbalan Pengarah CKAPS menyenggara hal-hal pentadbiran seperti hal ehwal personel, perjawatan, latihan, pengurusan aset dan kenderaan;
- (e) Menyelaras maklum balas bagi pembangunan sistem MedPCs baru (pendaftaran dan pelesenan);
- (f) Membantu Timbalan Pengarah CKAPS menyediakan arahan-arahan YBMK dan KPK bawah Akta 586;
- (g) Menyelaras penerbitan-penerbitan CKAPS seperti E-Buletin, garis panduan, *handbook* dan lain-lain;
- (h) Sebagai Sekretariat bagi pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Swasta;
- (i) Sebagai Sekretariat bagi sumbangan sosial dan kebajikan KPJKS;
- (j) Menyelaras sesi *engagement* dengan *stakeholders*, masyarakat awam seperti dialog serta bengkel-bengkel MPC; dan
- (k) Menetapkan piawaian bagi KPJKS bagi menjamin keselamatan pesakit dan kualiti perkhidmatan pesakit di KPJKS.

Dari segi kutipan hasil, sepanjang tahun 2019, CKAPS telah mengutip sebanyak RM3,873,052 daripada fi pengeluaran, pemprosesan dan pentadbiran di mana jumlah ini meningkat sebanyak 27 peratus daripada tahun 2018.

**Rajah 5.7**  
**Kutipan Hasil CKAPS Tahun 2006 hingga 2019 (Proses Pendaftaran & Pelesenan)**



Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

CKAPS juga telah bekerjasama dengan *Malaysian Productivity Corporation (MPC)* bagi menerbitkan empat (4) *handbook* yang telah menjadi panduan pemegang taruh yang berminat bagi menubuhkan hospital swasta. Buku-buku berkenaan telah dilancarkan oleh YB Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad di *Association of Private Hospital Malaysia (APHM) Conference* pada 29 Julai 2019.

## Imej 5.2 Pelancaran Empat Handbook di APHM Conference oleh YBMK



Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Selain daripada itu, tiga (3) Bengkel *Dealing with Construction Permits* (DCP) telah dianjurkan pada 2019, di mana bengkel-bengkel ini telah dihadiri oleh *medical planners*, jurutera, arkitek dan pemilik hospital yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan berkenaan keperluan perundangan bagi penubuhan hospital swasta bawah Kementerian Kesihatan.

Salah satu kejayaan CKAPS pada tahun 2019 adalah penerbitan dua (2) Arahan YB Menteri Kesihatan bawah Akta 586. Arahan YBMK yang pertama adalah berkenaan pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Swasta dan arahan yang kedua, adalah garis panduan bagi klinik perubatan swasta yang berminat bagi mendapatkan kelulusan untuk menyediakan kemudahan *health screening booth*. Kedua-dua arahan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang Bahagian Amalan Perubatan di <http://www.medicalprac.moh.gov.my>.

### SEKTOR TEKNIKAL & OPERASI (STO)

#### Fungsi Sektor Teknikal dan Operasi

Terdapat lima (5) unit di bawah STO iaitu : Unit Klinik, Unit Hemodialisis, Unit Psikiatri, *Nursing Home* dan *Hospice* (PNH) dan Unit *Ambulatory Care Centre*, *Blood Bank*, *Maternity Home* dan *Combined* (ABMG).

Fungsi utama Unit Klinik ialah memproses permohonan berkaitan klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta; pendaftaran, pindah hakmilik perakuan pendaftaran, pindaan kepada perakuan pendaftaran (COR), salinan pendua, pembatalan, pelupusan perakuan pendaftaran, tarik balik permohonan dan carian ke atas atau cabutan daripada pendaftaran klinik.

Unit-unit lain dalam sektor ini, berfungsi bagi memproses permohonan berkenaan kelulusan dan pelesenan KPJKS seperti permohonan pra-penubuhan, kelulusan, lesen baru, pembaharuan lesen, kelulusan peluasan, pindah hakmilik, pindaan butiran lesen atau kelulusan, salinan pendua lesen atau kelulusan, pelupusan dan tarik balik permohonan serta permohonan carian ke atas atau cabutan daripada pendaftaran.

Selain itu, unit-unit ini juga bertanggungjawab untuk menjalankan lawatan verifikasi, lawatan pemeriksaan, mengeluarkan notis tunjuk sebab dengan niat untuk menggantung kelulusan, lesen atau perakuan pendaftaran atau keengganan memperbaharui lesen, serta menjalankan latihan kepada staf CKAPS HQ dan CKAPS JKN/JKWP.

### Pencapaian Sektor Teknikal dan Operasi

Secara amnya, industri jagaan kesihatan swasta negara sedang berkembang pesat, didorong oleh usaha Kerajaan menggalakkan pelancongan kesihatan serta usaha mengurangkan beban di fasiliti jagaan kesihatan Kerajaan. Peningkatan bilangan KPJKS daripada tahun 2014 hingga 2019 dapat dilihat pada **Jadual 5.17**.


**Jadual 5.17**  
**Bilangan KPJKS Berdaftar Dan Berlesen Dari Tahun 2014 Hingga 2019**

Jenis KPJKS	2014	2015	2016	2017	2018	2019
Hospital	184	183	187	200	210	208
Pusat Jagaan Ambulatori	66	63	73	100	117	128
Pusat Hemodialisis	336	407	423	450	479	506
Rumah Bersalin	16	14	10	16	18	18
Rumah Jagaan Kejururawatan	19	16	17	22	21	21
Rumah Jagaan Kejururawatan Psikiatrik	0	0	0	0	0	1
Hospital Psikiatrik	0	0	0	0	0	0
Bank Darah	4	3	4	4	5	5
Pusat Kesihatan Mental Masyarakat	1	1	1	1	1	2
Hospis	1	3	2	2	3	3
Kemudahan Gabungan	1	2	2	2	2	2
Klinik Perubatan	6,978	7,146	7,335	7,571	7,718	7,988
Klinik Pergigian	1,578	1,867	1,992	2,137	2,311	2,506

Sumber : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Susulan itu, tahun 2019 menyaksikan peningkatan dari segi bilangan dan kompleksiti permohonan meliputi semua unit dalam STO. Terdapat peningkatan dari segi jumlah permohonan yang diterima Unit Klinik pada tahun 2019 berbanding tahun 2018, sebanyak 56 peratus seperti **Rajah 5.8** di bawah.

**Rajah 5.8**  
**Jumlah Permohonan yang Diproses dan COR yang Dikeluarkan oleh Unit Klinik (2011 hingga 2019)**




Sumber : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Bermula daripada tahun ini juga, Unit Klinik telah mula memproses permohonan daripada klinik perubatan swasta yang berhasrat menyediakan *health screening booths* selaras dengan Arahan YBMK Bil. 2/2019 bawah Akta 586. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 44 permohonan telah diproses.

Bagi Unit Hemodialisis, situasi yang sama dapat dilihat di mana terdapat peningkatan sebanyak 37 peratus dari segi bilangan permohonan yang diterima pada tahun 2019 berbanding dengan tahun 2018.




**Rajah 5.9**  
**Bilangan dan Jenis Permohonan Berkaitan Pusat Hemodialisis Swasta**  
**(2011 hingga 2019)**



Sumber : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Begitu juga dengan unit-unit lain, bilangan permohonan didapati telah meningkat sebanyak 28 peratus pada tahun 2019, berbanding 2018 seperti di **Rajah 5.10**.

**Rajah 5.10**  
**Bilangan dan Jenis Permohonan Berkaitan Hospital dan KPJKS (Selain Klinik Swasta dan Pusat Hemodialisis Swasta) yang Diproses Dari Tahun 2011 hingga 2019**



Sumber : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Dari aspek pencapaian, pemprosesan permohonan yang kian meningkat dari segi bilangan dan kompleksiti tanpa penambahan sumber yang signifikan di CKAPS merupakan satu bentuk kejayaan. Walau bagaimanapun, CKAPS juga telah mengadakan dialog dengan *Malaysian Hospice Council* pada 23 November 2019. Lanjutan itu, 12 permohonan Borang 1 untuk menyediakan permohonan perkhidmatan hospis tanpa kemudahan telah diterima dan diproses.

### Imej 5.3 Dialog Bersama Malaysian Hospice Council pada 23 November 2019



Sumber : Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

## SEKTOR PENILAIAN PERKHIDMATAN (SPP)

### Fungsi Sektor Penilaian Perkhidmatan

Sektor Penilaian Perkhidmatan terdiri daripada Unit Aduan, Unit Penilaian Kualiti, Unit Penguatkuasaan dan Unit Pendakwaan.

Skop dan fungsi Unit Aduan adalah mengawal selia dan memantau pelaksanaan tatacara ketidakpuasan hati pesakit oleh KPJKS, menjalankan siasatan ke atas KPJKS berkaitan aduan yang diterima oleh CKAPS HQ dan CKAPS JKN/JKWP dan memantau dan mengambil tindakan lanjut ke atas laporan pengendalian aduan atau penyiasatan yang dikemukakan kepada CKAPS.

Tugas dan fungsi utama Unit Penilaian Kualiti adalah:

- (a) Mengendalikan notifikasi insiden yang tidak dapat diramalkan atau tidak dijangka (*Incident Reporting*) – IR-1;
- (b) Mengendalikan laporan ringkasan statistik kejadian yang tidak dapat diramalkan atau tidak dijangka (*Incident Reporting*) – IR-2A dan IR-2B;
- (c) Mengendalikan notifikasi kematian boleh nilai (*Assessable Death*) – AD;
- (d) Menyelaraskan penubuhan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kematian Kebangsaan (JPKK);
- (e) Mengendalikan kes kematian lain-lain (kematian ibu, kematian kanak-kanak bawah 5 tahun dan kematian denggi);

- (f) Melakukan lawatan pemantauan bagi tujuan jaminan kualiti (*Quality Assurance*) di KPJKS secara berkala;
- (g) Mengemas kini dan menganalisa data berkaitan notifikasi-notifikasi *Incident Reporting* dan *Assessable Death*; dan
- (h) Menyediakan draf arahan, perintah, garis panduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) berhubung dengan kualiti dan piawaian KPJKS.

Tugas dan fungsi utama Unit Penguatkuasaan adalah menyelaras dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan yang meliputi aktiviti risikan, serbuan dan siasatan.


Tugas dan fungsi utama Unit Pendakwaan adalah:

- (a) Menyemak kertas siasatan dan membantu Timbalan Pendakwaraya (TPR) dalam sebutan kes serta persediaan kes-kes yang dibicarakan di mahkamah;
- (b) Menyemak kertas siasatan dan mendapatkan izin kompaun daripada Timbalan Pendakwaraya; dan
- (c) Mencadangkan nilai kompaun untuk dipersetujui oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### Pencapaian Sektor Penilaian Perkhidmatan

Sepanjang 2019, CKAPS telah menerima sebanyak 516 aduan melibatkan KPJKS bawah Akta 586 seperti di **Rajah 5.11**.

**Rajah 5.11**  
**Jumlah Aduan Mengikut Kemudahan yang Dikawal selia Di Bawah Akta 586 Bagi Tahun 2019**




*Nota: Tiada aduan yang diterima melibatkan bank darah swasta, kemudahan gabungan swasta, hospital psikiatri swasta, hospis swasta dan bank darah swasta.*

*Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM*

Aduan yang diterima daripada pesakit atau wakil pesakit ditangani melalui mekanisme tatacara ketidakpuasan hati, seperti yang diperuntukkan bawah Akta 586. Terdapat aduan yang memerlukan penyiasatan dijalankan seperti aduan yang diterima daripada pihak lain, aduan yang melibatkan kematian pesakit atau melibatkan isu-isu yang memudaratkan. Penyiasatan tersebut akan disusuli dengan tindakan yang sewajarnya mengikut peruntukan bawah Akta 586 seperti Notis Tunjuk Sebab serta penggantungan atau pembatalan Lesen atau Perakuan Pendaftaran.

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 74 notifikasi AD dan 76 notifikasi IR-1 telah diterima. Manakala, sebanyak 526 IR-2A dan 290 IR-2B (sehingga 23 Januari 2020) telah diterima, seperti **Rajah 5.12**.

**Rajah 5.12**  
**Peratusan Kemudahan atau Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta Berlesen (Selain Klinik Swasta) di Malaysia yang Menghantar Notifikasi IR-2A dan IR-2B Bagi Tahun 2019**



Sumber: Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta, KKM

Sepanjang tahun 2019, sebanyak 41 pemantauan telah dilakukan oleh pihak CKAPS Negeri. Pemantauan ini melibatkan klinik perubatan swasta dan klinik pergigian swasta. 14 kes telah ditutup kerana penambahbaikan yang sewajarnya telah dilakukan oleh pemegang Perakuan Pendaftaran.

Pada tahun ini juga, sebanyak 32 tindakan penguatkuasaan telah dilakukan. Sebanyak 28 kertas siasatan telah dibuka. Sebanyak 16 kes disiasat bagi premis yang tidak berdaftar atau tidak berlesen di mana dua kes telah disabitkan di mahkamah dan baki adalah dalam proses melengkapkan kertas siasatan. 12 kes disiasat untuk pengkompaunan melibatkan klinik perubatan swasta dan rumah bersalin swasta

di mana lima (5) kompaun telah diselesaikan manakala selebihnya dalam proses melengkapkan kertas siasatan oleh pegawai penyiasat. Empat (4) arahan siasatan telah dikeluarkan yang masih dalam siasatan pihak CKAPS Negeri.

CKAPS juga telah menjalankan tindakan penguatkuasaan ke atas *Mawar Medical Centre*, yang melibatkan lebih daripada 40 pegawai daripada CKAPS HQ dan CKAPS JKN/JKWP oleh kerana semua pakar perubatan di hospital tersebut telah meletak jawatan dan pihak hospital gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang ditetapkan bawah Akta 586.

Sebanyak RM343,000.00 denda telah dikutip setelah disabitkan oleh mahkamah dan RM223,500.00 denda kompaun telah dikutip melibatkan kes-kes tahun 2018 dan 2019.

## HALA TUJU

CKAPS menyedari bahawa bagi meningkatkan keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan, pihak penyedia perkhidmatan perlu mempunyai kesedaran dan pengetahuan berkenaan ketetapan perundangan bawah Akta 586. Oleh itu, antara inisiatif yang dirancang bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (a) Sesi jerayawara bersama 150 pihak berkuasa dan pemegang taruh yang lain bagi meningkatkan pengetahuan berkenaan inisiatif pengharmonian ke arah proses menubuhkan hospital swasta yang lebih licin dan pantas;
- (b) Bagi membantu para Penerbitan buku *Technical Reference Disaster Management Plan for High Rise Hospital* pelabur yang berminat bagi membina hospital *high rise*;
- (c) Bengkel dan penerbitan buku berkaitan bagaimana menubuhkan klinik perubatan dan klinik pergigian swasta, dengan kerjasama persatuan profesional;
- (d) Penganjuran bengkel DCP bagi hospital swasta;
- (e) Pembangunan modul bagi arkitek, *medical planners* dan jurutera, dengan kerjasama MPC dan pihak akademik; dan
- (f) Program *training-of-trainers* bagi membina kapasiti di dalam CKAPS serta bengkel bagi staf CKAPS JKN/JKWP.

CKAPS turut berharap agar pembangunan MedPCs akan disiapkan pada 2020 bagi membantu pemohon serta staf CKAPS HQ dan CKAPS JKN/JKWP.

Sebagai penutup, CKAPS komited ke arah memastikan keselamatan pesakit terjamin dan *standard* jagaan kesihatan yang disediakan oleh KPJKS di Malaysia sentiasa dipertingkatkan. Sebagai pegawai penguatkuasa bagi Akta 586 dan bertanggungjawab bagi lebih daripada 11,000 KPJKS di seluruh Malaysia, tanggungjawab ini memerlukan integriti yang tinggi, kompetensi dan sumber yang mencukupi (seperti kenderaan, peralatan dan bajet) bagi membolehkan CKAPS menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Bagi mencapai hasrat tersebut, CKAPS memerlukan sokongan dan kerjasama semua pihak terutama pihak pengurusan atasan, *stakeholders* dan pengguna dalam melaksanakan dan mengimplementasi akta-akta yang berkaitan dengan jagaan kesihatan swasta di Malaysia

## BAHAGIAN KEJURURAWATAN

Bahagian Kejururawatan dibahagikan kepada dua (2) cawangan iaitu Cawangan Dasar & Amalan Kejururawatan dan Cawangan Regulatori. Cawangan-cawangan tersebut pula dibahagikan kepada enam (6) Sektor iaitu:

- a. Sektor Amalan (Hospital & Kesihatan Awam)
- b. Sektor Kualiti & Latihan
- c. Sektor Pendaftaran & Penguatkuasaan
- d. Sektor Standard & Akreditasi
- e. Sektor Pengurusan Korporat
- f. Sekretariat (Lembaga Jururawat Malaysia & Lembaga Bidan Malaysia)

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### UNIT AMALAN KEJURURAWATAN (HOSPITAL & KESIHATAN AWAM)

Unit ini menjalankan aktiviti lawatan penyeliaan dan pemantuan ke fasiliti hospital dan kesihatan awam bagi mengenal pasti tahap penyampaian perkhidmatan kejururawatan serta pematuhan kepada polisi, garis panduan dan *Standard Operating Procedure* amalan kejururawatan. Sebanyak 49 buah fasiliti telah dilawati iaitu 20 hospital, dua (2) institut, satu (1) poliklinik, 19 Klinik Kesihatan (KK), empat (4) Klinik Desa (KD) dan tiga (3) lawatan *ad-hoc*. Unit ini juga menganjur dan menyelaras seminar, latihan dan kursus.

**Jadual 5.18**  
**Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2019**


Bil	Seminar/Latihan/ Kursus	Tarikh	Sasaran
1.	Seminar Kesihatan Mental Dalam Kalangan Jururawat	31 Julai 2019	Dihadiri oleh 288 orang jururawat pelbagai katogeri dari seluruh negeri.
2.	Bengkel LEAN Healthcare	17 hingga 19 September 2019	Memurnikan dan menyiapkan projek LEAN yang telah dikenal pasti untuk dapat dijadikan model atau panduan jururawat dalam pengurusan pesakit di hospital – hospital Kementerian Kesihatan Malaysia.
3.	Mini Simposium dan Hari Penjagaan Kaki Pesakit Diabetes	1 dan 2 Oktober 2019	Dihadiri oleh 340 orang <i>Diabetes Nurse Educator</i> termasuk AJK.

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT ADUAN & MAKLUM BALAS

Unit ini telah menerima sebanyak 706 aduan dan berjaya diselesaikan dalam masa yang ditetapkan.

**Rajah 5.13**  
**Jumlah Aduan Yang Diterima Pada Tahun 2019**




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT PEMBANGUNAN PIAWAIAN KUALITI KEJURURAWATAN

Unit ini menjalankan aktiviti untuk mengekalkan kualiti dan kecekapan jururawat dalam bidang klinikal yang merangkumi:

- National Nursing Audit (NNA) (Hospital)*
- National Operating Room Nursing Audit (NORNA)*
- National Nursing Audit (NNA) (Kesihatan Awam)*
- National Indicator Approach (NIA)*


**Rajah 5.14**  
**Keputusan *National Nursing Audit (NNA) (Hospital)* Daripada Semua Negeri, 2019**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM



**Rajah 5.15**  
**Keputusan Audit NNA (Kesihatan Awam), 2019**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT PENYELIDIKAN KEJURURAWATAN

**Jadual 5.19**  
**Kajian Kejururawatan, 2019**

Bil	Program / Aktiviti	Pencapaian
1	<i>3rd National Nursing Research Colloquium 2019</i>	20 kajian pembentangan lisan dan 19 kajian pembentangan poster dibentangkan.
2	<i>Evidence Based Practice Workshop</i>	Tujuh (7) tajuk telah dikaji.
3	<i>Rapid review (Malaysian Alliance for Embedding Rapid Review-Maera), berkolaborasi dengan Institute Health Research System (IHSR)</i>	Dua (2) tajuk kejururawatan telah dinilai iaitu <i>Midwifery Qualification in Primary Care</i> dan <i>Measurement of pressure ulcers as indicator for patient's safety in hospital</i> .
4	<i>Kajian The Effectiveness of Go Fit Don't Quit (GFDQ) Program towards Body Mass Index Among Nurses at Ministry of Health (MoH) setting</i>	Kajian ini telah dijalankan di semua fasiliti kerajaan dan data <i>Body Mass Index (BMI)</i> telah dianalisa.
5	<i>Statistik Process Control Tools for National Indicator Approach: Pressure Ulcers</i>	Telah dibentangkan sebagai <i>e-poster</i> di MOH-AMM pada 27 hingga 29 September 2019 di <i>National Institute of Health (NIH)</i> .


Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM



## UNIT PEMBANGUNAN PROFESION KEJURURAWATAN (CPD)

Unit ini bertanggungjawab dalam membangunkan pelan, menyelaraskan dan menyediakan jadual kursus kepada semua jururawat bagi memastikan jururawat dapat memperolehi pengetahuan terkini. Unit ini juga memproses permohonan untuk mata CPD dari urusetia yang menganjurkan program.

**Rajah 5.16**  
**Mata CPD yang Dipohon, 2019**




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT CREDENTIALING & PRIVILEGING (C&P)

Unit ini bekerjasama dengan Lembaga Pembantu Perubatan dan *Allied Health Professional* di bawah Program Perubatan KKM dalam Jawatankuasa *National Credentialing Committee* (NCC), Kementerian Kesihatan Malaysia. Terdapat 11 disiplin perkhidmatan klinikal yang terlibat dalam program *credentialing*.

**Rajah 5.17**  
**Permohonan Baru Credentialing Mengikut Disiplin, 2019**




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT PENDAFTARAN & APC

Unit ini bertanggungjawab mengendalikan proses pendaftaran jururawat dari institusi Kementerian Kesihatan, Awam dan Swasta yang lulus Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia (LJM) dan Lembaga Kebidanan Malaysia (LBM). Seramai 6201 orang jururawat telah didaftarkan pada tahun 2019.

**Rajah 5.18**  
**Statistik Jururawat Berdaftar di bawah Lembaga Jururawat Malaysia (LJM)**  
**dan Lembaga Bidan Malaysia (LBM), 2019**




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT PENILAIAN KURIKULUM KEJURURAWATAN

Unit ini berperanan mengendali dan mengurus proses permohonan penilaian program dan sumber fasiliti kejururawatan dari Institusi Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM)/Universiti Awam (UA)/Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) bagi pengesyoran perakuan akreditasi.

**Rajah 5.19**  
**Bilangan Institusi Yang Menawarkan Program Kejururawatan, 2019**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT PEPERIKSAAN

Unit ini menjalankan tujuh (7) kali peperiksaan setahun untuk program kejururawatan iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan/Diploma Kejururawatan/Peningkatan Secara Lantikan (PSL), Diploma Lanjutan Kebidanan dan Sijil Penolong Jururawat. Semua jururawat wajib lulus Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia/Lembaga Bidan Malaysia. Peperiksaan ini bertujuan untuk menilai kompetensi sebelum mengamalkan perawatan kejururawatan/kebidanan di Malaysia.

**Jadual 5.20**  
**Keputusan Peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia/Lembaga Bidan Malaysia, 2019**


Bil	Program	Kolej/Institusi				Calon	
		KKM	IPTA	IPTS	Jumlah	Lulus (Peratus)	Gagal (Peratus)
1.	Ijazah/Diploma/ Peningkatan Secara Lantikan (PSL)	1,926	646	2,161	4,733	4,644 (98.1)	89 (1.9)
2.	Diploma Lanjutan Kebidanan Bahagian 1	1,227	34	20	1,281	1,240 (96.8)	41 (3.2)
3.	Sijil Penolong Jururawat	0	0	74	74	69 (93.2)	5 (6.8)
<b>JUMLAH</b>		<b>3,153</b>	<b>680</b>	<b>2,255</b>	<b>6,088</b>	<b>5,953 (97.8)</b>	<b>135 (2.2)</b>

Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## UNIT *TEMPORARY PRACTISING CERTIFICATE* (TPC) & PERHUBUNGAN ANTARABANGSA


Unit ini bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Pengamalan sementara (TPC) kepada semua jururawat warga asing yang menjalankan amalan kejururawatan di Malaysia

**Rajah 5.20**  
**Bilangan Jururawat Warga Asing Yang Berkhidmat Di Malaysia, 2019**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

**Rajah 5.21**  
**Trend Kemasukan Jururawat Asing Di Malaysia (2009 hingga 2019)**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

### UNIT PENGURUSAN PENGGUNAAN FASILITI KKM BAGI IPT

Unit ini bertanggungjawab menyelaras dan mengurus permohonan penggunaan Fasiliti KKM oleh IPT yang memerlukan *Memorandum of Agreement (MoA)* dan *Supplementary Agreements (SA)*. Selain itu, melaksanakan lawatan pemantauan di fasiliti KKM bagi memastikan IPT mematuhi Garis Panduan Penggunaan Fasiliti KKM.

**Rajah 5.22**  
**Aktiviti Pemantauan, 2019**

**Rumusan Gerak Kerja Pemantauan**




Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

**PENGENDALIAN KURSUS**

Kursus Pemantapan Pelaksanaan Program Kejururawatan bagi anggota kejururawatan zon Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 20 hingga 21 Ogos 2019, bertempat di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, Sabah bertujuan memberi pendedahan kepada Garispanduan Penggunaan Fasiliti KKM

Bengkel Penyediaan Dan Semakan Data Penempatan Pelatih/Pelajar IPT Di Fasiliti KKM pada 12 hingga 14 November 2019, bertempat di Dewan Terrace, Hotel Putra Kuala Lumpur untuk menyeragamkan *Google map* bagi lokasi dan program, *aplikasi cloud* bagi perkongsian maklumat terus denga BKJ, semakan *masterplan*, penyediaan maklumbalas bagi keseragaman input daripada pelajar.

**Rajah 5.23**  
**Penerimaan Bayaran Penempatan, 2019 (RM)**



Sumber: Bahagian Kejururawatan, KKM

## BAHAGIAN SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu (BSKB) bertanggungjawab ke atas dasar perancangan pembangunan perkhidmatan Sains Kesihatan Bersekutu (SKB) selari dengan aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). BSKB bertekad untuk memberi fokus terhadap pembangunan dan perkembangan profesion, menyediakan piawaian dan peraturan yang dapat memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh Profesion Kesihatan Bersekutu (PKB) adalah berkualiti serta efektif dan mengoptimumkan penggunaan teknologi dan sumber.

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (PERUBATAN), 2019 UNTUK PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) telah memutuskan bahawa tajuk bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) TKPK (Perubatan) KKM bagi bidang Kesihatan Bersekutu bagi tahun 2019 adalah Peratusan Perkhidmatan Terapi Mencapai Matlamat Intervensi Oleh Profesional Sains Kesihatan Bersekutu (SKB). Sasaran yang ditetapkan adalah  $\geq 80$  peratus. Secara keseluruhannya, pencapaian KPI ini telah melebihi sasaran iaitu 91.13 peratus. Pencapaian sebenar tujuh (7) profesion yang telah terpilih untuk KPI ini adalah sebagaimana tertera di **Jadual 5.21**.

**Jadual 5.21**  
**Pencapaian KPI Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) KKM Bagi Perkhidmatan Sains Kesihatan Bersekutu Pada Tahun 2019**

PERKHIDMATAN	NUMERATOR	DENUMERATOR	PENCAPAIAN (Sasaran $\geq 80$ peratus)
Dietetik	25,432	26,668	95.37
Optometri	117	118	99.15
Pemulihan Fisioterapi	25,639	28,223	90.84
Pemulihan Carakerja	2,028	2,071	97.92
Pemulihan Pertuturan-Bahasa	1,032	1,087	95
Pemulihan Pendengaran	1,109	1,120	98
X-Ray (Terapi)	1,778	2,128	83.55
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>60,138</b>	<b>64,575</b>	<b>91.13</b>

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

## **INDIKATOR UNIVERSAL HEALTH COVERAGE (UHC)**

BSKB bertanggungjawab bagi pengumpulan data asas untuk indikator *Universal Health Coverage* (UHC) di bawah tajuk “*Proportion of the population utilizing the rehabilitation services they require.*” Maklumat asas yang diperlukan untuk UHC ini telah dapat dikumpulkan melalui satu program bancian melalui *National Health Morbidity Survey* (NHMS) 2019. Laporan penuh hasil kajian ini akan disiapkan pada tahun 2020. Maklumat bagi indikator ini amat penting kerana ianya akan dilaporkan kepada *World Health Organization* (WHO) secara berkala.

## **WORLD HEALTH ORGANIZATION (WHO) BUDGET PROGRAMME 2018 – 2019: THE ESTABLISHMENT OF WORKFORCE PROFILE FOR AHPS IN MALAYSIA**

Satu bengkel konsultasi bersama konsultan WHO telah dianjurkan pada 21 hingga 25 Januari 2019 di Palm Garden Hotel, IOI Resort City Putrajaya. Bengkel selama lima (5) hari itu difasilitasi oleh Prof Arie Rotem dan Dr Graham Robert dari Australia. Pelbagai wakil dan *stakeholders* daripada dalam dan luar Kementerian Kesihatan Malaysia telah dijemput bagi memberikan input dan pandangan masing-masing yang membantu kepada pengisian dan perincian kajian. Hasil dan keputusan bengkel amat memberangsangkan. Pelbagai rancangan dan strategi yang dipersetujui bersama telah dibincangkan untuk mencapai matlamat projek menjelang akhir tahun 2019.

Sebanyak sepuluh (10) tajuk telah dibentang oleh penceramah jemputan daripada sektor awam dan swasta yang merupakan pakar dalam bidang masing-masing. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Dr Lo Ying - Ru, *Head of Mission and WHO Representatives to Malaysia, Brunei Darussalam and Singapore and WHO*. Objektif bengkel konsultasi tersebut adalah untuk membangunkan profil pangkalan data dinamik untuk tenaga kerja PKB; merangka kaedah/ model/ templat tenaga kerja berasaskan keperluan untuk PKB di masa hadapan; dan untuk menentukan norma nisbah sumber manusia untuk setiap kategori PKB di Malaysia.

## **SEKRETARIAT MAJLIS PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU MALAYSIA**

### **Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu 2019**

Pada bulan Mac 2019, draf Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu telah dikemukakan kepada YB Menteri Kesihatan (**Imej 5.4**) dan Ketua Pengarah Kesihatan setelah disemak oleh Penasihat Undang-Undang KKM. Draf Peraturan Versi 1 telah dikemukakan ke Jabatan Peguam Negara (AGC) pada kali pertama pada 17 September 2019 untuk semakan dan seterusnya Draf akhir Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu yang telah dikemaskini telah dikemukakan pada 2 Disember 2019 dan dijangkakan Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu ini akan diluluskan oleh pihak AGC pada awal tahun 2020.

## Imej 5.4

### Pembentangan Draf Peraturan Profesion Kesihatan Bersekutu 2019 kepada YB Menteri Kesihatan Malaysia



Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

#### **Garis Panduan dan Arah**

Bagi memastikan Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 dapat dilaksanakan dengan efektif beberapa garis paduan telah dibangunkan. Antara Garis Panduan yang telah dibangunkan adalah Garis Panduan Pendaftaran; Garis Panduan Perakuan Amalan; Garis Panduan Pembaharuan Perakuan Amalan; Garis Panduan Perakuan Amalan Sementara; Garis Panduan Akreditasi Program Sains Kesihatan; Garis Panduan *Continuing Professional Development* (CPD) Profesional Kesihatan Bersekutu; dan Garis Panduan Permohonan Pembekal CPD.

#### **Pro Tem Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia**

Selaras dengan saranan Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) semasa sesi pembentangan draf peraturan, Pro Tem Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu telah ditubuhkan pada 12 April 2019. Tujuan Pro Tem Majlis adalah membantu dalam persediaan penguatkuasaan akta. Hasil dari penubuhan Pro Tem Majlis tersebut, beberapa jawatankuasa telah diwujudkan iaitu Jawatankuasa Skop Amalan Kesihatan Bersekutu; Jawatankuasa Pendaftaran; Jawatankuasa Disiplinari & Etika; Jawatankuasa Standard Pengajian dan Jawatankuasa Pengiktirafan Kepakaran.

#### **REGULATORI**

Pada tahun 2019, BSKB telah menjalankan beberapa aktiviti bagi menyokong pelaksanaan penguatkuasaan Akta 774. Di antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Penyediaan Kompilasi 1 & 2 bagi Penyediaan Laporan Hasrat Pindaan Akta 290: Akta Ubat 1956. Matlamat Penyediaan Kompilasi ini adalah untuk mengatasi masalah mengenai iklan dan menambah baik kawalan iklan agar kelancaran pindaan Akta 290 dapat dilaksanakan.



- ii. Mengadakan Latih Amal Risikan pada 22 hingga 25 April 2019. Para peserta diberi tugas untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat mengenai aktiviti PKB dengan melakukan risikan di premis-premis seperti pusat Fisioterapi, premis optometri dan farmasi yang terdapat di sekitar bandar Melaka.
- iii. Pembentukan sebanyak empat (4) garis panduan dan *standards operating procedures* (SOP) penguatkuasaan yang telah dibangunkan sebagai panduan dalam melaksanakan proses kerja iaitu SOP Kompaun, SOP Pendakwaan, Garis Panduan Kompaun dan Tatacara Penstoran Eksibit.
- iv. Pembangunan dua (2) modul latihan penguatkuasaan dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi, iaitu Penyediaan Kertas Siasatan; dan Pra Perbincangan dan Teknik Pendakwaan.

### **LALUAN KERJAYA PAKAR BIDANG KHUSUS (*SUBJECT MATTER EXPERT - SME*)**

Seramai 20 orang pegawai telah diperakukan oleh Jawatankuasa Naik Pangkat Pengurusan dan Profesional Kementerian Kesihatan Malaysia (JNPCKM) dan Jawatankuasa *Search Committee* (JKKSC) di Kementerian Kesihatan Malaysia (**Jadual 5.22**). Majlis Penyampaian Surat Pengiktirafan dan Pemangkuan Pegawai Pelbagai Skim Perkhidmatan Laluan Kerjaya Pakar Bidang Khusus (*Subject Matter Expert – SME*) di Kementerian Kesihatan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) telah diadakan pada 18 Mac 2019.

**Jadual 5.22**  
**Senarai Pemangkuan Pegawai Pelbagai Skim Perkhidmatan Laluan Kerjaya Pakar**  
**Bidang Khusus (SME) di KKM**

SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG	SUB-BIDANG	BIL. PEGAWAI	GRED PEMANGKUAN
1. Pegawai Sains	Fizik Perubatan	Fizik Radioterapi	1	C52 (Tahap 2)
		Fizik Radiologi	1	C52 (Tahap 2)
		Fizik Perubatan Nuklear	-	-
	Genetik	Sitogenetik: - Kajian Kromosom	1	C52 (Tahap 2)
		- Molekular Sitogenetik	1	C48 (Tahap 1)
		Molekular Genetik	1	C48 (Tahap 1)
	Pemakanan	Public Health Nutrition	-	-
		Epidemiologi Pemakanan	1	C54 (Tahap 3)
		Maternal, Infant & Young Child	-	-
	Mikrobiologi	Mikobakteriologi	1	C54 (Tahap 3)
		Parasitologi (Malaria)	1	C54 (Tahap 3)
		Virologi (Dengue Virus)	1	C54 (Tahap 3)
	Kimia Hayat	Transfusi - Imunohematologi	1	C52 (Tahap 2)
2. Pegawai Dietetik	Dietetik	Dietetik Onkologi	1	U54 (Tahap 3)
			1	U52 (Tahap 2)
			1	U48 (Tahap 1)
3. Pegawai Optometri	Penglihatan Binokular	Ortoptik	1	U54 (Tahap 3)
			1	U52 (Tahap 2)

SKIM PERKHIDMATAN	BIDANG	SUB-BIDANG	BIL. PEGAWAI	GRED PEMANGKUAN
4. Juru X-Ray	Radioterapi	-	-	-
	Pengimejan Diagnostik	Pengimejan CT Scan	-	-
		Pengimejan Kardiovaskular	-	-
		Pengimejan Payudara	-	-
5. Pegawai Pemulihan Perubatan	Rehabilitasi Audiologi	Tinnitus	1	U52 (Tahap 2)
		Vestibular & Keseimbangan	1	U48 (Tahap 1)
	Terapi Pertuturan & Bahasa	Rehabilitasi	1	U52 (Tahap 2)
			1	U48 (Tahap 1)
		Geriatric	1	U48 (Tahap 1)

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

## GARIS PANDUAN BAGI PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU KKM

### Prosedur Operasi Standard

11 tajuk prosedur operasi *standard* (POS) telah diterbitkan untuk menyeragamkan amalan perkhidmatan PKB di Kementerian Kesihatan Malaysia. Bilangan POS yang telah diterbitkan pada tahun 2019 ditunjukkan dalam **Jadual 5.23**.

**Jadual 5.23**  
**Bilang POS Yang Diterbitkan Pada Tahun 2019**

Bil.	Profesion	Tajuk
1.	Pegawai Penyediaan Makanan	<ol style="list-style-type: none"> <li>Pelan Pengurusan Operasi Pengurusan Perkhidmatan Makanan (Penjagaan Kesihatan)</li> <li>POS Pengurusan Perkhidmatan Makanan (Penjagaan Kesihatan) Secara <i>Inhouse</i></li> <li>POS Pengurusan Perkhidmatan Makanan (Penjagaan Kesihatan) Secara <i>Outsource</i></li> <li>POS Pengurusan Perolehan di Dalam Perkhidmatan Makanan (Penjagaan Kesihatan)</li> <li>POS Pengurusan Pemantauan Pencucian Peralatan dan Perkakasan</li> </ol>

Bil.	Profesion	Tajuk
2.	Pegawai Pengimejan/ Juru X-Ray (Diagnostik)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pelan Pengurusan Operasi Perkhidmatan Radiologi oleh Pegawai Pengimejan/ Juru X-Ray Diagnostik</li> <li>2. POS Radiografi Am</li> <li>3. POS Tomografi Berkomputer (<i>Computed Tomography</i>)</li> <li>4. POS Mamografi</li> <li>5. POS Pengimejan Resonans Magnet (<i>Magnetic Resonance Imaging</i>)</li> <li>6. POS Fluoroskopi, Angiografi dan Radiologi Intervensi</li> </ol>

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

### Pengiktirafan *Credentialing* Profesion Kesihatan Bersekutu

Pada tahun ini, seramai 766 PKB telah mendapat pengiktirafan *credentialing* di dalam bidang pengkhususan masing-masing oleh *National Credentialing Committee* (NCC). Secara kumulatifnya ia merangkumi pengiktirafan baharu dan pengiktirafan semula *Credentialing* di mana sebanyak 6,519 PKB telah diberi pengiktirafan *Credentialing* sejak tahun 2014 hingga 2019 (**Jadual 5.24**).

**Jadual 5.24**  
**Bilangan PKB yang Menerima Pengiktirafan *Credentialing***

Bil.	Profesion Kesihatan Bersekutu	Bil. PKB yang Mendapat Pengiktirafan <i>Credentialing</i> tahun 2019	Jumlah Pengiktirafan <i>Credentialing</i> (2014 – 2019)
1.	Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi)	136	1,311
2.	Pegawai Pemulihan Perubatan (Carakerja)	139	1,044
3.	Juru X-Ray (Diagnostik)	346	2,532
4.	Juru X-Ray (Terapi)	43	245
5.	Juruteknologi Pergigian	19	701
6.	Pegawai Optometri	25	191
7.	Pegawai Dietetik	14	268
8.	Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)	26	98
9.	Pegawai Pemulihan Perubatan (Audiologi)	18	129
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>766</b>	<b>6,519</b>

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

## LATIHAMAL PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT) DI FASILITI KKM

Sebanyak 482 fasiliti KKM seluruh Malaysia telah diluluskan penggunaannya bagi tujuan latihan pelajar IPT bagi Program Pengajian Sains Kesihatan. Bayaran berjumlah RM547,900 telah diterima daripada IPT untuk pembayaran penggunaan fasiliti KKM yang melibatkan 4,181 orang pelajar (**Jadual 5.25**).

**Jadual 5.25**  
**Jumlah Bayaran Penggunaan Fasiliti KKM Bagi Program Pengajian Sains Kesihatan Bersekutu Tahun 2019**

IPT	JUMLAH IPT	JUMLAH PELAJAR	JUMLAH BAYARAN (RM)
Awam	11	2,002	292,700
Swasta	46	2,179	255,200
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>57</b>	<b>4,181</b>	<b>547,900</b>

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

## THE ALLIED HEALTH PROFESSIONALS INNOVATION DAY

Hari Inovasi Profesional Kesihatan Bersekutu Tahun 2019 telah berjaya dianjurkan pada 25 Julai 2019 bertempat di Dewan Seri Seroja, Putrajaya. Sebanyak 19 kumpulan dari pelbagai profesion Kesihatan Bersekutu telah memasuki pertandingan inovasi ini yang dibahagikan kepada empat kategori iaitu Perkhidmatan, Teknologi, Produk dan Proses. **Jadual 5.26** menunjukkan senarai pemenang bagi setiap kategori.

**Jadual 5.26**  
**Senarai Pemenang Hari Inovasi Profesional Kesihatan Bersekutu Tahun 2019**

Kategori	Kedudukan	Topik	Profesion
Produk	Johan	<i>Extra Hand</i>	Peg. Pemulihan Perubatan (Carakerja), Hospital Rehabilitasi Cheras
	Naib Johan	<i>Lemonade Finger</i>	Peg. Pemulihan Perubatan (Pertuturan), Hospital Rehabilitasi Cheras
	Ketiga	<i>Haft Dynamic Equipment</i>	Peg. Pemulihan Perubatan (Carakerja), Hospital Tuanku Fauziah, Kangar

Kategori	Kedudukan	Topik	Profesion
<b>Proses</b>	Johan	<i>Easy Thumb Flex</i>	Peg. Pemulihan Perubatan (Fisioterapi), Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat
	Naib Johan	<i>Dietitians' Pet (Patient Education Toolkit)</i>	Peg. Dietetik, Hospital Alor Gajah, Melaka
	Ketiga	<i>Panjaa Retort</i>	Juruteknologi Makmal Perubatan, Makmal Kesihatan Awam, Perlis
<b>Perkhidmatan</b>	Johan	<i>Avis Glasses Scheme</i>	Pegawai Optometri, Hospital Kuala Lumpur
	Naib Johan	<i>Intelligent Dietitian Support Application (iDSA)</i>	Peg. Dietetik, Institut Kanser Negara
	Ketiga	<i>Portable Cough Corner</i>	Pen. Peg. Kesihatan Persekutaran, Unit Inspektorat, PKD Sabak Bernam
<b>Teknologi</b>	Johan	<i>Combat Fat Mobile Application (Apps)</i>	Peg. Pemulihan Perubatan (Fisioterapi), Hospital Raja Perempuan Zainab II
	Naib Johan	Inovasi Sistem Lantikan Auditori - Kognitif	Peg. Pemulihan Perubatan (Pendengaran), Hospital Putrajaya
	Ketiga	<i>Ebooking2u</i>	Peg. Sains (Mikrobiologi), Makmal Kesihatan Awam, Kota Bharu

Sumber: Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM

## LATIHAN PROFESIONAL PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU

Pada tahun ini, BSKB telah melaksanakan 11 Kursus Orientasi Pegawai Lantikan Baharu. BSKB juga telah melaksanakan tiga (3) kursus generic iaitu Kursus *Intoduction to Coaching and Mentoring for Allied Health Professionals*, Kursus *Infografic* dan Kursus *Change Management* untuk memberi nilai tambah kepada perkembangan perkhidmatan SKB.

Tahun ini untuk pertama kalinya BSKB telah bertindak sebagai penyelaras penggunaan peruntukan modal insan bagi 28 Profesion Kesihatan Bersekutu dan berjaya menganjurkan sebanyak 70 kursus bagi kategori Pengurusan & Profesional dan juga kategori Pelaksana.

Dengan kerjasama 19 Profesion Kesihatan Bersekutu dari Kumpulan Klinikal dan Kumpulan Makmal, BSKB telah berjaya menyediakan Pelan Latihan Profesional Sains Kesihatan Bersekutu yang akan diguna pakai sebagai panduan hala tuju latihan generik, fungsional dan *task-specific* kepada ahli-ahli profesion yang berada di lapangan.

## HALA TUJU

BSKB bersedia untuk memainkan peranan dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat. Tumpuan akan diberikan kepada menilai pencapaian ke atas strategi dan program yang dilaksanakan di bawah RMK-11. Setiap inisiatif/aktiviti yang telah berjaya dicapai akan dikekalkan dan diteruskan; manakala yang masih belum berjaya dicapai, akan dilaksana melalui strategi yang baharu di bawah RMK-12, mengintegrasikan inisiatif di bawah program perubatan dan kesihatan awam bagi meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh Profesion Kesihatan Bersekutu khususnya dan KKM amnya.

## BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari (BPTK) mula beroperasi sejak tahun 2004. BPTK bertanggungjawab untuk mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K) serta memastikan PT&K yang selamat dan berkualiti ke arah kesejahteraan rakyat. Cawangan yang dibentuk bawah BPTK adalah Cawangan Dasar dan Perkembangan, Cawangan Pengurusan dan Latihan, Cawangan Amalan PT&K, Cawangan Inspektorat dan Penguatkuasaan serta Sekretariat Majlis PT&K.

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN *TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE BLUEPRINT 2018-2027 (HEALTH CARE)*

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Tindakan *Traditional and Complementary Medicine Blueprint 2018-2027 (Health Care)* telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 22 Januari 2019 dan 10 Oktober 2019.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) dan terdiri daripada wakil dari pelbagai Kementerian termasuk:

- (i) Kementerian Kesihatan Malaysia:
  - Institut Penyelidikan Perubatan
  - Bahagian Regulatori Farmasi Negara
  - Urusetia Institut Kesihatan Negara
  - Bahagian Perancangan KKM
  - Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
- (ii) Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani
  - Pejabat Pembangunan Herba
  - Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan
- (iii) Kementerian Pendidikan Malaysia
  - Agensi Kelayakan Malaysia
- (iv) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan
  - Perbadanan Harta Intelekt Malaysia
- (v) Pusat Biodiversiti Sabah
- (vi) Pusat Biodiversiti Sarawak

Sejak pelancaran *T&CM Blueprint 2018-2027 (Health Care)* pada tahun 2018, sebanyak 47 daripada 71 pelan tindakan telah mula dilaksanakan. Sehingga Disember 2018, sebanyak lima (5) pelan tindakan telah berjaya disempurnakan. Selain itu, pelan tindakan yang selebihnya berjalan dengan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan. BPTK sebagai urusetia bagi pelaksanaan *T&CM Blueprint 2018-2027 (Health Care)* akan sentiasa memantau dan berkerjasama dengan agensi yang terlibat demi memastikan kesemua pelan tindakan yang ditentukan dapat mencapai sasaran dengan jayanya.



**Imej 5.5**  
**Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pelan Tindakan *Traditional and Complementary Medicine Blueprint 2018-2027 (Health Care)***



*Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM*

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI KALI KE-9 (9<sup>TH</sup> INTRACOM) TAHUN 2019**

Persidangan Antarabangsa Perubatan Tradisional dan Komplementari Kali Ke-9 Tahun 2019 (9<sup>th</sup> INTRACOM) yang berlangsung dari 3 hingga 5 Ogos 2019 di Hotel One World, Petaling Jaya, Selangor, telah dihadiri oleh lebih daripada 400 delegasi dari dalam dan luar negara. Persidangan yang bertema ‘Pendekatan Bersepadu terhadap Penuaan Sihat’, ini memfokuskan kepentingan PT&K dalam meningkatkan ketahanan tubuh badan dan keupayaan untuk menyembuh serta menggalakkan pendekatan holistik ke arah penuaan yang sihat dalam era *Silver Tsunami*.

9<sup>th</sup> INTRACOM telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Perasmian ini turut melibatkan pelancaran ‘Garis Panduan Pengguna bagi Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari yang Betul di Malaysia’. Matlamat panduan pengguna ini adalah untuk mempromosikan kesedaran berkenaan hak pengguna untuk menggunakan perkhidmatan PT&K yang betul dan selamat di samping memperkasa individu dalam membuat pilihan yang tepat bagi mengurangkan risiko yang tidak diingini.

Sesi plenari, simposium dan diskusi panel yang telah berlangsung turut membincangkan pendekatan bersepadu dalam membantu mewujudkan warga yang sihat, peranan PT&K dalam pembiayaan kesihatan, masalah penuaan penduduk dari perspektif global, faktor pemacu penuaan secara sihat serta pemeliharaan amalan PT&K dalam penuaan yang sihat. Seramai 50 orang penceramah tempatan dan antarabangsa dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia, Australia, China, Hong Kong, Jerman dan lain-lain telah berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam bidang PT&K.

Selain daripada persidangan, para peserta dan orang awam turut mendapat manfaat daripada aktiviti pameran yang melibatkan penyertaan daripada 30 syarikat/ persatuan/ agensi/ institusi dalam dan luar negara. Lebih daripada 2000 orang pengunjung telah melawat pameran sepanjang 3 hari persidangan berlangsung. Kesimpulannya, aktiviti ini telah memupuk pemikiran baru untuk mencapai penuaan yang sihat.

**Imej 5.6**  
**Pelancaran ‘Panduan Pengguna Bagi Perkhidmatan Perubatan Tradisional dan Komplementari yang Betul di Malaysia’**



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

**Imej 5.7**  
**Diskusi Panel (Hari 1): ‘Pengalaman Negara Mengenai Penuaan Penduduk- Perspektif Global’. Pakarpakar Berkongsi Pengalaman Mereka Dari Sudut Penggubal Dasar.**



## MESYUARAT SAMPINGAN ASEAN UNTUK NOTA KONSEP DIALOG PT&K ASEAN

Mesyuarat Sampingan ASEAN Untuk Nota Konsep Dialog PT&K ASEAN tersebut telah diadakan pada 5 Ogos 2019. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh wakil Sekretariat ASEAN, Malaysia, Thailand, Singapura dan Kemboja.

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mendapatkan konsensus daripada semua negara anggota ASEAN mengenai strategi dan aktiviti yang perlu dimasukkan dalam Program Kerja 2021- 2025 yang baharu. Mesyuarat bersetuju untuk satu *side meeting* diadakan semasa mesyuarat *ASEAN Health Cluster 3* yang akan diadakan pada tahun 2020 di Thailand untuk meneliti hasil perbincangan mesyuarat dan sebarang penemuan atau perkembangan terkini susulan mesyuarat di Malaysia.

## Imej 5.8

### Ahli Mesyuarat Sampingan ASEAN Untuk Nota Konsep Dialog PT&K ASEAN



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

#### MESYUARAT TEKNIKAL DUA HALA KALI KE-6 KERJASAMA DALAM SISTEM PERUBATAN TRADISIONAL DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN INDIA

Mesyuarat teknikal dua hala tersebut telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 6 Ogos 2019. Delegasi Kerajaan Malaysia diketuai oleh Dr. Goh Cheng Soon, Pengarah BPTK telah mempengerusikan mesyuarat teknikal tersebut bagi pihak Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Delegasi daripada Kerajaan Republik India telah diketuai oleh Encik P.N. Ranjit Kumar, *Joint Secretary, Ministry of Ayurveda, Yoga and Naturopathy, Unani, Siddha and Homeopathy (AYUSH)*. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh wakil daripada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA), Kementerian Luar Negeri dan Suruhanjaya Tinggi India di Malaysia.

Antara hasil perbincangan mesyuarat teknikal tersebut adalah:

- a) Pelanjutan deputasi pakar Perubatan Tradisional India melalui program *Indian Technical and Economic Cooperation (ITEC)*;
- b) Peluang menjalani kursus atau latihan profesional sebagai *AYUSH Therapist* di India;
- c) Tawaran biasiswa di bawah program *AYUSH Scholarship Scheme for Malaysians* akan diteruskan;
- d) Penubuhan *AYUSH academic chair* di institusi pengajian tinggi Malaysia;
- e) Kolaborasi dalam kajian tumbuhan herba untuk pencegahan atau rawatan penyakit jangkitan denggi dan leukoderma;
- f) Penganjuran bengkel bagi pengilang ubat/ produk tradisional di India berkenaan mekanisme pengawalseliaan dan proses pendaftaran produk tradisional di Malaysia; dan
- g) Membantu mengesahkan status kelayakan pengamal PTI dari negara India yang ingin bekerja di Malaysia.

### Imej 5.9

#### Ahli Mesyuarat Teknikal Dua Hala Kali Ke-6 Kerjasama Dalam Sistem Perubatan Tradisional di antara Kerajaan Malaysia dan India



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

#### MESYUARAT TEKNIKAL DUA HALA KALI KE-3 KERJASAMA DALAM PERUBATAN TRADISIONAL DI ANTARA KERAJAAN REPUBLIK RAKYAT CINA DAN MALAYSIA

Mesyuarat teknikal Dua Hala Kali Ke-3 Kerjasama dalam Perubatan Tradisional di antara Kerajaan Republik Rakyat Cina dan Malaysia serta lawatan kerja yang berkaitan telah diadakan pada 20 hingga 24 Oktober 2019 di Beijing dan Shanghai, China.

Mesyuarat tersebut telah dipengerusi oleh Professor Yu Wen Ming, Komisioner NATCM, China bersama dengan YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh YM Raja Dato' Nushirwan Bin Zainal Abidin, Duta Besar Malaysia ke China, wakil daripada NATCM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Mesyuarat ini telah meneliti status inisiatif yang dipersetujui dalam Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua negara. Hasil utama perbincangan mesyuarat adalah seperti berikut:

- (i) Inisiatif lanjut dalam bidang perubatan tradisional untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan pentadbiran kesihatan, pencegahan penyakit tidak berjangkit serta mengenal pasti kedudukan Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) dalam sistem penjagaan kesihatan kebangsaan berdasarkan bukti saintifik yang kukuh.
- (ii) Peluang kerjasama khususnya penyelidikan dan latihan dalam bidang perubatan tradisional Cina (PTC) dengan NATCM, hospital dan universiti tempatan di China.



Delegasi Malaysia juga berpeluang untuk melawat ke Hospital Guang An Meng, Beijing, Hospital Shuguang Shanghai dan Universiti Perubatan Tradisional Cina Shanghai (SHUTCM) untuk memahami perkembangan PTC di China, khususnya sistem integrasi PTC dengan perubatan moden, *acupuncture assisted-anesthesia* dan sistem pendidikan PTC di China.

Mesyuarat teknikal dua hala ini telah mengukuhkan kerjasama dari segi pengawalseliaan, amalan, pendidikan dan latihan, penyelidikan serta pembangunan bidang PT&K.

### Imej 5.10

#### Mesyuarat Teknikal Dua Hala Kali Ke-3 Kerjasama dalam Perubatan Tradisional di antara Kerajaan Republik Rakyat Cina dan Malaysia



Sumber: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM

#### **KAJIAN EFFICACY, SAFETY & PRACTICALITY OF VARMAM THERAPY FOR CHRONIC PAIN PERCEPTIONS**

Dr. Akmal Hafizah Zamli, Ketua Jabatan Rehabilitasi, Hospital Sungai Buloh sebagai ketua penyelidik, bersama dengan ahli kumpulan penyelidik beliau, Dr Nor Azira Ismail, Dr Syed Azmi Syed Ahmad Shah, Dr Wan Najwa Wan Zohdi serta Dr Senthilvel Govindaraju, Pengamal Siddha Republik India yang dideputasi ke Malaysia melalui program *Indian Technical and Economic Cooperation* (ITEC), telah menjalankan satu kajian untuk menilai keberkesanan terapi Varman dalam persepsi sakit kronik.

Kajian *cross-sectional* ini yang melibatkan 104 orang pesakit menerima terapi Varmam di Hospital Sungai Buloh dalam tempoh 4 Julai 2017 hingga 30 April 2019 yang disahkan menghadapi masalah *knee osteoarthritis*, *frozen shoulder*, *lumbar spondylosis* atau *cervical spondylosis* oleh pakar bedah orthopedik dengan baseline purata skor VAS pada 6.0 + 1.9. Adalah didapati bahawa terapi Varmam sebagai rawatan tambahan ke atas intervensi multidisiplin yang standard dan ubat penahan sakit oral dapat mengurangkan persepsi sakit kronik secara signifikan ke 4.3 +1.8 pada minggu ke-6; 3.7 + 2.2 pada bulan ke-3 dan 3.7 + 2.4 pada bulan ke-6 ( $p < 0.001$ ).

Kesimpulannya, terapi Varmam dalam kombinasi dengan intervensi multidisiplin yang standard dan ubat penahan sakit oral dapat mengurangkan persepsi sakit kronik dalam keadaan tertentu dengan signifikan. Walau bagaimanapun, terapi susulan secara berkala mungkin diperlukan selepas rawatan lengkap untuk mengekalkan hasil terapi tersebut.

Kajian ini turut mendapat anugerah sebagai kajian pembentangan oral terbaik dalam *18th Asian Spinal Cord Conference Network Conference & 11th Annual Malaysian Rehabilitation Conference* yang diadakan pada 13 hingga 15 September 2019.

## HALA TUJU

Program Perubatan akan berusaha bersama-sama memastikan perkhidmatan jagaan perubatan yang selamat dan berkualiti dengan mengutamakan pelanggan, saksama, cekap, berkesan, inovatif, dan menggunakan teknologi yang sesuai melalui perancangan, penyelarasan, pengawalan dan penilaian selaras dengan keperluan dan perkembangan bidang perubatan. Program Perubatan akan memastikan pemberian perkhidmatan oleh personel yang komited, bersifat penyayang dan menghormati insan, kerja berpasukan dan professional dengan pembangunan professional berterusan.

Program Perubatan akan sentiasa meneliti perancangan dan implementasi berkaitan semua isu yang timbul. Kordinasi dan pemantauan sistem sedia adalah perlu untuk membantu dan memastikan khidmat perubatan negara sentiasa lancar dan saksama. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, Program Perubatan akan sentiasa fokus dan tabah demi memastikan perkhidmatan yang berkualiti dan selamat untuk klien.



**06**

**PENYELIDIKAN  
& SOKONGAN  
TEKNIKAL**





## PENGENALAN

Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal (P&ST) adalah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (TKPK (P&ST)). Program ini menjalankan aktiviti-aktiviti yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan teknikal dan sokongan kepada Program-program lain di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program ini terdiri daripada Bahagian-bahagian berikut: Perancangan, Perkhidmatan Kejuruteraan, Kawalselia Radiasi Perubatan dan enam (6) buah institut penyelidikan di bawah Institut Kesihatan Negara (NIH).

## BAHAGIAN PERANCANGAN

Bahagian Perancangan memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti penting seperti formulasi Pelan Transformasi Sektor Kesihatan, memperbaiki kualiti data Kesihatan, menubuhkan Standard Informatik Kesihatan untuk Malaysia, serta membuat perancangan, pembangunan dan penilaian program dan projek seperti yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Bahagian Perancangan terdiri daripada enam (6) seksyen iaitu:

- i. Perancangan Dasar dan Pelan Kesihatan (PDPK)
- ii. National Health Financing (NHF)
- iii. Malaysia National Health Accounts (MNHA)
- iv. Pusat Informatik Kesihatan (PIK)
- v. Perancangan Fasiliti Kesihatan (PFK)
- vi. Perancangan Strategik eHealth


## SEKSYEN PERANCANGAN DASAR DAN PELAN KESIHATAN (PDPK)

### PEMBANGUNAN DASAR KESIHATAN NEGARA (DKN)

Cadangan draf asal DKN telah disediakan oleh urusetia KKM yang merangkumi 1. *Healthy Population*; 2. *Sustainable Health System*; dan 3. *Vibrant Health Industry and Economy*. Walau bagaimanapun, satu sesi mesyuarat telah diadakan pada 5 Mac 2019 dan YBMK telah memberi arahan kepada rangka kerja Dasar Kesihatan agar tumpuan diberikan kepada Kemampanan Penjagaan Kesihatan. Seterusnya satu sesi perbincangan telah diadakan pada 15 Mac 2019 dimana YBMK bersetuju secara konsep dengan skop yang telah dibentangkan. Susulan daripada perbincangan tersebut YBMK memutuskan untuk menyediakan sendiri dokumen DKN mengikut aspirasi beliau (**Imej 6.1**) berdasarkan skop yang telah dipersetujui.

Pada 1 Ogos 2019, YBMK telah menyampaikan idea-idea berkenaan National Health Reform (dihasilkan oleh Majlis Penasihat Kesihatan (*Health Advisory Council (HAC)*)). KKM masih dalam peringkat penyediaan Dasar Kesihatan Negara. Justeru itu, usaha yang telah dilakukan berkenaan pembangunan dasar tersebut akan diteruskan.

## Imej 6.1 Aspirasi YBMK 15 Ogos 2019



Sumber: Seksyen Perancangan Dasar Dan Pelan Kesihatan (PDPK), Bahagian Perancangan, KKM

### PENGGUBALAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMK-12)

Surat arahan Ketua Setiausaha Negara berkenaan Penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 bertarikh 16 April 2019 telah diedarkan kepada semua kementerian dan agensi bagi memulakan penyediaan pelan pembangunan pasca 2020, termasuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (2021-2025). Bahagian Perancangan merupakan Urusetia bagi Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) Kesihatan di bawah Kumpulan Perancangan Inter Agensi (IAPG) Kesejahteraan Rakyat.

Berdasarkan pernyataan isu dan cabaran yang dihadapi oleh sektor Kesihatan, sebanyak tujuh (7) Kumpulan Fokus telah ditubuhkan bagi mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk RMK-12. Satu Persidangan Persediaan RMK-12 juga telah diadakan pada 15 Ogos 2019 di NIH Setia Alam dan dihadiri 600 peserta dari pelbagai kementerian, agensi kerajaan, universiti, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta. Persidangan ini bertujuan untuk mendapatkan input serta cadangan pelbagai pihak bagi memastikan kertas strategi yang dibangunkan adalah holistik (**Imej 6.2**).

### Imej 6.2 Persidangan Persediaan RMK-12 di *National Institutes of Health, Setia Alam*



Sumber: Seksyen Perancangan Dasar Dan Pelan Kesihatan (PDPK), Bahagian Perancangan, KKM

Kesemua cadangan tersebut telah dirangkumkan di dalam Kertas Strategi TWG Kesihatan yang telah dibentangkan di Mesyuarat TWG Kesihatan dan taklimat kepada YB Menteri Kesihatan sebelum dikemukakan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk tindakan selanjutnya. Dokumen rasmi RMK-12 dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun 2020 (**Imej 6.3**).

### **Imej 6.3** **Mesyuarat TWG Kesihatan**



*Sumber: Seksyen Perancangan Dasar Dan Pelan Kesihatan (PDPK), Bahagian Perancangan, KKM*

### **KAJIAN SEPARUH PENGGAL (KSP) RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMK-11)**

Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK 11) bertujuan untuk mengkaji dan menilai pencapaian serta membuat penyesuaian ke atas dasar, strategi dan pelan tindakan RMK-11. Ianya menggariskan sasaran ekonomi yang disemak semula bagi tempoh 2018 hingga 2020 untuk memastikan matlamat negara maju dan inklusif dapat dicapai. Terdapat enam (6) tonggak dasar utama di dalam KSP RMK-11 yang mengandungi 80 sasaran terpilih (KPI Nasional) dan 803 Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertindak sebagai penyelaras Inisiatif dan pelaksana Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) di dalam Tonggak II, III, V dan VI serta turut menyokong tiga (3) sasaran terpilih (KPI Nasional) iaitu:

- i. Nisbah 2.0 katil hospital bagi setiap 1000 penduduk
- ii. Peningkatan nisbah doktor kepada penduduk kepada 1:450
- iii. Pengoptimuman masa respons kecemasan kepada 8 minit

Pencapaian KKM bagi tempoh Januari hingga Jun 2019 ialah 71.7 peratus (markah purata bagi Tonggak II, III, V dan VI).

## JAWATANKUASA PEMANDU PERANCANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN (JPPKK)

Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan (JPPKK) merupakan sebuah badan tertinggi di Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membuat keputusan dasar utama, perancangan dan pembangunan di KKM secara holistik dan selaras dengan dasar-dasar dan wawasan negara. JPPKK telah bermesyuarat empat (4) pada tahun 2019 dan sebanyak sembilan (9) Kertas dasar telah dibentangkan mengikut bahagian-bahagian seperti di **Jadual 6.1**.

**Jadual 6.1**  
**Mesyuarat JPPKK bagi tahun 2019**

Bil	Dasar	Status	Program/ Aktiviti
<b>JPPKK BIL 1/2019 (21 Februari 2019)</b>			
1/2	Kertas Makluman Pelan Intergriti dan Pengukuhan Tadbir Urus Di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia	LULUS	Bahagian Pengurusan Latihan
2/2	Kertas Makluman Program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK)	LULUS	Program Kesihatan Pergigian
<b>JPPKK BIL 2/2019 (8 Mei 2019)</b>			
1/2	Kertas Dasar Cadangan Mewajibkan Imunisasi Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)	Keputusan samada vaksin perlu diwajibkan ke atas kanak-kanak bawah lima (5) tahun perlu dibincangkan dengan lebih lanjut bersama YB Menteri Kesihatan dengan mengambil kira kebaikan dan keburukan sekiranya perkara ini dilaksanakan di Malaysia.	Bahagian Kawalan Penyakit

Bil	Dasar	Status	Program/ Aktiviti
2/2	Cadangan Penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 (Rancangan Malaysia Ke-12)	LULUS	Bahagian Perancangan (Seksyen Perancangan Dasar & Pelan Kesihatan)
<b>JPPKK BIL 3/2019 (22 Julai 2019)</b>			
1/1	<i>National Strategic Plan on Hepatitis B and C (NSPHBC) 2019 hingga 2023</i>	LULUS	Bahagian Kawalan Penyakit
<b>JPPKK BIL 4/2019 (30 September 2019)</b>			
1/4	<i>Transformation of Cervical Cancer Prevention Program - Integrating HPV Test As A Screening Tool In Primary Care (First Phase)</i>	LULUS	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
2/4	Cadangan Perlaksanaan Perkongsian Susu Ibu Kepada Bayi Pra-Matang Di Hospital Di Bawah Kementerian Kesihatan Malaysia	LULUS	Bahagian Pemakanan
3/4	Penyumberan Luar Coronary Artery Bypass Graft (CABG) di Lembah Klang	LULUS	Bahagian Perkembangan Perubatan
4/4	Menjadikan JPPKK Sebagai Platform Pemantauan Inisiatif/ Projek/ Program Pelan Transformasi/ Kesihatan Dengan Lebih Sistemik	LULUS	Bahagian Perancangan (Seksyen Perancangan Dasar & Pelan Kesihatan)

Sumber: Seksyen Perancangan Dasar Dan Pelan Kesihatan (PDPK), Bahagian Perancangan, KKM

## **SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG) DAN UNIVERSAL HEALTH COVERAGE (UHC)**

Bahagian Perancangan merupakan Urusetia SDG dan UHC bagi sektor kesihatan. Kementerian Kesihatan Malaysia perlu melaporkan pencapaian indikator SDG UHC kepada 2 badan utama iaitu *World Health Organization* (WHO) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Bagi indikator SDG di peringkat kesihatan (SDG 3), mengikut laporan terbitan DOSM, terdapat 12 daripada 27 indikator yang mempunyai data sedia ada.

Jawatankuasa Teknikal SDG UHC telah ditubuhkan pada tahun 2018 bagi memantau pencapaian sektor kesihatan dalam mencapai Agenda 2030. Jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil Bahagian KKM ini memainkan peranan dalam melaporkan pencapaian indikator kepada pihak Urusetia bagi dimajukan kepada WHO dan DOSM. Sebagai Urusetia, Bahagian Perancangan berhasrat menerbitkan satu Laporan Kemajuan *Sustainable Development Goals* (SDG) Dan *Universal Health Coverage* (UHC) bagi tahun 2019 yang akan menjadi platform pelaporan dan pemantauan kemajuan Malaysia ke arah mencapai target Agenda 2030. Bagi tahun 2019, aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti di **Jadual 6.2**.

**Jadual 6.2**  
**Aktiviti-aktiviti SDG dan UHC 2019**

Aktiviti	Masa	Tujuan
Penyerahan data di dalam sistem DHIS2 (dibangunkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO))	Januari 2019	Untuk melihat sejauh mana pencapaian Malaysia di dalam mencapai sasaran SDG UHC
Mesyuarat di Manila, Filipina	Januari 2019	Pengenalan kepada dokumen S.C.O.R.E kepada semua negara ahli
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SDG Bil.1	Februari 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2018</li> <li>• Laporan mengenai data yang telah dihantar ke sistem DHIS2</li> <li>• Laporan mengenai data yang telah dihantar ke DOSM</li> <li>• Perancangan aktiviti bagi tahun 2019</li> </ul>
Mesyuarat bersama MEA (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi)	Mac 2019	Bagi menyelaraskan indikator di luar tindakan KKM (Kementerian Kesihatan Malaysia)
Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal SDG Bil.2	Mei 2019	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan hasil mesyuarat bersama MEA mengenai indikator di luar tindakan KKM</li> <li>• Perbincangan aktiviti penerbitan Laporan SDG UHC</li> <li>• Pengumpulan sasaran bagi semua indikator daripada bahagian terlibat</li> </ul>

Aktiviti	Masa	Tujuan
Seminar SDG oleh DOSM (Jabatan Perangkaan Malaysia)	Jun 2019	Kemas kini data kepada DOSM bagi SDG UHC
Sign-off dokumen S.C.O.R.E	Oktober 2019	Penghantaran data kepada WHO untuk dokumen S.C.O.R.E
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SDG	Oktober 2019	Kemas kini aktiviti di peringkat nasional dan hala tuju SDG seterusnya

Sumber: Seksyen Perancangan Dasar Dan Pelan Kesihatan (PDPK), Bahagian Perancangan, KKM

## LAPORAN HUMAN RESOURCES FOR HEALTH (HRH) COUNTRY PROFILES

Bahagian Perancangan telah menerbitkan dua (2) laporan *Human Resources for Health Country Profiles* Tahun 2013 dan Tahun 2015 dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Satu mesyuarat telah diadakan pada Ogos 2019 yang lalu melibatkan pelbagai pemegang taruh terdiri dari wakil Bahagian-Bahagian di KKM dan agensi luar bagi membincangkan penyediaan laporan *Human Resource For Health Country Profile 2015 to 2018* selari dengan *Global Strategy On Human Resources For Health: Workforce 2030* yang diterbitkan pada tahun 2016. Laporan ini dijangka akan diterbitkan pada tahun 2020.

Berkaitan dengan ini juga, wakil Bahagian Perancangan telah menghadiri satu mesyuarat “*Improving Health Workforce Management for Universal Health Coverage*” oleh WHO pada Jun 2019.

## SEKSYEN NATIONAL HEALTH FINANCING (NHF)

*National Health Financing* (NHF) merupakan seksyen di bawah Bahagian Perancangan yang memainkan fungsi mengkaji, merancang, membangunkan dan memantau transformasi sistem kesihatan Malaysia khususnya aspek pembiayaan sistem kesihatan. Pada tahun 2019, pelbagai aktiviti dijalankan oleh NHF seperti pemantauan pelaksanaan Skim Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) yang dikendalikan ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (PHCorp) melalui Jawatankuasa Governans, Pemantauan & Penilaian (GMEC), kolaborasi bersama *Joint Learning Network* (JLN) dan berperanan sebagai sekretariat bagi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Peringkat Kluster Kesihatan.

## SKIM PEDULI KESIHATAN UNTUK KUMPULAN B40 (PeKa B40)

PeKa B40 telah dilancarkan dengan jayanya pada 15 April 2019. Sehingga 31 Disember 2019, seramai 223,522 orang penerima manfaat telah berjaya menjalani saringan kesihatan sama ada di 1,633 klinik swasta yang berdaftar dengan PeKa B40 atau 895 klinik kesihatan kerajaan di seluruh negara.



PeKa B40 menawarkan empat (4) pakej manfaat yang merupakan saringan kesihatan, bantuan alat perubatan, insentif melengkapkan rawatan kanser dan insentif tambang pengangkutan. Untuk manfaat bantuan alat perubatan pula, sebanyak 4,298 permohonan melibatkan kos sebanyak RM18.4 juta telah diluluskan, sebanyak 1,144 permohonan insentif melengkapkan rawatan kanser dengan nilai RM343,200 telah diberikan, dan sebanyak 5,159 permohonan insentif tambang pengangkutan berjumlah RM584,563 telah pun disalurkan untuk semua penerima manfaat yang layak.

Pelbagai usaha telah diadakan bagi meningkatkan kesedaran golongan sasaran tentang kebaikan skim ini, merangkumi pelbagai sesi libat urus dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkait rapat dengan kumpulan B40.

### **JAWATANKUASA GOVERNANS, PEMANTAUAN & PENILAIAN (GMEC)**

Jawatankuasa Governans, Pemantauan dan Penilaian atau *Governance, Monitoring & Evaluation Committee* (GMEC) telah ditubuhkan oleh KKM pada tahun 2019 bertujuan memantau dan menilai prestasi ProtectHealth Corporation (PHCorp) serta pelaksanaan PeKa B40.

GMEC dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan dari Pogram Penyelidikan & Sokongan Teknikal (PS&T) KKM. Keahlian jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai tertinggi dari Jabatan Akauntan Negara, Ahli Akademik, Penasihat Undang-Undang, Unit Integriti dan Pejabat Menteri Kesihatan. Manakala Seksyen NHF telah dilantik sebagai urusetia.

### **KOLABORASI DENGAN RANGKAIAN PEMBELAJARAN BERSAMA (JLN)**

KOLABORASI Dengan Rangkaian Pembelajaran Bersama atau *Joint Learning Network* (JLN) merupakan rangkaian pengamal dan penggubal dasar yang inovatif dari pelbagai negara yang bersama-sama membangunkan produk pengetahuan global bagi membantu merapatkan jurang antara teori dan amalan.

Seksyen NHF mengetuai JLN *Country-Core Group* (CCG) untuk Malaysia. JLN CCG ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan. Di antara aktiviti yang telah dianjurkan oleh CCG Malaysia adalah Persidangan "*Country progress harmonizing provider payment mechanisms for UHC*" oleh JLN PPM *Technical Initiative: Primary Health Care Financing and Payment Collaborative* pada 16 hingga 18 April 2019.

Pegawai NHF juga terlibat dalam aktiviti JLN antarabangsa yang lain antaranya:

- i. *JLN 3rd In-Person Meeting on Domestic Resource Mobilization (DRM) Collaborative* dan *The Efficiency Collaborative Product Launch* di Manama, Bahrain pada 2 hingga 3 Disember 2019.



- ii. *JLN Global Meeting 2019* di Manama, Bahrain pada 4 hingga 5 Disember 2019 di bawah tema “*Drawing on the JLN’s 10 years of knowledge to act on UHC commitments*” (**Imej 6.4**).
- iii. *JLN Learning Exchange on IT for Health Insurance Systems* pada 23 hingga 25 Jun 2019 di Kathmandu Nepal.

**Imej 6.4**  
***JLN Global Meeting 2019* di Manama, Bahrain**



*Sumber: Seksyen National Health Financing, Bahagian Perancangan, KKM*

## **MAJLIS TINDAKAN SARA HIDUP NEGARA**

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (MTSHN) ditubuhkan bertujuan menangani isu-isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Wakil Kluster Kesihatan terdiri daripada pegawai teknikal dari lapan (8) program dan bahagian termasuk seksyen NHF selaku urusetia kluster. Pada tahun 2019, sebanyak lima (5) mesyuarat Kluster Kesihatan telah diadakan, di mana dua (2) kertas cadangan serta Pelan Tindakan MTSHN 2020 hingga 2022 untuk Kesihatan Kluster telah dibentangkan.

Dua (2) kertas cadangan tersebut adalah Inisiatif Pemakanan Ibu Hamil B40 dan Cadangan Pindaan Jadual ke-7 Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta. Kertas cadangan kedua telah dibentangkan di peringkat Eksekutif pada 1 Ogos 2019 dan Majlis Tertinggi pada 12 November 2019. Pada 19 hingga 21 Ogos 2019, Kluster Kesihatan telah menghadiri bengkel yang dianjurkan oleh sekretariat MTSHN untuk menghasilkan Pelan Tindakan MTSHN 2020 hingga 2022 di Melaka.

## SEKSYEN MALAYSIA NATIONAL HEALTH ACCOUNTS (MNHA)

Akaun Kesihatan Negara (NHA) menyediakan maklumat penting perbelanjaan sistem kesihatan negara untuk kegunaan penggubal dasar kesihatan negara dalam pengagihan peruntukkan sumber secara efisien. Untuk mencapai tujuan ini, Seksyen *Malaysia National Health Accounts (MNHA)* telah diwujudkan. Sejak penubuhan seksyen ini telah banyak menganalisa dan menyediakan data perbelanjaan kesihatan peringkat makro berdasarkan aliran perbelanjaan dana kesihatan dan seterusnya, menjana antara maklumat lain seperti peratus perbelanjaan kesihatan dalam ekonomi negara, beban perbelanjaan kesihatan sebagai *out-of pocket* (OOP) dan perbelanjaan kesihatan bagi perkhidmatan *primary health care*. Data-data ini dihasilkan bukan sahaja untuk membantu penggubal dasar, tetapi juga untuk kegunaan para penyelidik dan pihak berkepentingan yang lain.

Rangka Kerja MNHA adalah berdasarkan klasifikasi antarabangsa *System of Health Accounts* (SHA 1.0) yang diadaptasi dengan beberapa pengubahsuaian untuk memenuhi keperluan dasar dan sistem kesihatan negara. Selari dengan klasifikasi SHA 1.0, MNHA telah mengklasifikasikan perbelanjaan kesihatan ke dalam tiga (3) dimensi utama: Sumber kewangan (*Source*), Penyedia perkhidmatan & produk kesihatan (*Provider*) dan fungsi perkhidmatan & produk kesihatan (*Function*). Sumber kewangan adalah entiti secara langsung yang mengeluarkan dan mengatur perbelanjaan kesihatan. Penyedia perkhidmatan & produk kesihatan adalah semua entiti yang menghasilkan atau menyediakan barangan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan. Fungsi perkhidmatan & produk kesihatan menunjukkan perbelanjaan untuk beberapa perkhidmatan kesihatan utama seperti rawatan kuratif termasuk perbelanjaan untuk perkhidmatan yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan.

### MNHA - PERBELANJAAN KESIHATAN 1997 HINGGA 2018

Pada tahun 2019, MNHA telah menjana data siri masa Perbelanjaan Kesihatan Malaysia untuk tahun 1997 hingga 2018 (data 22 tahun). Jumlah perbelanjaan kesihatan Malaysia (TEH) pada tahun 1997 adalah sebanyak RM8,556 juta dan sebanyak RM60,147 juta adalah pada tahun 2018 (**Rajah 6.1**). Perbelanjaan kesihatan Malaysia sebagai peratusan dalam Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2018 adalah 4.2 peratus. Pelbagai sumber kewangan untuk perkhidmatan kesihatan dikenal pasti dan dikategorikan sebagai sumber kewangan dari sektor awam atau dari sektor swasta. Sepanjang siri masa tahun 1997 hingga 2018, perbelanjaan di kedua sektor awam dan swasta menunjukkan *trend* menaik di mana perbelanjaan kesihatan oleh sektor awam tetap lebih tinggi daripada swasta (**Rajah 6.2**).


Analisa mengenai perbelanjaan kesihatan dari segi penyedia perkhidmatan & produk kesihatan bagi tahun 2018, menunjukkan bahawa perbelanjaan di *Hospitals and Ambulatory health care providers* hampir 76 peratus daripada TEH. Pada tahun

yang sama, perbelanjaan berdasarkan Fungsi perkhidmatan & produk kesihatan menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk perkhidmatan rawatan kuratif adalah sebanyak RM41,100 juta (68 peratus) TEH. Perkhidmatan rawatan kuratif merangkumi perkhidmatan pesakit dalam, pesakit luar dan penjagaan harian. Ini diikuti oleh perbelanjaan untuk membeli barangan perubatan (9 peratus) yang dibekalkan terutamanya oleh penjual atau pembekal ubatan dan barangan perubatan yang lain.

Penerbitan tahunan laporan teknikal NHA menyediakan maklumat penting dalam usaha untuk membantu meningkatkan pemahaman trend perbelanjaan kesihatan Negara. Laporan ini dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai sumber dana perbelanjaan kesihatan, distribusi dan jenis-jenis perkhidmatan kesihatan yang wujud dalam sistem kesihatan Negara.

Seperti yang dinyatakan dalam laporan KKM yang terdahulu, MNHA turut mengambil langkah ke arah penggunaan *System Health Accounts 2011 (SHA 2011)* yang baharu. Selaras dengan ini, data siri masa Perbelanjaan Kesihatan Malaysia untuk tahun 1997 hingga 2018 berdasarkan kerangka kerja SHA 2011 juga telah dianalisa dan di jana pada tahun 2019.

**Rajah 6.1**  
**Jumlah Perbelanjaan Kesihatan Negara 1997 hingga 2018**



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

**Rajah 6.2**  
**Jumlah Perbelanjaan Kesihatan oleh Sumber Pembiayaan 1997 hingga 2018**  
**(Sektor Awam dan Swasta)**



Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM

## KOLABORASI DALAM DAN LUAR NEGARA

MNHA juga terlibat dalam beberapa projek/program Nasional dan Antarabangsa. MNHA menganalisa dan menghasilkan pelbagai aspek data perbelanjaan kesihatan negara untuk membantu dalam pengeluaran Projek Kebangsaan seperti *Health Facts*, permintaan data semasa penyediaan atau aktiviti Transformasi Sektor Perkhidmatan Kesihatan. Data turut di keluarkan untuk permohonan ad hoc dari agensi nasional serta universiti tempatan dan semasa persediaan teks ucapan ahli pengurusan tinggi.

Di peringkat antarabangsa, MNHA juga mengambil bahagian secara aktif dalam usaha mengemukakan data anggaran belanja kesihatan negara NHA kepada beberapa agensi antarabangsa seperti WHO Geneva untuk *World Health Statistics*, *Global Health Expenditure Database (GHED)* dan *Health at A Glance (HAG)*. Kerjasama MNHA ini adalah penting dalam penghasilan dasar perbelanjaan nasional, regional dan antarabangsa (Imej 6.5 dan 6.6).

**Imej 6.5**  
**Asia Pacific Health Accounts Experts di Korea**



*Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM*

**Imej 6.6**  
**Mesyuarat Jawatan Kuasa Pemandu MNHA**



*Sumber: Seksyen MNHA, Bahagian Perancangan, KKM*



## PUSAT INFORMATIK KESIHATAN

### PERSIDANGAN SNOMED CT BUSINESS MEETING & EXPO KL 2019

Malaysia telah berjaya terpilih sebagai tuan rumah untuk Persidangan SNOMED CT Business Meeting & Expo tahun 2019. Persidangan ini telah diadakan di Hotel Grand Hyatt KL pada 27 Oktober hingga 1 November 2019 dengan kerjasama antara KKM dan SNOMED International. Seramai 367 orang peserta ke mesyuarat dan ekspo di mana 196 orang peserta adalah dari luar negara (daripada 33 buah negara) dan seramai 171 orang peserta adalah dari dalam negara (**Imej 6.7**). Pihak KKM telah menyampaikan dua (2) ucapan plenari dan tiga (3) pembentangan seperti berikut:

#### Ucapan Plenari

- i. Ucapan perasmian *The Malaysian Experience Implementing SNOMED CT* oleh YBMK, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.
- ii. Ucapan Plenari Penutup oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Christopher K. C. Lee.

#### Pembentangan

- i. *SNOMED CT Supporting Clinician, Global Patient Set – A Startup for General Medicine Refset Development in MyHarmony*, oleh Dr Muhammad Naufal bin Nordin
- ii. *Integrating MyHarmony (Harmonisation & Codification of Unstructured Data using SNOMED CT) with MyHDW* oleh Dr 'Ismat binti Mohd Sulaiman.
- iii. *Analysis of dental process & procedure using SNOMED CT and MyHarmony*, oleh Dr 'Ismat binti Mohd Sulaiman dan Dr Muhammad Naufal bin Nordin.

### Imej 6.7

#### Persidangan SNOMED CT Business Meeting & Expo KL 2019



Ucapan Alu-aluan oleh Ketua Pegawai Eksekutif SNOMED International, Don Sweetie



Ucapan Perasmian oleh YBMK Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad



Sidang media Persidangan SNOMED CT Business Meeting & Expo KL 2019



367 orang peserta terdiri daripada luar dan dalam negara



Boot Pameran KKM bersama MIMOS



Tetamu khas bersama barisan AJK

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan, KKM

## SEKSYEN PERANCANGAN FASILITI KESIHATAN (UPFK)

Hospital dan klinik kesihatan memainkan peranan penting dalam sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan di seluruh negara termasuk Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa berusaha untuk menambah baik perancangan dan pengurusan hospital di peringkat kemudahan dan sistem kesihatan. Oleh itu, Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan di Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab memberikan input kepada perancangan pembangunan kemudahan kesihatan di KKM untuk mencapai persekitaran dan peralatan yang sesuai yang diperlukan untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan serta aktiviti berkaitan kesihatan. Ini termasuklah pengenalpastian dan pemilihan projek (perancangan makro) yang diusahakan bersama-sama dengan Bahagian Pembangunan serta menyediakan input perancangan perubatan di pelbagai peringkat pembangunan reka bentuk kemudahan kesihatan. Di samping itu, seksyen ini juga bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan selari dengan keperluan penduduk Malaysia dan akhirnya menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik dari segi kualiti dan keselamatan untuk pesakit dan pekerja penjagaan kesihatan. Pada tahun 2019, RM 2.18 bilion telah diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan untuk pembangunan 367 projek di mana 23 daripada projek tersebut adalah bilangan projek baru manakala 344 projek yang komited.

## **MEDICAL BRIEF OF REQUIREMENTS (MBoR)**

MBoR adalah satu set pernyataan tentang keperluan, tujuan dan batasan. Ia mewakili keperluan pengguna untuk dijadikan sebagai penghubung di antara pelanggan dan pereka yang menyediakan satu set garis panduan & arahan untuk pereka bagi membangunkan keperluan teknikal mereka (arkitek, kejuruteraan dan sebagainya) yang kemudiannya akan dimasukkan ke dalam tender dan seterusnya kontrak dokumen. Pada tahun 2019, tiga (3) MBoR dikeluarkan kepada Bahagian Pembangunan bagi pelaksanaan projek.

## **PERANCANGAN AWAL: PENGURUSAN NILAI**

Pengurusan nilai dilaksanakan untuk projek-projek kesihatan yang berharga lebih daripada RM 50 juta di bawah seliaan Bahagian Pembangunan. Proses ini memasuki skop keperluan untuk memadankan belanjawan awal yang diperuntukkan serta untuk mendapatkan kelulusan dari Unit Perancang Ekonomi (EPU) sekiranya kos awal tidak mencukupi untuk menampung keperluan sebenar. Pengurusan nilai enam (6) projek baru dan menaik taraf berjaya diselesaikan pada 2019.

## **PENILIAIAN TENDER**

Sebagai sebahagian daripada ahli jawatankuasa teknikal, SPFK akan mengeluarkan laporan penilaian tender bagi aspek perancangan perubatan kepada jawatankuasa teknikal utama. Sebanyak 16 laporan penilaian tender projek telah dihasilkan pada tahun 2019

## **PEMBANGUNAN REKA BENTUK**

Terdapat dua (2) peringkat utama dalam pembangunan reka bentuk yang memerlukan input perancangan perubatan iaitu reka bentuk awal dan reka bentuk terperinci. Reka bentuk awal yang merangkumi Pelan Tapak Layout (LOSP), pengezonan jabatan dan susun atur sementara pembangunan reka bentuk terperinci yang termasuk interaksi data bilik, penilaian sistem kejuruteraan dan keperluan peralatan perubatan Kumpulan 1. Sepanjang tahun 2019, terdapat 38 projek dalam peringkat pembangunan reka bentuk awal manakala 50 projek telah diberikan kepada kontraktor yang diperlukan untuk perancangan terperinci, interaksi intensif dengan kehadiran wakil-wakil dari Jabatan Kerja Raya dan pengguna.



## PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL (TSA)

Sejumlah tujuh (7) projek telah berada di fasa Penyesuaian Spesifikasi Teknikal (TSA) iaitu; Hospital Tg. Karang, Hospital Cyberjaya, Hospital Kardiogi Blok Serdang, Tambahan Blok Baru (Kompleks Endokrin, Hospital Putrajaya), Hospital Dungun, Terengganu, Bangunan Tambahan, Hospital Tanah Merah, Kelantan dan Hospital Naik taraf Tawau, Sabah telah dinilai untuk kelulusan.

## PRE-HANDING OVER INSPECTION

35 buah projek telah diperiksa sepanjang 2019 untuk pematuhan perancangan perubatan dan mutu kerja sebelum diserahkan kepada KKM untuk beroperasi

## LATIHAN

SPFK berjaya menganjurkan dua (2) bengkel latihan yang berkaitan dengan perancangan perubatan Rawatan Kemudahan Kesihatan KKM iaitu Bengkel Bimbingan Reka Bentuk Perubatan (Kumpulan 1 dan Mekanik, Teknologi & Teknologi Maklumat) untuk Pembangunan Reka Bentuk Kemudahan Hospital KKM pada 17 hingga 20 April 2019 di Hotel Bayview Melaka. Pada akhir tahun ini, SPFK menganjurkan latihan kedua iaitu Bengkel Perancangan Fasiliti Kesihatan untuk *Healthcare Managers* pada 21 hingga 24 Oktober 2019 di Hotel Corus Paradise, Port Dickson, Negeri Sembilan. Selain itu, SPFK juga menghantar pegawai untuk menghadiri kursus perancangan fasiliti penjagaan kesihatan yang diadakan di luar negara iaitu *TAHPI's Health Facility Planning Course* di Dubai Healthcare City, Dubai UAE pada 8 hingga 16 Januari 2019 dan *Smart Service and Technology for The Health Sector* yang diadakan di Jakarta, Indonesia dari 22 hingga 24 April 2019.

## PEMBANGUNAN PELAN PIAWAI

Pada tahun 2019, SPFK Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memberi tumpuan dalam meningkatkan Pelan Piawai untuk kegunaan perancangan akan datang.

### i. Klinik Kesihatan

SPFK telah memberikan input kepada JKR untuk peningkatan pelan piawai klinik kesihatan fungsi klinikal dan bukan klinikal kepada empat (4) jenis pelan piawai. Peningkatan ini melibatkan komponen seni bina, elektrik, mekanikal dan struktur klinik berdasarkan maklum balas daripada pengguna klinik kesihatan. JKR juga merancang untuk membentangkan pelan piawai klinik kesihatan yang telah dibuat penambahbaikan pada Januari 2020.

## ii. Klinik Kesihatan Kompak Jenis Baru (Reka bentuk Kompak)

SPFK, Bahagian Perancangan dengan kerjasama JKR telah mula membangunkan Pelan Piawai untuk klinik kesihatan di kawasan /tanah terkurung. KK3 Gombak telah digunakan oleh JKR dalam membentangkan konsep awal untuk KK2 Compact yang pada 19 November 2019 kepada KKM (yang merangkumi Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Bahagian Kejuruteraan serta Bahagian Pembangunan). Pembangunan reka bentuk terperinci akan mengikutinya dan dijangka siap untuk digunakan untuk RMK-12 (2021).

## ii. Hospital 76-katil (Bukan Pakar)

Pada tahun 2019, terdapat beberapa peningkatan dalam reka bentuk hospital 76 katil pertama iaitu Hospital Parit Buntar yang dijalankan berdasarkan pelaksanaan reka bentuk di tapak. Reka bentuk hospital telah diluluskan oleh KKM dan JKR untuk dijadikan sebagai pelan piawai bagi pembangunan projek baru Hospital 76-katil. Pelan piawai yang ditambah baik kini sedang dilaksanakan untuk pembangunan Hospital Seri Iskandar, Perak (**Rajah 6.3**).

**Rajah 6.3**  
**Ilustrasi Artis Hospital 76 Katil**



Pelan Piawai



Paparan Depan

*Sumber: Seksyen Perancangan Fasiliti Kesihatan, Bahagian Perancangan, Kkm*

## HALA TUJU

Memandangkan semakin banyak keperluan projek kemudahan kesihatan yang akan dibina pada masa akan datang, SPFK menyedari akan keperluan untuk mempercepatkan peringkat perancangan pra-pembinaan. Oleh itu, Bahagian Perancangan dan Jabatan Kerja Raya akan sentiasa berusaha untuk membuat strategi bagi mengurangkan masa pelaksanaan projek.

Salah satu strategi yang digunakan adalah untuk mewujudkan satu pelan piawai kemudahan kesihatan yang akan dikuatkuasakan pada waktu dan keadaan yang sesuai. Langkah pertama dalam membangunkan pelan piawai kemudahan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimulakan melalui usaha kerjasama yang memberansangkan antara Jabatan Kerja Raya dan Bahagian Perancangan.

Strategi ini telah diwujudkan melalui pelaksanaan Pelan Piawai Klinik Kesihatan dan seterusnya Pelan Piawai Hospital 76 Katil. Oleh itu, SPFK Bahagian Perancangan sentiasa komited untuk terus bekerjasama dengan Jabatan Kerja Raya bagi mewujudkan satu pelan piawai hospital yang akan dilaksanakan pada masa akan datang termasuk bilangan katil dan kemudahan yang lebih besar.

## SEKSYEN PERANCANGAN *eHEALTH*

### INISIATIF *ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR)*

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mensasarkan untuk melaksanakan *Electronic Medical Record (EMR)* di 145 buah hospital seluruh negara dalam tempoh 3 hingga 5 tahun akan datang. Sehubungan itu, bagi merealisasikan inisiatif ini, *EMR Open Day* telah dilaksanakan pada 2 Mei 2019 bertempat di Dewan Serbaguna KKM. Sesi ini bertujuan untuk memberi maklumat kepada syarikat yang ingin menyertai dan melaksanakan projek berkaitan teknologi maklumat di KKM terutamanya dalam skop pengurusan sistem maklumat pesakit. Objektif khusus sesi ini adalah untuk:

- i. Memberi taklimat umum berkenaan keperluan KKM dalam pelaksanaan Sistem EMR;
- ii. Memberi peluang kepada setiap syarikat untuk mengajukan pertanyaan supaya dapat memahami sepenuhnya keperluan pelaksanaan EMR di KKM;
- iii. Memberi penjelasan berkenaan format maklum balas

Rentetan daripada itu, beberapa siri bengkel penilaian oleh Jawatankuasa Penilaian KKM dan luar daripada KKM telah diadakan bagi menilai maklum balas yang telah diterima daripada 62 syarikat tersebut (**Imej 6.8**).

## Imej 6.8 Hari Terbuka EMR



Sumber Seksyen Perancangan e-health, Bahagian Perancangan, KKM

## PEMBANGUNAN RANGKA KERJA KAWAL SELIA PERKHIDMATAN KESIHATAN ATAS TALIAN

Aktiviti pembangunan rangka kerja Kawal Selia Perkhidmatan Kesihatan Atas Talian pada 2019 merupakan kesinambungan kepada aktiviti yang telah dijalankan sejak arahan Ketua Pengarah Kesihatan diterima. Berikut adalah aktiviti yang dijalankan pada tahun 2019:

- i. *Stakeholder Engagement/Discussions* bersama *Malaysian Medical Council* (MMC), Bahagian Amalan Perubatan dan Pejabat Penasihat Undang-undang telah dilaksanakan dari Januari hingga Julai 2019.
- ii. Bengkel *Virtual Consultation Guidelines* telah diadakan pada 6 November 2019.

## Imej 6.9 Sesi Perbincangan bagi Pembangunan Rangka Kerja Kawal Selia Perkhidmatan Kesihatan Atas Talian



Sumber: Seksyen Perancangan e-health, Bahagian Perancangan, KKM

## **AKTIVITI GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE (GovEA)**

### **Semakan Model Rujukan Bisnes Sektor Kesihatan (GovEA)**

Model Rujukan GovEA merupakan set dokumen rujukan yang disediakan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi membangunkan *Enterprise Architecture* (EA) di peringkat Kementerian dan Agensi Kerajaan dalam merealisasikan pelaksanaan Kerajaan Digital. Dokumen GovEA bagi Sektor Kesihatan ini dideraf berpandukan kepada model dan standard dari UK, USA dan Australia. Dokumen ini seterusnya dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perancangan KKM (JPPKK) bertarikh 9 November 2018. Susulan Mesyuarat tersebut, Bahagian ini telah diarah untuk memperhalusi Model Rujukan tersebut. Semakan telah dilakukan di semua peringkat KKM pada 11 Februari dan 1 Mac 2019 yang diterajui oleh Datuk Dr. Haji Rohaizat bin Hj Yon, Pengarah Bahagian Perancangan dan dimuktamadkan kepada pihak MAMPU pada 3 Mei 2019.

### **Pembangunan Malaysia *Government Enterprise Architecture* (MyGOVEA) Bagi Inisiatif *Electronic Medical Record* (EMR) Agensi Kesihatan Di Malaysia**

Sebanyak dua (2) Bengkel bagi pembangunan MYGovEA telah diadakan seperti berikut:

- i. Bengkel Pelaksanaan Inisiatif EMR di Fasiliti KKM Siri 2 telah diadakan pada 8 hingga 9 Julai 2019 bertempat di MAMPU Cyberjaya, Selangor. Bengkel ini bertujuan untuk membangunkan *Diagram Organisasi Landscape Map, Business Architecture, Information Architecture dan Technology Architecture* mengikut *standard Enterprise Architecture* bagi kertas pembentangan templet arkitektur bagi perakuan penilaian projek ICT KKM di bawah RP4 tahun 2020. Projek-projek tersebut ialah:
  - a. Projek Perluasan EMR ke Hospital-hospital KKM;
  - b. Projek Perluasan Sistem TPC-OHCIS Fasa 1 dan;
  - c. Projek Penggantian Perkakasan & Perisian ICT Di Fasiliti Kesihatan KKM
- ii. Bengkel Pengenalan Pembangunan Malaysia *Government Enterprise Architecture* (MyGovEA) bagi Inisiatif *Electronic Medical Record* (EMR) bagi Agensi Kesihatan di Malaysia telah diadakan pada 4 Disember 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bahagian Pengurusan Maklumat, KKM. Bengkel yang dianjurkan oleh KKM (Bahagian Perancangan dan Bahagian Pengurusan Maklumat bersama pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) adalah untuk memberi pendedahan kepada pasukan kerja projek dan memberi pengetahuan serta kefahaman mengenai Archimate bagi melancarkan pelaksanaan projek ini kelak (**Imej 6.10**).

## Imej 6.10 Aktiviti Government Enterprise Architecture (GovEA)



Sumber: Sesyen Perancangan e-health, Bahagian Perancangan, KKM

### **INISIATIF RANGKA KERJA *CONSENT MODEL* BARU DALAM PELAKSANAAN *ELECTRONIC MEDICAL RECORD (EMR)***

*Malaysia Health Information Exchange (MyHIX)* merupakan sistem yang membolehkan perkongsian maklumat penjagaan kesihatan individu secara elektronik antara fasiliti penjagaan kesihatan. Ianya adalah satu inisiatif bagi menyediakan platform untuk pengumpulan dan perkongsian maklumat kesihatan individu dan telah dikenal pasti sebagai sebahagian daripada komponen asas bagi projek *Lifetime Health Record (LHR)*.

Pada tahun 2019, projek peningkatan sistem MyHIX melibatkan pelaksanaan inisiatif rangka kerja *consent model* baru dalam pelaksanaan EMR. Bagi merealisasikan inisiatif ini, Bengkel Inisiatif Rangka Kerja *Consent Model* Baru dalam Pelaksanaan *Electronic Medical Record (EMR)* ke Arah *Lifetime Health Record (LHR)* telah diadakan pada 18 November 2019 bertempat di Bilik Mesyuarat Ibn Sina, Blok E1, KKM (**Imej 6.11**).



**Imej 6.11**  
**Inisiatif Rangka Kerja *Consent Model* Baru Dalam Pelaksanaan *Electronic Medical Record (EMR)***



*Sumber: Seksyen Perancangan e-health, Bahagian Perancangan, KKM*

## **BAHAGIAN PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN**

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj) terdiri daripada:

- i. Cawangan Perkhidmatan - Seksyen Implementasi Projek, Seksyen Operasi Hospital, Seksyen Operasi Klinik dan Seksyen Operasi Biomedikal.
- ii. Cawangan Regulatori - Seksyen Kawalan Alam Sekitar, Seksyen NEHAP dan Seksyen Sisa dan *Hygiene*.
- iii. Cawangan Perancangan - Unit Teknikal, Unit Kejuruteraan Alam Sekitar, Unit Penjagaan Kesihatan Swasta dan Unit Pengurusan Fasiliti.

BPKj menyediakan:

- i. Sokongan kejuruteraan dan teknikal untuk program perubatan & kesihatan,
- ii. Program pencegahan kesihatan bagi memastikan kesemua bekalan air awam selamat dan memelihara kesihatan awam dari kesan keadaan mudarat kualiti udara dan persekitaran dalaman (*indoor*),
- iii. Program Kejuruteraan Kesihatan Alam Sekitar untuk mempertingkatkan sanitasi alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, klinikal dan toksik yang tepat serta Pengurusan sistem sisa kumbahan yang cekap.
- iv. Sokongan Penjagaan Fasiliti Kesihatan dan Kejuruteraan Biomedikal untuk memastikan kefungsi bangunan, peralatan perubatan & sistem kejuruteraan efektif dan teratur,



- v. Sokongan kejuruteraan untuk penyelenggaraan yang betul untuk fasiliti penjagaan kesihatan bagi memastikan kebolehpercayaan dan keberkesanan pemasangan fasiliti
- vi. Pelaksanaan projek baru atau menaik taraf fasiliti kesihatan dan penggantian sistem kejuruteraan di fasiliti kesihatan.

## IMPLEMENTASI PROJEK

Pada tahun 2019, Kementerian Kesihatan menerusi BPKj telah menguruskan pelbagai projek fizikal di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (projek sambungan) dan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-10 dan RMK-11). Projek-projek yang dilaksanakan melibatkan pembinaan fasiliti baru (hospital, klinik dan kuarters), menaik taraf hospital dan klinik, mengubah suai dan membaik pulih bangunan hospital, serta menaik taraf dan penggantian sistem kejuruteraan dalam fasiliti kesihatan.

Sehingga tahun 2019, jumlah projek yang dilaksanakan oleh BPKj adalah 223 termasuk 21 projek baharu yang diterima pada tahun 2019. 145 daripada jumlah projek tersebut telah disiapkan sama ada dalam fasa Tempoh Tanggungan Kecacatan atau Akaun Muktamad di mana 9 daripadanya telah disiapkan dalam tahun 2019 manakala 29 projek masih dalam peringkat pembinaan dan baki 49 projek adalah dalam peringkat perancangan.

BPKj juga menguruskan projek khas dan kompleks iaitu pembinaan Klinik Kesihatan Kuala Lumpur (KKKL) yang telah siap, Institut Kesihatan Negara (NIH) serta Kuarters untuk Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Projek Anjung Kasih Hospital Kuala Lumpur. **Jadual 6.3** menunjukkan butiran keseluruhan projek yang dilaksanakan.

Dalam melaksanakan projek-projek di atas, BPKj turut mengawal selia 209 syarikat perunding daripada pelbagai disiplin iaitu arkitek, kejuruteraan awam dan struktur, kejuruteraan mekanikal, kejuruteraan elektrik dan juruukur bahan. Syarikat perunding ini telah dilantik untuk mereka bentuk dan melaksanakan pemantauan terhadap projek. Dari segi peruntukan, jumlah yang telah dibelanjakan oleh BPKj dalam menguruskan keseluruhan projek adalah sebanyak RM2.721 bilion di bawah RMK-10 dan RMK-11.

**Jadual 6.3**  
**Senarai Projek sehingga Tahun 2019**

Kategori Projek	Tahun 2019		
	Bil. Projek	Bil. CPC 2019	Status
<b>i. Kesihatan Awam (BP 200)</b>			
a. Projek sambungan	46	1	39 projek siap 3 projek dalam pembinaan 4 projek dalam perancangan
b. Projek baharu	1	-	1 projek dalam perancangan
<b>ii. Kemudahan Hospital (BP 300)</b>			
a. Projek sambungan	69	3	36 projek siap 11 projek dalam pembinaan 22 projek dalam perancangan
b. Projek baharu	-	-	-
<b>iii. Kemudahan Anggota/ Kwarters (BP 900)</b>			
a. Projek sambungan	5	-	3 projek siap 2 projek dalam pembinaan
b. Projek baharu	-	-	
<b>iv. Projek Naik taraf/Ubahsuai Sistem Kejuruteraan (BP 600)</b>			
a. Projek sambungan	33	3	25 projek siap 7 projek dalam pembinaan 1 projek dalam perancangan
b. Projek baharu	-	-	-
<b>v. Peralatan dan Kenderaan (BP 1100)</b>			
a. Projek sambungan	2	1	1 projek siap 1 projek dalam perancangan
b. Projek baharu	-	-	

Kategori Projek	Tahun 2019		
	Bil. Projek	Bil. CPC 2019	Status
<b>vi. Sinking Fund</b>			
a. Projek sambungan	44	-	39 projek siap 5 projek dalam pembinaan
b. Projek baharu	19	-	19 projek dalam perancangan
<b>vii. Projek Khas</b>			
a. Pembinaan Klinik Kesihatan Kuala Lumpur (Sambungan)	1	-	1 projek siap
b. Pembinaan Institut Penyelidikan Kesihatan Bersepadu (IPKB) Setia Alam (Sambungan)	1	1	1 projek siap
c. Pembinaan Kwarters BPH di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur (Sambungan)	1	-	1 projek dalam pembinaan
d. Projek Anjung Kasih Hospital Kuala Lumpur (Baharu)	1	-	1 projek dalam perancangan
<b>Jumlah Projek Sambungan</b>	<b>202</b>	<b>9</b>	
<b>Jumlah Projek Baru</b>	<b>21</b>	<b>-</b>	
<b>JUMLAH</b>	<b>223</b>	<b>9</b>	145 projek siap 29 projek dalam pembinaan 49 projek dalam perancangan

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

## PEMANTAUAN PERKHIDMATAN SOKONGAN HOSPITAL (PSH)

Cadangan untuk menswastakan perkhidmatan sokongan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bermula pada tahun 1996 semasa pihak Kerajaan membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) bagi mempertingkatkan kecekapan PSH. PSH terdiri daripada lima (5) servis iaitu:

<b>Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS)</b>	Pihak Syarikat dikehendaki untuk mengendalikan dan menyelenggara semua loji dan sistem yang dipasang, menyelenggara semua aset (bukan peralatan biomedikal), termasuk menjalankan aktiviti kawalan serangga dan menyelenggara tanah dan lanskap.
<b>Perkhidmatan Pengurusan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS)</b>	bertujuan untuk memastikan peralatan biomedikal tersedia, selamat, dan upaya untuk digunakan pada bila-bila masa
<b>Perkhidmatan Pengurusan Sisa Kesihatan (HWMS)</b>	Perkhidmatan adalah meliputi mengawal selia pengumpulan, penyimpanan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan Sisa Klinikal yang dihasilkan oleh Hospital Kontrak
<b>Perkhidmatan Pembersihan (CLS)</b>	Menyediakan Perkhidmatan Pembersihan (CLS) dan dikehendaki untuk membangunkan program yang sesuai mengikut standard industri, yang bukan sahaja perlu mematuhi peraturan dan garis panduan Kerajaan, tetapi juga perlu mengikut prosedur yang betul untuk menjalankan aktiviti pembersihan.
<b>Perkhidmatan Linen dan Dobi (LLS)</b>	Program yang dibangunkan untuk penghantaran linen bersih yang mencukupi ke Hospital Kontrak dan pengangkutan linen kotor, yang akan diproses di <i>Laundry Facility</i> milik Syarikat Konsesi.

Menjelang 2019, bilangan hospital dan institusi kontrak yang mempunyai PSH meningkat kepada 148 daripada 127 hospital dan institusi pada tahun 1997 (tahun pelaksanaan). Statistik terdahulu (1997 hingga 2018) bilangan hospital dan institusi oleh syarikat konsesi ditunjukkan dalam **Jadual 6.4**. Sementara **Jadual 6.5** menunjukkan statistik terkini hospital dan institusi nombor berdasarkan kontrak baru. **Jadual 6.6** menunjukkan perbandingan nombor aset HSS antara 1997, 2016 hingga 2019.

**Jadual 6.4**  
**Bilangan Hospital dan Institusi Mengikut Syarikat Koneksi (1997 hingga 2018)**

Syarikat Koneksi	Bilangan Hospital & Institusi							
	1997	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2018
Edgenta Mediserve Sdn. Bhd.	71	79	79	79	80	80	80	32
Radicare Malaysia Sdn. Bhd.	37	46	46	46	46	46	46	46
Medinvest Sdn. Bhd.	19	22	22	22	22	22	22	22
Sedafiat Sdn. Bhd.	-	-	-	-	-	-	-	26
One Medicare Sdn. Bhd.	-	-	-	-	-	-	-	22
<b>Jumlah</b>	<b>127</b>	<b>147</b>	<b>147</b>	<b>147</b>	<b>148</b>	<b>148</b>	<b>148</b>	<b>148</b>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

**Jadual 6.5**  
**Bilangan Hospital dan Institusi Mengikut Syarikat Koneksi (2019)**

Syarikat Koneksi	Bilangan Hospital dan Institusi
Edgenta Mediserve Sdn. Bhd.	32
Radicare Malaysia Sdn. Bhd.	46
Medinvest Sdn. Bhd.	22
Sedafiat Sdn. Bhd.	26
One Medicare Sdn. Bhd.	22
<b>Jumlah</b>	<b>148</b>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

**Jadual 6.6**  
**Bilangan Aset PSH 1997 hingga 2019**

Item	1997	2016	2017	2018	2019
Bilangan Hospital dan Institusi	127	148	148	148	148
Luas Lantai (m2)	4,297,523	6,111,210	6,111,210	18,278,987	17,400,388
Aset FEMS	Est. 250,000	492,493	592,378	701,841	831,666
Aset BEMS	81,254	278,032	277,380	201,795	290,071

*Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM*

Kontrak baru ini berkuatkuasa pada 1hb April 2015 dengan peningkatan perkhidmatan utama; FEMS, BEMS, CLS dan LLS. Di samping itu, CWMS telah memperluaskan skop perkhidmatannya menjadi HWMS untuk memenuhi semua sisa penjagaan kesihatan di kemudahan penjagaan kesihatan. Sebagai jaminan tadbir urus yang baik, *Facility management Services* (FMS) telah diperkenalkan untuk memastikan koordinasi dan keberkesanan penyampaian semua perkhidmatan yang berkaitan.

Selain itu, untuk menegakkan dasar baru yang ditetapkan oleh Kementerian ke arah “*Green Healthcare Facilities*”, Syarikat Konsesi diarahkan untuk melaksanakan Program Lestari yang merangkumi Kualiti Udara Dalam, Pengurusan Tenaga dan 3R (*Reduce, Reuse & Recycle*) di Hospital Kontrak masing-masing dengan keperluan yang telah ditetapkan.

### **Quality Assurance Program (QAP)**

Pada tahun 2002, dua (2) perkhidmatan telah dipantau di bawah *Quality Assurance Program* (QAP) iaitu FEMS dan BEMS. Selanjutnya tiga (3) perkhidmatan lain iaitu CWMS, CLS dan LLS telah dimasukkan sejak Oktober 2006. QAP ini adalah seperti rancangan dan pengurusan kawalan mutu yang dapat diambil untuk semua perkhidmatan. Oleh itu, kualiti semua perkhidmatan dapat ditingkatkan secara berterusan dengan bantuan sistem pemantauan seperti *Asset & Services Information System* (ASIS) di semua peringkat sama ada di hospital, negeri, konsortia atau peringkat kebangsaan. Laporan QAP dinilai dan dianalisa setiap tahun dan diserahkan kepada Jawatankuasa Jaminan Kualiti KKM setiap tahun.

### **Penilaian Prestasi Kontraktor (CPA)**

Prestasi Syarikat Konsesi dalam penyampaian perkhidmatan akan dinilai dan dilaporkan setiap suku tahunan (3 bulanan) oleh Jurutera Operasi Negeri dalam Laporan CPA. **Jadual 6.7** menunjukkan Penilaian Prestasi Kontraktor (CPA).

**Jadual 6.7**  
**Penilaian Prestasi Kontraktor (CPA) 2019**

Syarikat Konsesi	Markah CPA (%)		
	2017	2018	2019 (Jan hingga April)
Radicare Malaysia Sdn. Bhd.	88	90	91
Edgenta Mediserve Sdn. Bhd.	92	94	94
Medivest Sdn. Bhd.	73	78	83
Sedafiat Sdn. Bhd.	96	97	97
One Medicare Sdn. Bhd.	93	92	91

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

### **Key Performance Indicator (KPI)**

Seksyen Operasi Hospital juga membangunkan KPI yang merujuk kepada peratusan peralatan, sistem, kemudahan untuk mencapai *uptime* bagi Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS) dan Perkhidmatan Penyelenggaraan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS). Peralatan dan sistem perubatan, dan kemudahan di hospital perlu dipastikan berfungsi dan boleh digunakan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan.

Peralatan, sistem dan kemudahan fasiliti mencapai *uptime* maksimum untuk tahun 2019 iaitu sebanyak 98.78 peratus di mana 92 peratus merupakan KPI penanda aras untuk peralatan, sistem dan kemudahan yang dipantau. **Jadual 6.8** menunjukkan “*Uptime* Untuk Peralatan/Sistem/Kemudahan bagi Tahun 2015 hingga 2019”.

**Jadual 6.8**  
***Uptime* Untuk Peralatan/Sistem/Kemudahan Bagi Tahun 2015 hingga 2019**

Indikator	2015	2016	2017	2018	2019
Bilangan Peralatan/Sistem/ Kemudahan Mencapai <i>Uptime</i>	417,498	430,595	434,677	419,820	345,689
Jumlah Peralatan/Sistem/ Kemudahan Yang Dipantau Dalam KPI <i>Uptime</i>	428,909	438,972	440,972	424,464	349,957



Indikator	2015	2016	2017	2018	2019
Peratus Peralatan/Sistem/ Kemudahan Untuk Mencapai <i>Uptime</i>	97.34	98.09	98.75	98.91	98.78
Sasaran Peratus Peralatan/ Sistem/ Kemudahan Untuk Mencapai <i>Uptime</i>	92.00	92.00	92.00	92.00	92.00

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

## PERKHIDMATAN SOKONGAN KLINIK (PSK)

Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj) telah melaksanakan projek PSK di klinik-klinik yang terpilih untuk 14 buah negeri. Projek ini melibatkan empat (4) jenis perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Kejuruteraan Fasiliti (FEMS), Perkhidmatan Kejuruteraan Biomedikal (BEMS), Perkhidmatan Pembersihan (CLS) dan Perkhidmatan Pengurusan Sisa Klinikal (CWMS). Skop utama projek adalah pelaksanaan Penyelenggaraan Berjadual (PPM) dan Penyelenggaraan Pembaikan (CM). **Jadual 6.9** merumuskan maklumat program PSK yang sedang dilaksanakan. Pelaksanaan perkhidmatan penyelenggaraan yang berstruktur adalah sangat penting dalam memastikan klinik kesihatan berada dalam keadaan baik dan selamat bagi penyediaan perkhidmatan kesihatan yang optima.

**Jadual 6.9**  
**Ringkasan Maklumat Bagi Perkhidmatan Sokongan Klinik**

Negeri	Skop Perkhidmatan	Tempoh Kontrak	Jumlah Klinik Yang Terpilih
Selangor, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Melaka, Johor	FEMS, CLS, CWMS	1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2021	87
Perlis	FEMS, CLS, CWMS	1 Mac 2019 hingga 28 Februari 2022	2
Sarawak	FEMS, BEMS, CLS, CWMS	1 Disember 2016 hingga 31 Mei 2020	21


Negeri	Skop Perkhidmatan	Tempoh Kontrak	Jumlah Klinik Yang Terpilih
Negeri Sembilan, Pahang	FEMS, CLS, CWMS	1 Jun 2019 hingga 31 Mei 2022	26
Sabah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	FEMS, CLS, CWMS	1 Julai 2019 hingga 30 Jun 2022	27
Terengganu	FEMS, CLS, CWMS	1 September 2019 hingga 31 Ogos 2022	10

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

### PEMBAIKAN DAN PENYELENGGARAAN KUARTERS KKM

Pada tahun 2019 sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan untuk KKM melaksanakan kerja pembaikan kuarters yang melibatkan sejumlah 761 unit kuarters (148 projek). **Rajah 6.4** menunjukkan bilangan kuarters yang terlibat dalam kerja pembaikan dan penyelenggaraan kuarters KKM tahun 2019.

**Rajah 6.4**  
Bilangan Kuarters yang Terlibat



Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

### MENAIK TARAF DAN KERJA KECIL KLINIK KESIHATAN

Pelaksanaan kerja-kerja naik taraf dan pembaikan sistem kejuruteraan di klinik kesihatan di seluruh Negara telah dibuat pada tahun 2019. Sejumlah RM 19,534,312.00 telah dibelanjakan untuk naik taraf dan kerja pembaikan kecil dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan keberoperasian klinik kesihatan dalam penyediaan perkhidmatan kepada orang awam. **Jadual 6.10** menunjukkan agihan kos bagi setiap pelaksanaan kerja-kerja naik taraf dan pembaikan yang terlibat:

**Jadual 6.10**  
**Pengalihan Kos Pelaksanaan Untuk Kerja Menaik taraf dan Membaikpulih**

Aktiviti	Kos
Pembaikan & naik taraf sistem elektrik	RM7.4 juta
Penyelenggaraan pendingin hawa	RM4.5 juta
Penggantian alat pendingin hawa (Split Unit)	RM7.5 juta
Program Lestari (Audit Tenaga) enam (6) klinik terpilih	RM134,312

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

### SEKSYEN OPERASI BIOMEDIKAL

Seksyen Operasi Biomedikal berperanan untuk mengawal selia segala perkhidmatan kejuruteraan berkaitan peralatan perubatan di fasiliti-fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Fungsi utama bagi Seksyen ini adalah:

- i. Mengawal selia perkhidmatan kejuruteraan penyelenggaraan biomedikal (BEMS) di hospital-hospital/institusi di bawah kontrak Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) dan kontrak-kontrak lain (*non-concession* dan PFI
- ii. Mengawal selia Program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) di klinik-klinik kesihatan dan pergigian.
- iii. Melaksanakan projek-projek perolehan peralatan perubatan.
- iv. Menyediakan garis panduan KKM dan khidmat nasihat teknikal berkaitan peralatan perubatan selaras dengan Akta & piawaian berkaitan.
- v. Melaksanakan siasatan insiden & perkhidmatan forensik berkaitan Perkhidmatan Kejuruteraan Biomedikal di fasiliti-fasiliti KKM.

Bilangan dan harga peralatan perubatan berdasarkan jenis fasiliti KKM adalah seperti di **Jadual 6.11**.

**Jadual 6.11**  
**Bilangan dan Harga Peralatan Perubatan Berdasarkan Jenis Fasiliti KKM**

Perkara	Hospital	Klinik	Jumlah
Bilangan peralatan perubatan	208,453	140,351	348,804
Harga pembelian peralatan perubatan (RM)	7,625,730,708	1,191,162,116	8,816,892,824
<b>Jumlah fasiliti</b>	<b>156</b>	<b>4,792</b>	<b>4,948</b>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Pemantauan perkhidmatan BEMS bagi 148 buah hospital KKM di bawah kontrak PSH dijalankan melalui pemantauan *key performance indicator*, *KPI uptime* seperti di **Jadual 6.12**.

Selain itu, Kontrak MEET telah ditandatangani oleh Syarikat Quantum Medical Solutions Sdn. Bhd. pada 17 April 2014 bagi tempoh 13 tahun dan mempunyai skop antaranya seperti berikut:-

- i. Pelaksanaan penyelenggaraan peralatan biomedikal yang komprehensif di Klinik-klinik Kesihatan dan Pergigian yang terlibat (Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, WP Labuan dan ILPKKM Georgetown).
- ii. Pembekalan peralatan biomedikal yang baru dibawah GAP.
- iii. Pelaksanaan kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian (KKPP) bagi pembekalan peralatan yang terlibat.

Menjelang akhir tahun 2019, jumlah keseluruhan klinik yang terlibat adalah sebanyak 3,038 dengan jumlah bagi Klinik Kesihatan adalah 2,038 dan jumlah bagi Klinik Pergigian adalah 1,000. Program MEET turut dipantau *KPI uptime guarantee* iaitu peratusan peralatan biomedikal yang mencapai *uptime* dimana peralatan berfungsi dan boleh digunakan dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkesan seperti di **Jadual 6.12**.

**Jadual 6.12**  
**Pencapaian *Uptime* Tahun 2019 bagi Peralatan Perubatan BEMS di bawah Kontrak PSH dan Peralatan Biomedikal di bawah Program MEET**

Indikator	Sasaran (%)	Mencapai Sasaran		Bilangan peralatan dipantau tahun 2019
		Bilangan	Peratus	
<i>Uptime</i> bagi jumlah aset/ sistem kejuruteraan BEMS di bawah program PSH	92.0	118,481	99.0	119,678
<i>Uptime</i> bagi jumlah peralatan biomedikal di bawah program MEET	90.0	77,534	97.8	79,265

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Pelaksanaan projek pembekalan, naik taraf dan penggantian peralatan perubatan untuk fasiliti KKM yang dilaksanakan oleh seksyen ini melibatkan aktiviti penyediaan spesifikasi teknikal serta mengawal selia dan menyelaras pelaksanaan kerja-kerja tapak. Senarai projek-projek perolehan peralatan perubatan bagi fasiliti-fasiliti KKM yang telah dilaksanakan oleh seksyen ini pada tahun 2019 adalah seperti **Jadual 6.13**.

**Jadual 6.13**  
**Senarai Projek Perolehan Peralatan Perubatan bagi Seksyen Operasi Biomedikal**

Bil.	Jenis Projek	Peralatan Perubatan	Bil.	Kos Peralatan (RM)	Kos Kerja Tapak (RM)	Kos Keseluruhan (RM)
1.	Perkhidmatan Secara Sewaan	<i>CT Scanner</i>	8	20,190,000*	3,655,400	23,845,400**
2.	Perkhidmatan Secara Sewaan	<i>General X-Ray</i>	20	11,100,000*	5,958,261	17,058,261**
3.	Pembekalan & pemasangan	<i>Angio Bi-Plane</i>	1	4,840,000	650,000	5,490,000
4.	Pembekalan & pemasangan	<i>Extracorporeal Shack Wave Lithotripsy</i>	2	5,597,776	527,420	6,125,196
5.	Pembekalan & pemasangan	<i>Full Field Digital Mammography</i>	2	3,640,000	540,000	4,180,000

*Nota: \*: kos sewa untuk lima (5) tahun. \*\*: kos keseluruhan untuk lima (5) tahun.*

*Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM*

Selaras dengan keperluan kontrak dan Akta Peranti Perubatan 2012, seksyen ini turut mengeluarkan *Handbook on Competency in Biomedical Engineering Services* (BEMS) untuk diguna pakai bagi semua personel teknikal yang terlibat dengan aktiviti penyelenggaraan BEMS bagi kontrak PSH, MEET serta kontrak-kontrak lain di fasiliti-fasiliti KKM. Kandungan *handbook* ini antaranya menjelaskan keperluan kelayakan, pengalaman dan sijil yang perlu ada bagi setiap individu yang menjalankan penyelenggaraan bagi semua peralatan perubatan di fasiliti KKM. Selain itu, satu garis panduan pengujian dan pentauliahan bagi peralatan perubatan di fasiliti KKM turut dikeluarkan pada tahun 2019.

## SEKSYEN KAWALAN ALAM SEKITAR

### **BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS)**

BAKAS merupakan program yang paling sulung di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan di mana ianya mengamalkan prinsip teknologi mudah dan kos rendah dalam aspek rekabentuk, pembinaan dan penyelenggaraan sistem bekalan air alternatif dan sistem sanitasi di kawasan luar bandar. Sistem-sistem bekalan air yang disediakan hendaklah dapat membekalkan kuantiti air yang mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk luar bandar dan sistem-sistem sanitasi asas yang disediakan hendaklah berfungsi dengan baik agar keperluan kesihatan asas dan kebersihan diri penduduk luar bandar boleh diamalkan dengan kos yang minimum. Walau bagaimanapun, penduduk adalah dinasihatkan untuk memasak air sebelum diminum dan untuk penyediaan makanan.

Pembangunan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) adalah berdasarkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Jenis kemudahan asas yang disediakan di bawah program ini di kawasan luar bandar termasuk sistem bekalan air bersih seperti sistem paip graviti, telaga terkawal dengan atau tanpa sambungan ke rumah, sistem tadahan air hujan, sambungan ke paip pihak berkuasa air (sekiranya ada). Bagi kemudahan sanitasi asas pula, ianya melibatkan tandas sanitari, sistem pengurusan sisa pepejal dan sistem pelupusan air limbah.

Pada tahun 2019, sejumlah 276 sistem bekalan air telah dibina membekalkan air bersih kepada 2,926 rumah. Manakala bagi kemudahan sanitasi sebanyak 577 buah rumah telah disediakan tandas sanitari, 358 buah rumah telah disediakan sistem pengurusan sisa pepejal dan 301 buah rumah telah disediakan sistem pelupusan air limbah.

### **PROGRAM KAWALAN MUTU AIR MINUM (KMAM)**

Bekalan air minum dipantau melalui Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) yang telah dimulakan pada tahun 1983 oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program ini telah dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara melalui kerjasama pentadbiran dengan pihak berkepentingan yang terlibat iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Industri Air, Jabatan Kimia Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar.

Objektif utama KMAM adalah untuk meningkatkan standard kesihatan awam dengan memastikan keselamatan dan penerimaan air minuman yang disediakan kepada pengguna dengan mengurangkan kejadian penyakit bawaan air atau lain-lain kesan yang berkaitan dengan kelemahan kepada bekalan air awam melalui aktiviti

pengawasan yang berkesan. Kakitangan awam dan anggota pembekal air akan dimaklumkan segera jika kualiti air minuman semakin merosot bagi membolehkan tindakan pencegahan atau pemulihan diambil sebelum sebarang wabak penyakit atau keracunan boleh berlaku.

Ini melibatkan pengambilan sampel air daripada lebih 469 loji rawatan air dan 556 rangkaian bekalan air seluruh negara. Sejumlah 195,807 sampel air telah diambil untuk diuji yang mana ianya merangkumi parameter fizikal, mikrobiologikal, kimia, logam berat dan pestisid serta racun rumpai pada tahun 2019. Disamping itu, untuk meningkatkan keberkesanan program ini, KMAM telah melancarkan Program Jaminan Kualiti (QAP) pada bulan Disember 1992 dan dilaksanakan di seluruh negara pada bulan Januari 1993.

### **PEMANTAUAN SANITASI PUSAT PELANCONGAN**

Industri pelancongan di Malaysia telah berkembang pesat dan telah menarik ramai pelancong untuk datang dan melawat ke tempat-tempat pelancongan yang menarik di seluruh negara. Dengan perkembangan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berpandangan adalah perlu memastikan tahap kebersihan dan sanitasi di tempat-tempat ini diberi perhatian melalui pemantauan yang rutin untuk isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan awam dan alam sekitar. Melalui pemantauan ini, tindakan sewajarnya dapat diambil untuk penambahbaikan bagi memastikan kesihatan orang awam yang mengunjungi tempat-tempat ini sentiasa terjaga dan disamping itu boleh membantu dalam meningkatkan industri pelancongan negara dan menjana kepada ekonomi negara.

Pemantauan sanitasi di pusat pelancongan ini adalah berdasarkan kepada empat (4) skop kemudahan sanitasi yang disediakan oleh pengusaha pusat pelancongan berkenaan. Empat (4) skop tersebut adalah kemudahan pengurusan sisa pepejal, saluran air, pengurusan air kumbahan dan kebersihan bilik air/tandas. Pengredan diberikan kepada kemudahan tersebut berdasarkan syarat dan keperluan seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KKM. Pada tahun 2019, pemantauan telah berjaya dilaksanakan keatas 231 buah pusat pelancongan seluruh negara.

### **NATIONAL ENVIRONMENTAL HEALTH ACTION PLAN (NEHAP)**

BPKj telah dilantik sebagai Sekretariat NEHAP Malaysia, bagi memantau Pelan Tindakan NEHAP yang dibangunkan oleh 11 Kumpulan Kerja Tematik (*Thematic Working Group - TWG*) NEHAP. Pelan tindakan NEHAP merangkumi strategi untuk menangani masalah dan isu kesihatan alam sekitar di peringkat kebangsaan. Berikut merupakan ringkasan aktiviti-aktiviti utama NEHAP Malaysia bagi tahun 2019 seperti **Jadual 6.14**.



**Jadual 6.14**  
**Ringkasan Aktiviti Utama NEHAP Malaysia Tahun 2019**

Bil.	Aktiviti	Pencapaian
1.	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu NEHAP Malaysia</b>, diadakan dua (2) kali setahun dan telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah.</p> <p>Bil. 1/2019: 18 April 2019 Bil. 2/2019: 7 November 2019</p>	<p>i. Dasar NEHAP Malaysia mengenai Penglibatan Pakar Kesihatan Alam Sekitar dalam Insiden dan Isu Berkaitan Kesihatan Alam Sekitar telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemandu NEHAP Malaysia.</p> <p>ii. <i>Deliverables</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>TWG 4:</b> Penganjuran <i>Seminar on Asbestos Management for The Construction Industries</i> telah dilaksanakan pada 9 Julai 2019 dengan mengguna pakai Modul Program Kesedaran Asbestos yang telah dibangunkan oleh TWG; dan</li> <li>• <b>TWG 6:</b> Pembangunan Modul “<i>Voluntary competency for healthcare workers and health volunteers involve in preparedness and response in disaster</i>”. Latihan Simulasi Kesiapsiagaan dan Respon Dalam Bencana Kesihatan Alam Sekitar telah dilaksanakan menggunakan Modul yang dibangunkan.</li> </ul>
2.	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal NEHAP Malaysia</b>, diadakan dua (2) kali setahun dan dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM</p> <p>Bil. 1/2019: 27 Mac 2019 Bil. 2/2019: 27 Ogos 2019</p>	
3.	<p><b>Persidangan NEHAP Malaysia 2019</b>, bertemakan “<i>Environmental Health: Coping Up with Climate Change Challenges</i>”. Penyampaian <i>Keynote Address</i> dan perasmian persidangan dilaksanakan oleh YB Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Zulkefly bin Ahmad.</p>	<p>Diadakan pada 24 September 2019 dan telah dihadiri oleh 160 peserta daripada pelbagai agensi, dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lima (5) Pembentangan Lisan oleh wakil daripada Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar &amp; Perubahan Iklim (MESTECC), Tenaga National Berhad (TNB), <i>International Medical University (IMU)</i>, Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL) dan Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI).</li> <li>• 10 Pembentangan Poster dari pelbagai agensi.</li> </ul>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

## UNIT PERLINDUNGAN KESIHATAN ALAM SEKITAR (PEKA)

Pada tahun 2019, aktiviti unit PEKA telah memberi tumpuan kepada pembangunan Aplikasi *Environmental Health Risk Inventory* (EHRI) Modul 1 (*Data Entry*) dan Modul 2 (Penilaian Risiko) bersama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), KKM. Selain itu, pengukuhan aktiviti penilaian risiko kesihatan alam sekitar dan kerjasama dengan pihak Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dalam pembangunan Aplikasi EHRI Modul 3 (Pemetaan GIS) turut dibuat. Ringkasan aktiviti tahun 2019 adalah seperti di **Jadual 6.15**.

**Jadual 6.15**  
**Ringkasan Aktiviti dan Pencapaian Unit PEKA Tahun 2019**

Aktiviti Utama	Keterangan Aktiviti	Pencapaian
<b>Pembangunan Aplikasi EHRI</b>	Empat (4) Mesyuarat/ Perbincangan Teknikal Bersiri (10 Januari, 28 Februari, 19 April dan 29 Mei) untuk Modul 1 ( <i>Data Entry</i> ) & 2 (Penilaian Risiko) dan <i>Internal Test</i> Modul 1&2 (26 September) telah dilaksanakan.	64.5 peratus <i>screen design</i> Aplikasi EHRI telah dibangunkan.
	Tiga (3) Mesyuarat/ Perbincangan Teknikal untuk Modul 3 (Pemetaan GIS) (5 April, 16 Mei dan 15 Ogos) bagi penyediaan jadual pembangunan Modul 3 dengan MYSA.	Pihak MYSA bersetuju untuk memulakan pembangunan Modul 3 setelah Aplikasi Modul 1 & 2 disiapkan oleh BPM, KKM.
<b>Taklimat kepada Ahli Pasukan Panel Pakar Penilaian Risiko Kesihatan Alam Sekitar Peringkat Negeri</b>	Bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai kaedah penilaian risiko kesihatan alam sekitar. Seramai 58 orang peserta menghadiri taklimat ini.	Satu (1) taklimat telah diadakan pada 26 Februari dan Pasukan Panel Pakar Penilaian Risiko Kesihatan Alam Sekitar Peringkat Negeri telah ditubuhkan.
<b>Pembangunan Laporan Eksekutif - Penilaian Risiko Kesihatan Alam Sekitar Lembangan Langat</b>	Pembangunan data inventori serta maklumat penilaian risiko kesihatan alam sekitar bagi Lembangan Langat.	Satu (1) taklimat telah diadakan pada 23 hingga 24 Julai. Penemuan daripada aktiviti dimaklumkan kepada Pengurusan Atasan KKM untuk tindakan lanjut.

Aktiviti Utama	Keterangan Aktiviti	Pencapaian
<p><b>Nota Kerjasama Antara BPKj dan MYSA</b></p>	<p>Mengadakan Majlis Menandatangani Nota Kerjasama Antara BPKj &amp; MYSA dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu EHRI.</p>	<p>Nota Kerjasama Antara BPKj &amp; MYSA telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan Ketua Pengarah MYSA pada 20 September dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu pertama telah diadakan pada hari yang sama.</p>

Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM

Selain itu, unit ini turut bertanggungjawab dalam menyediakan ulasan teknikal berkaitan kejuruteraan kesihatan alam sekitar bagi Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA). Pada tahun 2019, unit ini telah menerima 17 Laporan EIA dan telah mengemukakan ulasan bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan EIA. Kesemua laporan tersebut dinilai selaras dengan keperluan Perintah Kualiti Alam Sekeliling Aktiviti yang ditetapkan EIA 2015.

### UNIT KUALITI UDARA

Pemantauan Kualiti Udara Dalaman (IAQ) dijalankan di bawah Unit Kualiti Udara (UKU), Seksyen NEHAP dan telah dimulakan sejak tahun 2014. Pemantauan IAQ ini meliputi 11 parameter dan tertakluk kepada garis panduan Tataamalan Industri Kualiti Udara Dalaman 2010 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Berikut merupakan ringkasan aktiviti-aktiviti utama Unit Kualiti Udara bagi tahun 2019 seperti di **Jadual 6.16**.

**Jadual 6.16**  
**Ringkasan Aktiviti dan Pencapaian Unit Kualiti Udara Tahun 2019**

Aktiviti Utama	Keterangan Aktiviti	Pencapaian
<b>Mesyuarat Kolaborasi antara UKU dan EHRC, IMR</b>	Mesyuarat kolaborasi sekali dalam setahun bagi membincangkan perjadualan persampelan IAQ 2019 (parameter Mikrobiologi) di 13 JKN dan lima (5) Blok IPKKM.	Persetujuan kedua-dua pihak bagi jadual persampelan IAQ 2019 telah dicapai melalui mesyuarat pada 9 Januari 2019.
<b>Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di 13 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN)</b>	Pemantauan rutin di 13 JKN telah bermula dari April hingga November 2019.	13 Laporan Program Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) yang dijalankan di semua JKN telah disediakan.
<b>Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) di Lima (5) Blok IPKKM</b>	Pemantauan rutin di lima (5) Blok IPKKM bermula dari Ogos hingga November 2019.	Lima (5) Laporan Program Pemantauan Kualiti Udara Dalam (IAQ) yang dijalankan di semua Blok IPKKM telah disediakan.
<b>Audit Kualiti Udara Dalam oleh JKPP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</b>	Audit Pengurusan IAQ telah diadakan pada 25 Julai 2019 di Aras 4, Seksyen Kawalan Alam Sekitar, Blok E3, IPKKM.	Audit telah dihadiri wakil Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Kerja Raya dan syarikat penyenggaraan

*Sumber: Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan, KKM*

## HALA TUJU

Untuk memperluaskan perkhidmatan penyediaan penjagaan kesihatan kepada pesakit dan orang awam dan melindungi kesihatan awam, peranan jurutera di Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan perlu lebih menonjol untuk merealisasikan wawasan KKM. Terdapat keperluan komitmen jangka panjang untuk terus melatih kakitangan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan mereka selaras dengan amalan dan standard. Satu sistem pemprosesan yang cepat, cekap dan berkesan adalah perlu untuk penyampaian maklumat dan perkhidmatan bagi memastikan Bahagian ini dapat mengoptimumkan penggunaan infrastruktur, peralatan dan teknologi dalam proses kerja harian.

Sebagai Perkhidmatan Kejuruteraan dan Teknikal kepada Program Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan akan terus merancang, melaksanakan, memantau dan menyelaras program pencegahan Kesihatan menerusi prinsip dan kaedah kejuruteraan Kesihatan awam. Bahagian ini komited untuk memberikan sokongan kejuruteraan bagi memastikan fungsi yang berkesan dan tepat bagi bangunan, peralatan dan sistem kejuruteraan, memastikan kebolehpercayaan dan kecekapan pemasangan sistem kejuruteraan dan juga memastikan semua kemudahan penjagaan Kesihatan diselenggara dengan baik.

## **BAHAGIAN KAWALSELIA RADIASI PERUBATAN (BKRP)**


Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan (BKRP) dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) bagi mengawal aktiviti penggunaan sinaran mengion dalam perubatan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom (Akta 304). Peranan utama BKRP melibatkan pelbagai aktiviti kawal selia termasuk pelesenan, pemantauan, penguatkuasaan dan pembangunan kod dan standard. BKRP turut melaksanakan kerja-kerja sekretariat bagi Jawatankuasa Penasihat Radiologi yang dipengerusikan oleh KPK. Di samping itu, BKRP juga memainkan peranan dalam menyediakan khidmat nasihat teknikal dalam fizik perubatan terutama kepada hospital dan klinik di bawah KKM. Beberapa program keselamatan sinaran di bawah pengendalian BKRP adalah Program Perlindungan Sinaran (RPP), Program Jaminan Kualiti (QAP) dan Pengurusan Audit Kualiti Radiasi dalam perkhidmatan radiologi, radioterapi dan perubatan nuklear di peringkat kebangsaan. BKRP juga terlibat dalam menangani isu-isu kesihatan awam akibat daripada penggunaan sinaran tak mengion dalam sistem telekomunikasi, kabel bervoltan tinggi dan perkakasan di rumah.

### **PERLESENAN DI BAWAH AKTA PERLESENAN TENAGA ATOM (AKTA 304)**

Sebanyak 1,658 lesen telah dikeluarkan kepada institusi perubatan swasta pada tahun 2019. Ini termasuk 311 lesen baru dan 1,347 lesen membaharui. Secara keseluruhan, terdapat 4,594 institusi perubatan kerajaan dan swasta yang terdiri daripada 1,030 buah hospital/klinik kerajaan dan 3,564 buah institusi perubatan swasta seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 6.5**.


Sementara itu, sebanyak 8,513 radas penyinaran berdaftar atau berlesen di kedua-dua sektor kerajaan dan swasta seperti mana dalam **Rajah 6.6**. Selain radas penyinaran, sebanyak 734 punca bahan radioaktif terdiri daripada 576 punca terkedap dan 158 punca tak terkedap didaftarkan atau dilesenkan di institusi perubatan kerajaan dan swasta seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 6.17**.

**Rajah 6.5**  
**Bilangan Institusi Perubatan Berdaftar/Berlesen yang Mempunyai Radas**  
**Penyinaran Perubatan**



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

**Rajah 6.6**  
**Bilangan Radas Penyinaran Berdaftar /Berlesen**



Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

**Jadual 6.17**  
**Bilangan Bahan Radioaktif yang Berdaftar /Berlesen**

Jenis Punca	Perkhidmatan	Bilangan Bahan		Jumlah	
		Kerajaan	Swasta		
Punca Terkedap	Punca Terkedap Radioterapi	29	55	84	<b>576</b>
	Punca Terkedap Perubatan Nuklear	190	292	482	
	Punca Terkedap Penyinaran Darah	5	5	10	
Punca Tidak Terkedap	Punca Tidak Terkedap Perubatan Nuklear	43	115	158	<b>158</b>
<b>Jumlah</b>		<b>267</b>	<b>467</b>	<b>734</b>	

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM

#### **AKTIVITI PENGUATKUASAAN DAN PENDAKWAAN DI BAWAH AKTA 304**

Sebanyak 1,129 buah institusi perubatan telah diperiksa yang merangkumi 214 buah klinik/hospital kerajaan manakala 915 buah premis swasta pada tahun 2019. Keputusan mendapati 85.56 peratus institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori manakala 14.44 peratus institusi perubatan tidak mematuhi semasa lawatan pemeriksaan dijalankan sepertimana dinyatakan pada **Jadual 6.18**. Tindakan susulan telah diambil untuk memastikan semua institusi perubatan mematuhi keperluan regulatori yang telah ditetapkan.

**Jadual 6.18**  
**Statistik Lawatan Pemeriksaan Bagi Tahun 2019**

Kategori	Bilangan Lawatan	Status Pematuhan*	
		Mematuhi	Tidak Mematuhi
KERAJAAN: Pematuhan Kehendak Pendaftaran	214	163	51
SWASTA: Pematuhan kehendak perlesenan	915	803	112
<b>JUMLAH</b>	<b>1,129</b>	<b>966</b>	<b>163</b>
<b>Peratus Pematuhan (%)</b>		<b>85.56</b>	<b>14.44</b>

Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM



Di samping itu, sebanyak 20 lawatan audit telah dilakukan ke atas Syarikat Juruperunding Fizik Perubatan yang melakukan ujian kawalan kualiti di premis-premis swasta dan di mana kesemua pengujian yang dilakukan mematuhi prosedur pengujian yang telah diluluskan.

Pada tahun 2019 sebanyak dua (2) tindakan serbuan telah dilakukan masing-masing ke atas Klinik Pengamal Perubatan Am dan Klinik Pergigian Swasta kerana memiliki radas penyinaran tanpa mempunyai lesen yang sah. Satu (1) kertas siasatan telah dibuka dan satu (1) kes telah ditutup. Pada tahun 2019 juga, sebanyak dua (2) Klinik Pergigian Swasta telah diambil tindakan mahkamah atas kesalahan di bawah Akta 304 dan dikenakan hukuman.

## PERKHIDMATAN FIZIK PERUBATAN

Pada tahun 2019, sebanyak 1,081 khidmat nasihat teknikal yang berkaitan dengan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tidak Mengion (NIR) telah diberikan kepada hospital dan klinik di bawah KKM. Maklumat terperinci adalah seperti yang disenaraikan dalam **Jadual 6.19**

**Jadual 6.19**  
**Khidmat Nasihat Teknikal Berkaitan Sinaran Mengion (IR) dan Sinaran Tidak Mengion (NIR)**

Jenis Aktiviti	Jumlah
Penyediaan dan penilaian spesifikasi	151
Khidmat Nasihat dan Pengujian & Pentauliahan (T&C)	266
Khidmat nasihat teknikal berkaitan sinaran tak mengion (NIR)	10
Verifikasi laporan QC radas penyinaran	219
Verifikasi laporan QC yang disediakan oleh Juruperunding Kelas H	34
Lawatan pemeriksaan ke atas fasiliti kerajaan bagi mengesahkan sijil QC radas penyinaran	400
Kawalan sekuriti penggunaan bahan radioaktif dibawah kategori 1	1
<b>Jumlah</b>	<b>1,081</b>

*Sumber: Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan, KKM*

Pada tahun 2019, BKRP berjaya menyediakan dan mengedarkan 10 dokumen perundangan dan bukan perundangan berkaitan sinaran mengion dan sinaran tak mengion. Senarai tersebut adalah seperti berikut:

- i. *Laser Handbook on Medical Usage*
- ii. *Protokol QC Computed Radiography (CR)*
- iii. *Handbook on Medical Radiation for Beginner*
- iv. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 5 Tahun 2018: Keperluan Regulatori di bawah Akta 304 bagi Fasiliti Perubatan KKM
- v. Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 6 Tahun 2018: Pewujudan Jawatankuasa Perlindungan Sinaran (JPS) di Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri
- vi. Draf Manual Pelaksanaan QAP bagi Perkhidmatan Radiologi Pergigian di bawah Akta 304
- vii. Draf Garis Panduan Pengelasan Pekerja di Fasiliti Perubatan Kerajaan dan Swasta
- viii. Draf Garis Panduan Pengelasan Kawasan dalam Dewan Bedah di Fasiliti Perubatan
- ix. Draf Laporan Kajian Dedahan Dos Sinaran di dalam Kawasan Kerja Dewan Bedah
- x. *Draft Medical Ultrasound Safety*

## **KERJASAMA TEKNIKAL ANTARA AGENSI**

Aktiviti kerjasama teknikal bersama agensi dalam negara dan antarabangsa seperti *International Atomic Energy Agency (IAEA)*, *World Health Organisation (WHO)* dan *Office of Radiological Security, US Department of Energy (ORS)* adalah termasuk *peer review mission*, perlindungan fizikal dan sekuriti bahan radioaktif dan program latihan adalah seperti berikut:

- i. *International Response Training, (collaboration with US Dept. of Energy/PNNL), Kuala Lumpur, 17 hingga 20 Disember 2018*
- ii. *IAEA RAS9089 Regional Workshop on Accident Prevention in Radiation Therapy, Putrajaya, 7 hingga 11 Januari 2019*
- iii. *Work Visit IAEA State Systems of Accounting & Control of Nuclear Material Advisory Service (ISSAS) Mission, 1 Mac 2019*
- iv. *National Quality Management Audits In Nuclear Medicine Services (QUANUM) Peer Review Audit, National Cancer Institute Putrajaya, 15 hingga 18 April 2019*
- v. *International Advisory Committee (IAC), Geneva, Switzerland - WHO, 27 hingga 29 Mei 2019*

- vi. Mesyuarat diantara KKM, ORS dan pelbagai agensi/kementerian bagi cadangan penggantian Cesium-137 penyinaran darah kepada teknologi alternative, 9 hingga 10 Julai 2019
- vii. *International Conference on Non-Ionizing Radiation (ICNIR)*-penganjuran bersama pihak Agensi Nuklear Malaysia, 1 hingga 3 Oktober 2019
- viii. Lawatan bersama ORS dan KKM bagi menilai tahap kemudahan sekuriti fizikal kemudahan gamma-knife di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, 4 Disember 2019

## HALA TUJU

Keselamatan sinaran perubatan menjadi semakin penting kerana ia akan menjadi salah satu faktor penyumbang untuk meningkatkan kualiti penggunaan radas penyinaran dan bahan radioaktif. BKRK akan menyediakan kepakaran, keupayaan teknikal dan teknologi maklumat berkaitan sinaran mengion dan sinaran tak mengion untuk perlindungan sinaran yang lebih baik kepada pesakit, pekerja dan orang awam.

Penubuhan BKRK adalah untuk memperkukuh dan memperluaskan aktiviti keselamatan sinaran perubatan sedia ada bagi mematuhi semua standard dan keperluan peraturan semasa berkaitan dengan keselamatan, sekuriti dan kawal seliaan untuk keperluan perkhidmatan KKM. BKRK akan terus menyediakan kawalan yang berkesan dan cekap ke atas penggunaan sinaran mengion dalam bidang perubatan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pesakit, pekerja dan orang awam terjamin melalui pendekatan transformasi, teknologi, inovasi dan kualiti.

Di samping itu, aktiviti dan program yang sedia ada akan diperluaskan sejajar dengan perkembangan teknologi yang melibatkan penggunaan modaliti sinaran untuk memenuhi keperluan perubatan yang kompleks di samping mematuhi standard dan peraturan semasa yang ditetapkan. Ini termasuk usaha-usaha untuk memperluaskan skop aktiviti berkaitan kawalan sekuriti bahan radioaktif dan sebaran maklumat kepada orang awam. Usaha-usaha ini adalah sejajar dengan visi dan misi yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.


## INSTITUT KESIHATAN NEGARA (NIH)

NIH merupakan pusat penyelidikan kesihatan utama bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan misi menjalankan penyelidikan, latihan dan konsultasi yang berkesan dan berimpak tinggi bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat negara ini.

Kami berbangga untuk pertama kalinya dalam sejarah, kesemua enam institut digabungkan di bawah satu bumbung di kompleks NIH, Setia Alam dan beroperasi sepenuhnya dengan struktur organisasi yang baru. Proses migrasi kesemua institusi ke kompleks NIH telah bermula pada Disember 2018 dan tamat pada April 2019.

Sepanjang tahun 2019, kami telah menjalankan sebanyak 771 projek penyelidikan kesihatan termasuk projek kolaborasi dengan agensi-agensi lain. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran di permulaan, NIH berjaya menerbitkan 444 artikel dalam pelbagai jurnal tempatan atau antarabangsa (**Rajah 6.7**) dan lebih kurang 500 hasil penyelidikan dalam bentuk laporan teknikal, *research highlight*, *research brief*, infografik dan lain-lain.

**Rajah 6.7**  
**Pencapaian NIH 2019**



Sumber: NIH- IMR, IPH, ICR, IHM, IHSR, IHBR

## INSTITUT PENYELIDIKAN PERUBATAN (IMR)

### LAWATAN OLEH TYT DR. TAKESHI KASAI, *WORLD HEALTH ORGANIZATION (WHO) REGIONAL DIRECTOR FOR THE WESTERN PACIFIC* PADA 10 JULAI 2019

TYT Dr. Takeshi Kasai telah melawat Makmal *Wolbachia* di Unit Entomologi Perubatan, Pusat Penyelidikan Penyakit Berjangkit, IMR di Jalan Pahang. Beliau sangat tertarik dengan projek Kolaborasi antara Universiti Glasgow, Universiti Melbourne dan IMR bertajuk “Field Evaluation on the impact of *Wolbachia* infected *Aedes albopictus* and *Aedes aegypti* on dengue and chikungunya transmission” (NMRR-16-28898) yang dibiayai oleh Wellcome Trust. Strategi ini menunjukkan potensi yang memberangsangkan dalam mengawal dan mencegah penyakit bawaan nyamuk terutama denggi, chikungunya dan Zika (**Imej 6.12**).

## Imej 6.12

### Dr. Nazni Wasi Ahmad (Pakar Entomologi IMR) Memberi Penerangan Kepada Dr. Takeshi Kasai Tentang Projek *Wolbachia*



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), KKM

### MAJLIS KICK-OFF PEMEBBASAN TELUR NYAMUK *Aedes aegypti* YANG DIJANGKITI OLEH *WOLBACHIA* OLEH MENTERI KESIHATAN PADA 7 JULAI 2019

Majlis Kick-Off telah dianjurkan dimana Menteri Kesihatan, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad melancarkan pembebasan telur nyamuk *Aedes aegypti* yang dijangkiti oleh *Wolbachia* sebagai langkah kawalan jangkitan virus denggi. Turut hadir dalam majlis ini adalah YB. Pn. Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh. Ia diadakan di sebuah kawasan perumahan iaitu Apartment Sri Rakyat, Jalan 14/155C, Bukit Jalil di Kuala Lumpur. Komuniti telah dilibatkan berkaitan strategi baru yang berinovasi sebelum pembebasan ini dilakukan. Dalam Fasa 1 sebelas kawasan hotspot denggi telah dipilih di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pembebasan telur nyamuk *Aedes aegypti* yang dijangkiti *Wolbachia* ini telah disiarkan dalam Malaysia Hari Ini TV3 pada 9 Julai 2019 (Imej 6.13).

## Imej 6.13

### Majlis Kick-Off Pembebasan Telur Nyamuk *Aedes aegypti* yang Dijangkiti oleh *Wolbachia* oleh Menteri Kesihatan pada 7 Julai 2019



Sumber: Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), KKM

## INSTITUT KESIHATAN UMUM (IKU)

Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi iaitu *National Health and Morbidity Survey* (NHMS) merupakan tinjauan kesihatan yang dijalankan di Malaysia sejak 1986. Sejak 2011, memandangkan pentingnya hasil tinjauan, kerajaan telah memutuskan untuk menjalankan tinjauan kesihatan setiap tahun, dalam pusing empat (4) tahun, di mana tahun pertama setiap pusingan memfokuskan skop penyakit tidak berjangkit dan permintaan jagaan kesihatan. NHMS 2019 merupakan tinjauan pertama pusingan ke-enam (6) tinjauan kesihatan kebangsaan dan morbiditi, mengkaji trend penyakit berjangkit dan faktor-faktor risiko penyakit berjangkit serta permintaan jagaan kesihatan, sejak 1986 dengan tinjauan yang sebelum ini dijalankan pada tahun 2015. Selain itu, NHMS 2019 juga telah mengkaji skop literasi kesihatan. Tinjauan ini melibatkan semua negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia dan telah dijalankan dari 14 Julai hingga 1 Oktober 2019, serentak di seluruh Malaysia (Imej 6.14).

## Imej 6.14

### Kajian Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019



Sumber: Institut Kesihatan Umum (IKU), KKM

Tinjauan ini merupakan hasil kerjasama antara tiga (3) institut kesihatan negara, Institut Kesihatan Umum (IKU), Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IPSK) dan Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan (IPTK). Di bawah seliaan Dr. Tahir Aris, Pengarah IKU dan Penasihat NHMS 2019, Penyelidik Utama kajian ini, Dr. Shubash Shander Ganapathy dari IKU telah menjalankan tinjauan ini bersama Penyelidik Bersama Dr. Muhamad Fadhli Mohd Yusoff dari IKU, Pn Suhana Jawahir dari IPSK dan Pn. Komathi Perialathan dari IPTK. Bersama kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri, beratusan jururawat, pembantu pegawai kesihatan dan penolong pegawai kesihatan persekitaran dari seluruh Malaysia telah turut serta terlibat dalam tinjauan NHMS 2019. Seramai 285 orang Pegawai Sambilan Harian telah dilantik sepanjang tempoh tinjauan untuk pengumpulan data dan lebih 50 orang penyelia lapangan, iaitu pegawai pegawai dari ketiga-tiga institut, juga turut bersama pasukan pengumpul data di lapangan semasa tempoh pengumpulan data.

Bagi tujuan pengumpulan data NHMS 2019, lebih 12,000 rumah telah dilawati di seluruh Malaysia. Hampir 10,000 rumah telah berjaya ditemuramah dengan berjaya, iaitu lebih 4,700 rumah ditemuramah untuk modul NCD dan lebih 5,300 rumah ditemuramah untuk modul HCD. Walaupun pelbagai cabaran dihadapi pasukan pengumpul data, adalah dibanggakan bahawa kita berjaya menjalankan kajian pada 87.2 peratus responden yang layak dan terpilih untuk kajian ini, iaitu lebih 30,000 responden telah ditemuramah dalam kajian NHMS 2019. Respon yang membanggakan ini adalah hasil usaha semua pasukan yang telah berusaha menghadapi cabaran kajian lapangan. Kajian NHMS 2019 adalah penting untuk mendapatkan maklumat dan menentukan perubahan dalam permintaan jagaan kesihatan dan beban penyakit berjangkit serta faktor-faktor risiko penyakit tidak berjangkit di Malaysia. Hasil daripada kajian ini adalah amat penting dan akan digunakan bagi menyokong dan merangka strategi dan inisiatif program yang sesuai dilaksanakan dalam kalangan rakyat Malaysia oleh Bahagian Kawalan Penyakit dan Kementerian Kesihatan Malaysia, serta Kementerian dan institusi lain di Malaysia (Imej 6.15).



## Imej 6.15 Pengumpulan Data NHMS 2019



Sumber: Institut Kesihatan Umum (IKU), KKM

### INSTITUT PENYELIDIKAN KLINIKAL (ICR)

NIH telah mendapat kelulusan penstrukturan semula pada bulan disember 2019 dan Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (National CRC) telah menukar nama kepada Institut Penyelidikan Klinikal (ICR) supaya setara dengan institut yang lain di bawah NIH, manakala rangkaian Pusat Penyelidikan Klinikal (CRC) masih dikenali sebagai rangkaian CRC atau CRC hospital. Pada tahun 2019, terdapat penubuhan tiga (3) CRC hospital baru di Hospital Bintulu, Hospital Tawau, dan Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur, menjadikan keseluruhan 36 CRC hospital di rangkaian. ICR dan rangkaian CRC merupakan cabang penyelidikan klinikal KKM dan bertanggungjawab mengukuhkan kapasiti penyelidikan klinikal di semua kemudahan kesihatan KKM. Fungsi utama adalah mengurus, memberi panduan dan menjalankan aktiviti penyelidikan klinikal berimpak tinggi yang akan meningkatkan kualiti penjagaan kesihatan Malaysia.

### MESYUARAT SAINTIFIK MOH-AMM KE-13

Mesyuarat Saintifik Kementerian Kesihatan Malaysia-Akademi Perubatan Malaysia (MOH-AMM) Ke-13 Sempena Seminar Saintifik NIH Ke-21 telah diadakan di Kompleks NIH, Setia Alam pada 27 hingga 29 Ogos 2019. Sejalan dengan visi KKM, tema acara dwitahunan pada tahun ini ialah "Penjagaan Terintegrasi Rakyat". YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad Menteri Kesihatan telah merasmikan majlis tersebut. Seramai 24



penceramah tempatan dan dua (2) penceramah dari luar negara dari pelbagai disiplin yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas dalam bidang masing-masing telah terlibat dalam pembentangan dan perbincangan penyelidikan dalam mesyuarat ini (**Imej 6.16**). Mesyuarat saintifik kali ini merupakan acara pertama dan terbesar yang diadakan di Kompleks NIH Setia Alam yang mendapat sambutan menggalakkan dari 888 peserta berdaftar dan 253 pembentangan poster. Di majlis ini juga, Penganugerahan dan Penyerahan *AMM Fellowship* diadakan dan sejumlah 149 *inductees* telah dilantik sebagai ahli biasa dan 14 telah dianugerahkan *Fellowship AMM*. Penganugerahan ini telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Rafidah Aziz.

### **Imej 6.16** **Mesyuarat Saintifik MOH-AMM Ke-13**



Sumber: Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), KKM

### **MESYUARAT RANGKAIAN CRC**

Mesyuarat rangkaian CRC telah diadakan sebanyak tiga (3) kali untuk tahun 2019. Dalam mesyuarat ini, Dato' Dr. Goh Pik Pin (Pengarah, ICR) mengucapkan tahniah kepada semua Hospital CRC atas pencapaian yang cemerlang pada tahun 2019 dan menggalakkan semua kakitangan untuk meneruskan komitmen dalam menyediakan perundingan dan latihan penyelidikan kepada penyelidik di samping melaksanakan penyelidikan klinikal yang berimpak.

### **PENCAPAIAN PENYELIDIKAN**

ICR bekerjasama dengan rangkaian CRC bertanggungjawab menjalankan dan mempromosi *industry sponsored research* (ISR). ISR merupakan salah satu projek permulaan (EPP) dalam Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) yang mana ICR-CRC bersama-sama dengan *Clinical Research Malaysia* (CRM) telah diberi mandat

untuk memacu Malaysia sebagai destinasi pilihan dunia bagi penyelidikan ISR dengan berfungsi sebagai pemboleh dan pemudahcara dalam penyelidikan klinikal. Pada tahun 2019, sejumlah 278 *Industry Sponsored Research* (ISR) telah diluluskan oleh MREC dan ini sejajar dengan misi Negara untuk mencapai 1000 penyelidikan klinikal yang berterusan di Malaysia menjelang tahun 2020. Di samping itu, ICR dan CRC telah berjaya memperolehi geran ektramural berjumlah RM1,718,878.00 di mana sebanyak 61.2 peratus dibiayai oleh penaja antarabangsa dan *United State-National Institute of Health* (US-NIH) merupakan penyumbang utama geran untuk penyelidikan malaria.

Tahun 2019 merupakan tahun yang penuh cabaran dan perlu bekerja keras bagi memastikan proses migrasi berjalan lancar. Keseluruhannya, strategi yang dimulakan oleh ICR semenjak penubuhan pada tahun 2000 amatlah memberangsangkan dan ICR dengan rangkaian CRC sentiasa berjaya mencapai petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan. Kini, ICR bercadang untuk (i) mewujudkan lebih banyak hubungan strategik tempatan dan antarabangsa; (ii) mendapatkan lebih banyak geran penyelidikan ektramural yang kompetitif; dan (iii) terlibat secara aktif dalam terjemahan dan penyebaran hasil penyelidikan, terutamanya ke dalam polisi dan amalan harian klinikal. Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk penyelidikan dan merealisasikan Malaysia sebagai organisasi penyelidikan klinikal terkemuka di Asia.

## **INSTITUT PENGURUSAN KESIHATAN (IHM)**

### ***TALENT GROOMING PROGRAMME FOR TECHNICAL HEALTHCARE PROFESSIONALS (TGP)***

TGP telah dilancarkan pada 2014 sebagai program yang sistematik bagi mengenal pasti dan mengembangkan potensi kepimpinan. Pada tahun 2019, julung kalinya TGP *Inspirational Leadership Symposium* dengan tema '*The Building Blocks of Leadership*' telah diadakan pada 3 hingga 4 Julai 2019 di Kompleks NIH. Plenari telah disampaikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr Jeffrey Cheah (Pengasas dan Pengerusi, Sunway Group) bertajuk '*Leadership: The Sunway Story*' dan YBhg. Datuk Prof Dr Che Muhaya Haji Mohamad (Konsultan Pakar Pembedahan Mata dan Pengarah Prof Muhaya Eye & LASIK Centre (PMELC)) bertajuk '*Leading with Compassion*' (Imej 6.17). MyTGP (<http://mytgp.ihm.moh.gov.my/>) telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Ketua Pengarah Kesihatan pada 3 Julai 2019 bersempena dengan Simposium Kepimpinan Inspirasional TGP (Imej 6.18).

### Imej 6.17 Simposium *TGP Inspirational Leadership*



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IHM), KKM

### Imej 6.18 Pelancaran MyTGP oleh Ketua Pengarah Kesihatan 3 Julai 2019 di Komplek NIH



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IHM), KKM

### **LEAN HEALTHCARE**

Bermula tahun 2019, aktiviti *Lean Healthcare* telah berpindah ke Institut Pengurusan Kesihatan. Tahun 2019, Lean Healthcare fokus kepada model kelestarian kesihatan selain meneruskan aktiviti-aktiviti asas berkaitan kajian, latihan dan konsultasi. Sebanyak dua (2) buah modul telah berjaya dihasilkan iaitu *MyLean Awareness Module* dan *MyLean Project Module*. Modul ini boleh digunakan sebagai rujukan dan panduan kepada semua kakitangan Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://www.ihm.moh.gov.my/index.php/lean-healthcare>.

### **MALYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME-EPIDEMIOLOGICAL INTELLIGENCE MANAGEMENT PROGRAMME (MTCP-EIMP)**

MTCP-EIMP telah dimulakan di Institut Pengurusan Kesihatan (IHM) sejak tahun 2007. Kursus tersebut melibatkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang berkaitan epidemiologi dan merupakan kolaborasi antara IHM, IMR, Bahagian Kawalan Penyakit KKM dan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan. Seramai 15 peserta telah dipilih dari 11 buah negara yang berlainan (**Imej 6.19**).

## Imej 6.19 Peserta MTCP EIMP 2019



Sumber: Institut Pengurusan Kesihatan (IHM), KKM

### INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN (IHSR)

Melalui pengiktirafan sebagai Pusat Kerjasama WHO bagi Penyelidikan Sistem Kesihatan dan Penambahbaikan Kualiti, IHSR bekerjasama dengan pihak WHO serta agensi lain dalam kajian yang memberi fokus kepada pengukuhan sistem kesihatan dan kualiti penjagaan, serta membina modal insan yang penuh semangat. Di peringkat kebangsaan, IHSR juga diiktiraf sebagai Sekretariat Program Penambahbaikan Kualiti (QA) KKM yang berperanan sebagai pusat penyelarasan untuk latihan dan pembangunan Program QA di seluruh negara.

IHSR turut terlibat dalam membangunkan “*ASEAN Recommendation on Quality Health Care in Primary Care*”. Konvensyen *Quality Assurance (QA)* peringkat kebangsaan yang ke-10 juga telah diadakan, bertema “*Quality-Driven Healthcare: The Heart of Universal Health Coverage*”, yang dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), YBhg. Datuk Dr. Christopher Lee, dan disertai pelancaran *Coffee Table Book QA* berjudul *The Decades-Long QA Odyssey* (Imej 6.20).



## Imej 6.20 Konvensyen QA Ke-10 Peringkat Kebangsaan



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSR), KKM

Penguatan implementasi aplikasi bukti penyelidikan kepada polisi sistem kesihatan melalui *Malaysian Alliance for Embedding Rapid Reviews in Health Systems Decision-making (MAera)* juga merupakan suatu lagi pencapaian bagi IHSR. Malaysia telah dipilih oleh *Alliance for Health Policy and Systems Research (AHPsR)* sebagai salah satu negara untuk menyertai inisiatif ini, di samping tiga (3) buah negara lain, iaitu India, Zimbabwe, dan Georgia. Kolaborasi bersama pelbagai bahagian/unit KKM telah mewujudkan tujuh (7) projek, yang diharapkan akan menghasilkan sintesis maklumat yang dapat diaplikasikan dalam sistem sedia ada (Imej 6.21).

## Imej 6.21 Wakil Maera Dalam Perjumpaan Bersama Pengarah Eksekutif AHPsR Serta Perbincangan Bersama Wakil Bahagian/Unit Yang Terlibat Dalam Projek Maera Bagi Tahun 2019



Sumber: Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan (IHSR), KKM

## INSTITUT PENYELIDIKAN TINGKAH LAKU KESIHATAN (IPTK)

Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan (IPTK) menawarkan perkhidmatan dalam penyelidikan yang berkaitan dengan bidang perkembangan diagnosis tingkah laku kesihatan, tingkah laku yang berkaitan dengan penyakit berjangkit, kajian penilaian intervensi promosi kesihatan, pembangunan alat untuk penilaian hasil program, kajian dalam Literasi Kesihatan, kajian terhadap tingkah laku berisiko, kajian terhadap kualiti hidup dan kajian berkaitan kepuasan pesakit terhadap perkhidmatan kesihatan.

### SIMPOSIUM PROMOSI KESIHATAN 2019

Simposium Promosi Kesihatan (HPSS 2019) telah berjaya dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan dengan kerjasama Bahagian Pendidikan Kesihatan dan Persatuan Promosi Kesihatan Malaysia (MAHEO) pada 1 dan 2 Oktober 2019 di Kompleks Institut Kesihatan Nasional Setia Alam, Selangor. Bilangan poster dan lisan yang dibentangkan ialah sebanyak 33 penyertaan dengan seramai 200 peserta di seluruh Malaysia. Tema Simposium ialah *“Research to Practice: Towards Sustainable Healthy Behaviour”*, simposium ini telah menjadi platform untuk menyatukan para profesional kesihatan dari pelbagai bidang bagi berkongsi pengalaman, amalan terbaik dan penemuan penyelidikan yang berharga dalam bidang promosi kesihatan dan penyelidikan kesihatan dan bagaimana kedua-dua aspek utama ini dapat diseimbangkan bersama-sama bagi mengubah tingkah laku kesihatan yang lebih baik untuk kesejahteraan rakyat Malaysia (Imej 6.22).

Imej 6.22

#### Majlis Perasmian Simposium Promosi Kesihatan 2019



Sumber: Institut Penyelidikan Tingkah laku Kesihatan (IPTK), KKM

## **MALAYSIAN JOURNAL OF HEALTH PROMOTION (MJHP)**

*Malaysian Journal of Health Promotion (MJHP)* adalah jurnal pertama berkaitan aspek promosi kesihatan yang akan diterbitkan setahun sekali. MJHP berhasrat untuk menerbitkan artikel berkualiti tinggi berkaitan aspek promosi kesihatan di Malaysia dan akan menjadi platform untuk penyebaran hasil penyelidikan. Jenis artikel jurnal termasuk, penyelidikan asli, artikel semakan, laporan pendek, amalan terbaik, kajian kes, kaedah, dan penilaian Program Promosi Kesihatan yang mempengaruhi pengetahuan, tingkah laku, dan amalan berkaitan kesihatan.

## **PENILAIAN DAN PEMANTAUAN TAHAP LITERASI KESIHATAN PENDUDUK MALAYSIA**

Penilaian dan pemantauan terhadap literasi kesihatan penduduk adalah penting dalam membolehkan para pembuat dasar merancang dan melaksanakan program promosi kesihatan yang berkesan berdasarkan kepada keperluan sebenar dan kapasiti penduduk. Untuk menangani isu ini, IPTK telah bekerjasama dengan Institut Kesihatan Awam (IKU) untuk menjalankan Kajian Literasi Kesihatan sempena Tinjauan Morbiditi Kesihatan Negara 2019 (NHMS 2019). Dalam NHMS 2019, instrumen kajian literasi kesihatan yang baru dibangunkan, HLS-M-Q18 digunakan untuk mengukur tahap Literasi Kesihatan masyarakat Malaysia. Soal selidik ini adalah versi yang disesuaikan dengan Kajian Kesihatan Literasi Eropah, HLS-EU-Q47. Ia merangkumi tiga (3) domain utama; penjagaan kesihatan, pencegahan penyakit dan promosi kesihatan. Penemuan dari tinjauan kesihatan ini akan digunakan untuk merangka inisiatif dan pelan tindakan ke arah pembangunan dasar Literasi Kesihatan peringkat kebangsaan.

## **HALA TUJU NIH**

Penyelidik NIH sebagai agen perubahan, memainkan peranan penting dalam menjalankan penyelidikan kesihatan berasaskan bukti yang berimpak tinggi untuk diterjemahkan kepada dasar dan amalan bagi meningkatkan inovasi dan kemajuan dalam bidang penjagaan kesihatan.

Pada 2019, NIH mengambil inisiatif melibatkan universiti awam dan swasta untuk memulakan kerjasama dan menyelaras penyelidikan kesihatan negara. Bagi menggalakkan ekosistem penyelidikan kesihatan yang inklusif, NIH akan membangunkan bidang keutamaan penyelidikan kesihatan negara dengan kerjasama pihak berkepentingan untuk Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12) yang akan datang.



## KESIMPULAN

Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal (P&ST) akan terus menyokong semua program dan aktiviti dalam Kementerian Kesihatan dan juga sektor-sektor lain untuk mencapai tahap yang terbaik dalam segala usaha berkaitan kesihatan. Program ini memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti KKM menjurus ke arah pencapaian matlamat negara. Aktiviti penyelidikan akan terus menyokong program-program lain dengan memberikan maklumat sokongan dan pembuktian bagi penggubalan dasar seterusnya menambah baik perkhidmatan kesihatan dan sistem penyampaian kesihatan.



**07**

**KESIHATAN  
PERGIGIAN**



## PENGENALAN

Program Kesihatan Pergigian memainkan peranan yang penting sebagai peneraju utama dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan pergigian dengan matlamat menyumbang ke arah rakyat Malaysia yang lebih sihat dan produktif dari segi ekonomi dan sosial.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### EPIDEMIOLOGI DAN PENYELIDIKAN KESIHATAN PERGIGIAN

Fokus utama pada tahun 2019 adalah persediaan bagi kaji selidik *National Health and Morbidity Survey 2020: National Oral Health Survey of Adults 2020* (NHMS 2020: NOHSA 2020) yang bertujuan menilai status kesihatan mulut dan keperluan rawatan warganegara Malaysia berumur 15 tahun dan ke atas selain mengetahui aspek sosial yang berkaitan dengan kesihatan pergigian.

Beberapa aktiviti telah dijalankan seperti berikut:

- i. Kalibrasi dan penyeragaman antara pemeriksa *benchmark* dan pemeriksa *gold standard* bagi setiap kriteria (lesi oral, karies gigi dan keperluan rawatan, dan keadaan periodontium) di Klinik Pergigian Air Jernih, Kuala Terengganu dan Klinik Patologi Mulut dan Perubatan Mulut, Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu dari 11 hingga 13 Mac 2019.
- ii. Kalibrasi dan penyeragaman antara pemeriksa negeri Selangor dan pemeriksa *benchmark* dari bulan April hingga Jun 2019 sebagai persediaan sebelum *trial run*.
- iii. *Trial run* melibatkan 3 blok perhitungan di Daerah Hulu Langat, bermula dari penghujung bulan Jun hingga Julai 2019.
- iv. Latihan bagi semua anggota pasukan NOHSA yang terdiri daripada penyelaras negeri, penyelia lapangan, pemeriksa dan penemuduga dari 31 Oktober hingga 2 November 2019 di Hotel The Pearl, Kuala Lumpur.

### PERKEMBANGAN PROFESION KESIHATAN PERGIGIAN

Seramai 43 Pegawai Pergigian telah menerima tawaran Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi mengikuti pengajian lanjutan dalam tujuh (7) bidang kepakaran pergigian. Dalam usaha menangani masalah kekurangan tempat latihan di universiti awam dalam negara, pelaksanaan rintis kolaborasi latihan dilaksanakan dengan Universiti Malaya bermula sesi 2019/2020 bagi bidang Bedah Mulut dan Maksilofasial, dan Ortodontik.

Beberapa semakan semula dan pembangunan dasar baharu telah dimulakan termasuk semakan semula Garis Panduan Pewartaan Pakar Pergigian; pembangunan buku log bagi latihan induksi pegawai pergigian yang perlu dipenuhi sebelum memulakan tempoh pra-pewartaan; dan cadangan dasar bagi pengiktirafan sebagai *Subject Matter Expert* bagi Pegawai Pergigian Penguatkuasaan.

Cadangan Hala tuju Juruterapi Pergigian telah diluluskan pada 13 September 2019 dan dibentangkan semasa Mesyuarat Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian dengan Majlis Dekan Pergigian KKM pada 18 November 2019. Universiti Teknologi MARA dan Kolej Universiti Lincoln telah menunjukkan minat untuk menawarkan program ijazah bagi Juruterapi Pergigian.

## PEMBANGUNAN DAN PERKEMBANGAN FASILITI KESIHATAN PERGIGIAN

Pada tahun 2019, terdapat 11 projek pembangunan kesihatan pergigian yang diluluskan di bawah RMK-10 dan RMK-11 masih sedang dalam peringkat pembangunan seperti berikut:

- i. Klinik Pergigian *Standalone*:
  - Klinik Pergigian Bukit Selambau, Kedah.
  - Klinik Pergigian Kluang, Johor.
  - Klinik Pergigian Tanjung Karang, Kuala Selangor, Selangor.
  - Klinik Pergigian Daro, Mukah, Sarawak.
  - Klinik Pergigian Pasir Akar, Besut, Terengganu.
  - Naiktaraf Klinik Pergigian Tronoh, Kinta, Perak.
- ii. Pusat Pakar Pergigian Seremban, Negeri Sembilan
- iii. Klinik Kesihatan (Jenis 3) Dan Pusat Pakar Pergigian Presint 6, Putrajaya.
- iv. Pusat Pakar Pergigian Kota Kinabalu, Sabah.
- v. Kuarters Klinik Pergigian Chiku 3, Gua Musang, Kelantan.
- vi. Naik taraf Jabatan Pergigian Pediatrik, Hospital Melaka, Melaka.

Pemantauan berterusan program *Medical Equipment Enhancement Tenure* (MEET) telah dijalankan merangkumi dua (2) buah klinik pergigian iaitu:

- Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian Teluk Datuk, Selangor.
- Klinik Kesihatan dan Klinik Pergigian Teluk Bahang, Pulau Pinang.

Pada tahun 2019, kontrak baru bagi Perkhidmatan Sokongan Klinik (PSK) di 13 negeri telah diluluskan. Bagi Sarawak, pelanjutan kontrak PSK telah diluluskan untuk tempoh enam (6) bulan iaitu sehingga 31 Mei 2020 sementara kontrak baharu disediakan.

## PENGURUSAN MAKLUMAT KESIHATAN PERGIGIAN

### TELEPRIMARY CARE-ORAL HEALTH CLINICAL INFORMATION SYSTEM (TPC-OHCIS)

Pada 1 Jun 2019, kontrak perkhidmatan dan penyelenggaraan (O&M) sistem TPC-OHCIS yang menyokong perkhidmatan penjagaan pergigian primer serta perkhidmatan kesihatan kepakaran berasaskan hospital telah tamat. Susulan itu, pada Julai 2019, kontrak perkhidmatan O&M telah dianugerahkan kepada kontraktor yang dilantik. Mesyuarat *kick off* kontrak perkhidmatan dan penyelenggaraan (O&M) sistem TPC-OHCIS telah diadakan di Putrajaya pada 10 Julai 2019.

Bagi menjamin kompetensi berterusan dalam kalangan para pentadbir dan pengguna dalam mengendalikan system TPC-OHCIS, beberapa siri latihan melalui pendekatan “*Module-Focused Training Approach*” telah diadakan pada bulan Ogos dan September 2019 di fasiliti kemudahan komputer Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan.

## TEKNOLOGI KESIHATAN PERGIGIAN

Pada masa ini, Program Kesihatan Pergigian telah menerbitkan sebanyak 13 Panduan Amali Klinikal. Setakat 31 Disember 2019, tujuh (7) daripadanya adalah terkini (diterbitkan kurang dari 5 tahun), dua (2) telah diluluskan untuk penerbitan oleh *CPG Council* pada bulan Jun dan Disember, satu (1) dalam proses kaji semula manakala tiga (3) telah sampai tempoh untuk dikaji semula seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Panduan Amali Klinikal Setakat 31 Disember 2019**

Tajuk PAK	Tahun Diterbitkan	Status
<i>Management of Condylar Fracture of the Mandible</i>	2005	Draf diluluskan dan diterbitkan pada Jun 2019
<i>Management of Avulsed Permanent Anterior Teeth in Children 2<sup>nd</sup> edition</i>	2010	Draf diluluskan dan diterbitkan pada Disember 2019
<i>Management of Unerupted and Impacted Third Molar</i>	2005	Dalam proses kaji semula
<i>CPG Management of Severe Early Childhood Caries</i>	2012	Untuk dikaji semula
<i>CPG Orthodontic Management of Developmentally Missing Incisors</i>	2012	Untuk dikaji semula
<i>CPG Management of Chronic Periodontitis 2<sup>nd</sup> edition</i>	2012	Untuk dikaji semula

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Kursus ‘*Systematic Review in the Development of Dental CPG 2019*’, telah diadakan dari 29 hingga 31 Oktober 2019 di Hotel Concorde Shah Alam, dihadiri oleh 21 peserta ianya bertujuan melatih Pakar dan Pegawai Pergigian memahami proses kerja PAK mengikut *Scottish Intercollegiate Guidelines Network (SIGN)* dan Cawangan Teknologi Kesihatan Pergigian Malaysia.

## **PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN PRIMER**

Pada tahun 2019, penjagaan kesihatan pergigian kanak-kanak prasekolah diperkukuh menggunakan pendekatan Penjagaan Pergigian Inkremental bagi mengurangkan kejadian karies gigi semasa memasuki sekolah. Kepentingan memberus gigi dipertingkatkan dengan penglibatan guru prasekolah untuk menanam tabiat kebersihan mulut yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Agensi prasekolah kerajaan dan agensi tadika swasta dilibatkan bagi menjayakan program ini.

Tumpuan turut diberikan kepada peranan ibu dalam mempengaruhi anak-anak kecil dan ahli keluarga terhadap pemakanan dan tabiat kebersihan mulut yang baik. Bagi setiap tempoh kehamilan, ibu dikehendaki menjalani pemeriksaan pergigian secara rutin. Perancangan diatur bersama Bahagian Kesihatan Keluarga untuk memperkuatkan lagi penglibatan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA) dalam pemantauan dan rujukan ibu mengandung untuk pemeriksaan pergigian. Rawatan pergigian akan disediakan bagi ibu yang memerlukan.

Prosedur Operasi Standard (SOP) yang mengandungi prosedur pergigian asas terdiri daripada pemeriksaan & diagnosis pergigian, rawatan tampalan, cabutan gigi, penskaleran, pembuatan dentur dan pembedahan kecil mulut telah dikompilasikan. SOP ini akan menjadi panduan kepada pelaksana dalam pengurusan pesakit di peringkat primer, disamping dijadikan rujukan dalam penyelidikan berkaitan prosedur pergigian asas. Garis panduan perkhidmatan endodontik di klinik pergigian primer juga telah dikaji semula dengan penambahbaikan rujukan kes kepada pakar restoratif pergigian menggunakan indeks *Restorative Dentistry Index of Treatment Need Complexity Assessment (RDITN)*.

Kad rawatan pesakit (LP8) 1997 telah dikaji semula dengan penambahan keperluan data strategi baharu antara lain “Indeks Gingival untuk Kanak-kanak (GIS)”, “Saringan Asas Periodontal (BPE)”, “Berhenti merokok untuk murid sekolah (KOTAK)”, “*International Classification of Dental Caries Assessment (ICDAS)*” dan “Pemeriksaan Kanser Oral”.



Peningkatan keperluan pengumpulan data menyebabkan tenaga kerja di lapangan merasa tertekan. Maka satu pasukan kerja telah dikenal pasti untuk melihat cara yang mudah dan cepat untuk mengumpul data dengan menggunakan MS Access dan MS Excel. Sistem pelaporan luar talian ini telah dibangunkan dan sedang diuji di lapangan.

Pada keseluruhannya, terdapat peningkatan pengguna perkhidmatan pergigian primer daripada 25.8 peratus pada tahun 2018 kepada 26.9 peratus pada tahun 2019 (**Jadual 7.2**).

## **PENJAGAAN KESIHATAN PERGIGIAN KEPAKARAN**

Pemetaan perkhidmatan kepakaran pergigian dilakukan bagi memastikan taburan perkhidmatan adalah mengikut keperluan selain mengenal pasti keperluan latihan di masa hadapan. Perluasan perkhidmatan lima (5) bidang kepakaran pergigian telah diwujudkan di sembilan (9) buah fasiliti pergigian pada tahun 2019 (**Jadual 7.3**).

**Jadual 7.2**  
**Penggunaan Perkhidmatan Kesihatan Pergigian Primer Mengikut Kategori Pesakit,**  
**2017 hingga 2019**

Tahun	Prasekolah	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Ibu Mengandung	Orang Dewasa	Warga emas	Kanak-kanak Keperluan Khas	Keseluruhan
2017	1,047,391	2,809,766	1,964,105	245,018	1,810,480	269,500	62,114	8,208,374
2018	1,146,680	2,861,585	1,944,312	257,609	1,918,086	292,665	68,339	8,489,276
2019	1,218,595	2,890,267	1,948,194	272,179	2,036,601	316,999	75,827	8,758,662

Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, KKM (preliminary data 2019)

**Jadual 7.3**  
**Perluasan Perkhidmatan Kepakaran Pergigian Tahun 2019**

Bidang Kepakaran	Hospital / Fasiliti Pergigian
Pergigian Pediatrik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital Slim River, Perak</li> <li>• Hospital Sandakan, Sabah</li> </ul>
Pergigian Keperluan Khas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur</li> </ul>
Pergigian Forensik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang</li> </ul>
Ortodontik	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KP Parit Buntar, Perak</li> <li>• KP Machang, Kelantan</li> <li>• KP Sungai Petani, Kedah</li> </ul>
Pergigian Restoratif	<ul style="list-style-type: none"> <li>• KP Kurnia, Pahang</li> <li>• KP Dungun, Terengganu</li> </ul>

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

Data bagi perkhidmatan yang telah diberikan oleh setiap bidang kepakaran dikumpulkan melalui sistem *e-reporting*, kecuali data bagi Kepakaran Pergigian Keperluan Khas dan Pergigian Forensik masih dikumpul secara manual. Beban kerja bagi setiap bidang kepakaran diterjemah melalui nisbah pakar kepada bilangan pesakit seperti di **Jadual 7.4**.

**Jadual 7.4**  
**Beban Kerja Pakar Pergigian Mengikut Bidang**

Tahun	2015	2016	2017	2018	2019
<b>Bidang Kepakaran</b>					
<i>Kepakaran Hospital-Based</i>					
Bedah Mulut dan Maksilofasial	3823	3991	3554	3680	3716
Pergigian Pediatrik	2427	2730	3005	2854	2541
Patologi Mulut & Perubatan Mulut	744	878	833	864	951
Pergigian Keperluan Khas	727*	889*	1159*	1297*	1413*
Pergigian Forensik	173*	108*	141*	110*	88*
<i>Kepakaran Non-Hospital-Based</i>					
Ortodontik	4083	4056	3556	3423	3711
Periodontik	1312	2113	1466	1349	1373
Pergigian Restoratif	1732	1439	1294	1308	1327


Sumber: Pusat Informatik Kesihatan KKM (data preliminari 2019) & \*Program Kesihatan Pergigian KKM, 2019

## KESIHATAN PERGIGIAN MASYARAKAT

### PROGRAM PEMFLOURIDAAN AIR

Terdapat 496 buah Loji Rawatan Air (LRA) di Malaysia di mana semua telah diswastakan sepenuhnya kecuali di Perak, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Daripada 309 LRA (62.3 peratus) yang telah dilengkapi dengan *fluoride feeder*, 64 (20.7 peratus) tidak aktif disebabkan kekurangan sumber untuk pembelian kompaun florida ataupun mengalami masalah teknikal seperti kerosakan *fluoride feeder*. Pada tahun 2019, dianggarkan sebanyak 73.1 peratus daripada populasi menerima bekalan air awam berflorida. 83.6 peratus daripada bacaan paras florida yang diambil di poin retikulasi mencapai julat 0.4 hingga 0.6 ppm yang disarankan (**Rajah 7.1**).

**Rajah 7.1**  
**Bacaan Aras Florida Bekalan Air Am Yang Mencapai Julat 0.4 hingga 0.6ppm, 2006 hingga 2019**



Sumber: Data Negeri, Program Kesihatan Pergigian, KKM

**PENCEGAHAN PRIMER DAN PENGESANAN AWAL PRA-KANSER DAN KANSER MULUT**

Sejumlah 249 kampung/estet/komuniti berisiko tinggi telah dilawati dan seramai 2,837 penduduk berusia 20 tahun dan ke atas telah disaring untuk lesi mulut. Sejumlah 59,236 pesakit berumur 20 tahun dan ke atas yang telah disaring di klinik pergigian dan projek masyarakat secara oportunistik telah dikenal pasti mempunyai tabiat berisiko tinggi dan/atau mempunyai tanda awal *lesion* oral.

Data preliminari 2019 menunjukkan seramai 834 orang pesakit daripada jumlah saringan didapati mempunyai lesi oral dan seramai 493 orang telah dirujuk kepada Pakar Bedah Mulut & Maksilofasial/Pakar Patologi Mulut & Perubatan Mulut untuk siasatan dan pengurusan selanjutnya. Sejumlah 111 orang telah dikenal pasti mempunyai *lesion* malignan, di mana 1.45 peratus berada di peringkat satu (1) dan 83.6 peratus di peringkat lewat. Pada tahun 2019, seramai 64,539 orang telah diberikan pendidikan kesihatan pergigian.

**PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN**

**PROGRAM KEMBARA SIHAT ‘ZIRAH SENYUM’ 2019**

Program dwitahunan yang telah berlangsung dari 30 Mac hingga 6 April 2019 ini telah dilancarkan di Johor Bharu oleh YAB Dato’ Haji Osman bin Haji Sopian, Menteri Besar Johor. Majlis penutupan program Kembara Sihat diadakan di Kedah selaku tuan rumah dan disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Dr. Norhizan Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah yang mewakili YB Menteri Kesihatan Malaysia.

## **KONVENSYEN KESIHATAN ORAL TANPA ASAP ROKOK (KOTAK) 2019**

Konvensyen yang telah berlangsung di MITC, Melaka selama dua (2) hari dari 19 hingga 20 Jun 2019 telah dirasmikan oleh YB Low Chee Leong (EXCO Kesihatan & Anti Dadah) mewakili YAB Ketua Menteri Melaka, YBhg. Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) mewakili YB Menteri Kesihatan Malaysia dan Dr. Latip Muhammad, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Penilaian) Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pendidikan, mewakili YB Menteri Pelajaran Malaysia.

## **PELANCARAN PROGRAM IKON GIGI ORANG ASLI (iGG-OA)**

Majlis pelancaran Program Ikon Gigi Orang Asli telah berlangsung di Perkampungan Orang Asli Menderang 1, Sungkai, Perak pada 11 Julai 2019 dan dirasmikan oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

## **MINGGU PROMOSI KESIHATAN PERGIGIAN 2019**

Majlis pelancaran Minggu Promosi Kesihatan Pergigian 2019 yang bertemakan 'Doktor Gigi - Pastikan Yang *Ori!*' telah diadakan pada 7 September 2019 di Seremban, Negeri Sembilan. Majlis dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

## **BENGGEL 'DENTISTRY GOING DIGITAL: PRODUCE VIDEO LIKE A PRO' 2019**

Bengkel yang julung-julung kali diadakan ini telah berlangsung selama tiga (3) hari dari 27 hingga 29 Ogos 2019 bertempat di Langkawi, Kedah. YBrs. Dr. Doreyat bin Jemun, Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian), telah hadir bagi merasmikan bengkel tersebut.

## **AKREDITASI DAN GLOBALISASI PROGRAM PERGIGIAN**

### **AKREDITASI PROGRAM SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN**

Pada tahun 2019, beberapa lawatan akreditasi telah diadakan bagi menilai dan memantau standard kualiti program sarjana muda pembedahan pergigian yang ditawarkan oleh Pemberi Pendidikan Tinggi di Malaysia;

- i. **USM** - hasil lawatan akreditasi dari 14 hingga 15 Januari 2019, program DDS USM diberi akreditasi penuh bagi tempoh 5 tahun dari 20 April 2019 hingga 19 April 2024.
- ii. **AIMST** - hasil lawatan akreditasi dari 9 hingga 11 Januari 2019, program BDS AIMST diberi akreditasi penuh bagi tempoh 3 tahun dari 12 Februari 2019 hingga 11 April 2022.

- iii. **SEGi** - hasil lawatan akreditasi dari 26 hingga 27 Februari 2019, program BDS Universiti SEGi telah diberi akreditasi penuh selama 4 tahun iaitu dari 2 Jun 2019 hingga 1 Jun 2023.
- iv. **UIAM** - lawatan pemantauan pematuhan telah dijalankan pada 28 Mei 2019 dan Panel Penilai telah berpuas hati dengan tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh UIAM terhadap penemuan hasil lawatan terdahulu.
- v. **PIDC** - lawatan pemantauan pematuhan telah dijalankan dari 28 hingga 29 Januari 2019 dan Panel berpuas hati dengan tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh PIDC terhadap penemuan hasil lawatan terdahulu.
- vi. **Kolaborasi MAHSA-PIDC** - lawatan pemantauan pematuhan telah dijalankan dari 28 hingga 29 Januari 2019. Panel berpuas hati dengan tindakan penambahbaikan yang telah diambil oleh MAHSA dan PIDC terhadap penemuan hasil lawatan terdahulu.

## GLOBALISASI DAN LIBERALISASI PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN

Pada tahun 2019, dua (2) orang pegawai telah menghadiri Mesyuarat *Joint Coordinating Committee on Dental Practitioners (AJCCD)*:

- Mesyuarat AJCCD ke 22 dari 11 hingga 12 Februari 2019 di Bandar Seri Begawan, Brunei
- Mesyuarat AJCCD ke 23 dari 21 hingga 22 Oktober 2019 di Manila, Filipina.

Input teknikal telah diberi berkaitan *ASEAN Minimum Common Competency Standards for Dental Undergraduate Education; ASEAN Dental Practice Standards*; Mekanisma untuk memudahkan pergerakan Pengamal Pergigian antara Negara-negara ASEAN; dan Pangkalan Data mengenai Pengamal Pergigian bagi Negara ASEAN.

## ASEAN FRAMEWORK AGREEMENT ON SERVICES (AFAS) PACKAGE


Pada 10 hingga 11 Disember 2019, dua (2) orang pegawai telah terlibat di dalam bengkel *ASEAN Trade in Services Agreement (Negative-list Approach)* di Hotel Le Meridien Putrajaya. Bengkel bertujuan untuk memberi kefahaman dan kemahiran mengenai kaedah analisa dan menukar senarai positif bagi limitasi AFAS (*positive-list limitations*) kepada format senarai negative (*negative-list format*); dan penyediaan senarai *non-conforming measures*.

## PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

### SIASATAN ADUAN

Pada tahun 2019, sebanyak 114 aduan telah diterima dan 95 merupakan aduan berkaitan pengamal pergigian haram (**Rajah 7.2**). Aduan-aduan ini telah dirujuk kepada setiap pegawai penguatkuasa negeri yang berkenaan untuk siasatan.

**Rajah 7.2**  
**Pengendalian Aduan, 2016 hingga 2019**




Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

## PENDAFTARAN KLINIK PERGIGIAN BAHARU

Pada tahun 2019, sebanyak 287 permohonan untuk pendaftaran klinik pergigian swasta telah diterima dan sebanyak 278 telah mematuhi Akta Kemudahan & Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] (**Rajah 7.3**).

**Rajah 7.3**  
**Permohonan Pendaftaran Klinik Pergigian Baru, 2006 hingga 2019**




Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM



## PEMERIKSAAN KLINIK PERGIGIAN SWASTA

Pada tahun 2019, sebanyak 1075 (42.9 peratus) daripada klinik pergigian swasta berdaftar di semua negeri telah diperiksa, iaitu 95.2 peratus daripada yang disasarkan (**Rajah 7.4**).

**Rajah 7.4**  
**Pemeriksaan Klinik Pergigian Swasta 2012 hingga 2019**



Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

## KUALITI KESIHATAN PERGIGIAN

### NATIONAL INDICATOR APPROACH (NIA)

Pada tahun 2019, empat (4) petunjuk telah dipantau untuk mengukur pencapaian penjawatan kesihatan primer dan masyarakat (**Jadual 7.5**).

**Jadual 7.5**  
**Petunjuk Program Kesihatan Pergigian di bawah NIA, Januari hingga Disember 2019**

No.	Petunjuk	Standard (Peratus)	Pencapaian (Peratus)	SIQ Ya/Tidak
1.	Peratus Murid Sekolah Rendah Mengekalkan Status <i>Orally Fit</i>	≥ 65	62.5	Ya
2.	Peratus Murid Sekolah Menengah Mengekalkan Status <i>Orally Fit</i>	≥ 80	68.4	Ya
3.	Peratus Ketidapatuhan Paras Fluorida Optimum Di Retikulasi (Paras < 0.4ppm)	≤ 25	15.7	Tidak
4.	Peratus Ketidapatuhan Paras Fluorida Optimum Di Retikulasi (Paras > 0.6ppm)	≤ 7	0.7	Tidak

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM 2019

### **KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) 2019**

Sebanyak 25 KPI dipantau pada tahun 2019. 16 KPI dipantau setiap tiga (3) bulan, lapan (8) KPI dipantau setiap enam (6) bulan dan satu (1) KPI dipantau secara tahunan. Secara keseluruhan, 15 KPI mencapai sasaran manakala 10 KPI tidak mencapai sasaran (**Jadual 7.6**).

**Jadual 7.6**  
**Pencapaian KPI Program Kesihatan Pergigian, 2019**

KPI Domain	Indikator Dipantau	Sasaran (Peratus)	Pencapaian (Peratus)
Capaian Perkhidmatan Kesihatan Pergigian KKM	Peratus klinik pergigian menyediakan perkhidmatan pesakit luar setiap hari	≥84.0	84.4
	Peratus Klinik Kesihatan dengan komponen fasiliti pergigian	≥75.0	64.7
	Peratus liputan ibu mengandung	≥60.0	60.8

<i>KPI Domain</i>	<i>Indikator Dipantau</i>	<i>Sasaran (Peratus)</i>	<i>Pencapaian (Peratus)</i>
Tahap kesihatan pergigian murid sekolah	Peratus murid sekolah rendah mendapat status <i>orally-fit</i>	≥96.5	96.4
	Peratus murid sekolah menengah mendapat status <i>orally-fit</i>	≥85.0	91.8
	Peratus murid sekolah rendah mengekal status <i>orally-fit</i>	≥65.0	62.5
	Peratus murid sekolah menengah mengekal status <i>orally-fit</i>	≥70.0	68.4
	Peratus murid umur 6 tahun bebas karies	≥50.0	39.7
	Peratus murid umur 12 tahun bebas karies	≥70.0	71.4
	Peratus murid umur 16 tahun bebas karies	≥50.0	56.9
	Peratus murid sekolah rendah yang memerlukan sealan fisur mendapat rawatan sealan fisur	≥95.0	98.8
	Peratus murid sekolah dikenalpasti merokok (melalui program KOTAK) telah melalui sekurang-kurangnya tiga (3) intervensi	≥51.0	63.8
Tahap kesihatan pergigian Ibu Mengandung	Peratus ibu mengandung dengan status <i>orally fit</i>	≥45.0	31.0
Tahap kesihatan pergigian Wargatua	Peratus warga berumur 60 tahun dengan 20 batang gigi atau lebih	≥60.0	42.4
Perkhidmatan Dentur	Peratus pesakit memperolehi dentur dalam tempoh 3 bulan	≥64.0	84.4
	Peratus pesakit berumur 60 tahun dan ke atas memperolehi dentur dalam tempoh 8 minggu	≥50.0	66.7

<i>KPI Domain</i>	<b>Indikator Dipantau</b>	<b>Sasaran (Peratus)</b>	<b>Pencapaian (Peratus)</b>
Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan	Peratus ikon gigi (iGG) menjalankan aktiviti sekurang-kurangnya 1 kali sebulan	≥61.0	37.8
	Peratus peruntukan Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) dalam Negara yang dianjurkan oleh Program Kesihatan Pergigian disempurnakan dalam minggu pertama bulan Disember tahun semasa	100	100
Kualiti Perkhidmatan Pergigian dan Persijilan MS ISO	Peratus klinik pergigian dengan persijilan <i>MS ISO</i>	≥85.0	79.6
	Peratus fasiliti pergigian KKM mencapai sekurang-kurangnya 80 peratus keakuratan semasa Audit Kesihatan dan Keselamatan	≥95.0	98.1
Pemantauan Klinik Pergigian Swasta	Peratus pemeriksaan pemantauan dijalankan ke atas klinik pergigian swasta yang dikenal pasti	100	95.2
Indeks Piagam Pelanggan	Peratus pesakit luar mendapat rawatan dalam tempoh 60 minit	≥86.0	91.7
Indeks Kepuasan Pelanggan	Peratus pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan / rawatan pergigian	≥95.0	96.8
Indeks Budaya Inovasi	Replikasi Budaya Inovasi – semua klinik pergigian mereplikasi / mengamalkan inovasi (inovasi merujuk kepada replikasi inovasi dan inovasi yang dibangunkan dalam tempoh dua (2) tahun).	≥80.0	94.0
Indeks Aduan	Pencapaian tindakan yang diambil ke atas aduan	≥85.0	97.2

Sumber: Program Kesihatan Pergigian, KKM

## HALA TUJU

Kesihatan pergigian adalah penting bagi kesihatan badan secara keseluruhan dan kualiti hidup seseorang. Penyakit atau masalah pergigian seperti karies gigi dan penyakit periodontium (gusi) adalah merupakan satu penyakit tidak berjangkit (*non-communicable disease*, (NCD)) yang paling biasa terjadi pada manusia. Ia memberi impak kepada produktiviti seseorang individu dan menyebabkan bebanan kos kepada masyarakat dan ekonomi negara selain tekanan ke atas perkhidmatan dan sumber penjagaan kesihatan.

Bagi membantu seseorang individu mencapai dan mengekalkan tahap kesihatan yang membolehkannya menjalani kehidupan yang produktif, perkhidmatan kesihatan yang bertaraf global dan memenuhi keperluan rakyat perlu disediakan seperti berikut:

- i. Mengintegrasikan kesihatan pergigian dengan kesihatan awam dalam semua dasar berkaitan kesihatan dan menggunakan Pendekatan Faktor Risiko Bersama (*Common Risk Factor Approach*) bagi menangani penyakit dan masalah pergigian dengan lebih berkesan dalam kalangan masyarakat. Ini memandangkan kesihatan pergigian dan kesihatan awam mempunyai faktor penentu sosial (*social determinants*) yang sama.
- ii. Penyampaian perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh dan komprehensif agar jurang tahap kesihatan di antara kelompok-kelompok masyarakat di kawasan bandar dan luar bandar dapat dirapatkan.
- iii. Perkhidmatan yang memberikan kesamarataan capaian kepada kesihatan yang berkualiti dengan memastikan semua rakyat mendapat perkhidmatan tanpa mengira jantina, etnik, faktor geografi, status sosio ekonomi serta kemampuan membayar dengan mengutamakan golongan yang lebih memerlukan dan kurang berkemampuan (*vulnerable groups*).
- iv. Perkhidmatan kesihatan yang responsif, memenuhi keperluan rakyat (*patient-centred care*) serta penyampaian dalam tempoh yang ditetapkan (*timely*).
- v. Perkhidmatan yang berasaskan kepada pengetahuan saintifik (*evidence-based*) serta penggunaan sumber yang optimum bagi memastikan ianya digunakan dengan cekap, sebaik mungkin serta mengelakkan pertindihan dan pembaziran.
- vi. Perkhidmatan yang menitikberatkan dan menumpukan kepada aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan bagi memperkasakan individu, keluarga dan masyarakat mengenai kesihatan. Ini seterusnya dapat meningkatkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat Malaysia.

- vii. Peningkatan penglibatan dan kerjasama dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan agar perkhidmatan kesihatan boleh diperluaskan melalui perkongsian sumber dan membantu menggerakkan masyarakat serta mempromosi gaya hidup sihat.
- viii. Penjagaan kesihatan dalam suasana dan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif yang digerakkan oleh anggota kesihatan yang terlatih, profesional dan bekerja dalam satu pasukan di fasiliti-fasiliti yang lengkap dengan kemudahan dan kelengkapan yang berteknologi sesuai dan sentiasa dipertingkatkan dan ditambah baik.
- ix. Perkhidmatan yang disediakan mengikut proses/prosedur kerja yang mematuhi piawaian kualiti yang ditetapkan serta disokong oleh sistem teknologi dan komunikasi maklumat agar penyampaian menjadi lebih cekap.
- x. Pemantauan dan penilaian terhadap keberkesanan program dan aktiviti yang dijalankan bagi memastikan tindakan penambahbaikan yang berterusan ke atas perkhidmatan yang disampaikan kepada masyarakat.

# 08

## FARMASI





## PENGENALAN

Program Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab memastikan keluaran farmaseutikal yang digunakan dalam negara adalah mematuhi piawai, berkualiti, selamat dan berkesan, melindungi kepentingan rakyat dengan menguatkuasakan undang-undang dan peraturan berkaitan farmaseutikal dan memastikan ubat-ubatan digunakan secara rasional oleh professional kesihatan dan juga pengguna. Program ini terdiri daripada lima (5) Bahagian utama yang diketuai oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dengan matlamat untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat (**Rajah 8.1**).

**Rajah 8.1**  
**Program Perkhidmatan Farmasi**




Sumber: Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, KKM

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### AHLI FARMASI BERDAFTAR DI MALAYSIA

Jumlah keseluruhan Ahli Farmasi yang memperbaharui Sijil Tahunan 2019 (berdaftar) adalah sebanyak 15,348 orang (**Rajah 8.2**).

**Rajah 8.2**  
**Pecahan Ahli Farmasi Berdaftar Mengikut Sektor Amalan pada 2019**



Sumber: Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia


## PEROLEHAN DAN PERBELANJAAN UBAT-UBATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Nilai perolehan ubat-ubatan di semua hospital, institusi dan klinik kesihatan KKM ialah RM 2,801.28 juta. Nilai perbelanjaan tersebut meningkat 20.52 peratus berbanding dengan nilai pada tahun 2018. Ubat-ubatan yang diperolehi melalui syarikat konsesi (APPL) adalah sebanyak RM 1,007.66 juta (35.97 peratus), kontrak KKM sebanyak RM 1,302.92 juta (46.51 peratus) serta pembelian terus dan sebutharga sebanyak RM 490.70 juta (17.52 peratus).

## PENDISPENSAN UBAT DI HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN KKM


Pada tahun 2019, terdapat peningkatan sebanyak 1.2 peratus bagi jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di hospital dan klinik kesihatan berbanding tahun sebelumnya. Jumlah preskripsi pesakit luar yang diterima di fasiliti-fasiliti kesihatan awam ialah 60.9 juta di mana 39.1 juta preskripsi diterima di klinik kesihatan (KK) dan 21.8 juta preskripsi diterima di hospital (**Rajah 8.3**). Terdapat penurunan sebanyak 7.4 peratus bagi jumlah preskripsi pesakit dalam yang diterima di hospital di mana jumlah keseluruhannya ialah 16.4 juta preskripsi (**Rajah 8.4**).

**Rajah 8.3**  
**Bilangan Preskripsi Pesakit Luar yang Diterima bagi 2015 hingga 2019**



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, KKM

**Rajah 8.4**  
**Bilangan Preskripsi Pesakit Dalam yang Diterima bagi 2015 hingga 2019**



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi KKM

## PENDAFTARAN PRODUK

Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) di bawah Program Perkhidmatan Farmasi bertanggungjawab untuk memproses permohonan pendaftaran untuk produk entiti

baru kimia/ubat-ubatan baru, biologik, preskripsi, bukan preskripsi, supplemen kesihatan, produk tradisional dan juga veterinar. Sepanjang 2019, sebanyak 1,324 produk telah didaftarkan daripada 1,557 permohonan yang diterima (**Jadual 8.1**). Produk-produk ini terdiri daripada 49.26 peratus produk tempatan dan 50.74 peratus produk yang diimport. Kumulatif produk yang masih berdaftar sehingga Disember 2019 adalah 23,655 produk.

**Jadual 8.1**  
**Bilangan Produk yang Didaftarkan bagi 2015 hingga 2019**


Kategori Produk	2015	2016	2017	2018	2019
Produk Preskripsi	280	263	325	354	187
Produk Bukan Preskripsi	41	40	61	79	66
Produk Tradisional	569	648	651	738	679
Supplemen Kesihatan	236	238	242	322	315
Produk Veterinar	94	79	68	73	77
<b>Jumlah</b>	<b>1,220</b>	<b>1,268</b>	<b>1,347</b>	<b>1,566</b>	<b>1,324</b>

Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara

## PASCA PENDAFTARAN PRODUK

NPRA menjalankan pemantauan secara berterusan ke atas produk berdaftar di pasaran tempatan bagi memastikan produk tersebut menepati keperluan keselamatan, keberkesanan dan kualiti. Pada tahun 2019, Program Pemantauan Kesan Advers Ubat (ADR) Kebangsaan telah menerima sebanyak 29,983 laporan, peningkatan 14.8 peratus berbanding tahun sebelumnya (**Rajah 8.5**).

**Rajah 8.5**  
**Bilangan Laporan ADR yang Diterima bagi 2015 hingga 2019**




Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara

## PENYENARAIAAN ATAU PINDAAN KEPADA FORMULARI UBAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Formulari Ubat Kementerian Kesihatan Malaysia (FUKKM) merupakan senarai ubat-ubatan yang telah diluluskan untuk digunakan di semua fasiliti KKM. Ia berfungsi sebagai panduan kepada anggota kesihatan KKM dalam menentukan ubat-ubatan yang diperlukan untuk rawatan pesakit. Permohonan penyenaian/pindaan kepada FUKKM diputuskan dalam Mesyuarat Panel Kaji Semula Senarai Ubat-ubatan KKM yang bersidang sebanyak tiga (3) kali setahun. Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi bertanggungjawab untuk memproses dan menilai permohonan penyenaian/pindaan terhadap FUKKM.

Sehingga Disember 2019, terdapat sebanyak 1,684 persediaan yang merangkumi 858 entiti kimia telah disenaraikan dalam FUKKM. Bilangan ubat-ubatan yang tersenarai dalam FUKKM dari tahun 2016 hingga 2019 diringkaskan dalam **Rajah 8.6**.

**Rajah 8.6**  
**Ubat-ubatan yang Tersenarai dalam FUKKM bagi 2016 hingga 2019**



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, KKM

## UBAT KELULUSAN KHAS

Kelulusan khas daripada Ketua Pengarah Kesihatan (KPK)/Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi (PKPF) diperlukan untuk memperoleh dan menggunakan ubat yang tidak tersenarai dalam FUKKM termasuk ubat berdaftar atau ubat tidak berdaftar. Permohonan bagi kelulusan khas ini dipertimbangkan untuk rawatan alternatif dengan memberi keutamaan kepada penggunaan ubat-ubatan yang terdapat dalam FUKKM. Sepanjang tahun 2019, terdapat 8,141 permohonan telah diterima daripada fasiliti-fasiliti KKM dengan peningkatan sebanyak 25.1 peratus berbanding tahun 2018 (6,506 permohonan). Secara keseluruhan, 93.6 peratus (7,625 permohonan) telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak RM130.7 juta (**Rajah 8.7**).

**Rajah 8.7**  
**Bilangan dan Kos Kelulusan Permohonan Ubat Khas Fasiliti KKM bagi 2016 hingga 2019**



Sumber: Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi, KKM

## HARI FARMASI SEDUNIA 2019

Hari Farmasi Sedunia disambut pada 25 September setiap tahun bagi meningkatkan kesedaran awam tentang profesion ahli farmasi dan mengiktiraf kepentingan bidang farmasi di dalam perkhidmatan kesihatan. Pada tahun ini, Program Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia telah berjaya menganjurkan Hari Farmasi Sedunia 2019 di Dewan Dato' Penggawa Permatang, Kuala Selangor pada 5 Oktober 2019. Tema sambutan adalah 'Safe and Effective Medicines for All' yang menekankan fungsi ahli farmasi dalam memastikan keselamatan pesakit dengan meningkatkan penggunaan ubat-ubatan dengan cara yang betul dan mengurangkan kadar kesalahan pengubatan.

Bersempena dengan sambutan Hari Farmasi Sedunia 2019, Program Santuni Rakyat: Kenali Ubat Anda telah dilancarkan dengan majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia. Antara aktiviti yang diadakan adalah 'FunWalk' dan 'Jom Jelajah Komuniti: Kenali Ubat Anda' yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia. Beliau telah turut bersama-sama dengan ahli-ahli farmasi melawat ke rumah pesakit di sekitar Kuala Selangor untuk menilai pengurusan ubat pesakit dan mengenal pasti masalah-masalah lain berkaitan ubat-ubatan. Selain itu, aktiviti seperti pemeriksaan kesihatan, kaunseling ubat-ubatan, pameran kesihatan, ceramah kesihatan, *Pharmazania* dan Forum Fakta & Mitos berkaitan ubat-ubatan juga telah diadakan.

### Imej 8.1

#### Aktiviti-Aktiviti yang Dilaksanakan Semasa Hari Farmasi Sedunia 2019



Majlis Perasmian



Pelancaran 'Funwalk'



Lawatan ke Rumah Pesakit

Sumber: Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi, KKM



## MESYUARAT ASEAN CONSULTATIVE COMMITTEE FOR STANDARDS AND QUALITY

### i. PHARMACEUTICAL PRODUCT WORKING GROUP (ACCSQ- PPWG) KE-27

NPRA telah menjadi tuan rumah bagi mesyuarat *ASEAN Consultative Committee for Standards and Quality - Pharmaceutical Product Working Group* yang ke-27 yang diadakan di Hotel G Gurney, Pulau Pinang dari 24 sehingga 27 Jun 2019. Lebih 250 peserta, termasuk pegawai agensi regulatori ubat-ubatan serta pihak industri farmaseutikal daripada negara anggota ASEAN telah menghadiri program yang berlangsung selama empat (4) hari ini. Sidang mesyuarat ini telah dirasmikan pada 25 Jun 2019 oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Dr. Ramli bin Zainal.

Objektif utama mesyuarat ACCSQ-PPWG adalah untuk mewujudkan harmonisasi dalam skim peraturan produk farmaseutikal yang dapat diguna pakai oleh negara anggota ASEAN, serta turut membantu mencapai objektif *ASEAN Free Trade Area (AFTA)* iaitu mengurangkan halangan teknikal sedia ada tanpa menjejaskan kualiti, keselamatan dan efikasi produk tersebut (Imej 8.2).

#### Imej 8.2

#### Ketua Perwakilan Negara Anggota ASEAN pada Sesi Mesyuarat ACCSQ-PPWG ke-27



Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara



## ii. **TRADITIONAL MEDICINES AND HEALTH SUPPLEMENTS PRODUCT WORKING GROUP (ACCSQ- TMHS) KE-32**

NPRA juga telah menganjurkan Mesyuarat ACCSQ-TMHS PWG yang bertempat di Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor dari 4 hingga 8 November 2019. Pegawai kerajaan daripada Agensi Regulatori Ubat-ubatan Kebangsaan serta ahli industri TMHS dari negara anggota ASEAN telah menghadiri program yang berlangsung selama lima (5) hari ini. Jumlah peserta bagi mesyuarat ini adalah sebanyak 118 orang. Sidang mesyuarat ini telah dirasmikan pada 25 Jun 2019 oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, Dr. Ramli bin Zainal.

Objektif utama mesyuarat ACCSQ-TMHS PWG adalah untuk mewujudkan harmonisasi dalam skim keperluan teknikal dan garis panduan regulatori untuk produk TMHS bagi mengurangkan halangan teknikal di dalam perdagangan di antara negara anggota ASEAN dan menyumbang kepada inisiatif Integrasi Ekonomi ASEAN tanpa menjejaskan kualiti, keselamatan dan efikasi produk (Imej 8.3).

### Imej 8.3

#### Ketua Perwakilan daripada Negara Anggota ASEAN



Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara

## **TECHNICAL MEETING ON REGIONAL COLLABORATIVE STRATEGY FOR THE ASEAN DRUG SECURITY AND SELF-RELIANCE**

Di bawah ASEAN Health Cluster 3 (Strengthening Health System and Access to Care Work Plan for 2016-2020) – Theme 2 (Availability and Quality of Care), Malaysia telah diamanahkan untuk mengetuai projek *Development of Regional Collaborative Strategy for the ASEAN Drug Security and Self-Reliance (ADSSR)*. *Technical Meeting on Regional Collaborative Strategy for the ASEAN Drug Security and Self-Reliance (ADSSR)* telah dianjurkan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi pada 6 hingga

8 November 2019 di Hotel Everly, Putrajaya. Tujuan mesyuarat teknikal ini diadakan adalah untuk membincangkan rangka kerja kolaborasi antara negara-negara ASEAN bagi meningkatkan sekuriti dan kemandirian ubat-ubatan serta membincangkan kesesuaian pelaksanaan perolehan ubat-ubatan secara bersama (*pool procurement*) di rantau ini. Seramai 31 orang delegasi daripada enam (6) negara ASEAN bersama dua (2) Sekretariat ASEAN dan wakil-wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia telah menghadiri mesyuarat teknikal ini (**Imej 8.4**).

#### **Imej 8.4** **Wakil dari Negara Anggota ASEAN**



Sumber: Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, KKM

### **PENGIKTIRAFAN KEPADA NPRA BAGI PELAKSANAAN DASAR NEGARA BAGI PEMBANGUNAN DAN PELAKSANAAN PERATURAN (NPDIR)**

NPRA sedang mempromosikan Amalan Pengawalseliaan Baik (GRP) dalam pembangunan dasar dan garis panduan baru selaras dengan persetujuan antarabangsa daripada OECD-GLP-MAD, PIC/S dan kumpulan kerja ASEAN. NPRA telah diberi sijil penghargaan untuk sumbangan aktif dan komitmen yang tinggi terhadap pelaksanaan Dasar Negara Bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) selama dua (2) tahun berturut-turut (tahun 2018 dan 2019) pada Konvensyen Kebangsaan Amalan Pengawalseliaan Baik yang telah dianjurkan oleh *Malaysian Productivity Corporation*. Anugerah ini diberikan untuk terus memupuk kepentingan pelaksanaan GRP khususnya bagi pembuat dasar terutamanya dalam memastikan kualiti dasar dan peraturan kerajaan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomik dan produktiviti di Malaysia (**Imej 8.5**).

### Imej 8.5

Pengarah NPRA, Datin Dr. Faridah Aryani binti Md. Yusof (Empat dari Kiri)  
Menerima Sijil bagi Pihak NPRA



*Sumber: Bahagian Regulatori Farmasi Negara*

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP CECAIR ROKOK ELEKTRONIK MENDANDUNGI NIKOTIN

Aktiviti pengilangan, pembekalan dan penjualan cecair rokok elektronik yang mengandungi Nikotin adalah dikawal di bawah Akta Racun 1952. Nikotin yang merupakan racun kumpulan C di bawah Akta tersebut hanya boleh dibekalkan untuk tujuan rawatan perubatan oleh Ahli Farmasi yang berlesen dan Pengamal Perubatan yang berdaftar. Pembekalan nikotin oleh pihak-pihak yang lain adalah salah di sisi undang-undang. Namun Nikotin dalam produk tembakau dikecualikan dari kawalan akta ini.

Berikutan pertambahan aduan berkenaan penjualan nikotin yang diterima oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, pemeriksaan dan serbuan bersepadu telah dijalankan terhadap penjual cecair rokok elektronik di seluruh negara. Sebanyak 128 premis penjual telah diperiksa dan sebanyak 104,974 botol/bekas cecair rokok elektronik yang disyaki mengandungi Nikotin telah dirampas dengan nilai rampasan sebanyak RM8,003,194. Kesemua kes akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Racun 1952 dan jika didapati bersalah boleh dihukum di bawah Seksyen 32(2) akta yang sama iaitu denda tidak melebihi RM3,000 atau penjara tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya (**Imej 8.6**).

## Imej 8.6 Pemeriksaan Premis dan Barang Rampasan



*Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM*

### HALA TUJU

Program Perkhidmatan Farmasi sentiasa berusaha untuk bergerak ke hadapan sebagai sebahagian daripada pasukan Kementerian Kesihatan Malaysia. Program ini juga sentiasa bersedia untuk memperkukuh dan mempertingkatkan lagi usaha demi menghadapi cabaran di hadapan serta sentiasa komited untuk terus maju dan bersaing dalam mencapai tahap kesihatan rakyat yang lebih baik.





09

**KESELAMATAN &  
KUALITI MAKANAN**



## PENGENALAN

Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) ditubuhkan bagi memantapkan aktiviti merancang, melaksana, memantau dan menilai aktiviti keselamatan dan kualiti makanan bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyimpanan, penyediaan, pemprosesan pembungkusan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan makanan serta memudahkan perdagangan makanan. Mandat untuk kawalan ini diperuntukkan di bawah Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan yang berkaitan.


## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PEMATUHAN DOMESTIK

#### PENDAFTARAN PREMIS MAKANAN

Di bawah Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009), semua premis makanan wajib berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada tahun 2019, sebanyak 38,127 premis makanan telah didaftarkan oleh pemilik premis melalui aplikasi atas talian <http://fosimdomestic.moh.gov.my/> (Rajah 9.1). Jumlah tersebut terdiri daripada 1,449 kilang makanan, 3,894 premis makanan yang terlibat dalam katering makanan, 29,508 premis outlet makanan, 76 kenderaan menjual makanan dan 3,200 lain-lain premis makanan.

**Rajah 9.1**  
**Bilangan Premis Berdaftar bagi Tahun 2015 hingga 2019**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM



## PEMERIKSAAN PREMIS MAKANAN

Pada tahun 2019, daripada sejumlah 125,423 premis makanan yang telah diperiksa, 2,484 (1.98 peratus) premis makanan tidak bersih telah ditutup di bawah Seksyen 11, Akta Makanan 1983 manakala sebanyak 29,286 notis kesalahan di bawah Seksyen 32B Akta Makanan 1983 bagi kesalahan di bawah PPKM 2009 telah dikeluarkan kepada pemilik premis makanan dan pengendali makanan (**Rajah 9.2**).

**Rajah 9.2**  
**Bilangan Premis yang Diperiksa dan Peratus Penutupan Premis Makanan bagi Tahun 2015 hingga 2019**




Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## PENSAMPELAN MAKANAN

Pensampelan makanan dijalankan bagi memastikan makanan yang disediakan atau dijual di Malaysia adalah mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Pada tahun 2019, sebanyak 28,797 sampel telah diambil dan sebanyak 1,688 (5.9 peratus) sampel didapati melanggar Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya (**Rajah 9.3**).

### Rajah 9.3

#### Bilangan Sampel Diambil dan Peratus Pelanggaran bagi Tahun 2015 hingga 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

### OPERASI KHAS (BERTEMA)

Pada tahun 2019, sebanyak tiga (3) Operasi Khas (bertema) telah dijalankan sebagai langkah proaktif bagi menangani isu-isu keselamatan makanan iaitu Ops Label, Ops Akuan Kesihatan dan Ops Minuman Alkohol (Imej 9.1 dan Rajah 9.4).


#### Imej 9.1

#### Aktiviti-Aktiviti yang Dijalankan Sepanjang Operasi Khas 2019



Sumber: Bahagian Keselamatan & Kualiti Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri

**Rajah 9.4**  
**Ringkasan Laporan bagi Tiga (3) Operasi Khas bagi Tahun 2019**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## KAWALAN MAKANAN IMPORT

Aktiviti kawalan makanan import meliputi 56 lokasi pintu masuk seluruh negara yang berada di bawah seliaan PKKM, KKM. Pada tahun 2019, sejumlah 321,828 konsainan produk makanan telah diimport ke Malaysia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 132,919 (41.0 peratus) konsainan telah diperiksa dan 5,958 (4.5 peratus) konsainan telah disampel untuk diuji pelbagai jenis parameter. Daripada jumlah bilangan pensampelan yang telah dibuat, 124 (2.0 peratus) sampel makanan didapati telah melanggar perundangan makanan negara.


## KAWALAN MAKANAN EKSPORT

### PROGRAM PEMANTAUAN EKSPORT

Program pemantauan eksport adalah aktiviti di bawah kawalan rasmi KKM yang dibangunkan secara spesifik mengikut komoditi dan keperluan negara pengimport (**Imej 9.2**).

## Imej 9.2

### Pensampelan bagi Program Pemantauan Eksport Tahun 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## PENGELUARAN SIJIL EKSPORT

Bagi mematuhi keperluan negara pengimport yang ditetapkan kepada premis pemprosesan eksport, sebanyak 72,167 sijil eksport telah dikeluarkan kepada pemohon sepanjang tahun 2019 iaitu sebanyak 65,587 sijil kesihatan, 6,368 sijil penjualan bebas dan 212 sijil *Non-Genetically Modified Food*. Pengeluaran sijil eksport dapat memberi jaminan bahawa produk yang dieksport daripada Malaysia adalah selamat dan ini sekaligus dapat meningkatkan permintaan eksport produk makanan dari pelbagai negara.

## NOTIFIKASI PENOLAKAN MAKANAN

Notifikasi penolakan makanan merujuk kepada maklumat berkenaan makanan yang tidak dibenarkan memasuki pasaran atau ditarik balik oleh negara pengimport kerana makanan tersebut tidak mematuhi keperluan negara pengimport. Pada tahun 2019, Malaysia telah menerima 54 notifikasi dan 81 kes penolakan makanan daripada negara seperti Singapura, China, United Kingdom dan Taiwan (Imej 9.3).

### Imej 9.3 Notifikasi Penolakan Makanan bagi Tahun 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

### LAWATAN AUDIT VERIFIKASI LUAR NEGARA TAHUN 2019

Lawatan audit verifikasi daripada negara pengimport iaitu Korea Selatan, China dan Australia telah dijalankan untuk menilai sistem keselamatan makanan yang dilaksanakan oleh Malaysia di sepanjang rantaian pengeluaran eksport (**Jadual 9.1**).

**Jadual 9.1**  
**Lawatan Audit Verifikasi Luar Negara**

Negara	Agensi	Komoditi	Tarikh
Korea Selatan	Ministry of Food and Drug Safety (MFDS)	Konfeksi dan coklat	13 hingga 16 Mei
China	General Administration of Customs, People's Republic of China (GACC)	Durian sejuk beku (whole fruit)	21 hingga 16 April
		Sarang burung yang boleh dimakan	13 hingga 18 Disember
Australia	Department of Agriculture and Water Resources (DAWR)	Udang mentah sejuk beku	21 hingga 16 April
	Department of Agriculture (DOA)	Nangka (diproses minima)	29 hingga 30 Oktober





Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## SKIM PENSIJILAN MAKANAN

Skim Pensijilan *Hazard Analysis Critical Control Points* (HACCP) dan “*Good Manufacturing Practice*” (GMP) merupakan salah satu Program Jaminan Keselamatan Makanan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam memastikan premis pemprosesan menghasilkan makanan yang selamat untuk dimakan. Pensijilan ini diberikan kepada semua premis pengilangan makanan di Malaysia.

Manakala, skim pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) pula adalah satu skim pensijilan yang memberi fokus khususnya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk memenuhi keperluan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Pengiktirafan “Bersih, Selamat dan Sihat” atau “BeSS” turut ditawarkan kepada premis makanan seperti restoran, gerai makan, kafeteria mahupun kenderaan bergerak seperti *foodtruck*. Sebanyak 7,143 pengiktirafan BeSS telah diberikan kepada pengusaha outlet makanan di seluruh negara semenjak ianya diperkenalkan pada tahun 2013 sehingga tahun 2019. Ringkasan pencapaian pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan sehingga tahun 2019 adalah seperti **Jadual 9.2**.

**Jadual 9.2**  
**Pensijilan Program Jaminan Keselamatan Makanan Sehingga Tahun 2019**

			
751	987	4,822	7,143

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## AKTIVITI PELESENAN

Di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985, semua premis pemprosesan bagi maksud perdagangan atau perniagaan iaitu air mineral semulajadi, air minuman berbungkus, ais dan air dari mesin jual air perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kelulusan pelesenan air mineral semulajadi, air minuman berbungkus, penyediaan ais dan mesin jual air pada tahun 2019 adalah seperti **Jadual 9.3**.



**Jadual 9.3**  
**Kelulusan Pelesenan Air Mineral Semulajadi, Air Minuman Berbungkus,**  
**Penyediaan Ais dan Mesin Jual Air Tahun 2019**

Air Mineral Semulajadi	Air Minuman Berbungkus	Ais	Mesin Jual Air
7	24	148	738

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## LAIN-LAIN AKTIVITI

### KEMPEN KESELAMATAN MAKANAN DI MEDIA SOSIAL

Kempen Keselamatan Makanan menggunakan platform media sosial telah dilaksanakan di beberapa portal terpilih berdasarkan jumlah *followers* yang tinggi di media sosial. Objektif utama kempen ini ialah meningkatkan tahap pengetahuan dan menyebarkan maklumat, justeru metrik paling sesuai ialah kadar *Reach & Engagement* yang telah direkodkan (Imej 9.4 hingga 9.6).

**Imej 9.4**  
**Kempen Keselamatan Makanan**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM




## Imej 9.5 Siaran Media Kempen Keselamatan Makanan PKKM



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## Imej 9.6 Jumlah Likes, Shares Dan Engagement di Facebook BKKM HQ (1 Julai 2019 hingga 31 Oktober 2019)



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## KEMPEN KESELAMATAN MAKANAN DI MEDIA MASSA

### Imej 9.7

#### Rancangan Temubual di Stesen Televisyen dan Stesen Radio Tahun 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## PELANCARAN SAMBUTAN HARI KESELAMATAN MAKANAN SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019

PKKM dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah menganjurkan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Keselamatan Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 13 Julai 2019 bertempat di E-Curve, Damansara. Sambutan tersebut telah dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad (Imej 9.8).

### Imej 9.8

#### Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## PERTANDINGAN INOVASI PERINGKAT PROGRAM KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN TAHUN 2019

Pertandingan Inovasi Peringkat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan telah berlangsung di Pusat Konvensyen i-City, Shah Alam pada 4 November 2019 bertemakan 'Janakan Kreativiti, Jayakan Inovasi'. Objektif pertandingan ini adalah untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif, selain dari memberi pengiktirafan kepada hasil Inovasi yang diperkenalkan oleh warga PKKMM. Pertandingan ini telah mengumpulkan seramai 250 orang peserta dari seluruh negara di bawah Program Keselamatan dan Kualiti Makanan dengan penyertaan 17 projek Inovasi yang terdiri daripada kategori produk, teknologi, proses dan perkhidmatan. Majlis perasmian bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, Encik Mohd Salim bin Haji Dulatti.

Kumpulan Ergonova dari Seksyen Makanan, Makmal Kesihatan Awam Ipoh telah merangkul juara keseluruhan dalam pertandingan ini dengan projek inovasi *Agar Max Pour*. Tahniah kepada pemenang (**Jadual 9.4; Imej 9.9**).

**Jadual 9.4**  
**Senarai Pemenang Pertandingan Inovasi Peringkat Program Keselamatan dan Kualiti Makanan Tahun 2019**

Kategori	Kedudukan	Tajuk / Kumpulan
Produk	Pertama	<i>Easy Slant / Tilaked</i> , MKKM, Kedah
	Kedua	<i>Safety Chemical Capsule / Capsule Five</i> , MKKM, Terengganu
	Ketiga	<i>Smart Fridge / Smart Team</i> , PKD Lipis
Teknologi	Pertama	Sistem Pendaftaran e-Surat FSQ / <i>Be Innovative</i> , JKN Sabah
	Kedua	<i>MJA on the Go / Key Elle on the Go</i> , JKWP Kuala Lumpur & Putrajaya
Proses	Pertama	<i>Agar Max Pour / Ergonova</i> , MKA Ipoh
	Kedua	<i>e-Plan Kilang / Four Kel</i> , JKN Kelantan
	Ketiga	<i>Smart Premise Database / Smart CT</i> , PKD Kemaman
Perkhidmatan	Pertama	<i>Kit4Me / Jetsetter</i> , JKN Negeri Sembilan
	Kedua	<i>Intelligent Mobile Case / Karisma</i> , PKD Kuala Nerus

Sumber: Cawangan Polisi dan Pembangunan, BKKM

## Imej 9.9 Sekitar Pertandingan Inovasi Peringkat PKKM Tahun 2019



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

### **INTERNATIONAL FOOD SAFETY TRAINING CENTRE (IFSTC) MALAYSIA**

Pada tahun 2019, sejumlah 11 latihan teknikal telah dilaksanakan oleh IFSTC Malaysia. Seramai 331 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai *stakeholder* seperti industri makanan, agensi kerajaan, ahli akademia, agensi swasta dan pegawai daripada PKKM di semua peringkat telah menyertai latihan yang dianjurkan (**Jadual 9.5 dan 9.6; Imej 9.10 dan 9.11**).

#### **Jadual 9.5 Senarai Latihan yang Dianjurkan IFSTC Malaysia Tahun 2019**

BIL	LATIHAN	TARIKH
1.	<i>Food Safety Training for Auditor Under ACB-HACCP Scheme</i>	5 hingga 7 Mac 2019
2.	<i>Product Labelling and Hands On</i>	19 hingga 20 Mac 2019
3.	<i>Food Defense Mechanism &amp; Certification</i>	9 hingga 10 April 2019
4.	<i>Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)-Implementation</i>	18 hingga 20 Jun 2019
5.	<i>Food Act 1983, Its Regulation &amp; Updates</i>	2 hingga 3 Julai 2019
6.	<i>Food Safety Assurance Program &amp; Licensing</i>	23 hingga 24 Julai 2019
7.	<i>Food Safety Training for Auditor Under ACB-GMP Scheme</i>	6 hingga 8 Ogos 2019
8.	<i>Food Safety Inspection Training</i>	26 hingga 29 Ogos 2019
9.	<i>Product Labelling and Hands On (II)</i>	11 hingga 12 September 2019
10.	<i>Product Labelling and Hands On (III)</i>	1 hingga 2 Oktober 2019

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM



**Jadual 9.6**  
**Senarai Seminar Yang Dianjurkan IFSTC Malaysia Tahun 2019**

BIL	LATIHAN	TARIKH	LOKASI	KERJASAMA
1.	Food Safety Seminar 2019	16 hingga 17 April 2019	Hotel Sama-Sama, KLIA	Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA)
2.	Seminar Pengeksportan Makanan 2019	19 September 2019	Hotel Marriott, Putrajaya	Cawangan Eksport BKKM

Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

**Imej 9.10**  
**Food Safety Seminar 2019**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

**Imej 9.11**  
**Seminar Keperluan Pengeksportan Makanan 2019**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## **26<sup>th</sup> SESSION OF CODEX COMMITTEE ON FATS AND OILS (CCFO)**

Malaysia telah dilantik sebagai Pengerusi, negara Tuan Rumah dan sekretariat CCFO dan telah menganjurkan mesyuarat CCFO setiap dua (2) tahun sekali sejak pelantikannya pada tahun 2007. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Puan Noraini binti Dato' Mohd. Othman, mantan Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM yang telah bersara pada 11 April 2019. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 122 orang peserta dari 40 negara, satu (1) pertubuhan negara dan lima (5) pertubuhan antarabangsa. Buku terbitan Codex bertajuk *A drop of oil, a tonne of value* menerangkan bagaimana CCFO beroperasi dan peranan yang dimainkan Malaysia sejak mengambil alih CCFO dari UK pada tahun 2009 telah dilancarkan semasa mesyuarat kali ini (**Imej 9.12**).

### **Imej 9.12**

#### **26<sup>th</sup> Session of Codex Committee on Fats and Oils (CCFO) 25 Februari hingga 1 Mac 2019, Kuala Lumpur**



Sumber: Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, KKM

## **KESIMPULAN**

PKKM sentiasa komited untuk memastikan keselamatan makanan dan mempertingkatkan integriti negara dalam keselamatan dan kualiti makanan melalui tanggungjawab dan akauntabiliti bersama berasaskan sistem pengurusan *tripartite* yang berkesan ke arah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Keselamatan makanan adalah tanggungjawab setiap individu.





10

# PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN



## PENGENALAN

Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) merupakan sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2012 (Akta 738) pada 15 Mac 2012. Penubuhan ini bertujuan untuk mengawal selia peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya melalui penguatkuasaan Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Fungsi PBPP adalah;

- i. Melaksanakan, menguatkuasakan, menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang peranti perubatan.
- ii. Mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya.
- iii. Untuk menggalakkan dan mempromosi pembangunan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya termasuklah dalam bidang penyelidikan dan latihan
- iv. Untuk memberikan khidmat rundingan, nasihat dan apa-apa perkhidmatan lain berhubung dengan peranti perubatan, industri peranti perubatan dan aktivitinya.
- v. Untuk mengenakan fi atau caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa.

PBPP diterajui oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham b. Abdullah yang bertindak sebagai Pengerusi Pihak Berkuasa bersama dengan lapan (8) anggota yang lain yang terdiri daripada Ketua Eksekutif PBPP, wakil dari Kementerian Kewangan Malaysia, wakil dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga wakil-wakil dari industri peranti perubatan di Malaysia. Pengurusan dan pentadbiran PBPP diketuai oleh Ketua Eksekutif dan dibantu oleh tiga (3) Pengarah Bahagian. Struktur organisasi PBPP terdiri daripada tiga (3) bahagian dan dua (2) unit iaitu Bahagian Pendaftaran, Pelesenan dan Penguatkuasaan, Bahagian Dasar Kod dan Standard, Bahagian Penilaian Teknikal dan Unit Khidmat Pengurusan serta Unit Komunikasi Korporat. PBPP juga disokong oleh Penasihat Undang-undang dan Pegawai Integriti.

Pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 737 dan peraturan di bawahnya yang dijalankan oleh PBPP termasuk;

- i. Pendaftaran peranti perubatan dan badan penilaian pematuhan,
- ii. Pengeluaran lesen establismen,
- iii. Penyemakan notifikasi pengecualian daripada pendaftaran di bawah Perintah (Pengecualian) Peranti Perubatan 2017,
- iv. Pemantauan dan pengawasan pasca pasaran dan iklan,
- v. Penguatkuasaan.

Selain itu, PBPP juga menjalankan aktiviti-aktiviti bagi membantu industri seperti pengkelasan produk, pengeluaran Sijil Penjualan Bebas (*Certificate of Free Sales*), pembangunan dasar, polisi dan dokumen panduan, khidmat nasihat dan program latihan dan kesedaran.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PENDAFTARAN PERANTI PERUBATAN DAN PELESENAN ESTABLISMEN

Sepanjang tahun 2019, PBPP telah berjaya meluluskan sebanyak 8,215 permohonan pendaftaran peranti perubatan yang diterima. Bilangan permohonan pendaftaran peranti perubatan yang diluluskan mengikut kelas adalah seperti berikut (**Jadual 10.1**):

**Jadual 10.1**  
**Jumlah Kelulusan Permohonan Pendaftaran Peranti Perubatan Mengikut Kelas**

Bil	Kelas	Jumlah Permohonan
1.	Kelas A	3,118
2.	Kelas B	1,861
3.	Kelas C	1,115
4.	Kelas D	2,103
5.	Kombinasi	18

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, KKM

Bagi permohonan lesen establismen pula, jumlah permohonan lesen yang telah diluluskan dikategorikan seperti berikut (**Jadual 10.2**):

**Jadual 10.2**  
**Jumlah Kelulusan Permohonan Lesen Establismen**

Bil	Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan Yang Diluluskan
1.	Permohonan lesen establismen baru	327
2.	Permohonan lesen establismen yang diperbaharui (Renewal)	493
3.	Permohonan pindaan lesen establismen	235
4.	Pertukaran hak milik	474

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, KKM

## PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Pencapaian bagi aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan adalah seperti berikut (**Jadual 10.3**):

**Jadual 10.3**  
**Tindakan Pemantauan dan Penguatkuasaan 2019**

Bil	Tindakan	Bilangan
1.	Pengeluaran surat amaran penguatkuasaan	27 surat amaran
2.	Pengeluaran surat amaran iklan	33 surat amaran
3.	Serbuan dan rampasan	1 serbuan

Sumber: Pihak Berkuasa Peranti Perubatan, KKM

## MALAYSIAN MEDICAL DEVICE EXPO (MYMEDEX) DAN INTERNATIONAL MEDICAL DEVICE CONFERENCE (IMDC) 2019

Salah satu kejayaan besar PBPP pada tahun 2019 adalah penganjuran satu pameran, *Malaysian Medical Device Expo* (MYMEDEX) dan satu persidangan bertaraf antarabangsa, *International Medical Device Conference* (IMDC) 2019 pada 15 hingga 17 Oktober 2019 bertempat di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MiTEC), Kuala Lumpur dengan kerjasama MyEvents International. Kedua-dua program ini telah dirasmikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri (**Imej 10.1**).

**Imej 10.1**  
**Sekitar Majlis Perasmian MYMEDEX dan IMDC 2019, 15 Oktober 2019 di MiTEC, Kuala Lumpur**



*Sumber: Unit Komunikasi Korporat, PBPP*

## HALA TUJU

Cabaran yang akan dihadapi oleh PBPP di masa hadapan adalah menangani pertambahan bilangan permohonan pendaftaran peranti perubatan dan pembaharuan lesen establismen bagi peranti perubatan yang akan dipasarkan di negara ini. Selain itu, PBPP juga perlu bersedia dalam menjalankan aktiviti-aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan memandangkan penerimaan aduan mengenai ketidakpatuhan semakin meningkat.

Oleh yang demikian, PBPP telahpun mengenal pasti dan membangunkan beberapa pelan komunikasi dan promosi untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman industri dan orang awam mengenai Akta 737 dan peraturan-peraturan di bawahnya. PBPP juga sedang memperkukuhkan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan peningkatan dalam kepatuhan keperluan-keperluan yang digariskan di dalam Akta. PBPP turut bertekad untuk terus berkembang melalui pembangunan rangka kerja kawalan yang lebih komprehensif yang merangkumi dasar, dokumentasi regulatori, standard dan mekanisme kawalan, pembangunan daftar dan pusat sumber regulatori peranti perubatan yang mengandungi rujukan-rujukan yang berkaitan dengan program kawalan peranti perubatan seperti dokumentasi regulatori, maklumat-maklumat peranti perubatan berdaftar dan lesen establismen dan data-data lain yang berkaitan.



# 11

## PEMBANGUNAN





## PENGENALAN

Bahagian Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertanggungjawab untuk menguruskan aktiviti berkaitan dengan pengurusan, perancangan, pelaksanaan, pengawalan, pemantauan dan penilaian program dan projek yang dilaksanakan dalam pembangunan fasiliti kesihatan oleh KKM di bawah pelan Rancangan Malaysia (RMK). Dahulunya, bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Perancangan dan Pembangunan namun telah disusun semula pada 1 September 2012 sebagai dua (2) komponen yang berbeza mengikut fungsi masing-masing. Pada 27 September 2018, bahagian ini telah dijenamakan semula melalui penstrukturan semula tanggungjawab dan fungsi setiap unit yang dibahagikan kepada tiga (3) cawangan utama yang disokong oleh 12 unit seperti berikut:

- A. Cawangan Pengurusan Projek I:
  - i) Unit Bajet RMK
  - ii) Unit Projek 1 (Zon Utara)
  - iii) Unit Projek 3 (Zon Timur)
  - iv) Unit Penyelarasan (Urusetia Mesyuarat)
  
- B. Cawangan Pengurusan Projek II:
  - i) Unit Projek 2 (Zon Tengah)
  - ii) Unit Projek 4 (Zon Selatan)
  - iii) Unit Projek 5 (Sabah dan Sarawak)
  - iv) Unit Teknikal dan Perolehan
  
- C. Cawangan Pengurusan Sumber:
  - i) Unit Tanah
  - ii) Unit *Public, Private and Partnership*
  - iii) Unit Penyelarasan (Lawatan/Parlimen)
  - iv) Unit Kewangan dan Pentadbiran

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2019

Pencapaian prestasi perbelanjaan projek-projek pembangunan sehingga 16 Disember 2019 adalah RM1.75 bilion iaitu 97.90 peratus daripada peruntukan tahun semasa dan RM5.93 bilion iaitu 96.28 peratus daripada keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sehingga *Rolling Plan 4*. Prestasi perbelanjaan termasuk tanggungan bagi tahun 2019 adalah RM1.78 bilion iaitu 97.98 peratus daripada peruntukan tahunan yang diluluskan. Butiran terperinci prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2019 seperti berikut:

**Jadual 11.1**  
**Prestasi Perbelanjaan Pembangunan KKM Tahun 2019**

Projek	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Peratus (%)
BP100 – Latihan	56,399,810	54,512,155	96.65
BP200 – Kesihatan Awam	282,030,700	271,778,177	96.67
BP300 – Naik taraf Fasiliti Kesihatan	603,370,300	596,521,952	98.87
BP400 –Hospital Baharu	227,493,200	224,196,377	98.55
BP500 – Pembangunan dan Penyelidikan (R&D)	20,150,000	18,441,870	91.54
BP600 – Naik taraf Dan Penyelenggaraan	94,300,000	91,190,676	97.10
BP700 – Pengambilan Tanah dan Penyelenggaraan	75,000,000	74,267,477	99.02
BP800 – Informasi Dan Teknologi (ICT)	20,900,000	20,358,225	97.41
BP900 – Penyelenggaraan Kuarters	5,000,000	4,917,751	98.37
BP900 – Fasiliti Kakitangan	76,000,200	73,507,547	96.72
BP1100 – Peralatan dan Kenderaan	323,782,000	317,304,444	98.03
<b>Jumlah</b>	<b>1,784,426,210</b>	<b>1,746,996,651</b>	<b>97.98</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM

## PENGURUSAN DAN PEMANTAUAN TANAH

Bahagian Pembangunan juga bertanggungjawab untuk mentadbir pengurusan dan pemerolehan tanah dan bangunan mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Akta Pengambilan Tanah 1960 dan P.2.1: Kaedah Perolehan Kerajaan untuk pembangunan fasiliti kesihatan. Semua proses pengambilan tanah di seluruh negara bagi tujuan pembangunan fasiliti kesihatan KKM adalah melalui kelulusan Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Sejumlah 77 kertas telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT) pada tahun 2019. Senarai mesyuarat yang telah diadakan pada 2019 seperti di **Jadual 11.2**:

**Jadual 11.2**  
**Senarai Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah (JKPPT), KKM Tahun 2019**

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Jumlah kertas dibentangkan
1.	MJKPPT Bil.1/2019	19 Februari 2019	10
2.	MJKPPT Bil. 2/2019	16 April 2019	13
3.	MJKPPT Bil. 3/2019	24 Jun 2019	11
4.	MJKPPT Bil. 4/2019	27 Ogos 2019	11
5.	MJKPPT Bil. 5/2019	4 November 2019	19
6.	MJKPPT Bil. 6/2019	19 Disember 2019	13

*Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM*

## PENGURUSAN NILAI BAGI PROJEK PEMBANGUNAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bagi menangani kelemahan dalam pengurusan projek Kerajaan, Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara (JPN) pada 24 November 2009 telah memutuskan supaya pengurusan nilai diadakan dalam perancangan dan pelaksanaan program dan projek kerajaan. Pengurusan nilai bertujuan untuk mengenal pasti, memberi pilihan dan menghasilkan komponen dan kos yang tidak menyumbang kepada nilai perkhidmatan, sistem dan projek tanpa menjejaskan objektif dan fungsi yang ditetapkan. Pengurusan nilai adalah pendekatan pelbagai disiplin yang sistematik dan inovatif yang mengkaji keperluan fungsi reka bentuk, produk, perkhidmatan, projek, fasiliti dan sistem untuk mencapai nilai yang lebih baik dan kos optimum tanpa menjejaskan prestasi dan projek. Pada umumnya, pengurusan nilai dilaksanakan

sebaik sahaja reka bentuk konsep projek disediakan. Bagi projek yang kompleks seperti hospital, proses pengurusan nilai perlu dilaksanakan pada peringkat awal (pra-reka bentuk) dan peringkat reka bentuk konsep. Berikut adalah senarai penganjuran Makmal Pengurusan Nilai yang telah diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan, KKM sepanjang tahun 2019 seperti di **Jadual 11.3**:

**Jadual 11.3**  
**Senarai Pelaksanaan Makmal Pengurusan Nilai Tahun 2019**

Bil.	Makmal Pengurusan Nilai	Tarikh
1.	Pusat Darah Wilayah Utara, Sungai Petani, Kedah	11 hingga 15 Februari 2019
2.	Pusat Kawalan Penyakit Negara	18 hingga 22 Mac 2019
3.	Pembinaan Blok Wanita dan Kanak-Kanak, Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, Pahang	1 hingga 5 Julai 2019
4.	Menaik taraf Sistem Pencegahan Kebakaran dan Sistem Elektrikal di Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor	8 hingga 12 Julai 2019

*Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM*

## PENYERAHAN PROJEK PEMBANGUNAN FASILITI KESIHATAN KKM PADA 2019

Proses penyerahan projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM dilaksanakan melalui pemeriksaan bersama-sama dengan pihak *end user*, Jabatan Kerja Raya dan pihak kontraktor yang terlibat. Sebaik sahaja bangunan fasiliti kesihatan diterima, kunci akan diserahkan kepada pihak *end user* melalui Kementerian Kesihatan Malaysia atau Jabatan Kesihatan Negeri. Berikut adalah senarai projek pembangunan fasiliti kesihatan KKM yang telah siap dan diserahkan pada tahun 2019:

**Jadual 11.4**  
**Senarai Projek Pembangunan Fasiliti Kesihatan KKM yang Telah Siap dan Diserahkan Pada 2019**

Bil.	Projek Siap dan Diserah	Tarikh
1.	Klinik Kesihatan (Jenis 7) Pasir Gajah, Kemaman	8 Januari 2019
2.	Kuarters Klinik Kesihatan (Jenis 3) Ayer Molek, Melaka	22 Januari 2019

Bil.	Projek Siap dan Diserah	Tarikh
3.	Naik taraf Sistem Penghawa Dingin Hospital Sipitang, Sabah	23 Januari 2019
4.	Naik taraf Hemodialisis Hospital Sultanah Nur Zahirah	27 Januari 2019
5.	Penggantian lif di Hospital Sibu, Sarawak	12 Februari 2019
6.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Rembia, Alor Gajah	22 Februari 2019
7.	Naik taraf Sistem Bekalan Air dan Sistem Elektrik Hospital Raub	11 Mac 2019
8.	Naik taraf Sistem Penghawa Dingin Hospital Sultanah Nur Zahirah	17 Mac 2019
9.	Naik taraf Hospital Seberang Jaya, Seberang Perai Tengah	8 April 2019
10.	Klinik Kesihatan (Jenis 7) Seberang Taylor, Kemaman	8 April 2019
11.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters Marang, Terengganu	10 April 2019
12.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters, Gombak Setia	16 April 2019
13.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Puchong, Petaling	26 April 2019
14.	Naik taraf dan menambahbaik hiasan dalaman Wad DiRaja Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	29 April 2019
15.	Naik taraf Sistem Perpaipan Hospital Tuanku, Seremban	17 Mei 2019
16.	Naik taraf Hospital Pulau Pinang (Fasa 2)	21 Mei 2019
17.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Nilai, Negeri Sembilan	1 Julai 2019
18.	Klinik Kesihatan (Jenis 4) dengan Kuarters Telupid, Beluran, Sabah	28 Julai 2019

Bil.	Projek Siap dan Diserah	Tarikh
19.	Kuarters Klinik Kesihatan Kampung Bantal, Jerantut	29 Julai 2019
20.	Klinik Kesihatan (Jenis 7) Tok Kah, Dungun	3 Ogos 2019
21.	Blok Wanita dan Kanak-Kanak dan Pusat Kardiologi Hospital Permaisuri Bainun, Ipoh	5 Ogos 2019
22.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters (2F/2G) Chendering, Kuala Terengganu	8 September 2019
23.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) Seri Iskandar, Perak	24 September 2019
24.	Klinik Kesihatan (Jenis 3) dengan Kuarters (2F/2G) Manir, Kuala Terengganu	30 September 2019
25.	Kuarters Klinik Kesihatan / Klinik Pergigian, Tanah Rata Cameron Highlands	30 September 2019
26.	Klinik Kesihatan (Jenis 6), Felda Bersia, Perak	7 Oktober 2019
27.	Hospital Rembau, Negeri Sembilan	10 Oktober 2019
28.	Blok Psiaktrik Hospital Sultanah Nur Zahirah Hospital, Kuala Terengganu	11 November 2019
29.	Klinik Kesihatan (Jenis 7) Pasir Raja, Dungun	19 November 2019

Sumber: Bahagian Pembangunan, KKM





# 12

## AUDIT DALAM



## PENGENALAN

Auditan Dalam merupakan satu fungsi bebas, yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi. Cawangan Audit Dalam (CAD) yang diketuai oleh Ketua Audit Dalam berperanan dalam memastikan fungsi audit dalaman dilaksanakan dengan baik dan berupaya menjadi alat yang berkesan dalam memantau dan memastikan sistem tadbir urus baik terlaksana di Kementerian.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Peranan dan tanggungjawab Cawangan Audit Dalam (CAD) dinyatakan melalui Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1 dan PS 3.2. Pada tahun 2019, CAD telah melaksanakan 4 (empat) jenis pengauditan seperti berikut:

**Rajah 12.1**  
**Jenis Pengauditan yang Dilaksanakan oleh CAD**

<b>PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menentukan peruntukan kewangan digunakan seperti mana diluluskan oleh pihak yang berkenaan, pembayaran dibenarkan dan dibuat dengan teratur, hasil-hasil dikenakan dan dipungut dengan betul tepat pada masanya, aset dan stor Kerajaan dikawal dengan sepatutnya.<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Pengurusan Kewangan (57 PTJ)</b></li><li>• <b>Baucar Bayaran (40 PTJ)</b></li><li>• <b>Program Anak Angkat/Susulan Audit (15 PTJ)</b></li><li>• <b>Pemeriksaan Mengejut (90 Klinik)</b></li><li>• <b>Perakaunan Akruan (5)</b></li></ul></li></ul>
<b>PENGAUDITAN PEMATUHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata (3 PTJ)</b></li><li>• <b>Kawalan Pengurusan Bekalan Ubat (3 PTJ)</b></li><li>• <b>Pengurusan Kenderaan (5 PTJ)</b></li></ul></li></ul>
<b>PENGAUDITAN PRESTASI</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti/program Kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan - <b>12 Kajian</b></li></ul>
<b>PENGAUDITAN TADBIR URUS</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Untuk menilai sama ada Syarikat Kerajaan Persekutuan/Badan Berkanun telah diurus dengan teratur<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>1 Agensi (Majlis Perubatan Malaysia)</b></li></ul></li></ul>

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

## Rajah 12.2 Penemuan Audit Material/Signifikan

Pengurusan Penggunaan Ambulans KKM	<ul style="list-style-type: none"><li>•Penalti belum dikenakan terhadap kegagalan mematuhi syarat perjanjian</li><li>•Peralatan tidak disediakan mengikut spesifikasi</li></ul>
Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital Rehabilitasi Cheras Kuala Lumpur Dan Hospital Tuanku Ja'afar Seremban Negeri Sembilan	<ul style="list-style-type: none"><li>•Peralatan perubatan lewat dibekalkan dan penalti tidak dikenakan terhadap kelewatan penghantaran</li><li>•Kemudahan/peralatan perubatan tidak digunakan secara optimum, usang dan kerap mengalami kerosakan</li></ul>
Pengurusan Aktiviti Transfusi Darah KKM	<ul style="list-style-type: none"><li>•Klausa kontrak pembekalan darah yang tidak seragam</li><li>•Ruang simpanan bekalan darah yang tidak mencukupi mengakibatkan kualiti <i>platelet</i> yang disimpan terjejas</li></ul>
Pelaksanaan Memorandum Perjanjian (MoA) Bagi Program Kejururawatan Antara IPTA/IPTS dan KKM	<ul style="list-style-type: none"><li>•Kakitangan yang terlibat dengan pengurusan MoA kurang mahir dan tidak diberi pendedahan yang sewajarnya mengenai kandungan perjanjian dan garis panduan</li><li>•Proses kerja yang standard dan senarai semak penempatan tidak diwujudkan</li></ul>
Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan Secara <i>In-House</i> Hospital KKM	<ul style="list-style-type: none"><li>•Denda tidak dikenakan terhadap kelewatan penghantaran bekalan</li><li>•Pembayaran dibuat bagi item yang tidak dibekalkan</li></ul>

Sumber: Cawangan Audit Dalam, KKM

## KESIMPULAN

Peranan dan fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh CAD dapat dicapai dengan sokongan daripada pelbagai peringkat Pengurusan di KKM dan PTJ yang dilawati, Segala usaha yang diambil oleh warga KKM untuk menangani dan menambah baik kelemahan dalam proses dan prosedur serta memantapkan tadbir urus berupaya memperkukuhkan sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada orang ramai.



# 13

## PENASIHAT UNDANG-UNDANG



## PENGENALAN

Pejabat Penasihat Undang-Undang (“Pejabat PUU”), Kementerian Kesihatan Malaysia (“Kementerian”) bertanggungjawab antara lainnya dalam perkara-perkara seperti yang berikut:

- (a) menyediakan nasihat perundangan kepada semua bahagian, jabatan, agensi dan institusi di bawah Kementerian termasuklah pandangan undang-undang melibatkan Memorandum Jemaah Menteri, Prosedur Operasi Standard, Garis Panduan, Arahan dan Pekeliling;
- (b) menggubal rang undang-undang dan rang undang-undang pindaan serta perundangan subsidiari berkaitan dengan Kementerian selaras dengan dasar-dasar Kementerian;
- (c) menyemak dan meluluskan dokumen perundangan termasuklah perjanjian, memorandum persefahaman dan instrumen perundangan antarabangsa bagi pihak Kementerian;
- (d) menghadiri mesyuarat bagi membincangkan isu berkaitan perundangan yang melibatkan Kementerian dan juga isu pentadbiran;
- (e) menjalankan pendakwaan bagi kesalahan jenayah di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]; dan
- (f) mengendalikan kes-kes tuntutan sivil bagi pihak Kementerian sebagai wakil Kerajaan dan menyelaraskan pengendalian kes-kes sivil oleh Jabatan Peguam Negara di mana Kerajaan ialah defendan.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Jumlah dan skop kerja yang dikendalikan oleh Pejabat PUU adalah tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan oleh Kementerian serta jabatan dan agensi di bawahnya. Bagi tahun 2019, Pejabat PUU telah menghadiri sebanyak 1,131 mesyuarat, menyemak sebanyak 1,828 dokumen perundangan, menyediakan sebanyak 818 nasihat perundangan dan menggubal sebanyak 111 rang undang-undang, rang undang-undang pindaan serta perundangan subsidiari. Pejabat PUU juga telah mengendalikan sebanyak 23 kes pendakwaan terhadap kesalahan jenayah di bawah *Akta 586* dan sebanyak 104 kes tuntutan sivil di mahkamah.

Pejabat PUU turut terlibat dalam penggubalan Rang Undang-Undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019 yang telah diluluskan di Parlimen pada Disember 2019. Rang Undang-Undang tersebut yang masih belum berkuat kuasa bertujuan antara lainnya untuk memansuhkan Akta Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006 [*Akta 651*] dan membubarkan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta tersebut.

## HALA TUJU

Pejabat PUU sentiasa komited untuk menjalankan tanggungjawabnya selaras dengan perundangan yang berkuat kuasa dan polisi Kementerian.

# 14 UNIT KOMUNIKASI KORPORAT





## PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan imej kementerian, mempromosi dasar dan program kementerian melalui strategi perhubungan awam yang teratur dan berkesan. Di samping itu, UKK bertindak sebagai barisan hadapan dalam menguruskan perkhidmatan pelanggan dan aduan awam kementerian. UKK KKM terbahagi kepada lima seksyen iaitu:

- i. Seksyen Media
- ii. Seksyen Komunikasi Strategik
- iii. Seksyen Hal Ehwal Korporat
- iv. Seksyen Aduan
- v. Seksyen Khidmat Pelanggan

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### SEKSYEN MEDIA

**Jadual 14.1**  
**Aktiviti Seksyen Media bagi Tahun 2019**

Bil.	Aktiviti
1.	Lawatan Mesra Media Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia Ke Sin Chew Media Corporation Berhad pada 15 Mac 2019.
2.	Lawatan Mesra Media Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia ke Star Media Group Berhad pada 23 Oktober 2019.
3.	Bengkel “Pengurusan Komunikasi Dan Media Ketika Krisis” untuk Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia pada 23-25 Oktober 2019 di Hotel Seri Malaysia, Pantai Bagan Lalang, Sungai Pelek, Sepang, Selangor.
4.	Sebanyak 167 Lawatan Kerja Rasmi oleh YBMK, YBTMK, KSU dan KPK dari Januari hingga Disember 2019.
5.	Sebanyak 101 slot Temu bual TV untuk penyebaran maklumat kesihatan melalui Temu bual TV dari Januari hingga Disember 2019.
6.	Sebanyak 72 slot Radio Talk untuk penyebaran maklumat kesihatan melalui dari Januari hingga Disember 2019.

*Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM*

## BENGKEL PENGURUSAN KOMUNIKASI DAN MEDIA KETIKA KRISIS

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merasmikan penutupan Bengkel "Pengurusan Komunikasi Dan Media Ketika Krisis" untuk Pegawai Perhubungan Awam di Kementerian Kesihatan Malaysia di Hotel Seri Malaysia, Pantai Bagan Lalang, Selangor pada 25 Oktober 2019.

Pengurusan Komunikasi Krisis dan bencana bukanlah hanya menumpu kepada kebijaksanaan Pegawai Perhubungan Awam untuk mengawal media namun, mengenal pasti kesahihan dan realiti berita serta memperoleh kepercayaan dari orang ramai adalah manifestasi utama dalam hala tuju ini. Kehadiran seramai 35 orang peserta pada kali ini adalah bukti komitmen demi meningkatkan kredibiliti dan identiti terhadap pembangunan imej dan reputasi KKM.

### Imej 14.1

#### Bengkel Pengurusan Komunikasi dan Media Ketika Krisis 2019



*Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM*

## LAWATAN MESRA MEDIA PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM KE STAR MEDIA GROUP BERHAD

Lawatan Mesra Media bertujuan mendapat penjelasan tentang strategi publisiti perkhidmatan Star Media Group Berhad yang lebih berkesan melalui media konvensional dan media baharu. Disamping itu, ianya akan dapat memantapkan profesionalisme pegawai-pegawai perhubungan awam di kementerian dan hospital ke arah menjayakan penyampaian perkhidmatan kesihatan dengan lebih efektif.

**Image 14.2**  
**Lawatan Mesra Media Ke Star Media Group Berhad**



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

**RANCANGAN TEMU BUAL TV**

YB Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan Malaysia telah ke udara dalam Rancangan “Soal Rakyat” TV3 pada 24 Julai 2019 di Bangunan Media Prima, Petaling Jaya, Selangor. Beliau telah mengupas mengenai Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) yang merupakan satu inisiatif Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan yang bertujuan untuk menampung keperluan kesihatan golongan berpendapatan rendah, dengan memberi fokus terhadap penyakit tidak berjangkit (NCD).

**Imej 14.3**  
**Rancangan Temu Bual “Soal Rakyat”**



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia menjadi tetamu dalam rancangan “Malaysia Hari Ini” TV3 dengan topik “PeKa B40, Belanjawan 2020” yang disiarkan secara langsung pada 10 Oktober 2019 di Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur. Sehubungan itu, beliau menasihatkan kumpulan B40 yang layak agar mengambil peluang untuk membuat ujian saringan kesihatan di bawah Skim Peduli Kesihatan untuk B40 atau PeKa B40.

**Imej 14.4**  
**Rancangan Temu Bual “Malaysia Hari Ini”**



Sumber: Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat, KKM

## SEKSYEN KOMUNIKASI STRATEGIK

- A) Sepanjang tahun 2019, Seksyen Komunikasi Strategik telah menyediakan dan menyelaraskan pengisian/ pengemaskian bahan di *platform* media sosial rasmi KKM mengikut kategori seperti berikut:

**Jadual 14.2**  
**Pencapaian Sasaran Pengikut Laman Media Rasmi KKM**


Bil.	Aktiviti	Sasaran	Pencapaian
1	Facebook	900,000 <i>followers</i>	990,000 <i>followers</i>
2	Twitter	28,000 <i>followers</i>	30,000 <i>followers</i>
3	Instagram	90,000 <i>followers</i>	100,000 <i>followers</i>
4	Youtube	1,800 <i>subscribers</i>	2,000 <i>subscribers</i>

Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, UKK, KKM

- B) Seksyen Komunikasi Strategik turut menerbitkan dua program berkonsepkan berita dan pendidikan iaitu ‘Kapsul KKM’ dan ‘FB Live Sakit Apa?’ sepanjang tahun 2019 yang dimuat naik di Facebook dan Youtube rasmi KKM seperti **Imej 14.5** dan **Imej 14.6**.




## Imej 14.5 18 Episod Kapsul KKM



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, Unit Komunikasi Korporat, KKM

Program KKM Kapsul memberi tumpuan kepada berita dan aktiviti yang berkaitan dengan KKM. Kapsul KKM adalah penerbitan UKK dan telah diterbitkan secara konsisten sejak Februari 2019. Sebanyak 18 episod telah diterbitkan termasuk Edisi Khas Raya dan aktiviti sepanjang tahun 2019.

## Jadual 14.6 10 Episod Facebook Live KKM Sakit Apa?



Sumber: Seksyen Komunikasi Strategik, Unit Komunikasi Korporat, KKM

“Facebook KKM Sakit Apa?” musim 2 telah diterbitkan sebanyak Sembilan (9) kali pada tahun 2019. Program ini hanya memberi tumpuan kepada isu-isu semasa di Malaysia seperti Polio, Influenza dan Kesihatan Mental. “FB Live KKM Sakit Apa?” adalah program langsung bersama doktor pakar. Konsep program ini adalah untuk memberi peluang kepada pengguna Facebook untuk berhubung secara langsung dengan pakar perubatan.

## SEKSYEN HAL EHWAL KORPORAT

### PENERBITAN E-BULETIN KKM 2019

E-Buletin Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merupakan hasil penerbitan bulanan Unit Komunikasi Korporat (UKK) dan bertujuan untuk merekod aktiviti-aktiviti Pengurusan Tertinggi KKM sepanjang tahun 2019. Selain itu, ianya juga bertindak sebagai dokumentasi perkhidmatan kesihatan di Malaysia selain menjadi sumber rujukan bagi penjawat awam dan orang awam.

Imej 14.7  
E-Buletin KKM 2019





September 2019	Oktober 2019	November 2019	Disember 2019

Sumber: Seksyen Hal Ehwal Korporat, Unit Komunikasi Korporat, KKM

### PROGRAM MALAYSIA HEALTH & WELLNESS BRAND AWARDS 2019

Majlis perasmian *Malaysia Health & Wellness Brand Awards 2019* telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha (KSU) pada 29 Ogos 2019 di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Program *Malaysia Health & Wellness Brand Awards 2019* merupakan program kerjasama antara KKM dengan Sin Chew Media untuk memberi kesedaran kepada orang awam terhadap penjagaan kesihatan dimana tahun 2019 merupakan penganjuran kali ke-3. Selain daripada penganugerahan, Sin Chew Daily telah menganjurkan forum kesihatan yang bertajuk “Obesiti” bersama YB Dr. Lee Boon Chye, Timbalan Menteri Kesihatan serta wakil-wakil dari penjagaan kesihatan profesional seperti Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Persatuan Farmaseutikal Malaysia (MPS) dan Persatuan Perubatan Cina Malaysia (MCMA) untuk menggalakkan kesedaran orang ramai terhadap kesihatan pada 30 November 2019.

#### Imej 14.8

#### Program *Malaysia Health & Wellness Brand Awards 2019*



Sumber: Seksyen Hal Ehwal Korporat, Unit Komunikasi Korporat, KKM



## SEKSYEN ADUAN

Sepanjang tahun 2019, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menerima aduan sebanyak 11,541 aduan mengikut kategori seperti Jadual 14.3:

**Jadual 14.3**  
**Jumlah Penerimaan Aduan Mengikut Kategori Tahun 2019**

Bil.	Kategori Aduan	Tempoh Penyelesaian dari Tarikh Penerimaan	Jumlah Terima
1	Mudah	5 Hari Berkerja	357
2	Sederhana	15 Hari Berkerja	9,113
3	Kompleks	Melebihi 16 hingga 365 Hari Berkerja	2,071
<b>Jumlah</b>			<b>11,541</b>

Sumber: Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat, KKM

Secara keseluruhannya, KKM telah mencapai 95.2 peratus dalam penyelesaian aduan daripada jumlah aduan yang diterima. Sejumlah 8,751 (92.4 peratus) aduan bagi kategori mudah dan sederhana pula telah berjaya diselesaikan mengikut piagam yang ditetapkan. Maklumat penerimaan dan penyelesaian aduan adalah seperti pada **Jadual 14.4:**

**Jadual 14.4**  
**Jumlah Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Tahun 2019**

Bil.	Kategori Aduan	Terima	Selesai	Selesai Dalam 15 Hari (KPI)
1	Mudah	357	357	349
2	Sederhana	9,113	9,037	8,402
3	Kompleks	2,071	1,593	-
<b>Jumlah</b>		<b>11,541</b>	<b>10,987 (95.2%)</b>	<b>8,751 (92.4%)</b>

Sumber: Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat, KKM

KKM juga menganalisis aduan mengikut 14 kategori isu aduan yang ditetapkan dalam Sistem Aduan Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) seperti **Jadual 14.5**:

**Jadual 14.5**  
**Jumlah Peratusan Aduan Mengikut Kategori Isu Tahun 2019**

Bil.	Kategori Isu	Peratusan
1	Kualiti Perkhidmatan Tidak Memuaskan Termasuk Kaunter dan Telefon	25.2
2	Keselamatan dan Kualiti Makanan	17.9
3	Kegagalan Komunikasi	7.8
4	Salahlaku Anggota Awam	4.8
5	Kelewatan dan Tiada Tindakan	9.7
6	Kegagalan Mengikut Prosedur Ditetapkan	5.9
7	Kegagalan Penguatkuasaan	9.1
8	Tindakan Tidak Adil	1.8
9	Kekurangan Kemudahan Awam	4.9
10	Salahguna Kuasa / Penyelewengan	1.9
11	Kepincangan Pelaksanaan Undang-Undang	0.4
12	Keselamatan	0.8
13	Pelbagai Aduan	2.8
14	Lain-Lain	7.0

*Sumber: Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat, KKM*

## SEKSYEN KHIDMAT PELANGGAN

Seksyen Khidmat Pelanggan bertanggungjawab mengurus panggilan masuk ke Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. **Jadual 14.6** memaparkan peningkatan jumlah panggilan masuk sebanyak 16,203 atau sebanyak 28.5 peratus pada tahun 2019 berbanding tahun 2018.

**Jadual 14.6**  
**Jumlah Panggilan Telefon KKM**

<b>Bil.</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>2018</b>	<b>2019</b>
1	Januari	3,000	5,686
2	Februari	3,020	5,327
3	Mac	5,315	6,465
4	April	5,798	6,505
5	May	4,481	6,961
6	Jun	4,415	5,224
7	Julai	5,755	6,634
8	Ogos	4,729	6,023
9	September	4,399	6,110
10	Oktober	6,283	7,405
11	November	4,802	5,465
12	Disember	4,852	5,247
<b>Jumlah</b>		<b>56,849</b>	<b>73,052</b>

*Sumber: Seksyen Khidmat Pelanggan, Unit Komunikasi Korporat, KKM*



# 15 PARLIMEN



## HAL EHWAL PARLIMEN


Sesi Persidangan Parlimen Malaysia bagi tahun 2019 telah dijalankan selama 93 hari melalui tiga (3) mesyuarat iaitu:

- i. Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat belas, bersidang mulai 11 Mac hingga 9 Mei 2019 (30 hari);
- ii. Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, bersidang mulai 1 hingga 31 Julai 2019 (19 hari); dan
- iii. Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, bersidang mulai 7 Oktober hingga 19 Disember 2019 (44 hari).

Sepanjang tahun 2019, KKM telah menerima sejumlah 750 Pertanyaan Lisan, Bukan Lisan, Waktu Pertanyaan Menteri (MQT), Isu Berbangkit semasa Perbahasan (Titah Diraja, Belanjawan 2020 dan Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019), Peraturan Mesyuarat 17, Peraturan Mesyuarat 18 (1) serta Usul Penangguhan.

**Rajah 15.1**

**Jumlah Pertanyaan Lisan, Bukan Lisan, Waktu Pertanyaan Menteri, Isu Berbangkit semasa perbahasan (Titah Diraja, Belanjawan 2020 dan Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019), Peraturan Mesyuarat serta Usul Berkaitan KKM Sepanjang Tahun 2019**




Sumber: Unit Parlimen, KKM

## ANALISA JUMLAH PERTANYAAN YANG DIKENDALIKAN MENGIKUT BAHAGIAN DAN ISU

Untuk tahun 2019, Bahagian Kawalan Penyakit telah menerima jumlah pertanyaan tertinggi iaitu berjumlah 141 pertanyaan diikuti oleh Bahagian Perkembangan Perubatan (116 pertanyaan), Bahagian Pembangunan (95 pertanyaan), Bahagian Perancangan (89 pertanyaan), Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (58 pertanyaan), Bahagian Sumber Manusia (52 pertanyaan).

**Rajah 15.2**  
**Analisa Jumlah Pertanyaan yang Dijawab oleh Bahagian Sepanjang Tahun 2019**




Sumber: Unit Parlimen, KKM

Pertanyaan mengenai pembinaan, naik taraf serta menambah baik fasiliti di klinik dan hospital (179 pertanyaan) adalah isu yang paling kerap diterima. Isu lain seperti sumber manusia termasuk kekurangan doktor pakar dan kebajikan kekitangan kesihatan (66 pertanyaan), fasiliti di hospital / klinik (61 pertanyaan) dan penyakit berjangkit / tidak berjangkit (46 pertanyaan) adalah antara pertanyaan yang sering diajukan kepada KKM. Isu yang menjadi perhatian umum seperti rokok dan vape (44 pertanyaan), rawatan kesihatan termasuk hemodialisis, IVF serta bekam (40 pertanyaan) dan isu kesihatan mental (35 pertanyaan) turut menjadi perhatian ahli Dewan Rakyat dan Negara sepanjang persidangan Parlimen tahun 2019.



**Rajah 15.3**  
**Analisa Isu-Isu yang Paling Kerap Diterima oleh KKM Sepanjang Tahun 2019**



Sumber: Unit Parlimen, KKM

## RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PROMOSI KESIHATAN MALAYSIA (PEMBUBARAN) 2019

Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (Pembubaran) 2019 telah dibuat Bacaan Kali Pertama di Dewan Rakyat pada 14 November 2019 manakala Bacaan Kali Kedua dan Ketiga adalah pada 4 Disember 2019. Bagi bacaan Kali Kedua serta Ketiga di Dewan Negara, ianya telah dibuat pada 19 Disember 2019.

Pembubaran LPKM ini adalah salah satu inisiatif di bawah Rasionalisasi Perkhidmatan Awam Kerajaan semasa dan ia bertujuan untuk memperkemaskan program promosi kesihatan di Malaysia di bawah KKM. Rasionalisasi ini juga dibuat untuk mengoptimumkan lagi sumber yang ada agar ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menggerakkan inisiatif amalan gaya hidup sihat secara lebih bersepadu.

Rang Undang-undang ini telah mendapat Perkenan Diraja pada 30 Disember 2019 dan disiarkan di dalam *Warta* pada 31 Disember 2019.

## **PERATURAN MESYUARAT 18 (1) – PENGISYTIHARAN DARURAT DI PASIR GUDANG, JOHOR AKIBAT PENCEMARAN KIMIA**

Berikutan isu pencemaran toksik yang berlaku di Pasir Gudang, Johor kesan daripada pembuangan bahan kimia secara haram di Sungai Kim Kim, Yang Berhormat Pasir Gudang telah mengemukakan usul tergepar di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) iaitu supaya Kerajaan Pusat mengisytiharkan darurat di Pasir Gudang dan usul ini telah diluluskan oleh Yang Dipertua Dewan Rakyat untuk dibahaskan. Semasa membahaskan usul tersebut, beberapa Kementerian terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Pertahanan (MINDEF), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengemukakan jawapan dan memaklumkan langkah-langkah pencegahan yang telah dilaksanakan dalam mengatasi masalah pencemaran berkenaan.

Semasa sesi penggulungan, YB Menteri Kesihatan Malaysia telah mengemukakan langkah-langkah pencegahan, rawatan dan pemeriksaan yang telah dilaksanakan di semua peringkat termasuk premis-premis yang disyaki terjejas ekoran daripada kes pencemaran berkenaan. Semasa sesi berkenaan juga, turut dimaklumkan adalah mengenai langkah-langkah keselamatan yang perlu diutamakan oleh masyarakat setempat seperti pemakaian alat perlindungan diri termasuk topeng muka serta alat perlindungan mata. Walaupun tiada pengisytiharan darurat hasil daripada usul ini, Kerajaan Pusat dan Negeri telah mengambil semua langkah-langkah yang perlu dalam mengatasi masalah berkenaan.

## **PETUNJUK PRESTASI MENTERI**

Petunjuk Prestasi Menteri (MPI) dilaksanakan selaras dengan perutusan YAB Perdana Menteri dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan pada 7 September 2018 yang mana YAB Perdana Menteri menyatakan terdapat keperluan untuk memantau prestasi pentadbiran kerajaan baharu, khususnya di peringkat menteri.

## **PENCAPAIAN *MINISTERIAL PERFORMANCE INDICATOR (MPI)* YB MENTERI KESIHATAN TAHUN 2019**


Pada tahun 2019, MPI difokuskan kepada peluasan penjagaan kesihatan primer, akses perkhidmatan kesihatan yang menyeluruh, pendigitalan sistem kesihatan, peningkatan kecekapan penyampaian perkhidmatan, pembinaan keupayaan dan kapasiti serta penambahbaikan dasar serta langkah-langkah promosi yang aktif dengan kerjasama kementerian dan agensi berkaitan.

Antara pencapaian MPI bagi tahun 2019 adalah mewujudkan Skim Peduli Kesihatan B40 (PeKa B40) yang mensasarkan kepada golongan berpendapatan rendah yang mungkin menghadapi kesulitan untuk menerima rawatan kesihatan asas oleh kerana kos yang tinggi di klinik swasta. Penyakit NCD yang disaring di bawah skim ini adalah kencing manis, darah tinggi, hiperkolesterolemia, kanser payudara, kanser prostat dan penyakit mental. Inisiatif ini menerima peruntukan sebanyak RM100juta yang mana dijangka dinikmati oleh lebih kurang 800,000 rakyat secara berperingkat. Seramai 234,171 orang telah menerima kemudahan PeKa B40 sepanjang tahun 2019. MPI turut memberi fokus kepada pendigitalan sistem kesihatan menerusi *Electronic Medical Record* (EMR) di fasiliti-fasiliti kesihatan secara berperingkat. Dengan adanya EMR, setiap pesakit mempunyai data peribadi yang mana rekod kesihatan boleh diakses di mana-mana fasiliti kesihatan tanpa perlu melakukan ujian makmal berulang kali. Aplikasi e-kesihatan ini dijangka dapat mengurangkan waktu menunggu, mengelakkan kesilapan atau ralat dalam memberi ubat-ubatan, akses dan integrasi rekod pesakit menjadi lebih mudah dan pantas serta para pesakit dapat menikmati kualiti perkhidmatan yang jauh lebih baik.

MPI juga memberi tumpuan untuk memperluaskan skop perkhidmatan melalui inisiatif *Enhanced Primary Healthcare* (EnPHC) kepada 40 klinik kesihatan terpilih melibatkan tiga (3) negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. MPI ini adalah untuk meningkatkan kualiti dan skop perkhidmatan termasuklah rawatan dan pencegahan penyakit tidak berjangkit (NCD) terutamanya darah tinggi, kencing manis dan hiperkolesterolemia di kalangan populasi berisiko tinggi.

16

**DASAR & HUBUNGAN  
ANTARABANGSA**



## PENGENALAN

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa (BDHA) merupakan sebuah organisasi yang memainkan peranan penting dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar serta merupakan *focal point* dalam hal ehwal hubungan antarabangsa dan pembangunan industri kesihatan. BDHA turut memainkan peranan penting dalam menyelaraskan isu-isu perdagangan antarabangsa dan liberalisasi serta memastikan kepentingan berkaitan kesihatan Malaysia disuarakan dan dilindungi secara diplomasi melalui mekanisme instrumen undang-undang antarabangsa dan pelbagai Perjanjian Perdagangan yang berkaitan. Bahagian ini juga memainkan peranan penting dalam penyelarasan penyediaan Kertas Jemaah Menteri selain bertanggungjawab sebagai urus setia Mesyuarat Pasca Kabinet Kementerian.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Sepanjang tahun 2019, BDHA telah melaksana dan menyelaraskan pelbagai aktiviti di peringkat bahagian, kementerian, kebangsaan dan antarabangsa. Di antara aktiviti dan pencapaian tersebut adalah:

### MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI KEMENTERIAN KESIHATAN

Bahagian ini juga melaksanakan tanggungjawab sebagai urus setia bagi tiga (3) Mesyuarat Peringkat Tertinggi di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pada tahun 2019, sebanyak 31 Mesyuarat Pasca Kabinet, dua (2) Mesyuarat Mini Pasca Kabinet dan satu (1) Perjumpaan Khas Bersama YB Menteri Kesihatan telah diadakan. Selain itu, sebanyak 19 Mesyuarat Pengurusan Khas KKM dan tiga (3) Mesyuarat Pengurusan KKM telah diadakan. Mesyuarat ini merupakan platform kepada semua Setiausaha/Pengarah Bahagian untuk meneliti dan membahaskan isu-isu dasar dan pengurusan KKM secara tuntas.

### MESYUARAT PERINGKAT TERTINGGI BERSAMA KEMENTERIAN LAIN

Selain Mesyuarat Peringkat Tertinggi KKM, Bahagian ini turut bertanggungjawab sebagai urus setia kepada Mesyuarat Tertinggi di KKM bersama kementerian lain seperti berikut:

- i. Sesi Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Dua Hala mengenai Hospital Pengajar Universiti Awam Malaysia di antara YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Pendidikan pada 20 Mac 2019;
- ii. Sesi Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Dua Hala YB Menteri Kesihatan Ke Atas YB Menteri Dalam Negeri pada 24 Jun 2019 berhubung cadangan *Decriminalization of Drug Addicts* dan isu pengurusan penyakit Tuberkulosis (TB) dan lain-lain penyakit berjangkit khususnya di penjara, lokap, pusat tahanan dan depoh tahanan; dan
- iii. Sesi Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Dua Hala di antara YB Menteri Kesihatan dan YB Menteri Kewangan berhubung Kumpulan Fokus Belanjawan 2020: *Ensuring Greater Access to Quality Healthcare for All* pada 6 September 2019.

## HAL EHWAL KABINET

Pada tahun 2019, Bahagian ini telah menyediakan dan menyelaraskan 19 Nota Jemaah Menteri dan 45 Memorandum untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri. Bahagian ini juga telah memberi input dan menyelaraskan penyediaan 96 ulasan untuk memorandum yang diterima daripada Kementerian lain, serta 36 maklum balas ke atas keputusan yang dibuat oleh Jemaah Menteri sepanjang tahun 2019.

Bagi memastikan penyediaan dan penyelarasan Nota Jemaah Menteri dan Memorandum oleh pegawai-pegawai KKM mengikut proses / prosedur yang ditetapkan, BDHA telah menganjurkan sebuah Kursus Penyediaan Kertas Jemaah Menteri selama satu (1) hari pada 10 September 2019. Seramai 103 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai bahagian di KKM telah menghadiri kursus yang dianjurkan. Seorang penceramah dan dua (2) orang fasilitator dari Bahagian Kabinet, Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah dijemput untuk menjayakan kursus tersebut.

### Imej 16.1

**Kursus Penyediaan Kertas Jemaah Menteri pada 10 September 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 8, Blok E7, KKM**



*Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM*

## PERJANJIAN MALAYSIA 1963 (MA63)

Bahagian ini merupakan urus setia kepada Jawatankuasa Kerja Kluster Sosial (Kesihatan) di bawah Jawatankuasa Khas Kabinet Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 yang bertanggungjawab untuk membincangkan isu-isu kesihatan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kluster Sosial (Kesihatan) bagi Jawatankuasa Kerja Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah diadakan pada 10 April 2019. Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Khas Bagi Membincangkan Isu-Isu Kesihatan Negeri Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan dan mesyuarat pertama iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Membincangkan Isu-Isu Kesihatan Negeri Sarawak Bil. 1/2019 telah diadakan pada 26 September 2019 bagi Negeri Sarawak. Bagi Negeri Sabah, satu kunjungan hormat oleh YBhg. Ketua Setiausaha KKM ke atas YB Menteri Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Sabah telah diadakan pada 13 Jun 2019.



## KERJASAMA AWAM DAN SWASTA – KURSUS EKONOMI KESIHATAN DAN PENGURUSAN

Kursus Ekonomi Kesihatan dan Pengurusan bagi tahun 2019 merupakan kursus secara kerjasama awam dan swasta di antara International Medical University (IMU) dan KKM. Kursus ini telah diadakan dari 29 Oktober 2019 hingga 1 November 2019 di IMU yang menyasarkan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan Gred 44 hingga 48 yang berkhidmat di Ibu Pejabat KKM dan fasiliti kesihatan di sekitar Lembah Klang.

Tujuan penganjuran kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan melengkapkan para peserta mengenai konsep dan pengetahuan khusus mengenai sektor penjagaan kesihatan, meningkatkan tahap kepekaan peserta kepada ekspektasi *stakeholders* dan pengurusan tertinggi KKM, memberi pengetahuan asas berhubung industri penjagaan kesihatan tempatan dan global serta trend semasa dan melengkapkan peserta dengan pendedahan kepada *tools* yang boleh diaplikasikan dalam membuat keputusan berkaitan pengagihan sumber dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan kesihatan. Selain daripada itu, satu lawatan ke Hospital Gleneagles, Kuala Lumpur telah diadakan bagi memberi pendedahan kepada peserta mengenai pengurusan hospital swasta.

### Imej 16.2

#### Kursus Ekonomi Kesihatan dan Pengurusan



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

## PENYELARAS BUDAYA KORPORAT KKM

BDHA merupakan Ahli Jawatankuasa Kecil Pengurusan Pelanggan (Penerapan Budaya Korporat). Peranan utama BDHA antaranya ialah memastikan inisiatif penyebaran budaya korporat kepada warga KKM berjalan lancar dan memastikan bahan yang diterbitkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Institut Latihan di bawah KKM selari dengan mesej dan tema kempen budaya korporat.



Sehingga hujung tahun 2019, sebanyak 2,074 kursus berkaitan budaya korporat yang melibatkan 82,614 peserta telah dilaksanakan oleh semua JKN. Sebanyak 12 poster Budaya Korporat dan pengumuman awam dibuat melalui portal KKM dan media sosial sepanjang tahun. Antara tema yang dipromosikan dalam poster bulanan adalah Kejujuran, Kerja Berpasukan, Imej Korporat dan Pemikiran Strategik.

## **SESI TOWN HALL YB MENTERI KESIHATAN BERSAMA INDUSTRI KESIHATAN**

Pada tahun 2019, BDHA telah bekerjasama bersama Program Perkhidmatan Farmasi dan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan telah menjayakan tiga (3) sesi *Town Hall* YB Menteri Kesihatan bersama Industri Kesihatan sebagai satu platform untuk mendengar dan memahami isu serta cabaran yang dihadapi oleh pihak-pihak industri. Senarai Sesi *Town Hall* yang telah diadakan adalah seperti berikut:

- i. Sesi *Town Hall* YB Menteri Kesihatan bersama Industri Farmaseutikal, 2 April 2019;
- ii. Sesi *Town Hall* YB Menteri Kesihatan bersama Persatuan-Persatuan Farmasi Komuniti, 8 Ogos 2019; dan
- iii. Sesi *Town Hall* YB Menteri Kesihatan bersama Industri Peranti Perubatan, 16 Oktober 2019.

### **Imej 16.3**

#### **Sesi Town Hall YB Menteri Kesihatan Bersama Industri Kesihatan**



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

## **INTERNATIONAL SOURCING PROGRAM 2019**

Bahagian ini telah mengadakan *International Sourcing Program* (INSP) bersempena 27<sup>th</sup> *APHM International Healthcare Conference and Exhibition 2019* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dari 29 hingga 31 Julai 2019. Program ini merupakan satu kolaborasi bersama *Malaysia External Trade Development Corporation* (MATRADE) untuk memadamkan syarikat farmaseutikal dan peranti perubatan tempatan dengan pembeli dari luar negara sebagai satu usaha bersama Kementerian untuk mengembangkan industri kesihatan tempatan.

## Imej 16.4 *International Sourcing Program 2019 di KLCC*



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

### **KERJASAMA ANTARABANGSA**

BDHA berperanan sebagai *focal point* Kementerian dalam mengenal pasti peluang kerjasama serantau dalam sektor kesihatan melalui penyelarasan Memorandum Persefahaman, Memorandum Kerjasama dan perjanjian serta khidmat nasihat penyertaan mesyuarat, forum dan persidangan di peringkat antarabangsa.

### **MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Pada tahun 2019, terdapat dua (2) Memorandum Persefahaman telah dimeterai di antara Kementerian Kesihatan dan negara-negara yang terlibat. Memorandum Persefahaman tersebut adalah:

- i. Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Filipina dalam Bidang Kesihatan; dan
- ii. Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Malaysia dan Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Republik Korea berhubung kerjasama dalam bidang Penjagaan Kesihatan dan Sains Perubatan.

**Imej 16.5**  
**Memorandum Kerjasama di antara Kerajaan Malaysia**  
**dan Kerajaan Republik Filipina**



*Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM*

Selain daripada itu, beberapa Memorandum Persefahaman bersama negara India, Iran, Qatar, Indonesia dan Japan telah dijalankan pada tahun 2019.

**LAWATAN KERJA/ MESYUARAT TENTANG KERJASAMA/ SEMINAR/ FORUM**

Pada tahun 2019, BDHA telah menyelaras penyertaan KKM di persidangan peringkat antarabangsa seperti berikut:

- i. ***92<sup>nd</sup> ASEAN Coordinating Committee On Services Meeting (CCS)***  
Mesyuarat telah diadakan di Brunei Darussalam pada 11 hingga 13 Februari 2020 dan telah dihadiri oleh lima (5) orang Pegawai KKM.
- ii. ***The First FAO/WHO/AU International Food Safety Conference***  
Persidangan ini telah diadakan di Addis Ababa, Ethiopia pada 12 dan 13 Februari 2019 serta diketuai oleh YB Menteri Kesihatan bersama penyertaan tiga (3) orang pegawai KKM.
- iii. ***14<sup>th</sup> ASEAN Senior Officials Meeting On Health Development & Related Meetings***  
Mesyuarat telah diadakan di Siem Reap, Cambodia pada 2 hingga 5 April 2019 dan delegasi diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam).

- iv. **31<sup>st</sup> Commonwealth Health Ministers Meeting and 72<sup>nd</sup> World Health Assembly**  
 Persidangan ini telah diadakan di Geneva, Switzerland dari 19 hingga 22 Mei 2019 dan delegasi telah diketuai oleh YB Menteri Kesihatan dengan penyertaan YBhg. Ketua Pengarah Kesihatan dan empat (4) orang pegawai KKM.
- v. **Working Level Bilateral Meeting Between Ministry of Health Malaysia and Department of Health The Republic of the Philippines**  
 Mesyuarat telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 13 hingga 14 Jun 2019 yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam). Ketua Setiausaha telah menyampaikan ucapan pembukaan di dalam majlis perasmian berkaitan liputan Kesihatan sejagat dan kolaborasi pengusiran perlabuhan ke perlabuhan. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh wakil daripada Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Jabatan Imigresen Malaysia dan Kementerian Kesihatan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Sabah.
- vi. **APEC 9<sup>th</sup> High Level Meeting on Health and the Economy**  
 Mesyuarat telah diadakan di Puerto Varas, Chile pada 19 hingga 21 Ogos 2019. Delegasi Malaysia yang diketuai oleh Ketua Setiausaha telah dijemput untuk memberi ucapan pada sesi *plenary* dan perbincangan *luncheon roundtable* serta terlibat dalam perbincangan dua hala dengan rakan sejawatan dari negara Brunei, Chile, Taipei, Peru dan Singapura.
- vii. **14<sup>th</sup> ASEAN Health Ministers Meeting & Related Meetings**  
 Mesyuarat telah diadakan di Siem Reap, Cambodia pada 28 hingga 30 Ogos 2019 dan delegasi diketuai oleh YB Menteri Kesihatan. Mesyuarat tersebut telah diadakan secara berterusan selepas daripada mesyuarat *8<sup>th</sup> ASEAN Plus Three Health Ministers Meeting (APTHMM)* dan mesyuarat *7<sup>th</sup> ASEAN-China Health Ministers Meeting (ACHMM)*.
- viii. **The 70<sup>th</sup> Session of the WHO Regional Committee for the Western Pacific (RCM70)**  
 Persidangan ini telah diadakan di Manila, Filipina dari 7 hingga 11 Oktober 2019 dan delegasi telah diketuai oleh YB Menteri Kesihatan dengan penyertaan YBhg. Ketua Pengarah Kesihatan dan empat (4) orang pegawai KKM.
- ix. **94<sup>th</sup> ASEAN Coordinating Committee on Services Meeting (CCS) And Related Meetings**  
 Mesyuarat telah diadakan di Manila, Filipina pada 21 hingga 24 Oktober 2019 dan telah dihadiri oleh enam (6) orang pegawai daripada KKM dan juga Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- x. **ASEAN-Republic of Korea Commemorative Summit 2019**  
 Persidangan telah diadakan di Seoul, Republik Korea pada 26 hingga 29 November 2019 yang diketuai oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

xi. ***OIC Islamic Conference of Health Ministers***

Mesyuarat telah diadakan di Abu Dhabi pada 15 hingga 17 Disember 2019 yang diketuai oleh YB Menteri Kesihatan bersama dua (2) orang Pegawai KKM.

**Imej 16.6**

**Penyertaan Kementerian di Persidangan/Seminar/Forum Peringkat Antarabangsa**



Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, KKM

**KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC) 2020**

APEC telah memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berganda melalui kerjasama dengan 20 buah negara anggota yang lain. Malaysia menjadi tuan rumah kepada persidangan APEC buat kali kedua pada tahun 2020 selepas tahun 1998. KKM merupakan *focal point* bagi Kumpulan Kerja Kesihatan APEC (HWG) dan Forum Inovasi Sains Hayat (LSIF). Sebagai persediaan untuk APEC 2020, KKM melalui BDHA telah menganjurkan dan menghadiri beberapa siri persediaan mesyuarat dan program peningkatan kapasiti seperti:

- i. *APEC Capacity Building Workshop – Supporting Malaysia’s 2020 Host Year*, 23-24 April 2019, Kuala Lumpur.
- ii. Program Outreach APEC KKM Bersama Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri, 30 Mei 2019, Putrajaya.
- iii. BDHA APEC Lab, 25 Jun 2019, Putrajaya.
- iv. *Malaysia Host Year Training Workshop – Priorities for Malaysia’s APEC Host Year*, 25-26 September 2019, Kuala Lumpur.
- v. Bengkel Pemuktamadan SOP & Penyelarasan Logistik APEC 2020, 17 Oktober 2019, Hotel Zenith, Putrajaya.
- vi. *APEC Project Management & Concept Note Preparatory Workshop*, 24 Oktober 2019, Putrajaya.

- vii. *Brainstorming Lab for APEC 2020 Health Theme & Deliverables*, 30 Oktober 2020.
- viii. *Video Conference with Canada For APEC HWG Co-Chairmanship, 2020-2021*, 20 November 2019, Putrajaya.
- ix. *Tabletop Exercise* Kesiapsiagaan Pasukan Perubatan Dan Kesihatan Awam Sempena Persidangan APEC 2020, 3 Disember 2020, Putrajaya.
- x. Simposium Bidang Keutamaan Malaysia Bagi Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific Economic Cooperation - APEC*) Tahun 2020, 9 Disember 2019, Langkawi.

## KUNJUNGAN HORMAT

BDHA dipertanggungjawabkan untuk menyelaras kunjungan hormat daripada delegasi-delegasi luar negara ke atas YB Menteri Kesihatan dan Pengurusan Tertinggi KKM. BDHA telah menyelaras sebanyak 41 kunjungan hormat daripada 23 buah negara dan dua (2) Badan Antarabangsa iaitu *World Health Organization (WHO)* dan Jawatankuasa Wilayah *Western Pacific Regional Office (WPRO)*. Antara negara-negara tersebut ialah Amerika Syarikat, Australia, Bangladesh, British, Brunei, Denmark, India, Indonesia, Iran, Jepun, Jerman, Kanada, Norway, Ukraine dan Vietnam.

## LAWATAN RASMI/ LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pada tahun 2019, BDHA telah menyelaras lawatan rasmi dan lawatan sambil belajar daripada pegawai-pegawai dan delegasi luar negara ke KKM dan fasiliti-fasiliti Kesihatan di bawah KKM. Butirannya adalah berikut:

**Jadual 16.1:**

### Jumlah Pelawat Lawatan Rasmi dan Lawatan Sambil Belajar Diterima Tahun 2019

Bil.	Negara/Organisasi	Jumlah Pelawat
i.	China	6
ii.	Netherlands	5
iii.	Uganda	5
iv.	WHO Country Office	3
v.	WHO Regional Office for the Western Pacific (WPRO)	5



Bil.	Negara/Organisasi	Jumlah Pelawat
vi.	FIND/DNDI/WHO	6
vii.	Vietnam	6
viii.	Jepun	21
ix.	Kenya	4
x.	Bangladesh	8
xi.	Thailand	5
xii.	Indonesia	16
xiii.	Taiwan	17
<b>JUMLAH</b>		<b>107</b>

Sumber: Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa

## PENYELARASAN INPUT

BDHA turut terlibat dalam penyelarasan lebih daripada 200 input berhubung pernyataan pemimpin di peringkat ASEAN/APEC/OIC/WHO/UN, laporan, projek dan maklumbalas rasmi terhadap organisasi pelbagai hala dan juga input antara Kementerian.

## KESIMPULAN

BDHA telah melaksanakan fungsi-fungsi yang dipertanggungjawabkan sepanjang tahun 2019 dengan jayanya. Bagi meneruskan kelangsungan perkhidmatan yang berkualiti dan sebagai sebuah organisasi yang dinamik, maka BDHA akan memantapkan lagi pelaksanaan fungsi dan perancangan pada tahun 2020 untuk terus relevan dan cemerlang di KKM.





# 17

## UNIT INTEGRITI



## PENGENALAN

Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2014 berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 berkaitan Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam. Unit Integriti KKM menjalankan enam (6) fungsi utama iaitu Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan, Pematuhan, Tadbir Urus, Pengesanan & Pengesahan serta Tatatertib. Unit Integriti KKM diketuai oleh Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai Ketua Unit dan 35 bilangan perjawatan di Unit Integriti.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

### PENSIJILAN MS ISO 37001: 2016 ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dipilih sebagai salah sebuah kementerian yang terlibat dalam pelaksanaan melaksanakan projek rintis penetapan *standard* MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System* (ABMS) di agensi Kerajaan yang berisiko tinggi yang dilaksanakan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) dengan kerjasama Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC). Projek Rintis ABMS bertujuan untuk melihat hasil dan menyediakan cadangan kepada GIACC berkaitan pelaksanaan pensijilan ABMS secara menyeluruh di setiap kementerian, agensi, jabatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) ke arah mencegah rasuah dan membina budaya kerja yang berintegriti tinggi.

KKM telah berjaya melalui dua (2) pengauditan wajib oleh SIRIM QAS Sdn. Bhd dalam tempoh persiapan selama tiga (3) bulan iaitu bermula Mac hingga Mei 2019 untuk mendapatkan pensijilan ABMS. KKM telah membangunkan Kit Polisi Pencegahan Rasuah yang mengandungi sebanyak enam (6) polisi antirasuah untuk diguna pakai sebagai rujukan kepada warga KKM dan pihak ketiga yang berurusan dengan KKM dalam usaha membanteras rasuah. Polisi yang dibangunkan adalah seperti berikut:

#### Imej 17.1 Polisi Pencegahan Rasuah KKM



Sumber: Unit Integriti, KKM

Majlis Pelancaran Kit Polisi Pencegahan Rasuah Kementerian Kesihatan Malaysia telah disempurnakan oleh YB Menteri Kesihatan Malaysia dalam Majlis Perjumpaan Bulanan YB Menteri Kesihatan Malaysia iaitu pada 28 Ogos 2019. Pada Majlis tersebut telah diumumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan Kementerian pertama yang berjaya mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: 2016 *Anti-Bribery Management System*.

### Imej 17.2 Pelancaran Kit Polisi Pencegahan Rasuah KKM



Sumber: Unit Komunikasi Korporat, KKM

## AKTIVITI DAN PRESTASI SEKSYEN TATATERTIB BAGI TAHUN 2019

Bermula Januari hingga November 2019, Seksyen Tatatertib telah melaksanakan naziran ke atas 50 Pusat Tanggungjawab (PTj) KKM yang mempunyai fungsi sebagai Lembaga Tatatertib di Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Hospital dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Naziran bertujuan untuk memastikan Lembaga Tatatertib jabatan melaksanakan dan mematuhi prosedur tindakan tatatertib selaras Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Peraturan-peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993. Selain itu, naziran juga digunakan sebagai platform kepada pihak jabatan untuk mendapatkan khidmat nasihat dan menambah baik kelemahan yang telah dikenal pasti semasa naziran dijalankan.

Sebanyak 29 program kesedaran telah dijayakan oleh Seksyen Tatatertib sepanjang tahun 2019 yang memerlukan penerangan secara spesifik berkaitan tatatertib disampaikan kepada warga KKM. Dalam program ini, warga KKM akan diberi penerangan dan maklumat berkaitan peraturan dan polisi yang berkuat kuasa supaya kesedaran dapat dipertingkatkan serta meminimumkan tindakan berbentuk punitif kepada warga KKM dalam jangka masa panjang.

Sehingga November 2019, sebanyak 966 kes tindakan tatatertib di bawah Lembaga Tatatertib Kementerian Kesihatan bagi kumpulan Pengurusan dan kumpulan Sokongan telah berjaya diselesaikan. Kes tersebut melibatkan pelbagai jenis kesalahan tatatertib yang dilaporkan kepada Unit Integriti dari fasiliti KKM seluruh Malaysia.

## AKTIVITI PENGUKUHAN INTEGRITI DI KKM

Sepanjang tahun 2019, pelbagai program pengukuhan integriti telah dijalankan iaitu empat (4) siri program Ziarah Integriti, tiga (3) sesi Bicara Integriti dan satu (1) siri Kursus SMART Integriti. Program Ziarah Integriti merupakan program ziarah Unit Integriti ke bahagian dan jabatan KKM secara khusus yang bertujuan untuk menyampaikan informasi berkaitan nilai murni, integriti antara Unit Integriti dengan bahagian yang terlibat. Program Bicara Integriti adalah sebuah program bual bicara interaktif yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga KKM agar dapat menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam menjalankan tugas seharian. Manakala Kursus SMART Integriti merupakan program yang melibatkan warga KKM dari kumpulan Pengurusan dan Profesional dengan tujuan untuk melahirkan peserta yang berdaya kepimpinan tinggi dan pemantapan nilai-nilai positif dalam menjalankan tugas serta tanggungjawab.

### Imej 17.3 Program Pengukuhan Integriti KKM



Program Bicara Hati KKM



Program Bicara Hati KKM



Program Bicara Hati KKM



Program SMART Integriti KKM

Sumber: Unit Integriti KKM



18

**PENYELIDIKAN  
KLINIKAL MALAYSIA**



## PENGENALAN

Penyelidikan Klinikal Malaysia atau *Clinical Research Malaysia (CRM) Clinical Research Malaysia (CRM)*, merupakan sebuah syarikat pengurusan kajian klinikal hak milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang bertaraf ISO 9001:2015.

## AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

Konsep matlamat CRM adalah untuk mewujudkan 1,000 pekerjaan berkemahiran tinggi, menjalankan 1,000 penyelidikan ditaja dan menghasilkan Pendapatan Kasar Negara (PKN) sebanyak RM578 juta pada tahun 2020. Data yang dikumpul pada tahun 2019 menunjukkan CRM sudah hampir untuk mencapai semua sasaran yang ditetapkan, dengan dua (2) sasaran telah dicapai sejak 2017 (**Rajah 18.1**).

**Rajah 18.1**  
Indikator Petunjuk Prestasi dan Pencapaian Tahunan CRM




Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)

Pada tahun 2019, sebanyak 162 penyelidikan yang ditaja telah diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan Perubatan dan Etika (MREC) dan Lembaga Pengarah Institusi Kajian/Jawatankuasa Etika Bebas (IRB/IECs) (**Rajah 18.2**). Melihat kepada pertumbuhan penyelidikan yang ditaja khususnya, bilangan terkumpul menunjukkan arah aliran yang stabil sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan ia boleh diterjemahkan kepada bagaimana Malaysia dilihat sebagai tapak kajian yang dipercayai.




Data yang diperoleh daripada MREC juga menunjukkan arah aliran yang tetap di fasiliti KKM (**Rajah 18.2**). Lebih penting lagi, apabila kedua-dua data dikaji, lebih daripada 70 peratus penyelidikan ditaja dijalankan di fasiliti KKM. Ini menunjukkan pengiktirafan tapak kajian hasil daripada prestasi dari segi kualiti dan jumlah pesakit yang direkrut. Pada tahun 2019, CRM mencapai sebanyak 83 peratus daripada jumlah pesakit yang direkrut kedalam kajian klinikal dan 84 peratus rating “Good” dan ke atas untuk *Study Coordinator* CRM.

**Rajah 18.2**  
Jumlah Kajian yang ditaja dari Tahun 2012 hingga 2019



Jumlah Keseluruhan Kajian yang Ditaja di Malaysia



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)



Jumlah Kajian yang Ditaja yang dijalankan di KKM

Pada masa yang sama, ia adalah penting untuk Malaysia dilihat sebagai destinasi pilihan dalam penyelidikan klinikal dan sejak penubuhannya pada bulan Jun 2012, CRM telah berjaya mempromosikan keupayaan dan kapasiti Malaysia dalam menjalankan penyelidikan klinikal. Peningkatan dalam jumlah penaja dan *Contract Research Organization* (CRO) yang terlibat dengan CRM membuktikan keupayaan Malaysia dalam landskap kajian klinikal global. (**Rajah 18.3**)

**Rajah 18.3**  
Kadar Peningkatan Penaja dan CRO dari tahun 2014 hingga 2019



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)

Pada tahun 2019, CRM telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan laporan keseluruhan menunjukkan bahawa CRM telah mencapai penubuhan objektif, mencapai tadbir urus korporat yang memuaskan dan mempunyai kedudukan kewangan yang stabil. Cadangan utama telah dibuat dalam laporan tersebut untuk terus memastikan kemampuan syarikat dan salinan laporan boleh didapati di laman sesawang Jabatan Audit Negara.

Dua (2) MoU ditandatangani diantara CRM, Cytomed Therapeutics dan NUHS, Singapura. MoU ini akan terus membuka ruang yang lebih baik di antara kerjasama Malaysia-Singapura dalam memajukan perkembangan ubat-ubatan baru dan penyelidikan antara kedua negara (**Imej 18.1**).

### **Imej 18.1**

#### **Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara CRM, Cytomed Therapeutics dan National University Health System (NUHS), Singapura**



*Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)*

Pusat Kajian Klinikal (CRC) Hospital Umum Sarawak menerima sijil sementara daripada Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan kini disenaraikan di bawah Fasa I Unit Program Akreditasi NPRA. CRC Hospital Umum Sarawak adalah tapak kajian pertama di Malaysia yang tersenarai di dalam program ini (**Imej 8.2**).

## Imej 18.2

### Hospital Umum Sarawak sedia untuk Kajian Pertama keatas Manusia (*First in Human Studies*)



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Dato' Seri Dr Chen Chaw Min melancarkan *I AM AWARE Photography Series* di Kompleks Kementerian Kesihatan, Putrajaya. Siri ini menampilkan koleksi gambar pesakit sebenar yang telah mengambil bahagian di dalam kajian klinikal, dan menggambarkan pengalaman berbeza mereka dalam menyertai kajian klinikal (Imej 18.3).

## Imej 18.3

### Pelancaran *I AM AWARE Photography Series* di Kompleks Kementerian Kesihatan, Putrajaya



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)

Anugerah Penyelidikan Ditaja CRM diberikan setiap tahun mengiktiraf *Principal Investigator*, tapak kajian klinikal dan industri di atas sumbangan mereka dalam penyelidikan klinikal. Anugerah itu diberikan sempena *Clinical Trials Day 2019* yang diadakan di Hospital Kuala Lumpur (Imej 18.4).

## Imej 18.4 *Clinical Trials Day & Anugerah Penyelidikan Ditaja*



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)

## HALA TUJU

Melangkah ke hadapan pada tahun 2020, CRM akan merealisasikan konsep *Operational Excellence* dalam kesemua jabatan yang merangkumi prinsip yang diperlukan untuk mewujudkan pertumbuhan yang mapan. Nilai dan penyampaian perkhidmatan CRM kepada pihak yang berkepentingan akan ditambah baik melalui kualiti, penglibatan dan inovasi yang akan memastikan penambahbaikan yang berterusan dalam kepastan dan kebolehpercayaan. CRM juga akan terus memberi tumpuan kepada *Phase 1 Realization Project (P1RP)* di mana CRM akan memacu lebih usaha untuk membawa lebih banyak percubaan klinikal Fasa 1 ke Malaysia.

## Imej 18.5 Penyelidikan Klinikal Malaysia



Sumber: Penyelidikan Klinikal Malaysia (CRM)





## **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Blok E1, E3, E6, E7 & E10, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya, Malaysia  
Tel: 03-8000 8000 / Fax: 03-88886187  
E-mail: [kkm@moh.gov.my](mailto:kkm@moh.gov.my)

ISSN 1511-1520



9 771511 152007 >